05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESAN MODUL PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT BAGI TAJUK PENULISAN KARANGAN FAKTA BAHASA MELAYU

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

NAZRI BIN ABU BAKAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESAN MODUL PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT BAGI TAJUK PENULISAN KARANGAN FAKTA BAHASA MELAYU

NAZRI BIN ABU BAKAR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, NAZRI BIN ABU BAKAR, P20092001263, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESAN MODUL PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT BAGI TAJUK PENULISAN KARANGAN FAKTA BAHASA MELAYU adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

_____

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. ADENAN AYOB (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN MODUL PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT BAGI TAJUK PENULISAN KARANGAN FAKTA BAHASA MELAYU (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

_____ _____

Tarikh Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: KESAN MODUL PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI TERHADAP PENCAPAIAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT BAGI TAJUK PENULISAN KARANGAN FAKTA BAHASA MELAYU

No. Matrik /*Matric's No.*: P20092001263

Saya / *I* : NAZRI BIN ABU BAKAR

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*
☐	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana merestui perjuangan dan pengorbanan saya sepanjang proses menyempurnakan kajian ini. Berkat kesabaran dan rahmat-Nya, saya telah dimudahkan segala urusan berkaitan penyelidikan ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas dorongan, bimbingan dan teguran membina yang diberikan oleh penyelia utama saya iaitu Profesor Madya Dr. Adenan bin Ayob. Beliau menjadi tulang belakang kejayaan saya kerana sanggup meluangkan masa berkualiti untuk membimbing, memberikan tunjuk ajar dan mencurahkan ilmu penyelidikan yang begitu luas untuk dikongsikan kepada saya bagi menyiapkan penyelidikan ini. Keprihatinan beliau telah meningkatkan semangat saya supaya menjadi lebih yakin dan bertanggungjawab untuk menyiapkan penyelidikan serta menamatkan pengajian.

Di samping itu, saya juga ingin berterima kasih dan amat mengenang jasa penyelia bersama kajian ini iaitu Allahyarham Dr. Ab. Rahman Ab. Rashid. Beliau banyak memberikan nasihat dan sokongan agar saya tabah dan bersungguh-sungguh menyiapkan kajian ini. Semoga rohnya ditempatkan bersama-sama orang yang beriman di sisi-Nya. Saya juga mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas kepada ibu saya iaitu Hajah Munah bte Lamak yang banyak mendoakan kelancaran dan kesempurnaan hidup saya. Beliau menjadi semangat kepada saya untuk meneruskan perjuangan menyiapkan kajian ini. Selain itu, saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli keluarga, rakan-rakan guru dan anak-anak murid saya yang juga banyak memberikan semangat, sokongan dan kerjasama bagi menyiapkan kajian ini.

Sesungguhnya saya sedar bahawa sepanjang pembelajaran saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris ini menyebabkan saya lebih fokus, rajin dan bersungguh-sungguh untuk mengumpulkan bahan dan menyiapkan segala bentuk tugasan yang diberikan. Kesabaran dan ketekunan telah mengajar saya erti belajar yang sebenar. Hakikatnya proses pembelajaran di peringkat PhD ini bukanlah mudah, sebaliknya banyak pengorbanan perlu dilakukan lebih-lebih lagi apabila negara kita dan seluruh dunia mengalami pendemik COVID-19. Namun begitu, semua pengalaman yang dilalui akan terus terpahat dan mewarnai memori kehidupan saya. Semoga ilmu yang saya peroleh ini dapat dimanfaatkan bersama-sama demi peningkatan kualiti pendidikan masyarakat dan negara. Terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberikan saya peluang untuk melanjutkan pelajaran sehingga saya berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menentukan kesan modul pembelajaran terarah kendiri terhadap pencapaian pelajar tingkatan empat bagi tajuk penulisan karangan fakta Bahasa Melayu. Model Brockett dan Hiemstra serta Torres digunakan dalam kajian ini untuk menerangkan konsep pembelajaran terarah kendiri yang mengandungi lima elemen iaitu tanggungjawab dan motivasi, persediaan, faktor persekitaran, sokongan dan ganjaran serta gaya pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen. Pembangunan modul pula menggunakan model lima fasa Needham. Sampel murid untuk kajian kuasi eksperimen ialah 159 orang pelajar yang telah dipilih secara pensampelan rawak kluster daripada lima buah sekolah menengah (A – E) di daerah Sabak Bernam. Untuk kajian kualitatif, dua orang murid daripada setiap sekolah dipilih untuk dinilai karangan mereka secara terperinci. Instrumen kajian terdiri daripada ujian (pra dan pos) dan soal selidik. Lima orang pakar telah mengesahkan instrumen dan nilai kebolehpercayaan untuk ujian pra dan pos mengunakan pekali *Alfa Cronbach* adalah $\alpha = 0.83$ dan 0.85. Untuk soal selidik, nilai pekali *Alfa Cronbach* untuk konstruk gaya pembelajaran terarah kendiri dan konstruk kebolehan kognitif adalah $\alpha = 0.70$ dan 0.72. Data kuantitatif telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens seperti kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan ujian-t. Data kualitatif pula telah dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan utama menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan pos untuk kelima-lima sekolah setelah rawatan dijalankan: Sekolah A [$t(32) = -15.0$; $p < 0.05$], Sekolah B [$t(31) = -14.1$; $p < 0.05$], Sekolah C [$t(31) = -14.0$; $p < 0.05$], Sekolah D [$t(30) = -15.1$; $p < 0.05$ dan Sekolah E [$t(30) = -14.9$; $p < 0.05$]. Analisis kualitatif menunjukkan karangan pelajar bertambah baik daripada aspek isi, bahasa dan pengolahan. Namun kelemahan utama pelajar adalah daripada konteks tatabahasa terutama dalam aspek pengimbuhan. Kesimpulannya, data utama kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid selepas rawatan dijalankan terutama dalam aspek pengingkatan kualiti isi, bahasa, dan pengolahan. Namun terdapat kelemahan murid yang ketara yang perlu penambahbaikan adalah daripada aspek pengimbuhan. Impikasi kajian menunjukkan modul pembelajaran terarah kendiri untuk pelajar tingkatan empat bagi tajuk penulisan karangan fakta Bahasa Melayu adalah berkesan dan boleh diguna pakai di sekolah-sekolah lain di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE EFFECT OF SELF-DIRECTED LEARNING MODULE AMONG FORM FOUR STUDENT'S IN WRITING ACHIEVEMENT IN MALAY LANGUAGE FACTUAL ESSAY

ABSTRACT

This study aimed to determine the effect of self-directed learning module on the achievement of students for Malay Language factual essay writing. The Brockett, Hiemstra and Torres Model is used in this study to explain the concept of self-directed learning which contains five elements, namely responsibility and motivation, preparation, environmental factors, support and rewards as well as teaching and learning styles. This study uses quasi-experimental design. Module development uses the Needham Five-Phase model. The sample of students for the quasi-experimental study was 159 students who were randomly sampled using clusters sampling technique from form five secondary schools (A - E) in Sabak Bernam district. For qualitative studies, two students from each school were selected to evaluate their essays in detail. Research instruments were pre-test, post-test and questionnaires. Five experts have confirmed the instruments and reliability values for pre-test and post-tests using Cronbach's Alpha. The coefficients are $\alpha = 0.83$ and 0.85. For the questionnaire, the values of Cronbach's Alpha coefficient for the self-directed learning style construct and the cognitive abilities construct were $\alpha = 0.70$ and 0.72. Quantitative data were analyzed using descriptive and inference statistics such as frequency, percentage, mean, standard deviation and t-test. Qualitative data were analyzed using thematic analysis. The finding shows that there is a significant difference between pre-test and post-test for five schools after treatment is carried out: School A [$t(32) = -15.0$; $p < 0.05$], School B [$t(31) = -14.1$; $p < 0.05$], School C [$t(31) = -14.0$; $p < 0.05$], School D [$t(30) = -15.1$; $p < 0.05$ and School E [$t(30) = -14.9$; $p < 0.05$]. Qualitative analysis shows that student essays improve in terms of content, language and processing. However, the main weakness of students writing is detected on the context of grammar, especially in the aspect of accumulation. In conclusion, the main data of this study showed that there are significant differences in the achievement of Malay Language factual essay writing after treatment is carried out, especially in the aspects of improving the quality of content, language, and processing. But there are significant drawbacks students who need improvement is the aspects of augmentation. The implication showed self-directed learning modules for form four Malay Language factual essay writing is effective and can be applied in other schools in Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xx
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	01
1.2 Latar Belakang Kajian	02
1.3 Pernyataan Masalah	07
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Soalan Kajian	14

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian 15

1.7 Batasan Kajian 16

1.7.1 Lokasi dan Sampel Kajian 16

1.7.2 Tumpuan Kajian 18

1.8 Definisi Operasional 21

1.8.1 Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri 21

1.8.1.1 Tanggungjawab dan Motivasi 23

1.8.1.2 Persediaan dan Persepsi 24

1.8.1.3 Faktor Persekitaran 25

1.8.1.4 Sokongan dan Ganjaran 26

1.8.1.5 Gaya Pengajaran dan Pembelajaran 27

1.8.2 Kebolehan Kognitif 30

1.8.3 Pendekatan Konstruktivisme 33

1.8.4 Penulisan Karangan Bahasa Melayu 41

1.9 Kepentingan Kajian 44

1.9.1 Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. 45

1.9.2 Pihak Jabatan Pelajaran Daerah dan Negeri 45

1.9.3 Panitia Bahasa Melayu dan Guru 46

1.9.4 Murid 47

1.10 Kesimpulan 48

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 49

2.2 Teori Pengajaran dan Pembelajaran 50

2.3 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) 54

2.4 Gaya Pembelajaran 59

2.4.1 Honey dan Mumford 60

2.4.1.1 Aktivis 60

2.4.1.2 Reflektif 61

2.4.1.3 Teoris 62

2.4.1.3 Pragmatis 62

2.4.2 Visual, Auditori dan Kinestetik (VAK) 63

2.4.2.1 Aspek Visual 64

2.4.2.2 Aspek Auditori 64

2.4.2.3 Aspek Kinestetik 64

2.4.3 Dunn dan Dunn (1978) 65

2.4.3.1 Rangsangan Persekitaran 67

2.4.3.2 Rangsangan Emosional 68

2.4.3.3 Rangsangan Sosiologi 69

2.4.3.4 Rangsangan Fizikal 70

2.4.3.5 Rangsangan Psikologi 72

2.4.4 Taksonomi Bloom 73

2.4.5 Taksonomi Anderson 75

2.5 Teori Kognitif 77

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget 78

2.5.2 Teori Perkembangan Kognitif Vygotsky 80

2.5.3 Teori Perkembangan Kognitif Bruner 82

2.6 Pendekatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran 83

2.7 Kajian-Kajian Lepas Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) 102

2.7.1 PTK dengan Sumber Teknologi 103

2.7.2 PTK dengan Akses Kendiri (SLD) 105

2.7.3 PTK dengan Asas Kognitif 106

2.7.4 PTK dengan Unsur Psikologi 107

2.7.5 PTK dan Kebolehcapaian Kognitif 107

2.7.6 PTK dan Motivasi 108

2.8 Kajian-Kajian Lepas Kebolehan Kognitif (KK) 111

2.8.1 KK dengan Strategi Pembelajaran 111

2.8.2 KK dengan Pembelajaran Terarah Kendiri 115

2.8.3 KK dengan Amalan Pengajaran Guru 115

2.8.4 KK dengan Kualiti Pembelajaran 116

2.8.5 KK dengan Kemahiran Berfikir (KBAT) 117

2.8.6 KK dengan Kemahiran Menulis 118

2.9 Kajian-Kajian Lepas Pendekatan Konstruktivisme (PK) 120

2.9.1 PK dengan Kesinambungan dalam PdPc 120

2.9.2 PK dengan Strategi Pembelajaran 123

2.9.3 Perbandingan PK dengan Pendekatan Tradisional 125

2.10 Kajian-Kajian Lepas Penulisan Karangan 127

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10.1 Penulisan Karangan dan Tingkah Laku 127

2.10.2 Penulisan Karangan dan Pusat Sumber 128

2.10.3 Penulisan Karangan dan Pembelajaran Kendiri 129

2.10.4 Penulisan Karangan dan Strategi Pembelajaran 129

2.11 Kesimpulan 130

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 131

3.2 Reka Bentuk Kajian 132

3.2.1 Fasa 1: Kaedah Tinjauan 134

3.2.2 Fasa 2: Kaedah Kuasi Eksperimen 135

3.2.3 Fasa 3: Kaedah Analisis Peningkatan Kualiti Karangan 137

3.3 Gangguan Kesahan Dalaman Kaedah Kuasi Eksperimen 138

3.3.1 Sejarah 139

3.3.2 Kematangan 139

3.3.3 Ujian 140

3.3.4 Alat Ukur 140

3.3.5 Mortaliti 141

3.3.6 Perbezaan dalam Pemilihan Subjek 141

3.3.7 Statistik 142

3.3.8 Pemilihan dalam Hubungan Kematangan 143

3.3.9 Pelaksana 143

3.3.10 Lokasi 144

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Alat Kajian 144

3.5 Tempat Kajian 149

3.6 Sampel Kajian 151

3.7 Saiz Sampel 153

3.7.1 Saiz Sampel Murid 154

3.7.2 Saiz Sampel Guru 155

3.8 Kajian Rintis 157

3.9 Kesahan Instrumen 161

3.10 Kebolehpercayaan Instrumen 162

3.11 Prosedur Pengumpulan Data 165

3.11.1 Prosedur Pengumpulan Data Sampel Murid 166

3.11.2 Prosedur Pengumpulan Data Sampel Guru 172

3.11.3 Kekangan Proses Pengumpulan Data 174

3.12 Penganalisisan Data 175

3.13 Hubungan antara Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme yang Menghubungkan Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif 177

3.14 Proses Modifikasi Model Penulisan Karangan Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme 180

3.15 Kesimpulan 194

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 195

4.2 Demografi Responden 196

4.3 Dapatan Berpandukan Soalan Kajian 197

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan Pertama: Apakah skor min gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme? 198

Soalan Kedua: Adakah terdapat hubungan yang positif antara pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme? 198

Soalan Ketiga: Apakah skor min pencapaian murid bagi lima buah sekolah dalam penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan? 200

Soalan Keempat: Pecahan (i): Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan bagi lima buah sekolah peringkat pertama? 215

Soalan Keempat: Pecahan (ii): Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan bagi lima buah sekolah peringkat kedua? 218

Soalan Kelima: Apakah peningkatan kualiti karangan fakta dari segi isi, bahasa dan pengolahan berdasarkan pencapaian karangan fakta murid yang terpilih? 221

4.4 Kesimpulan 234

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 235

5.2 Objektif Kajian 236

5.3 Kaedah Kajian 236

5.4 Rumusan Dapatan 239

5.4.1 Pembelajaran Terarah Kendiri dan Kebolehan Kognitif Berasakan Pendekatan Konstruktivisme 239

5.4.2 Keberkesanan Pendekatan Konstruktivisme dalam Penulisan Karangan Fakta 240

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.3 Pencapaian Karangan Melalui Model Penuisan yang Dimodifikasi 241

5.4.4 Peningkatan Kualiti Penulisan Karangan Fakta 242

5.5 Perbincangan dan Implikasi Dapatan 243

5.5.1 Pembelajaran Terarah Kendiri dan Kebolehan Kognitif Berasakan Pendekatan Konstruktivisme 243

5.5.2 Keberkesanan Pendekatan Konstruktivisme dalam Penulisan karangan Fakta 250

5.5.3 Pencapaian Karangan Melalui Model Penulisan yang Dimodifikasikan 254

5.5.4 Peningkatan Kualiti Penulisan Karangan Fakta 258

5.6 Implikasi Kajian Terhadap Pencapaian dan Sistem Pendidikan 261

5.7 Cadangan 263

5.7.1 Cadangan Berkaitan Kajian 264

5.7.2 Cadangan untuk Kajian Lanjutan 266

5.8 Kesimpulan 267

RUJUKAN 268

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Huraian Elemen-Elemen Pembelajaran Terarah Kendiri	29
1.2	Lima Fasa Needham (1987) dalam Pembelajaran	35
1.3	Ciri-ciri Pembelajaran Berasaskan Konstruktivisme	37
1.4	Penekanan Tujuan Pembelajaran Model-Model Pengajaran Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme	39
2.1	Tahap Pembelajaran Marzano (2001)	52
2.2	Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Menulis Tingkatan Empat	56
2.3	Standard Prestasi Kemahiran Menulis Tingkatan Empat	58
3.1	Aspek Pencerapan Kualiti Karangan Fakta yang Dikodkan.	137
3.2	Pecahan Item Soalan yang Dibina dalam Soal Selidik	146
3.3	Saiz Sampel pada Aras Kesignifikan $p < 0.05$ dan $p < 0.01$	154
3.4	Kajian Rintis Perbezaan Min bagi Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif	158
3.5	Kajian Rintis Hubungan antara Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme	158
3.6	Kajian Rintis Ujian Pra dan Pasca	159
3.7	Kajian Rintis Perbezaan Min Berdasarkan Ujian-T Sampel Berpasangan bagi Ujian Pra dan Pasca	160

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

No. Jadual **Muka Surat**

3.8	Indeks Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri dan Kebolehan Kognitif	163
3.9	Indeks Kebolehpercayaan Ujian Pra dan Ujian Pasca	165
3.10	Proses Analisis Data dengan Berpaksikan Soalan Kajian	176
3.11	Formula dalam Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme yang Dimodifikasi	188
4.1	Taburan Bangsa dan Jantina bagi Sampel Kajian Murid dan Guru	196
4.2	Skor Min dan Sisihan Piawai Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme	198
4.3	Hubungan yang Positif antara Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme	199
4.4	Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah A Peringkat Pertama	200
4.5	Markah Ujian Pra dan Pascapenulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah B Peringkat Pertama	201
4.6	Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah C Peringkat Pertama	202
4.7	Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah D Peringkat Pertama	203
4.8	Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah E Peringkat Pertama	204
4.9	Skor Min Pencapaian Murid dalam Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme bagi Sekolah A, Sekolah B, Sekolah C, Sekolah D dan Sekolah E Peringkat Pertama	205
4.10	Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah A Peringkat Kedua	208
4.11	Markah Ujian Pra dan Pasca Kedua Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah B Peringkat Kedua	209

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

No. Jadual **Muka Surat**

4.12	Markah Ujian Pra dan Pasca Kedua Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah C Peringkat Kedua	210
4.13	Markah Ujian Pra dan Pasca Kedua Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah D Peringkat Kedua	211
4.14	Markah Ujian Pra dan Pasca Kedua Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah E Peringkat Kedua	212
4.15	Skor Min Pencapaian Murid dalam Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme bagi Sekolah A, Sekolah B, Sekolah C, Sekolah D dan Sekolah E Peringkat Kedua	213
4.16	Perbezaan yang Signifikan antara Pencapaian Murid Sebelum dan Selepas Didedahkan dengan Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme bagi Sekolah A, Sekolah B, Sekolah C, Sekolah D dan Sekolah E Peringkat Pertama	216
4.17	Perbezaan yang Signifikan antara Pencapaian Murid Sebelum dan Selepas Didedahkan dengan Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme bagi Sekolah A, Sekolah B, Sekolah C, Sekolah D dan Sekolah E Peringkat Kedua	219
4.18	Analisis Pencapaian Murid dari Aspek Kualiti Penulisan Karangan Fakta Berdasarkan Skema Penskoran Sekolah A	221
4.19	Analisis Pencapaian Murid dari Aspek Kualiti Penulisan Karangan Fakta Berdasarkan Skema Penskoran Sekolah B	223
4.20	Analisis Pencapaian Murid dari Aspek Kualiti Penulisan Karangan Fakta Berdasarkan Skema Penskoran Sekolah C	226
4.21	Analisis Pencapaian Murid dari Aspek Kualiti Penulisan Karangan Fakta Berdasarkan Skema Penskoran Sekolah D	229
4.22	Analisis Pencapaian Murid dari Aspek Kualiti Penulisan Karangan Fakta Berdasarkan Skema Penskoran Sekolah E	231

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Gaya Pembelajaran. Diadaptasi daripada Dunn & Dunn (1978)	66
2.2	Hierarki Taksonomi Bloom(1956)	74
2.3	Perbandingan Domain Kognitif antara Taksonomi Bloom dengan Taksonomi Anderson	76
2.4	Zon Perkembangan Proksimal oleh Vygotsy.	81
2.5	Kaedah Pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah. Diadaptasi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (2018)	90
2.6	Proses Pendekatan Inkuiri. Diadaptasi daripada Bhagian Pembangunan Kurikulum, KPM, (2018)	94
3.1	Reka Bentuk Kajian Kajian yang Melibatkan Tiga Fasa	133
3.2	Reka Bentuk Kuasi Eksperimen bagi Penyelidikan Ini	135
3.3	Reka Bentuk Pemilihan Sampel dan Saiz Sampel	156
3.4	Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme yang Dimodifikasi	179

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KK	Kebolehan Kognitif
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LADAP	Latihan dalam Perkhidmatan
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MOTI	Orientasi Tanggungjawab Individu
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PK	Pendekatan Konstruktivisme
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PTK	Pembelajaran Terarah Kendiri
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah Bahagian Perkembangan Kurikulum
B	Soal Selidik Set 1 tentang Pembelajaran Terarah Kendiri Soal Selidik Set 2 tentang Kebolehan Kognitif
C	Soalan Karangan Fakta Ujian Pra dan Ujian Pasca Pertama Soalan Karangan Fakta Ujian Pra dan Ujian Pasca Kedua
D	Panduan Analisis Pencapaian Kualiti Karangan Fakta Murid yang Terpilih.
E	Surat Lantikan Lima Pemeriksa yang Dilantik oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.
F	Kriteria Penskoran Bahasa Melayu Kertas 1 SPM.
G	Surat Kebenaran dan Kesahan Item Soal Selidik oleh Penilai luar.
H	Empat Set Pertama Rancangan Pangajaran Harian Empat Set Kedua Rancangan Pengajaran Harian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian yang membidangkan secara umum tajuk penyelidikan. Fokus kajian ini terdiri daripada empat aspek utama, iaitu gaya pembelajaran terarah kendiri, kebolehan kognitif, pendekatan konstruktivisme dan penulisan karangan fakta murid. Selain itu, bab ini menghuraikan objektif dan soalan kajian. Soalan kajian dikembangkan menerusi penggubalan hipotesis kajian. Hipotesis kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah hipotesis tidak berarah atau nol. Bagi skop perbincangan batasan kajian pula adalah meliputi yang asas iaitu kaedah, sampel, analisis data dan alat kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam definisi operasional pula, kajian ini menjelaskan empat aspek utama yang berkaitan gaya pembelajaran terarah kendiri, kebolehan kognitif, pendekatan konstruktivisme dan penulisan karangan fakta Bahasa Melayu. Dalam gaya pembelajaran terarah kendiri, kajian ini menjelaskan secara mendalam aspek yang berkaitan tanggungjawab dan motivasi, pendapat guru terhadap pendekatan konstruktivisme, faktor persekitaran, sokongan dan ganjaran serta gaya pengajaran dan pembelajaran. Perbincangan berikutnya dalam bab ini adalah tentang kepentingan kajian. Kepentingan kajian yang dibincangkan melibatkan empat elemen iaitu, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Jabatan Pelajaran Negeri dan Daerah, guru-guru dan panitia Bahasa Melayu serta murid-murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Proses pelaksanaan transformasi pendidikan memerlukan pendekatan dan strategi baharu supaya setiap murid mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21 ini. Oleh itu, inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu seiring dengan transformasi dan matlamat Falfasaf Pendidikan Kebangsaan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Menurut Nur Hayati Ismail (2015) kemahiran pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21 merujuk kepada beberapa kompetensi teras, iaitu konstruktivisme, celik digital, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Murid perlu sedar bahawa pembelajaran pada alaf baharu ini melibatkan proses penggabungan pelbagai ilmu dan kemahiran. Wong Weng Siong dan Kamisah Osman (2018) menegaskan pembelajaran abad ke-21 sebagai satu bentuk pembelajaran yang memerlukan murid menguasai isi kandungan, menghasilkan, mensintesis (penyatuan / penggabungan) dan menilai maklumat daripada pelbagai pelajaran daripada sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya yang berbeza-beza.

Murid diharapkan dapat mencipta, berkomunikasi, bekerjasama dan celik ilmu selain mempunyai tanggungjawab sosial, maka satu inovasi PdPc abad ke-21 perlu diaplikasikan (Madinah Mohamad, 2014). Rozita Abdul Latif (2009) berpendapat bahawa mata pelajaran Bahasa Melayu perlu menekankan ciri pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. Pendapat Mohamad Azri Amatan (2019) pula memberikan penegasan bahawa murid perlu disediakan dengan kemahiran untuk menangani cabaran dunia pendidikan yang terdedah kepada pelbagai interpretasi dan kontroversi yang mencabar pemikiran individu.

Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, memeperuntukkan Bahasa Melayu (BM) menjadi mata pelajaran teras dan berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat Malaysia. Oleh itu, kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) menegaskan matlamat utama kurikulum Bahasa Melayu bertujuan melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri melibatkan urusan harian, pendidikan dan pekerjaan dengan menggunakan peraturan berbahasa mengikut disiplin yang ditetapkan. Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir.

Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM (2014) menegaskan satu pandangan baharu tentang ilmu pengetahuan dan cara manusia memperoleh ilmu pengetahuan telah mula menarik perhatian para pendidik seluruh dunia. Menurut Piaget (1970) dan Musliha Salma Mohd Radzi (2010) pandangan baharu ini menganggap murid bukan hanya menerima pengetahuan secara pasif daripada guru tetapi membina pengetahuannya melalui interaksi dengan persekitarannya. Pendekatan yang dicadangkan untuk pendidikan abad ke-21 ini ialah pendekatan konstruktivisme, koperatif, kontekstual dan kajian masa depan. Aliran pemikiran mentalis yang berpegang pada pembinaan minda atau pengetahuan melalui proses dan pengalaman pembelajaran telah mencetuskan banyak modul pembelajaran yang berkesan seperti Fasa Pembelajaran Needham (1987) dan Modul Marzano (2001). Gabungan ideologi membuktikan pendekatan gaya pembelajaran adalah selari dengan tahap mentalis murid dalam memberikan kesan positif terhadap pencapaian menerusi pengajaran.

Kejayaan dan keberkesanan pengajaran guru di dalam bilik darjah mempunyai perkaitan dengan kebertanggungjawaban, selain mempunyai kecukupan dan kepadatan ilmu, selain mantap untuk mengaplikasikan amalan pengajaran dengan berkesan. Dapatan Adenan Ayob dan Khairuddin Mohamad (2012) menyatakan bahawa amalan pedagogi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru dalam bilik darjah melibatkan strategi, teknik dan pendekatan yang diaplikasikan dalam pengajaran. Meenu Dev (2016) pula menjelaskan bahawa amalan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap dan pencapaian murid bukan hanya dapat meningkatkan kualiti pedagogi guru, malahan akan menjadikan sesuatu pembelajaran yang lebih bermakna dan menyeronokkan. Justeru, penjelasan oleh Norul Haida Reduzan et al. (2017) guru perlu merancang dan melaksanakan proses PdPc yang berkualiti tinggi serta bersungguh-sungguh supaya potensi dan pencapaian murid mencapai tahap maksimum sebagai persediaan melahirkan individu yang berpengetahuan tinggi.

Pembelajaran dan pemudahcaraan yang berkesan mewujudkan proses asimilasi menerusi pengalaman dan persekitaran. Pendapat Aliza Ali dan Zamri Mahamod (2017) menegaskan bahawa gaya pembelajaran aktif murid akan membentuk pengetahuan yang akan dikembangkan melalui kemahiran penyelesaian masalah dan berfikiran kritikal. Gaya pembelajaran aktif murid yang melibatkan guru sebagai fasilitator akan melatih murid menajamkan dan meluaskan pemikiran secara sistematik serta mampu menggunakan daya kognitif secara berdikari (Farah Adlina Mokter, 2019).

Dapatan kajian Yahya Othman dan Maszuraimah Muizz Sulaiman (2016) menjelaskan bahawa murid yang lebih efektif ialah murid yang menggunakan pendekatan metakognitif dalam proses pembelajaran. Pendekatan metakognitif menjelaskan hubungan pembelajaran secara individu, membina penetapan matlamat diri, meregulasi kendiri dan mampu membuat pengubahsuaian terhadap pelaksanaan tugas atau aktiviti. Menurut Mohamad Ariffin Abu Bakar dan Norulhuda Ismail (2019) pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

metakognitif membantu murid untuk membuat refleksi terhadap pembelajaran menerusi proses mengenal pasti kebaikan dan keburukan, corak pembelajaran yang dijalankan, penetapan matlamat yang khusus serta mampu mengawal pembelajarannya sendiri.

Oleh hal yang demikian, pendekataan metakognitif dalam kemahiran menulis perlu dipraktikkan sebagai salah satu strategi yang membantu murid untuk meningkatkan pencapaian melibatkan kemahiran menulis. Kenyataan Roselan Baki (2003) menegaskan asas utama bagi murid aliran perdana ialah penguasaan dalam kemahiran menulis. Pendapat Sulaiman Masri et al. (2007) menjelaskan murid perlu didedahkan kepada proses membina ayat yang jelas dan kreatif untuk mengutarakan idea, memilih kosa kata, binaan jenis ayat dan gaya bahasa menarik, mampu meletakkan tahap penulisan murid ke arah pencapaian yang cemerlang. Menurut Muhammad Faez Nurazman Amrullah et al. (2018) gaya menulis murid mengambil kira aspek kejelasan, keaslian, pengaruh, kematangan dan kebijaksanaan.

Jika ditelitikan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM, 2018) digariskan objektif umum kemahiran menulis adalah untuk melengkap, menerang, mengulas, meringkas, merumus, mengolah dan mengedit maklumat daripada pelbagai sumber. Oleh hal yang demikian, dengan berpandukan DSKP tersebut, dipaparkan bahawa kemahiran menulis merupakan aspek asas perkembangan aktiviti melibatkan Bahasa Melayu. Menurut Abdul Jalil Othman (2005) kemahiran menulis menjadi suatu kemahiran yang dinilai untuk murid sekolah menengah sama ada yang menduduki Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) ataupun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sijil Pelajaran Malaysia. Bagi murid menengah atas, skop terbesar dalam Bahasa Melayu berkaitan penguasaan kemahiran menulis. Hal ini demikian kerana format yang ditetapkan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memerlukan murid menjawab soalan subjektif. Oleh hal yang demikian, Muhammad Faez Nurazman Amrullah et al. (2018) menjelaskan murid perlu menguasai kemahiran menulis berasaskan gaya pemikiran aras tinggi supaya dapat menghasilkan penulisan yang bermutu. Pendekatan pedagogi yang selari dengan kebolehan mentalis, motivasi terarah kendiri yang kukuh, nescaya murid mampu menguasai kemahiran terpenting dalam Bahasa Melayu, iaitu kemahiran menulis.

1.3 Pernyataan Masalah

Gaya pembelajaran terarah kendiri perlu dilaksanakan secara dinamik di dalam bilik darjah pada era ini seperti yang dijelaskan oleh Mohd Izzuddin Mohd Pisol dan Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi (2017). Hal ini demikian kerana gaya pembelajaran ini adalah amat objektif dari sudut usaha murid dalam pembelajaran menulis. Menurut Adenan Ayob (2015) gaya pembelajaran terarah kendiri perlu difokuskan dan disesuaikan dengan sesuatu hala tuju untuk murid berfikir secara kreatif dan kritis. Fokus adalah kepada mata pelajaran Bahasa Melayu yang menjadi mata pelajaran terpenting bagi murid sama ada di sekolah rendah mahupun menengah. Bagi murid yang menduduki peperiksaan SPM, mata pelajaran Bahasa Melayu diwajibkan lulus untuk memastikan murid mendapat sijil meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi seperti kolej dan universiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu kemahiran terpenting dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ialah kemahiran menulis yang menjadi asas utama bagi murid sekolah menengah. Jika ditelitikan kemahiran menulis, murid mampu menunjukkan kualiti penulisan dari segi isi, bahasa dan pengolahan dengan berpandukan hasil kajian kuantitatif. Menurut Syahida Nadia Zakaria (2015) karangan perlu ditelitikan dari sudut kuantitatif; pencapaian dan kualitatif; isi, bahasa, dan pengolahan. Sejajar dengan isu pembolehubah penyelidikan ini, penyelesaiannya sesuai dilakukan dari sudut kuasi eksperimen. Oleh itu, kajian kuantitatif dikuasieksperimenkan manakala kajian kualitatif dicerap melalui analisis pencerapan kualiti karangan berdasarkan isi, bahasa dan pengolahan. Hala tuju pemikiran yang bersesuaian dengan tahap kognitif murid akan membantu murid memperoleh pencapaian dan kualiti penulisan yang mantap. Maimunah Nasir dan Hashimah Md. Yusuf (2017) menegaskan pendekatan konstruktivisme memberikan fokus kepada pembinaan minda menerusi proses dan pengalaman pembelajaran untuk memberikan kesan terhadap pencapaian dan kualiti, khususnya penulisan karangan berfakta.

Daripada pendekatan konstruktivisme, murid dapat membentuk peraturan melalui refleksi dengan objek dan idea (Syahida Nadia Zakaria, 2015). Semasa murid bertemu dengan objek, idea atau perkaitan yang tidak bermakna, maka akan ada interpretasi objek yang dilihat supaya sepadan dengan peraturan yang telah dibentuk atau mereka menyesuaikan peraturan mereka supaya dapat menjelaskan maklumat baharu dengan lebih berkesan. Pendapat Abdul Rashid Jamian (2016) menjelaskan bahawa keupayaan menginterpretasikan sesuatu objek yang dilihat dalam bentuk penulisan karangan merupakan kelemahan tertentu yang dihadapi murid. Isu kajian ini yang hendak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

difokuskan ialah kelemahan murid dalam pencapaian dan peningkatan kualiti penulisan karangan yang masih dikesan sehingga tahun 2015 apabila pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia menyatakan bahawa terdapat 440 682 orang calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berdaftar dan yang lulus mendapat sijil ialah 346 681 orang. Ini bermakna 94 001 orang calon gagal mendapat sijil SPM kerana gagal mata pelajaran Bahasa Melayu. Di Selangor, 72 720 orang calon berdaftar pada tahun 2015 tetapi yang lulus Bahasa Melayu dan mendapat sijil SPM ialah 61 129 orang calon. Perolehan data tersebut menunjukkan bahawa 11 591 orang calon gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Faktor yang menyebabkan calon SPM memperoleh markah yang kurang cemerlang dan gagal dalam SPM Bahasa Melayu adalah disebabkan kelemahan yang ketara dalam penulisan seperti penulisan isi yang kurang matang, kosa kata kurang luas, tidak ada contoh, isi bercampur aduk dan huraian idea yang kurang jelas.

Kelemahan-kelemahan ini membuktikan kecekapan mengarang di peringkat sekolah menengah belum dapat dibanggakan (Mahzan Arshad, 2008). Menurut Abdul Rashid Jamian et al. (2012) faktor guru yang kurang kreatif, pengajaran berbentuk sehala, penggunaan pendekatan tradisional, persekitaran pembelajaran yang kurang kondusif dan lebih serius lagi ialah kelemahan menilai dan menyemak hasil karangan murid menyebabkan murid kurang bermotivasi untuk belajar terutama dalam penulisan karangan. Kenyataan ini secara asasnya disokong oleh Mahzan Arshad (2008) menyatakan bahawa pembelajaran penulisan memerlukan guru yang mempunyai ilmu yang tinggi kerana proses menghasilkan suatu karangan bukan suatu proses yang mudah dan memerlukan keupayaan kognitif secara berkesan, selain berupaya mencerap kualiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

isi, bahasa, dan pengolahan. Dalam mengatasi kelemahan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (2014) menyarankan satu pendekatan moden dalam pengajaran, iaitu pendekatan konstruktivisme diterapkan. Pendekatan ini dicadangkan dalam kertas laporan inovasi pendidikan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Namun begitu, pelaksanaan pendekatan ini tidak dititikberatkan sepenuhnya oleh guru di sekolah. Pendekatan konstruktivisme mempunyai dua elemen penting yang menjadi penggerak, iaitu gaya pembelajaran terarah kendiri dan aspek kebolehan kognitif yang wajar dihubungkan. Daripada tinjauan literatur secara global menunjukkan wujud kelompangan kajian hubungan berkaitan kedua-dua elemen ini dalam pembelajaran yang berasaskan pendekatan konstruktivisme (Jinzhu Zhang & Hongquan Lin, 2018).

Daripada tinjauan literatur, hasil kajian tentang pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran Bahasa Melayu khususnya di peringkat sarjana dan kedoktoran masih terhad dan aspek yang dikaji tidak sama dengan kajian yang ingin dijalankan. Buktinya, kajian Syahida Nadia Zakaria (2015) tentang kesan pendekatan konstruktivisme dalam pembelajaran Bahasa Melayu terutama unsur sastera menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme dapat membantu murid mempelajari Bahasa Melayu dengan baik, menyeronokkan dan bermakna. Begitu juga dengan kajian tentang aspek gaya pembelajaran terarah kendiri, kognitif dan kemahiran penulisan yang dikaji secara berasingan dan dihubungkaitkan dengan aspek demografi, teknik dan kaedah pengajaran, iklim bilik darjah dan pencapaian murid dalam peperiksaan seperti dalam kajian Sarimah Abd. Razak (2005), Nuraishah Mahmood dan Sanisah Rahim (2014), serta kajian Salmiza Saleh dan Anis Diyana Halim (2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hakikatnya, gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif merupakan dua elemen penting yang boleh menunjukkan kesan positif dalam pendekatan konstruktivisme dan pencapaian serta kualiti dalam penulisan. Buktinya kajian oleh Nuraishah Mahmood dan Sanisah Rahim (2014) menjelaskan bahawa proses penulisan mesti melalui hubungan metakognitif dengan regulasi kendiri murid. Begitu juga dengan kajian Adenan Ayob (2015) menegaskan bahawa murid lebih mudah memberikan maklum balas jika didedahkan dengan pembelajaran konstruktivisme kerana dapat meneroka maklumat sendiri berdasarkan kemahuan dan kesediaan. Pendapat ini disokong oleh Rajni Gupta dan Veenu Gupta (2017) bahawa pendekatan konstruktivisme merangsang murid untuk membina idea secara kreatif dan kritis serta berinovasi. Oleh itu, dalam membina minda mengarang karangan fakta, murid perlu bijak menghubungkaitkan pemikiran yang sedia ada dengan motivasi diri atau perasaan ingin tahu (Muhamad Faez Nurazman Amrullah et al., 2018).

Dalam pendekatan konstruktivisme ini, pembelajaran terarah kendiri berhubung rapat dengan kebolehan kognitif murid terutamanya dalam proses melakukan penaakulan pengetahuan. Kajian Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Zamri Ghazali (2018) menjelaskan bahawa murid yang memiliki tahap pemikiran kognitif yang baik mempunyai kemahiran tinggi dan dapat membantu pengaliran maklumat baharu secara berkesan dalam ingatan jangka panjang. Pendapat Muhammad Azri Amatan (2019) menyatakan bahawa dalam PdPc guru juga sepatutnya bertanyakan cara murid meneliti hubungan tentang sesuatu perkara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam bilik darjah, murid perlu berinteraksi dengan persekitaran termasuk menggalakkan perkembangan pemikiran. Mohd Hairie Abdullah (2015) menjelaskan bahawa peranan guru mampu menggalakkan pemikiran aras tinggi murid, selain membentuk kognitif yang baik dan berkesan dalam ingatan jangka panjang. Ini bermaksud ciri-ciri pendekatan konstruktivisme yang berasaskan interaksi murid terhadap persekitaran dan alat bantu mengajar membantu mencapai prestasi akademik yang tinggi (Adenan Ayob, 2015).

Pengajaran penulisan karangan pada peringkat sekolah menengah atas memerlukan corak baharu, teknologi baharu, pendekatan baharu, dan pemikiran guru yang segar. Namun begitu, Mahzan Arshad (2008) dan Abdul Rashid Jamian (2016) mendapati pendekatan tradisional dalam pengajaran Bahasa Melayu masih diutamakan oleh guru. Ini menyebabkan tahap kemampuan guru di sekolah dalam mengaplikasikan pendekatan konstruktivisme untuk pengajaran Bahasa Melayu masih perlu dibaiki.

Justeru, penyelidikan ini cuba mengkaji hubungan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif murid menerusi pendekatan konstruktivisme dan kesannya terhadap hasil penulisan karangan fakta. Kaedah tinjauan, kuasi eksperimen dan analisis karangan digunakan dalam penyelidikan ini. Sampel dalam kaedah tinjauan ialah 30 orang guru dan sampel kuasi eksperimen ialah 159 orang murid. Sampel kaedah analisis karangan pula ialah 10 orang murid. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferens.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme terhadap penulisan karangan murid. Objektif khusus kajian ini adalah seperti yang berikut:

i. Mengenal pasti pendapat guru Bahasa Melayu tingkatan empat tentang hubungan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif dalam penulisan karangan fakta.

ii. Menganalisis hubungan gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran karangan fakta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Memodifikasikan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme.

iv. Mengenal pasti pencapaian murid sebelum dan selepas didedahkan dengan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme untuk dua siri eksperimen.

v. Mengenal pasti perbezaan pencapaian murid sebelum dan selepas didedahkan dengan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme untuk dua siri eksperimen.

vi. Menganalisis peningkatan kualiti karangan fakta dari segi isi, bahasa dan pengolahan berdasarkan pencapaian karangan bagi sampel murid yang terpilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian bagi penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

i. Apakah skor min gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme?

ii. Adakah terdapat hubungan yang positif antara gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme untuk dua peringkat eksperimen?

iii. Apakah skor min pencapaian murid bagi lima buah sekolah dalam penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan?

iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan bagi lima buah sekolah untuk dua peringkat ujian pra dan pasca?

v. Apakah peningkatan kualiti karangan dari segi isi, bahasa dan pengolahan berdasarkan pencapaian karangan bagi murid yang terpilih?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

Dalam menyempurnakan kajian, telah digubal tiga hipotesis untuk menjelaskan objektif dan soalan kajian. Menurut Creswell (2014), hipotesis ialah pernyataan dalam penyelidikan kuantitatif, iaitu pengkaji membuat ramalan awal tentang hasil antara sifat dan ciri penolakan atau penerimaan. Kenyataan Creswell (2014) menjelaskan bahawa jika sesuatu kajian yang menjurus kepada penggunaan hipotesis tidak berarah, ramalan awal perlu kepada 'tidak terdapat perbezaan' dalam pembolehubah yang dicerap. Beliau menambah bahawa selagi sesuatu ujian belum dilakukan, ini bermakna ramalan perlu kepada 'tidak terdapat perbezaan'. Hipotesis-hipotesis kajian ini digubal berdasarkan ciri-ciri data seperti yang disyorkan oleh Creswell (2014). Berikut ialah hipotesis nul yang diuji dengan diasaskan kepada paras signifikan bawah 0.05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_O1: Tidak terdapat hubungan yang positif antara gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme.

H_O2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan bagi lima buah sekolah peringkat pertama.

H_O3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan bagi lima buah sekolah peringkat kedua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga-tiga hipotesis di atas telah disesuaikan dengan rujukan kajian lepas untuk menyokong hipotesis tidak terarah ini sebagai andaian sementara seperti yang dibicarakan oleh Creswell (2014). Hipotesis tersebut juga digubal untuk menjawab soalan kajian yang dinyatakan.

1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, murid menjadi fokus utama dalam penilaian tahap pencapaian. Terdapat skop batasan kajian yang dihubungkaitkan dengan fokus utama kajian ini iaitu, lokasi dan sampel kajian, tumpuan kajian serta instrumen kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1 Lokasi dan Sampel Kajian

Daerah Sabak Bernam telah dipilih sebagai lokasi kajian iaitu melibatkan 17 buah sekolah yang diklasifikasikan sebagai sekolah menengah harian, sekolah menengah berasrama penuh aliran agama, sekolah berasrama penuh integrasi dan sekolah menengah agama rakyat. Daripada sumber maklumat oleh pegawai Unit Pembangunan, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Sabak Bernam yang ditemui secara bersemuka menyatakan bahawa jumlah murid tingkatan empat pada tahun 2016 ialah 2915 orang. Rasional pemilihan lokasi daerah Sabak Bernam kerana murid-murid amat terdedah dengan banyak gaya pembelajaran, penerapan kognitif dan pendekatan pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekolah-sekolah di kawasan berkenaan adalah cukup dari segi infrastruktur pengajaran dan pembelajaran serta guru-guru yang terlatih dalam pedagogi. Bagi semua sekolah yang dikaji, tegasnya terdapat kesesuaian untuk pelaksanaan kajian ini. Pemilihan semua sekolah ini dibuat kerana dapat memenuhi kriteria dari segi kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan prasarana dan keselarasan dari segi penetapan populasi yang lengkap untuk diselaraskan mengikut kehendak kajian ini. Ini juga diselaraskan dengan teknik persampelan untuk kajian parametrik yang boleh direplikasi dan digeneralisasikan dapatannya. Kriteria di atas adalah selari dengan pandangan Creswell (2014).

Dalam kajian ini, persampelan yang digunakan ialah seramai 159 orang murid tingkatan empat dipilih secara *intact group* berpandukan lima buah sekolah yang dipilih bagi mengumpulkan data melalui kaedah kuasi eksperimen. *Intact group* bermaksud kumpulan murid yang sedia ada yang telah ditentukan oleh pihak sekolah seperti yang telah dibincangkan oleh Campbell dan Stanley (1969). Purata seramai 30 hingga 34 orang murid tingkatan empat ini berada di dalam satu kelas aliran Sains di lima buah sekolah. Sampel murid ini melalui proses penulisan karangan fakta sebelum dan selepas didedahkan dengan gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Hasil karangan sampel dikumpul dan dianalisis menggunakan analisis ujian-t. Hasil karangan fakta dua orang murid bagi lima buah sekolah itu akan dianalisis pula dari aspek peningkatan kualiti karangan dari segi isi, bahasa dan pengolahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sampel kedua ialah 30 orang guru Bahasa Melayu yang dipilih secara rawak mudah bagi mendapatkan data melalui kaedah tinjauan. Instrumen soal selidik digunakan melibatkan dua set soalan. Set 1 bertemakan Pembelajaran Terarah Kendiri, dan Set 2 bertemakan Kebolehan Kognitif. Proses menjawab soal selidik skala lima likert ditadbir oleh pengkaji. 30 orang guru ini dipilih secara rawak mudah tetapi guru tersebut mestilah mengajarkan Bahasa Melayu tingkatan empat dan tingkatan lima sahaja. Data sampel ini dianalisis dalam bentuk hubungan atau korelasi. Pemilihan sampel kajian secara terperinci dibincangkan dalam bab 3 iaitu metodologi kajian.

1.7.2 Tumpuan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini memfokuskan aspek hubungan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme dan kesannya terhadap penulisan karangan fakta. Gaya pembelajaran yang ditumpukan ialah gaya pembelajaran terarah kendiri. Bagi melihat aspek gaya pembelajaran terarah kendiri dalam diri murid, pengkaji akan cuba menjelaskan elemen yang menjadi perangsang kepada gaya pembelajaran terarah kendiri berpandukan gabungan Model Hiemstra (1991) dan Model Torres (1993) yang telah diubahsuai kepada lima elemen rangsangan terarah kendiri, iaitu tanggungjawab dan motivasi, persepsi terhadap guru dan murid, faktor persekitaran, sokongan dan ganjaran serta gaya pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam aspek kebolehan kognitif kajian ini akan ditumpukan pada tahap pemikiran murid berasaskan Taksonomi Anderson (2001). Peringkat mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dianggap kemahiran berfikir aras tinggi. Penanda aras tahap tinggi berpandukan kata dasar yang digunakan dalam setiap soalan karangan dalam peperiksaan. Korelasi kelima-lima elemen terhadap kebolehan kognitif murid dalam kemahiran penulisan karangan dan terhadap pendekatan konstruktivisme menjadi tumpuan pengkaji. Semua elemen ini dioperasionalisasikan dalam bentuk skor. Aspek penulisan pula menumpukan karangan fakta kerana reka bentuk soalan peperiksaan SPM setiap tahun akan mengeluarkan dua atau tiga soalan karangan perbincangan berbentuk fakta. Analisis soalan peperiksaan Bahasa Melayu Kertas 1 dari tahun 2014 hingga 2017, Soalan 1 merupakan karangan perbincangan fakta bertemakan isu remaja dan persekitaran murid. Soalan 2 pula bertemakan kekeluargaan yang berformat perbincangan dan Soalan 3 juga berbentuk perbincangan fakta bertemakan isu masyarakat dan negara. Soalan 4 pula bertemakan isu antarabangsa dan Soalan 5 bertemakan rangsangan kesusasteraan.

Tumpuan kajian ini juga dikaitkan dengan penggunaan set soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpulkan data dalam kaedah tinjauan. Set soal selidik ini diberikan kepada sampel guru untuk pengumpulan data. Terdapat 30 item soalan disediakan dalam setiap set. Item soalan ini merangkumi aspek gaya pembelajaran terarah kendiri, kebolehan kognitif dan pendekatan konstruktivisme yang diadaptasi melalui teori Model Deci dan Ryan (1985), Model Torres (1993), dan set soal selidik oleh Sarimah (2005). Di samping itu, bentuk soal selidik ini juga diubah suai daripada soal selidik oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Khairul Azhar Mat Daud et al. (2015) yang mengadaptasi soal selidik oleh Gugliemino (1977), yang telah mewujudkan instrumen *Self-directed Learning Readiness Scale*. Tahap kebolehpercayaan item soal selidik pula diukur dengan menggunakan *Alpha Croncbach.*

Alat kajian lain ialah set soalan Bahasa Melayu yang diguna pakai dalam ujian sebelum (pra) dan selepas (pasca) pendedahan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Soalan yang dibina diadaptasi daripada set-set soalan SPM Bahasa Melayu dari tahun 2014 hingga 2017. Hasil pungutan data dianalisis menggunakan analisis ANCOVA bagi kelima-lima kumpulan murid yang berlainan sekolah. Melalui kaedah kuasi eksperimen, instrumen kajian yang digunakan ialah hasil penulisan karangan fakta murid. Hasil karangan ini dinilai oleh lima guru pemeriksa yang dilantik. Skema penskoran Bahasa Melayu Kertas 1 SPM digunakan sebagai panduan pemarkahan. Markah dalam ujian pra dan pasca dianalisis secara inferens.

Melalui kaedah kajian kualitatif, alat kajian yang digunakan ialah analisis pencerapan kualiti karangan fakta murid dari segi isi, bahasa dan pengolahan. Analisis pencerapan ini dilakukan oleh pengkaji untuk mencatatkan peningkatan kualiti karangan murid yang diperiksa dari aspek isi, bahasa dan pengolahan. Kod analisis pencerapan ini dihasilkan dengan adaptasi daripada skema penskoran oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk Bahasa Melayu Kertas 1 SPM. Analisis pencerapan kualiti karangan ini diubah suai daripada pencerapan markah yang dihasilkan oleh Adenan Ayob (2008) dalam kajian tentang kesan penggunaan perisian pemprosesan kata dan bahan bercetak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap penulisan karangan murid tingkatan empat dari aspek pencapaian, sikap dan kualiti penulisan. Perbincangan alat kajian dilakukan secara mendalam dalam bab 3.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional bagi kajian ini dibincang menerusi empat pembolehubah seperti yang berikut:

i. Gaya pembelajaran terarah kendiri;
ii. Kebolehan kognitif;
iii. Pendekatan konstruktivisme; dan
iv. Penulisan karangan fakta Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri

Gaya pembelajaran terarah kendiri merupakan satu bentuk motivasi dalaman yang menimbulkan tanggungjawab murid untuk mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan. Menurut Brockett dan Hiemstra (1991) dalam *Model Orientasi Tanggungjawab Individu* (MOTI), ada tiga gaya pembelajaran terarah kendiri iaitu; (i) tahu tanggungjawab sendiri; (ii) ada konteks sosial; dan (iii) boleh kendalikan pembelajaran. Model ini melibatkan lima proses pembelajaran kendiri iaitu; (i) pembelajaran mudah atur; (ii) boleh membuat keputusan yang tepat; (iii) aktiviti boleh sesuaikan dengan situasi pembelajaran; (iv) guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai motivator; dan (v) sekolah menyokong aktiviti PdPc. Pendapat Torres (1993) dan Gibbsons dan Wickett (2005) menegaskan bahawa murid mempunyai inisiatif dan tanggungjawab terhadap pembelajaran untuk memilih, mengurus dan mengakses aktiviti pembelajaran tanpa batasan masa dan tempat tanpa bantuan guru. Seseorang murid mesti kenal kebolehan diri dan latar belakang pembelajaran supaya mendapatkan penilaian atau persepsi yang baik daripada orang lain. Gaya pembelajaran terarah kendiri memberi fokus kepada kebolehan murid untuk menilai sendiri keperluan pembelajaran supaya dapat melaksanakan aktiviti menyelidik dan mencari maklumat tentang perkara yang ingin diketahui (Maimunah Karim, 2006).

Selain itu, Mohd Izzuddin Mohd Pisol dan Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi (2017) menjelaskan konsep kendiri sebagai dorongan dalaman yang menjadi unsur utama murid membina konsep sendiri dalam pembelajaran selain bertanggungjawab terhadap pembelajaran. Dalam keadaan ini, kualiti pengajaran dan pembelajaran akan berada pada tahap yang paling optimum bagi setiap murid. Tharshini Sivabalan et al. (2018) dan Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Zamri Ghazali (2018) berpendapat bahawa konsep kendiri ialah integrasi bersama dengan reaksi seseorang yang membezakan dirinya daripada yang lain. Pendapat Mohamad Ariffin Abu Bakar dan Norulhuda Ismail (2019) menjelaskan bahawa murid mempunyai sifat ingin tahu dan bersedia untuk mencuba perkara baharu, melihat masalah sebagai cabaran, dan gembira dalam mengikuti pembelajaran. Senario ini akan menggalakkan murid membina dan mengukuhkan pengetahuan mereka tentang sesuatu bidang ilmu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, gaya pembelajaran terarah kendiri diukur melalui lima elemen penting dengan berasaskan Model Brockett dan Hiemstra (1991) serta Model Torres (1993). Pengkaji juga menguna pakai pendapat dan teori kajian Maimunah Karim (2006) tentang pembelajaran terarah kendiri yang seiring dengan ciri-ciri model yang melibatkan lima elemen penting. Lima elemen tersebut ialah aspek (i) tanggungjawab dan motivasi; (ii) aspek persediaan guru; (iii) faktor persekitaran; (iv) sokongan dan ganjaran; dan (v) gaya pengajaran dan pembelajaran.

1.8.1.1 Tanggungjawab dan Motivasi

Satu proses untuk membangkit, mengekal dan mengawal minat dalam melakukan sesuatu tindakan. Motivasi berlaku daripada dorongan dalaman dan luaran. Aspek ini telah dihuraikan dengan lanjut dalam Model Brockett dan Hiemstra (1991) iaitu MOTI yang kesimpulannya menjelaskan murid mempunyai tanggungjawabnya berbentuk intrinsik yang menjadi motivasi dalam dirinya untuk memulakan sesuatu perbuatan dan meneruskan perbuatan itu untuk mencapai sesuatu tujuan tanpa sebarang dorongan daripada orang lain (Gagne & Pere, 2002). Dalam kajian ini aspek tanggungjawab dan motivasi dioperasionalisasikan dalam bentuk skor melalui item soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1.2 Persediaan dan Persepsi

Secara umumnya, pendapat merujuk tanggapan seseorang setelah melalui proses pemerhatian terhadap persekitarannya telah merangsang pemikiran murid itu untuk membuat penilaian. Hanani Abdul Manan et al. (2018) menjelaskan persepsi sebagai satu proses yang melebihi tahap pendaftaran rangsangan-rangsangan yang diberikan kepada kita. Pendapat dilakukan dengan cara memberikan perhatian atau tumpuan kepada kewujudan sesuatu entiti di sekelilingnya yang perlu dikenal pasti, diinterpretasi, diorganisasi dan difahami supaya makna yang tersirat di sebalik entiti berkenaan diperoleh.

Sebelum itu, wujud pandangan yang sama oleh Zaharah Mohd Nadzir (2009) yang melakukan kajian tentang pendapat guru dan murid terhadap persekitaran sekolah. Dalam kajian ini, konsep pendapat merujuk tanggapan berdasarkan pemerhatian dan pengalaman murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran konstruktivisme untuk menguasai atau meningkatkan kebolehan kognitif murid. Aspek-aspek pendapat ini mendasari idea Torres (1993) dan Booby De Porter et al. (2010) melibatkan saiz bilik darjah, persekitaran, aktiviti mental, sebab untuk belajar, perasaan tentang kursus, jumlah masa belajar dan tugasan murid. Elemen pendapat ini dilihat dari satu sudut, iaitu pendapat guru. Elemen pendapat ini dioperasionalisasikan dalam bentuk skor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1.3 Faktor Persekitaran

Kajian ini menggunakan konsep persekitaran sebagai interaksi murid terhadap faktor-faktor lain dalam persekitarannya yang terdapat di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Aspek persekitaran ini boleh mempengaruhi gaya pembelajaran murid. Dunn dan Dunn (1978) telah mengkategorikan lima rangsangan yang menghasilkan gaya pembelajaran, iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal. Idea ini seiring dengan idea perbincangan oleh Bobby Deporter et al. (2010) yang membincangkan interaksi murid dengan persekitaran di dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, rangsangan yang digunakan untuk meningkatkan prestasi murid ialah:

i. Persekitaran – melibatkan bunyi, cahaya, suhu dan reka bentuk.
ii. Sosiologikal – rakan sebaya, kendiri, berkumpulan, dewasa dan pelbagai.
iii. Fizikal – persepsi indera, makan minum, masa dan mobiliti.

Dalam kajian Torres (1993) menjelaskan bahawa ciri-ciri persekitaran yang digunakan melibatkan aspek iklim bilik darjah, interaksi rakan, penggunaan alat bantu pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji akan menggabungkan ciri-ciri persekitaran Dunn dan Dunn (1978) serta Torres (1993) dalam binaan item soal selidik bagi kajian ini. Elemen ini dioperasionalisasikan dalam bentuk skor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1.4 Sokongan dan Ganjaran

Aspek sokongan dalam kajian ini menumpukan peranan oleh guru dalam memanipulasikan pendekatan dan persekitaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat beberapa aspek sokongan terhadap murid yang boleh dilakukan oleh guru berdasarkan pendapat Gagne dan Pere (2002). Aspek sokongan yang dinyatakan ialah:

i. Sokongan terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran.
ii. Memberikan peneguhan positif dan peneguhan negatif.
iii. Sokongan motivasi, iaitu memandu murid ke arah yang lebih dinamik.
iv. Sokongan dalam penyampaian pengajaran.
v. Sokongan nasihat dan kaunseling pembelajaran.
vi. Sokongan dalam menjalinkan hubungan yang baik dengan keluarga murid untuk mendapatkan maklumat tentang aktiviti harian murid.

Dalam konteks kajian ini, aspek sokongan lebih tertumpu pada peranan guru untuk menggalakkan murid membina idea atau pengetahuan sendiri melalui pengalaman semasa melalui proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan konstruktivisme. Aspek ganjaran pula dibincangkan berdasarkan gabungan idea Teori Keperluan Thorndike (1911), Maslow (1954), Skinner (1974), dan pendapat Bobby DePorter et al. (2010). Pengkaji merumuskan terdapat pelbagai jenis ganjaran yang boleh menjadi peneguhan positif bagi sikap, tabiat dan tingkah laku positif seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Makan Minum – makan dan minum yang dibayar oleh guru.
ii. Cenderamata – jam tangan, bunga dan sebagainya.
iii. Peralatan kerja – komputer, telefon bimbit, perhiasan.
iv. Halwa Mata dan Telinga – melibatkan persekitaran tempat kerja.
v. Pemberian Wang – hadiah melibatkan sejumlah wang.
vi. Ganjaran Sosial – surat perjanjian, sijil penghargaan dan sebagainya.
vii. Ganjaran Kerja – kenaikan pangkat, dipilih menjadi ketua dan lain-lain.
viii. Ganjaran Simbolik – penghargaan melalui pemberian trofi, plak, tali leher dan jam tangan.

Kesimpulannya, teori behaviorisme menegaskan bahawa ganjaran sangat besar pengaruhnya ke atas tingkah laku individu. Seseorang itu terdorong melakukan sesuatu perbuatan dengan harapan akan mendapat ganjaran yang diharapkan. Dalam kajian ini, elemen sokongan dan ganjaran dalam kajian ini dioperasionalisasikan dalam bentuk skor.

1.8.1.5 Gaya Pengajaran dan Pembelajaran

Gaya pengajaran merujuk satu set yang menghubungkaitkan kaedah mengajar dengan falsafah pengajaran dan pembelajaran berasaskan logik dan saintifik. Dalam teori Dunn dan Dunn (1978) menjelaskan gaya pembelajaran merupakan cara seseorang mengingat semula maklumat yang sukar atau yang baharu. Dunn dan Dunn (1978) telah membina Model Pembelajaran Dunn dan Dunn berdasarkan prinsip-prinsip; (i) kebanyakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

individu mampu dan boleh belajar; (ii) setiap individu mempunyai gaya pembelajaran tertentu; (iii) gaya pembelajaran individu akan bertindak balas dengan iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Torres (1993) gaya pembelajaran sebagai satu pembolehubah yang berpotensi dalam mempengaruhi perkembangan dan pemilihan akademik murid.

Gaya pembelajaran amat penting untuk menjamin objektif PdPc tercapai dalam semua mata pelajaran termasuk penulisan karangan. Menurut Khairul Azhar Mat Daud et al. (2015) pemilihan dan penggunaan pendekatan, kaedah dan teknik yang berkesan dapat mengembangkan kebolehan kognitif dalam kemahiran penulisan karangan khususnya. Sebagai guru, gaya pengajaran tidak boleh statik tetapi sentiasa berubah mengikut keperluan kumpulan sasaran, hasil pembacaan, kematangan, tahap penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi, tahap kesihatan, suasana pengajaran dan sebagainya. Pendapat ini juga disokong oleh Muhamad Faez Nurazman Amrullah et al. (2018) dan Mohamad Azri Amatan (2019) yang menegaskan bahawa aspek pendekatan dan strategi pengajaran guru menjadi landasan keberkesanan PdPc. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan konsep gaya pengajaran sebagai cara atau kaedah terancang yang dikelolakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan minat dan kebolehan kognitif murid. Konsep gaya pembelajaran pula digunakan merujuk proses tingkah laku atau sikap murid belajar sesuatu ilmu atau kemahiran. Dalam kajian ini, gaya pengajaran dan pembelajaran dioperasionalisasikan dalam bentuk skor. Kelima-lima aspek gaya pembelajaran terarah kendiri dirumuskan dalam Jadual 1.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Huraian Elemen-Elemen Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri

Elemen-Elemen Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri	**Huraian Elemen Pembelajaran Terarah Kendiri**
Tanggungjawab dan Motivasi	Ciri-ciri yang berkaitan penggerak dalaman (intrinsik) dan luaran (ekstrinsik) seperti minat, harapan masa depan, peluang dan latar belakang demografi, pengalaman, kecerdasan dan personaliti.
Aspek Persediaan	Melibatkan persediaan, ekspektasi kognitif, ujian dan tugasan yang disediakan serta penyampaian pengajaran guru mempengaruhi perkembangan kognitif murid.
Faktor Persekitaran	Iklim bilik darjah, interaksi rakan, penggunaan alat bantuan pengajaran dan pembelajaran.
Sokongan dan Ganjaran	Melibatkan saiz bilk darjah, persekitaran, aktiviti mental, sebab untuk belajar, perasaan tentang kursus, jumlah masa belajar dan tugasan murid.
Gaya Pengajaran dan Pembelajaran	Satu pembolehubah yang berpotensi dalam mempengaruhi perkembangan dan pemilihan akademik murid seperti vokasional dan tingkah laku pembelajaran murid.

Sumber: Pengubahsuaian Model Brockett dan Hiemstra (1991) dan Model Torres (1993)

Jadual 1.1 menunjukkan lima elemen penting menjadi rangsangan dalam gaya pembelajaran terarah kendiri, iaitu tanggungjawab dan motivasi; persepsi terhadap guru dan murid; faktor persekitaran; sokongan dan ganjaran; dan gaya pengajaran dan pembelajaran. Kelima-lima elemen ini dijelaskan mengikut fokus kajian dan diubah suai daripada Model Brockett dan Hiemstra (1991) dan Model Torres (1993). Elemen-elemen ini akan menjadi lima dimensi dalam binaan item soal selidik untuk mengumpulkan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada semua definisi yang dibincangkan tentang gaya pembelajaran terarah kendiri ini, diwujudkan unsur-unsur operasi penjanaan data dalam 30 item soal selidik kajian ini. Data soal selidik dioperasi seperti yang berikut, iaitu minat, keyakinan, teknik, pendekatan, tanggungjawab, sokongan, penglibatan guru, motivasi, sikap, bimbingan, iklim bilik darjah, penggunaan alat bantu mengajar, kemahiran murid, persepsi murid, persekitaran, kawalan, susunan kelas, penampilan guru, interaksi berkumpulan, berfikiran kreatif, proses pembelajaran, pujian, galakan, ganjaran hadiah, pembelajaran berpasangan, penggredan karangan, penggunaan peta minda, perkongsian idea, penggunaan komputer dan nilai kendiri murid. Semua unsur ini diolah secara terperinci dalam instrumen soal selidik kajian ini. Semua unsur digarap dan diubah suai daripada Model Brockett dan Hiemstra (1991), Model Torres (1993), Sarimah Abd Razak (2005) dan Khairul Azhar Mat Daud et al. (2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Kebolehan Kognitif

Kebolehan kognitif merupakan tahap berfikir yang dibantu oleh rangsangan dan tindak balas. Tindak balas menjana idea konkrit atau untuk memperoleh ilmu kekal. Dalam teori perkembangan kognitif Piaget (1970) menjelaskan kecerdasan merupakan keupayaan manusia menyesuaikan diri dalam pelbagai suasana persekitaran fizikal atau sosial. Jean Piaget telah mengklasifikasikan empat tahap perkembangan kognitif seperti yang berikut:

i. Tahap Deria Motor (Perkembangan otak bayi sehingga berusia dua tahun)
ii. Tahap Praoperasional (Perkembangan kognitif kanak-kanak 2-6 tahun)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Tahap Operasi Konkrit (Perkembangan kognitif kanak-kanak 7 – 11 tahun)

iv. Tahap Operasi Formal (Perkembangan kanak-kanak tahap remaja)

Kebolehan kognitif juga berkaitan kebolehan penaakulan dan penyelesaian masalah seperti organisasi penyusunan idea. Berdasarkan definisi oleh Torres (1993) kebolehan ini sebagai ukuran kefahaman fungsional operasi, konsep asas dan kebolehan menggunakan prinsip dalam menyelesaikan masalah. Menurut Sternberg (1997) kebolehan kognitif boleh dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu pertama, kebolehan kognitif lisan yang berkaitan dengan semua komponen penggunaan bahasa, antaranya kefasihan lisan, kefahaman bacaan, tugasan sinonim dan antonim, struktur ayat, kesediaan membaca, ejaan, kosa kata dan bacaan. Kecerdasan kedua ialah kebolehan kognitif kuantitatif, iaitu merujuk kebolehan kognitif. Kebolehan kognitif ketiga ialah kebolehan kognitif ruangan meliputi pelbagai aktiviti seperti membaca peta, melakukan susunsuaikan gambar, mengesan rajah mudah dalam kompleks dan memutar objek tiga dimensi secara mental.

Daripada tiga kategori ini, konsep kebolehan kognitif lisan diterima pakai kerana berkaitan langsung dengan kemahiran pendidikan Bahasa Melayu di sekolah, lebih-lebih lagi yang menyentuh kemahiran menulis. Sarimah Abd Razak (2005) menjelaskan tahap kebolehan berfikir seseorang itu bergantung pada rangsangan yang diperoleh secara luaran dan dalaman untuk membina idea yang kompleks. Nazeri Mohamad (2014) dan Mohd Hairie Abdullah (2015) menjelaskan kebolehan kognitif merujuk idea yang kompleks diperoleh daripada gabungan pengalaman dan interaksi murid dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaran serta bergantung pada kemampuan perkembangan yang dialami mengikut keadaan dan pengalaman yang dilalui. Pendapat Muhammad Shahid Farooq (2017) menjelaskan bahawa kebolehan kognitif sebagai satu tindakan berfikir secara berkualiti dan kreatif dalam menghasilkan sesuatu tindakan. Secara rumusannya, definisi kebolehan kognitif ialah satu tahap kecerdasan yang boleh dicapai oleh murid terutama kecerdasan yang melibatkan penggunaan bahasa dan pemikiran kreatif atau memberikan idea untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Dalam kajian ini, sudah tentu penulisan karangan dalam Bahasa Melayu merupakan satu masalah yang perlu diatasi oleh murid. Tahap perkembangan kebolehan kognitif dalam penulisan karangan berkait rapat dengan rangsangan gaya pembelajaran terarah kendiri dan keberkesanan pendekatan konstruktivisme yang semuanya dianalisis. Hakikatnya, teori-teori kecerdasan dan kematangan kognitif ini amat sesuai dengan ciri-ciri pendekatan konstruktivisme yang menekankan aspek binaan idea atau pemikiran secara sendiri melalui pengalaman dan interaksi dengan persekitaran. Daripada definisi kebolehan kognitif ini, diwujudkan unsur-unsur operasi penjanaan data dalam 30 item soal selidik yang digubal. Data soal selidik dioperasikan meliputi aspek teknik berfikir, tahap kecerdasan, aras kesukaran tajuk, pengukuran kognitif, penguasaan kosa kata, kebolehan menulis idea, aspek bakat, kebolehan mengarang, pemikiran kreatif, konstruktivisme dan pemikiran, penglibatan murid, teknik soal jawab, aktiviti pengajaran, kebolehan tatabahasa, kemahiran menyoal, kebolehan analisis idea, kebolehan membina huraian, gaya pembelajaran konstruktivisme, proses penilaian, taraf pendidikan, latar belakang pencapaian, tahap operasi konkrit, tahap operasi formal, peringkat penulisan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengurusan bahan rujukan, kebolehan membina draf, penjanaan minda, kebolehan memberikan contoh, kebolehan lisan, kebolehan tatabahasa keseluruhan, pemikiran kritis dan keberkesanan pendekatan konstruktivisme. Semua unsur ini diolah secara terperinci dalam instrumen soal selidik kajian yang diubah suai daripada pandangan Jean Piaget (1970), Torres (1993), Sarimah Abd Razak (2005) dan Khairul Azhar Mat Daud et al. (2015).

.

1.8.3 Pendekatan Konstruktivisme

Bertitik tolak daripada teori kognitif oleh Jean Piaget (1954), muncul pendekatan konstruktivisme. Pendekatan ini menegaskan pengetahuan dibina secara aktif oleh individu yang berfikir. Murid tidak menyerap secara pasif sebarang pengetahuan yang disampaikan oleh guru. Murid dapat menyesuaikan sebarang maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada untuk membentuk pengetahuan baharu dalam minda dengan bantuan interaksi sosial bersama-sama rakan dan guru. Menurut Meenu Dev (2016) pendekatan konstruktivisme merupakan satu proses perubahan mental pada skema yang ada rumus bahasa. Skema ini boleh diasimilasi dan diakomodasikan untuk diseimbangkan dalam corak minda kreatif dan kritis.

Minda yang kreatif dan kritis berasaskan pendekatan konstruktivisme mampu membina pengetahuan dengan menguji idea melalui pengetahuan dan pengalaman sedia ada, mengaplikasikannya dalam situasi baharu dan mengintegrasikan pengetahuan baharu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang diperoleh dengan binaan intelektual yang sedia wujud. Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2017) merangkumkan falsafah konstruktivisme melalui beberapa prinsip iaitu; (i) Pengetahuan dibangunkan oleh murid sendiri, baik secara individu mahupun sosial; (ii) Pengetahuan tidak dapat dipindahkan daripada guru kepada murid kecuali hanya keaktifan murid sendiri untuk membuat penerokaan; (iii) Murid aktif mengkonstruksikan konsep terus menerus, hingga menjadi kebiasaan, terjadi perubahan konsep menuju ke konsep yang lebih terperinci, lengkap serta sesuai dengan konsep ilmiah; dan (iv) Guru sekadar membantu menyediakan sarana dan situasi agar proses konstruktivisme murid bergerak lancar.

Kajian Arniza Ali dan Zamri Mahamod (2018) serta Veena Kapur (2018) menjelaskan konstruktivisme sebagai proses yang membenarkan murid melibatkan diri dengan aktiviti yang bermakna supaya murid menjana pengetahuan sendiri. Strategi pengajaran yang berpusatkan murid adalah baik, selain dapat menggalakkan murid berlatih menggembleng kemahiran berfikir serta memahami alam sekeliling. Selain itu, konsep konstruktivisme diperlukan untuk membentuk asas kefahaman dan ingatan bahasa, selain membentuk strategi menaakul dalam memperoleh dan menilai keupayaan kognitif bahasa. Apa-apa yang dilalui dalam kehidupan kita selama ini merupakan himpunan dan pembinaan pengalaman demi pengalaman. Ini menyebabkan seseorang itu mempunyai pengetahuan dan menjadi lebih dinamik (Jinzhu Zhang & Hongquan Lin, 2018). Dalam kajian ini, model pendekatan konstruktivisme yang digunakan sebagai landasan kajian ialah Model Lima Fasa Needham (1993). Jadual 1.2 menunjukkan dengan jelas peringkat pengajaran Needham dan ciri-ciri tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

Lima Fasa Needham (1987) dalam Pembelajaran

Bil	Fasa	Tujuan / Kegunaan	Kaedah
i.	Orientasi	Menimbulkan minat dan menyediakan suasana pembelajaran.	Amali penyelesaian masalah sebenar, tunjuk cara oleh guru, tayangan filem, video dan keratan akhbar.
ii.	Pencetusan Idea	Murid sedar tentang idea terdahulu.	Amali, perbincangan kumpulan kecil, pemetaan konsep dan laporan.
iii.	Penstrukturan Semula Idea	Mewujudkan kesedaran tentang idea alternatif yang membentuk idea saintifik.	Perbincangan kumpulan dan laporan.
	Penjelasan dan Pertukaran	Menyedari bahawa idea-idea sedia ada perlu diubahsuai, dikembangkan atau diganti dengan idea yang lebih dinamik.	Perbincangan, pembacaan dan input. Amali, projek, eksperimen dan tunjuk cara guru.
	Pendedahan kepada Situasi Konflik	Mengenal pasti idea-idea alternatif dan memeriksa secara kritis idea-idea sedia ada sendiri. Menguji kesahan idea-idea sedia ada.	
	Pembinaan Idea-idea Baharu	Pengubahsuaian, pengembangan atau pertukaran idea. Menguji kesahan untuk idea-idea baru dibina.	
iv	Penggunaan Idea	Pengukuhan kepada idea yang telah dibina dalam situasi baharu.	Penulisan kendiri kerja projek.
v.	Renungan Kembali	Menyedari perubahan idea. Murid dapat membuat refleksi sejauh mana idea asal mereka telah berubah	Penulisan kendiri, perbincangan kumpulan, catatan peribadi dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2 menunjukkan pemeringkatan pembelajaran yang dicetuskan oleh Needham dikenali sebagai Model Lima Fasa Needham (1987). Pada peringkat awal pembelajaran dikenali sebagai peringkat orientasi bagi menarik minat murid. Selepas itu, peringkat pencetusan idea tentang mengingat pengalaman lalu. Peringkat penstrukturan semula idea meninjau proses pengubahsuaian idea lama kepada idea baharu. Selepas idea kukuh dalam pemikiran, murid menggunakan idea itu untuk penyelesaian masalah seterusnya membuat refleksi bahawa murid sendiri telah mempelajari sesuatu yang baharu berdasarkan pengalaman.

Paparan Model Lima Fasa Needham juga menunjukkan beberapa ciri pembelajaran dicadangkan oleh pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014) yang juga menjadi landasan dalam kajian ini. Ciri-ciri ini dinyatakan dalam Jadual 1.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.3

Ciri-ciri Pembelajaran Berasaskan Konstruktivisme

Bil.	Huraian Ciri-ciri Pembelajaran
i.	Guru menggalakkan soalan atau idea yang dimulakan oleh murid dan menggunakannya sebagai panduan merancang pengajaran. Ini bermakna guru hanya menyediakan garis kasar dalam menyediakan rancangan pengajaran mereka. Seterusnya pelaksana pengajaran mereka bergantung pada respons murid.
ii.	Guru perlu memberi galakan kepada murid supaya berinteraksi sesama murid dan guru. Ini dapat dipupuk apabila guru memberikan murid satu masalah yang perlu diselesaikan oleh murid. Guru akan meminta murid memberikan respons kepada persoalan yang ditanya. Murid digalakkan untuk berbincang sesama mereka dalam memberikan idea masing-masing. Ini menunjukkan bahawa dalam pendekatan konstruktivisme, penglibatan murid adalah secara aktif dan bukan sekadar menjadi pemerhati dalam sesuatu pelajaran yang dipelajari.
iii.	Guru dan murid perlu menganggap proses pembelajaran adalah sama penting dengan hasil pembelajaran. Ciri ini bermaksud dalam pendekatan konstruktivisme, proses pengajaran dan pembelajaran itu sendiri amat penting kepada murid kerana pada waktu ini murid akan berusaha untuk mencari penyelesaian kepada masalah serta membantu mereka berfikir secara kreatif dan kritis.
iv.	Pendekatan konstruktivisme ini menyokong pembelajaran secara koperatif. Jika diperhatikan ciri-ciri dengan teliti, pendekatan konstruktivisme dan pembelajaran koperatif tidak mempunyai perbezaan yang ketara, murid akan bekerjasama dalam kumpulan kecil dan menyelesaikan tugasan yang diberikan. Pembelajaran secara berkumpulan akan membantu dirinya dan rakan-rakan kumpulan belajar, bersama-sama untuk mencapai matlamat yang sama.
v	Guru menggalakkan dan menerima daya usaha dan autonomi murid. Guru tidak perlu memandang rendah kepada usaha murid walaupun tidak menepati kehendak mereka. Ini akan membuatkan murid merasakan usaha mereka dihargai dan akan sentiasa bersemangat untuk mencuba lagi pada hari yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil.	Huraian Ciri-ciri Pembelajaran
vi.	Guru perlu memberi peluang kepada murid untuk membina pengetahuan baharu dengan memahaminya melalui penglibatan murid dengan situasi dunia yang sebenar. Bagi membantu murid dalam menyelesaikan sesuatu masalah, guru perlu mendedahkan murid dengan dunia sebenar bahawa masalah berkaitan memang wujud.
vii.	Guru boleh menggalakkan proses inkuiri murid melalui kajian dan eksperimen. Kaedah eksperimen merupakan salah satu kaedah pengajaran yang berpusatkan murid untuk menyelesaikan masalah, mengumpulkan maklumat dan membuat keputusan.
viii.	Guru perlu mengambil kira dapatan kajian tentang cara-cara murid belajar sesuatu idea. Ciri ini adalah penting bagi seorang guru supaya mereka tahu setakat mana kebolehan murid mereka mentaksir sesuatu masalah berkaitan topik yang diajar. Maklumat ini penting untuk guru kerana konstruktivisme amat menegaskan kepentingan membina pengetahuan secara aktif melalui proses saling pengaruh antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran terbaru.
ix.	Guru perlu mengambil kira kepercayaan dan sikap yang dibawa oleh murid. Dalam hal ini, pengalaman ialah kesan yang terhimpun dalam ingatan seseorang hasil daripada penerimaan rangsangan, pembelajaran dan tingkah laku. Ketiga-tiga saling berkaitan kerana guru perlu memastikan kesemuanya dalam keadaan yang terbaik bagi mendapatkan hasil pelajaran yang maksimum.

Sumber Diubahsuaikan daripada Pembelajaran Konstruktivisme oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001

Jadual 1.3 menunjukkan ciri-ciri pembelajaran konstruktivisme yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). Ciri-ciri ini mengaplikasikan Model Lima Fasa Needham (1987) yang bermula dengan tanggungjawab guru mencetuskan idea, menggalakkan murid berdialog untuk bertukar-tukar fikiran, pembelajaran secara kumpulan kecil dan menggalakkan murid memberikan idea-idea sendiri bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyelesaikan masalah. Guru mesti mengambil kira gaya pembelajaran murid dan mesti pandai memahami sikap dan percaya akan kebolehan murid. Beberapa model pembelajaran lain juga dicadangkan oleh pihak Bahagian Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) bagi menggalakkan perubahan konseptual dalam pengajaran menggunakan pendekatan konstruktivisme seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.4.

Jadual 1.4

Penekanan Tujuan Pembelajaran Model-Model Pengajaran Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme.

Bil	Model Pengajaran	Penekanan Tujuan Pembelajaran
i.	Lima Fasa Needham	Guru menyediakan peluang kepada murid menerokai secara langsung dalam aktiviti.
ii.	Generatif	Membandingkan pandangan murid dengan pandangan saintis.
iii.	Interaktif	Menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh murid.
iv.	Pembelajaran Koperatif	Menggunakan kemahiran analitis dan penelitian secara bekerjasama.
v.	Pemetaan Konsep	Mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan terdahulu secara bermakna.
vi.	Sains, Teknologi dan Masyarakat	Mengaplikasikan pengetahuan sains dan teknologi pada isu sosial.
vii.	Kitaran Pembelajaran	Mengadakan kegiatan inkuiri bersesuaian dengan perkembangan kognitif murid.
viii.	Penyebatian Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif	Meningkatkan proses dan kemahiran berfikir melalui kandungan mata pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.4 menunjukkan pendekatan konstruktivisme telah menimbulkan model-model pembelajaran yang sealiran dengan ciri-ciri konstruktivisme seperti model pembelajaran Lima Fasa Needham, pengajaran generatif, pengajaran interaktif, pembelajaran koperatif dan pemetaan konsep, sains teknologi dan masyarakat, kitaran pembelajaran dan penyebatian kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Setiap model mempunyai penekanan atau objektif yang tersendiri dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Walaupun nama model yang digunakan berbeza, namun ciri-ciri model masih selari dengan ciri-ciri pendekatan konstruktivisme.

Kesimpulannya, pengkaji menggunakan definisi pendekatan konstruktivisme dalam kajian ini sebagai satu pendekatan yang dapat membentuk pemikiran dan pengetahuan seseorang hasil daripada pertembungan pengetahuan sedia ada dengan persekitaran pembelajaran yang diwujudkan agar berlaku proses asimilasi dan akomodasi untuk membina pengetahuan baharu. Seterusnya, pengukuhan pengetahuan akan berlaku melalui pengalaman yang berterusan. Dalam kajian ini, pendekatan konstruktivisme diukur berdasarkan aplikasi pendekatan yang dilakukan oleh guru di dalam bilik darjah. Pendekatan konstruktivisme menjadi ciri-ciri binaan item soal selidik untuk pungutan data dan dioperasionalisasikan dalam bentuk skor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.4 Penulisan Karangan Bahasa Melayu

Aspek penulisan yang ditegaskan dalam kajian ini merujuk ciri-ciri pengajaran Bahasa Melayu yang terkandung dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang menjelaskan karangan merupakan wacana atau teks bertulis yang memerihalkan tema atau tajuk tertentu dengan kepanjangan tertentu dan memperlihatkan format persembahan yang mengandungi satu perenggan pengenalan, beberapa perenggan isi dan satu perenggan penutup. Sehubungan dengan itu, penulisan karangan dianggap komunikatif antara penulis dengan pembaca.

Berpandukan Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia (KBSM), pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan objektif kemahiran penulisan secara terperinci di peringkat menengah atas, iaitu:

> *Kemahiran penulisan merujuk kepada keupayaan murid mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan untuk menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan ilmu dan imaginatif.*
>
> *(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001, halaman: 26)*

Secara umumnya kemahiran menulis dianggap komplekatif. Pendapat Roselan Baki (2003) menyatakan bahawa dalam proses mengarang, tujuan dan arah sasarannya kerap tidak terbatas untuk menerangkan idea atau menghuraikan cerita yang baik tetapi juga untuk meyakinkan pembaca tentang kebenaran, kepentingan, keaslian dan segala macam keinginan lain sebagai manifestasi tujuan menyusun perkataan menjadi ayat,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi perenggan, menjadi teks yang lengkap tentang perkara, tempat, benda, proses, manusia dan peristiwa. Abdul Jalil Othman (2005) menyatakan bahawa penulisan merupakan proses memberikan pengetahuan, iaitu maklumat, fakta dan strategi mengarang kepada murid, atau proses menyampaikan ilmu mengarang kepada murid. Menurut Mahzan Arshad (2008) penulisan merupakan proses penciptaan yang bersifat individual. Oleh sebab itu, murid seharusnya dapat mendisiplinkan diri kerana penulisan memerlukan pemusatan dan ketenangan fikiran.

Dalam kemahiran penulisan karangan fakta, setiap murid digalakkan mencatatkan rangka karangan atau peringkat prapenulisan. Nuraishah Mahmood dan Sanisah Rahim (2014) menjelaskan bahawa prapenulisan bermakna, jangka masa antara tercetusnya keperluan penulisan sehingga murid melaksanakan tugas penulisan yang sebenar. Menurut Mohd Hairie Abdullah (2015) definisi prapenulisan ialah satu proses penulisan yang bermula daripada saat seseorang mula menanggap ciri-ciri tertentu, persekitaran luaran atau dalaman secara terpilih dengan hasrat untuk penulisan tentangnya sehingga waktu dia menuliskan perkataan dan frasa pada sehelai kertas untuk melahirkan tanggapan berkesan. Hakikatnya, kemahiran penulisan karangan mestilah melalui beberapa peringkat atau proses. Mohd Izzuddin Mohd Pisol dan Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi (2017) menjelaskan bahawa dalam penulisan, aspek pemerengganan amat penting. Perenggan penulisan bermaksud suatu kumpulan atau rentetan sebilangan perkataan yang membina beberapa ayat untuk mengembangkan sesuatu idea utama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap perenggan penulisan mempunyai tiga elemen penting iaitu, pengenalan, penghuraian isi dan penutup. Semua elemen ini mendukung satu tema utama. Pendapat Muhamad Faez Nurazman Amrullah et al. (2018) dalam binaan perenggan, aspek pemilihan penanda wacana juga penting untuk menyambung pemikiran dan idea secara berkesan, menarik dan yang lebih penting dapat menyalurkan idea-idea kepada pembaca dengan jelas. Penanda wacana ialah kata atau frasa yang digunakan untuk mewujudkan hubungan antara idea sebuah esei dan juga untuk menghubungkan pelbagai bahagian esei tersebut Selain itu, guru juga harus memfokuskan jenis-jenis karangan dan hubungan jenis penulisan tertentu dengan peperiksaan.

Dalam kajian ini, definisi penulisan karangan ialah satu proses melahirkan idea atau pendapat dalam bentuk susunan ayat melalui sistem pemerengganan. Pemerengganan ini dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup. Dalam pengolahan idea, murid harus berhujah atau menghuraikan sesuatu isi tajuk dengan lancar, baik dan berkesan dengan menggunakan ragam bahasa, kosa kata atau ungkapan yang matang dan menarik, di samping menjaga aspek tatabahasa dan ejaan. Kelancaran dan keluasan idea murid perlu disokong dengan contoh dan unsur-unsur gaya bahasa yang menarik. Ciri-ciri penulisan karangan ini mengikut klasifikasi Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Aspek penulisan karangan dalam kajian ini dioperasionalisasikan dalam bentuk ujian pra dan pasca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian pra dan pasca digunakan untuk meninjau perbezaan pencapaian penulisan karangan murid. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah set soalan karangan yang digubal mengikut kriteria yang berikut, iaitu bentuk soalan, iaitu merujuk karangan esei, jenis soalan, iaitu secara subjektif, kuantiti soalan merujuk format Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), laras soalan dan tema soalan merujuk tema yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan Empat dan aras soalan mengikut Jadual Justifikasi Ujian oleh LPM. Semua operasi ini dijustifikasikan kepada Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat.

1.9 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan merupakan satu proses mengkaji sesuatu masalah dengan menggunakan kaedah yang tepat dan dapat menggambarkan keobjektifan kajian. Ini bermakna sesuatu kajian yang dijalankan mestilah bermanfaat kepada organisasi yang diwakili. Berdasarkan kajian ini, kepentingan kajian dapat diklasifikasikan kepada beberapa pihak, iaitu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Jabatan Pelajaran Negeri dan Jabatan Pelajaran Daerah, pihak guru dan pihak murid yang terlibat dalam proses pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.1 Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian ini dapat menjadi rujukan kepada pihak BPK yang telah mengusulkan pendekatan konstruktivisme dalam pendidikan terutama pengajaran guru di dalam kelas. Bahan edaran tentang pengajaran dan pembelajaran konstruktivisme yang diterbitkan dan diedarkan oleh pihak BPK, terkandung objektif, iaitu mengharapkan para guru dapat membezakan pelbagai pandangan tentang teori pembelajaran, konsep dan ciri-ciri konstruktivisme serta mampu mengaplikasikan pendekatan ini dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut pihak BPK, pendekatan konstruktivisme didedahkan sebagai satu alternatif pengajaran moden kepada guru untuk memastikan ilmu yang diajarkan dapat diterima oleh murid. Oleh itu, melalui kajian ini, pihak kementerian akan dapat mengambil hasil dapatan kajian sebagai bukti keberkesanan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran, terutama dalam pengajaran bahasa Melayu yang berfokuskan kemahiran penulisan karangan murid.

1.9.2 Jabatan Pelajaran Negeri dan Daerah

Hasil kajian ini menjadi satu bukti bagi menunjukkan keberkesanan pengajaran secara konstruktivisme dapat membantu murid dalam kemahiran penulisan. Oleh itu, pihak BPK negeri dan daerah harus lebih agresif dan produktif untuk mengaplikasikan pendekatan konstruktivisme ini dalam pengajaran bahasa oleh guru-guru Bahasa Melayu semasa mengajarkan kemahiran bahasa termasuklah kemahiran penulisan. Ini secara tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

langsung dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru dan membantu mengatasi kelemahan murid dalam kemahiran bahasa. Oleh itu, perbincangan ilmiah boleh dilakukan untuk menyediakan modul-modul pengajaran berkonsepkan ciri-ciri konstruktivisme di Pusat-pusat Kegiatan Guru (PKG) atau di Pusat Sumber Teknologi Pendidikan (PSPN) negeri mahupun daerah masing-masing untuk menyebarluaskan manfaat dan keberkesanan mengaplikasikan pendekatan konstruktivisme di sekolah utama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang melibatkan kemahiran penulisan karangan.

1.9.3 Panitia Bahasa Melayu dan Guru-guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ini dapat dijadikan panduan agar guru lebih yakin untuk menggunakan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran terutama mengajarkan subjek Bahasa Melayu. Sehingga kajian ini dihasilkan, pengkaji dapati belum ada sebarang kajian terdahulu dilakukan tentang pengajaran bahasa melibatkan pendekatan konstruktivisme dan motivasi kendiri murid secara terperinci. Kajian lampau yang dikenal pasti hanya berfokus kepada kajian aspek-aspek kesalahan bahasa dalam karangan dan kajian melibatkan proses, teknik serta pendekatan dalam penulisan. Oleh itu, hasil kajian ini dapat membuka minda dan mengubah persepsi guru-guru berpengalaman dan senior untuk menerima pendekatan moden dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terutama berunsurkan konstruktivisme. Seterusnya meninggalkan budaya tradisi pengajaran kemahiran bahasa secara *chalk and talk*. Guru-guru juga akan mendapat ilmu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baharu tentang pendekatan konstruktivisme yang amat popular dalam dunia pendidikan barat, seterusnya mampu untuk memainkan peranan yang tepat mengikut pendekatan ini terutama dalam merancang dan menyediakan bahan-bahan pengajaran bagi memastikan objektif tercapai, minat dan keseronokan mengajar dapat dirasai sebagai satu pengalaman baharu kepada guru.

1.9.4 Murid

Hasil kajian ini dapat menyedarkan murid-murid bahawa mereka bertanggungjawab untuk membentuk minda ke arah kecemerlangan berdasarkan tanggungjawab kendiri yang harus dimainkan. Dalam apa-apa pun pengajaran dan pembelajaran, murid itu sendiri harus mempunyai motivasi dan tanggungjawab kendiri untuk pembelajaran mereka. Oleh itu, mereka harus bijak memotivasikan diri mereka sendiri untuk memiliki kematangan fikiran khususnya dalam kemahiran penulisan. Sebarang cabaran dan kelemahan yang dihadapi boleh diatasi secara interaksi dan perbincangan dengan guru dan rakan sebaya sebagai rujukan. Hasil dapatan dan penghuraian mantap yang diberikan dalam kajian ini mampu untuk membuka minda murid bagi menambahkan pengetahuan serta panduan tambahan untuk menempuh dunia pendidikan yang semakin mencabar bermula di peringkat rendah, peringkat menengah dan peringkat pengajian tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Kesimpulan

Perbincangan dalam bab ini menjadi panduan awal tentang tajuk, objektif dan persoalan kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji. Oleh itu, kerangka awal berkaitan konsep tajuk, batasan kajian dan tumpuan kajian akan terus dipegang oleh pengkaji agar matlamat kajian tidak tersasar. Bagi menjawab segala persoalan kajian, pengkaji akan menggunakan teori-teori dan fakta lanjut yang diberikan oleh tokoh-tokoh bahasa dan ilmuwan pendidikan yang sangat relevan. Semua hasil dapatan kajian yang lampau juga akan mendasari huraian yang diberikan. Segala maklumat ini dapat dilihat melalui bab 2, sorotan literatur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, sorotan literatur dibincangkan dalam lima aspek penting dengan berpandukan tajuk kajian. Aspek yang menjadi fokus ialah teori pengajaran dan pembelajaran, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), gaya pembelajaran, teori kognitif, pendekatan pengajaran, kemahiran menulis dengan berpaksikan kurikulum dan kajian lepas yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Teori Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan aliran pemikiran kajian terdahulu, Mok Soon Sang (2008) mengklasifikasikan empat jenis konsep dan teori-teori pembelajaran iaitu, behavioris, kognitif, sosial, dan humanis. Tokoh-tokoh mazhab behavioris seperti Parlov, Thorndike dan Skinner berpendapat bahawa pembelajaran berkaitan dengan perubahan tingkah laku sebagai hasil proses pembelajaran adalah kerana berlakunya perhubungan stimulus (rangsangan) dengan tindak balas organisma. Ahli-ahli psikologi kognitif seperti Kohler, Bruner, Gagne dan Ausubel, telah berpendapat bahawa pembelajaran merupakan suatu proses dalaman yang berlaku dalam akal fikiran dan tidak dapat diperhatikan secara langsung daripada tingkah laku manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tokoh mazhab sosial, seperti Bandura yang berasal dari Kanada, menegaskan pembelajaran melalui proses pemodelan, iaitu pembelajaran melalui proses pemerhatian dan peniruan. Ahli-ahli mazhab humanis berpendapat setiap individu mempunyai cara belajar yang berbeza dengan individu yang lain. Menurut Adenan Ayob et al. (2012) proses memperoleh maklumat dan ilmu pengetahuan, menguasai kemahiran serta membentuk sikap dan kepercayaan ditafsirkan sebagai pembelajaran. Oleh itu, strategi pengajaran dan pembelajaran hendaklah diaturkan mengikut kehendak dan perkembangan emosi murid sendiri. Norul Haida Reduzan et al. (2017) menjelaskan bahawa pembelajaran secara berterusan merupakan salah satu cara manusia menuntut ilmu dan menguasai sesuatu ilmu secara kekal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu teori pembelajaran ialah konstruktivisme yang membincangkan pembinaan pengetahuan dan kefahaman secara lebih mendalam mengenai sesuatu konsep. Menurut Meenu Dev (2016), Rajni Gupta dan Veenu Gupta (2017) dalam teori konstruktivisme, prinsip yang paling utama ialah pembelajaran yang dilakukan mestilah berpusatkan pelajar. Taber (2019) menjelaskan pembelajaran berpusatkan pelajar bermaksud pembelajaran yang diatur akan difokuskan kepada pelajar untuk menyelesaikan masalah. Teori pembelajaran konstruktivisme ini menepati ciri-ciri taksonomi pembelajaran oleh Marzano (2001) yang telah mengklasifikasikan tahap pembelajaran kepada enam peringkat. Jadual 2.1 menunjukkan enam tahap pembelajaran Marzano (2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Tahap Pembelajaran Marzano (2001)

Tahap	Proses
1	Proses mendapatkan semula ilmu pengetahuan daripada simpanan memori kekal ke memori kerja.
2	Proses pemahaman iaitu mensintesis ilmu pengetahuan dengan mencari intipati ilmu pengetahuan dan mewakili pengetahuan tersebut.
3	Proses analisis seperti mengklasifikasikan, menganalisis kesilapan, membuat generalisasi melalui proses induksi dan deduksi serta menjana aplikasi baru.
4	Proses penggunaan ilmu pengetahuan seperti membuat keputusan, menyelesaikan masalah, membuat inkuiri melalui eksperimen serta menyiasat.
5	Proses metakognitif seperti memantau, menilai, mengawal dan merenung pembelajaran.
6	Sistem kendiri iaitu pemupukan sikap yang positif, kepercayaan kendiri yang tinggi atau efikasi kendiri serta emosi stabil yang sekali gus menghasilkan motivasi intrinsik yang tinggi.

Jadual 2.1 menunjukkan enam proses yang terkandung dalam enam tahap pembelajaran. Tahap tersebut ialah tahap mengingat semula idea lalu, tahap cuba memahami pengetahuan baharu dan melakukan analisis terhadap pengetahuan baharu. Pengetahuan yang sudah kukuh digunakan ke peringkat metakognitif dan akhirnya sistem kendiri terbentuk untuk lebih percaya dan yakin dalam menguasai sesuatu ilmu dan kemahiran dalam pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami anjakan paradigma dari segi pendekatan embelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014) telah menyarankan pendekatan konstruktivisme ini diaplikasikan oleh guru semasa proses PdPc berlangsung. Pihak BPK menjelaskan bahawa pendekatan pembelajaran konstruktivisme terbahagi kepada lima proses iaitu pertama, simulasi perasaan ingin tahu murid melalui pemberian suatu tugasan, topik atau konsep, memupuk minat dan membangkitkan persoalan. Kedua, penjelajahan yang bertujuan memuaskan perasaan ingin tahu melalui penggunaan pendekatan inkuiri untuk menjelajah dan menyiasat, melalui eksperimen, menggalakkan murid bekerjasama dan menyoal. Ketiga, penerangan merupakan pendekatan yang melibatkan definisi konsep dan pernyataan iaitu pernyataan tentang penerangan orang lain dan membuat pertimbangan dan penjelasan. Keempat, penghuraian iaitu memperdalam konsep dalam sudut kandungan lain. Murid akan menghubungkaitkan dan melihat perhubungan sesuatu konsep atau topik dari sudut kandungan lain dan membuat perkaitan konsep atau topik dalam situasi dunia. Kelima, penilaian iaitu proses menilai pemahaman murid melalui demonstrasi, pemahaman dan kemahiran atau konsep pengetahuan.

Kesimpulannya, proses pendekatan konstruktivisme ini menggalakkan murid membina pengetahuan dengan melihat hubungan aspek kendiri dan rasa tanggungjawab untuk menguasai ilmu. Taber (2019) mengganggap murid berupaya bertindak ke arah kendiri atau *self-directedness* dan bertanggungjawab terhadap keputusan yang diambil. Murid perlu mengetahui sebab untuk mempelajari sesuatu perkara. Selain itu, murid perlu belajar secara eksperimen atau berdasarkan pengalaman untuk menyelesaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah dan setiap pembelajaran mestilah mempunyai nilai segera. Menurut Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Zamri Ghazali (2018) tindak balas kendiri dalam proses pembelajaran menjadi penentu kecenderungan murid untuk berinteraksi dalam gaya pembelajaran yang diaplikasikan dalam PdPc.

2.3 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

Kajian ini tertumpu kepada mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah. Oleh hal yang demikian, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) disorot dalam sorotan literatur ini. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada sesi persekolahan 2017 bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM diyakini mampu melahirkan murid yang dinamik untuk bersaing di peringkat global. Ketua Sektor Dasar dan Penyelidikan, Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan, Naza Idris Saadon (2016) menyatakan bahawa pelaksanaan KSSM adalah untuk mencapai matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menyarankan KBSM disemak dengan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis dan inovatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KSSM dibentuk berasaskan kepada enam komponen utama iaitu, Komunikasi, Kerohanian, Sikap dan Nilai, Kemanusiaan, Keterampilan Diri, Perkembangan Fizikal dan Estetika serta Sains, dan Teknologi. Enam komponen tersebut menjadi tunjang utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan memberi fokus kepada pendekatan konstruktivisme, pembelajaran berasaskan inkuiri dan pembelajaran berasaskan projek (Nur Hayati Sidek, 2015). Perkara ini perlu diberi tumpuan supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Oleh hal yang demikian, kajian ini amat bertepatan dengan matlamat yang ingin dicapai apabila memfokuskan pendekatan konstruktivisme dalam PdPc Bahasa Melayu mengajarkan penulisan karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu yang diorganisasikan dalam lima modul kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek seni bahasa, dan aspek tatabahasa (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Objektif kemahiran menulis adalah untuk meramal sesuatu perkara, melengkapkan maklumat dan menjawab pelbagai soalan dengan menggunakan ayat yang gramatis, menulis untuk membina kerangka karangan dan karangan lengkap secara terancang, serta menulis untuk mengolah maklumat daripada pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai. Jadual 2.2 menunjukkan standard kandungan dan standard pembelajaran untuk kemahiran menulis Tingkatan Empat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2

Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Menulis Tingkatan Empat

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
Menulis untuk menerangkan makna kata dan istilah, rangkai kata, ungkapan dan ayat.	Murid boleh: i. Menulis untuk membina ayat dengan membezakan makna kata, istilah, maksud rangkai kata, dan ungkapan dengan betul mengikut konteks.
Menulis untuk mengemukakan maklumat tentang sesuatu perkara.	i. Menulis untuk meramal sesuatu perkara yang dibaca, didengar dan ditonton dengan memberikan justifikasi menggunakan ayat yang gramatis.
Menulis untuk melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan.	i. Menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan mengikut situasi dan keperluan.
Menulis untuk menghasilkan sesuatu penulisan secara terancang.	i. Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang. ii. Menulis pelbagai jenis perenggan pendahuluan yang menepati tema menggunakan laras bahasa yang sesuai dan gramatis. iii. Menulis perenggan isi dengan huraian yang jelas dan kritis menggunakan bahasa yang gramatis. iv. Menulis untuk membuat kesimpulan yang lengkap dan menepati tema menggunakan ayat yang gramatis dan ungkapan yang menarik. v. Menulis untuk menghasilkan karangan dengan wacana yang lengkap, bahasa yang gramatis dan ungkapan yang menarik.
Menulis untuk mengolah maklumat bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik.	i. Mengolah pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai. ii. Mengolah maklumat daripada pelbagai bahan dalam bentuk grafik yang sesuai dan menarik.
Mengedit dan memurnikan pelbagai teks.	i. Menganalisis kesalahan bahasa dan kejituan idea dalam pelbagai teks.

Sumber daripada Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Kementerian Pendidikan Malaysia 2018.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2 menunjukkan satu penanda aras atau standard yang perlu dicapai murid dalam kemahiran menulis terkandung dalam KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4. Kemahiran ini perlu dikuasai murid bagi memenuhi matlamat negara. Standard kandungan merupakan penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Standard Pembelajaran pula adalah satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.

Penguasaan murid dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu KSSM dilabelkan mengikut enam tahap penguasaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.3 iaitu standard prestasi kemahiran menulis murid yang ingin dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.3

Standard Prestasi Kemahiran Menulis Tingkatan Empat

Standard Prestasi Kemahiran Menulis	
Tahap Penguasaan	**Penyataan**
1 Sangat Terhad	Menulis ungkapan, ayat dan pendapat dan menghasilkan penulisan, mencatat maklumat daripada pelbagai bahan, serta mengenal pasti kesalahan bahasa pada **tahap sangat terhad.**
2 Terhad	Menulis ungkapan, ayat dan pendapat dan menghasilkan penulisan, mencatat maklumat daripada pelbagai bahan, serta mengenal pasti kesalahan bahasa pada **tahap terhad**.
3 Memuaskan	Menulis ungkapan, ayat, pendapat, meramal, melengkapkan maklumat dan menghasilkan penulisan yang lengkap, mengolah pelbagai bahan dan maklumat, serta menganalisis kesalahan bahasa dengan betul menggunakan ayat yang gramatis dan mengikut konteks pada **tahap memuaskan.**
4 Baik	Menulis ungkapan, ayat, pendapat, meramal, melengkapkan maklumat dan menghasilkan penulisan yang lengkap, mengolah pelbagai bahan dan maklumat, serta menganalisis kesalahan bahasa dengan betul menggunakan ayat yang gramatis dan mengikut konteks pada **tahap kukuh**.
5 Sangat Baik	Menulis ungkapan, ayat, pendapat, meramal, melengkapkan maklumat dan menghasilkan penulisan yang lengkap, mengolah pelbagai bahan dan maklumat, serta menganalisis kesalahan bahasa dengan betul menggunakan ayat yang gramatis dan mengikut konteks pada **tahap tekal dan terperinci.**
6 Cemerlang	Menulis ungkapan, ayat, pendapat, meramal, melengkapkan maklumat dan menghasilkan penulisan yang lengkap, mengolah pelbagai bahan dan maklumat, serta menganalisis kesalahan bahasa dengan betul menggunakan ayat yang gramatis dan mengikut konteks pada **tahap tekal, terperinci dan menjadi teladan**.

Sumber daripada Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Kementerian Pendidikan Malaysia 2018.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.3 menunjukkan penguasaan kemahiran menulis mengikut beberapa tahap yang dicapai murid. Standard prestasi adalah satu set kriteria yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan murid sebagai petunjuk bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai. Tahap-tahap tersebut dibahagikan kepada enam iaitu, tahap satu untuk sangat terhad, tahap dua untuk terhad, tahap tiga untuk memuaskan, tahap empat untuk baik, tahap lima untuk sangat baik dan tahap enam untuk cemerlang. Kajian ini bertepatan dengan hasrat dan objektif-objektif yang ingin dicapai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

2.4 Gaya Pembelajaran

Dalam dunia pendidikan abad ke-21, terdapat pelbagai gaya pembelajaran yang telah diinovasikan untuk memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut Sabri Ahmad et al. (2014) gaya pembelajaran dapat didefinisikan sebagai kepelbagaian pendekatan atau cara pembelajaran merangkumi kaedah pendidikan yang membolehkan individu itu untuk belajar dengan lebih baik. Azizi Yahya dan Nurfaizah Abd. Majid (2011) serta Willingham et al. (2015) menjelaskan bahawa tingkah laku ini merupakan tingkah laku yang biasa dilakukan untuk memperoleh pengetahuan, kemahiran dan maklum balas menerusi proses pembelajaran. Gaya pembelajaran juga adalah berbeza dari satu gaya ke gaya lain mengikut kecenderungan pelajar. Tambahan pula, Zahra Nasiri et al. (2016) menyatakan gaya pembelajaran dipengaruhi oleh cara individu berfikir dan belajar dengan pelbagai kaedah bersesuaian dan dirasai paling terbaik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gaya pembelajaran dapat dirumuskan sebagai cara belajar seseorang individu yang bertindak dengan persekitarannya supaya aktiviti memproses, mentafsir dan memperoleh maklumat, ilmu pengetahuan atau kemahiran yang diingini berlaku. Menurut Mohamad Azri Amatan (2019) terdapat pelbagai perbincangan dan teori cara manusia belajar dan memperoleh ilmu pengetahuan. Dalam proses pembelajaran sama ada formal atau tidak formal, teori pembelajaran mempunyai peranan yang penting dalam menentukan proses pembelajaran itu berlaku. Terdapat pelbagai jenis gaya pembelajaran yang telah dikaji dalam pendidikan.

2.4.1 Gaya Pembelajaran Honey dan Mumford (1992)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Honey dan Mumford (1992) gaya pembelajaran didefinisikan sebagai penerangan tentang sikap dan tingkah laku individu yang mengamalkannya. Honey dan Mumford (1983) membahagikan gaya pembelajaran kepada empat kumpulan iaitu aktivis, reflektif, teoris dan pragmatis.

2.4.1.1 Aktivis

Murid yang memiliki gaya pembelajaran aktivis merupakan murid yang suka melibatkan diri secara aktif dan agresif dalam aktiviti pembelajarannya. Murid ini mempunyai daya eksplorasi untuk meneroka ilmu secara proaktif. Golongan murid ini biasanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai sikap tidak sabar dan tergesa-gesa. Keadaan ini adalah kerana perasaan ingin tahu yang tinggi terhadap perkara-perkara baharu. Individu ini biasanya bertindak dahulu sebelum mempertimbangkan kesannya. Mohamad Azrien Mohamed Adnan dan Zamri Ghazali (2018) menyatakan golongan aktivis merupakan golongan yang kreatif dan mampu menghasilkan idea-idea serta jalan penyelesaian yang kreatif dan menarik dalam situasi-situasi pengajaran dan pembelajaran yang ditimbulkan oleh guru. Tambahan pula, Yuarini Pertiwi dan Ditta Febrieta (2017) menjelaskan murid dalam aktivis ini mampu berinteraksi dengan persekitaran dan menguasainya untuk menambah pengalaman dan pengetahuan secara berdikari

2.4.1.2 Reflektif

Gaya pembelajaran reflektif ialah gaya murid yang suka memerhati, berfikir dan membuat refleksi kendiri terhadap apa-apa yang dipersepsikan daripada persekitaran mereka. Mereka mempunyai idea sendiri, memerhati, menyoal siasat, mentafsir, menilai dan membuat refleksi kendiri dengan kemahiran berfikir. Selain itu, mereka juga gemar belajar secara sistematik iaitu langkah demi langkah untuk mengelakkan kesilapan (Honey & Mumford, 1992). Refleksi kendiri murid menjadi satu ciri untuk kesedaran menguasai ilmu dan sentiasa berfikir dengan teliti sebelum membuat keputusan (Maimunah Nasir & Hashimah Mohd Yunus, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1.3 Teoris

Gaya pembelajaran teoris ialah gaya murid yang mempercayai sesuatu kenyataan berlakunya sesuatu perkara yang menjadi asas sesuatu ilmu. Kecenderungan otak murid berlaku mengikut konsep realistik dan rasional sebagai ukuran dalam proses PdPc. Honey dan Mumford (1992) menegaskan murid-murid juga mempunyai sikap berdisiplin serta bersifat objektif dalam kehidupan seharian. Selain itu, murid-murid ini merupakan golongan yang kurang kreatif dan suka membentuk hipotesis dan mengkaji fenomena yang berlaku di persekitaran. Menurut Salmiza Saleh dan Anis Diyana Halim (2016) pada keseluruhannya, mereka akan sentiasa menggunakan teori untuk membuat kesimpulan serta lebih mementingkan rumusan yang berdasarkan bukti, analisis, kenyataan atau idea yang wujud.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1.4 Pragmatis

Murid yang mengamalkan gaya pembelajaran pragmatis memiliki fikiran yang rasional dan logikal tentang pembelajaran. Selain itu, murid juga hanya mementingkan bukti dan hakikat yang dapat dilihat sendiri sebagai objektif pembelajaran. Honey dan Mumford (1992) menegaskan gaya pembelajaran pragmatis ini mengutamakan kegunaan dan penggunaan sesuatu perkara dan lebih bersifat ekspresif daripada kreatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut pandangan Nur Hayati Ismail (2015) murid golongan pragmatis sangat gemar menggunakan bahan-bahan konkrit untuk menjalankan aktiviti pembelajaran. Selain itu, murid ini juga kerap mencuba idea, teori dan teknik untuk menguji sama ada berguna atau tidak dalam situasi yang sebenar.

2.4.2 Gaya Pembelajaran Visual, Auditori, Kinestetik (VAK)

Gaya merujuk kepada sikap, kesukaan dan cara berkelakuan yang menjadi ciri seseorang. Pembelajaran pula merujuk kepada perihal atau proses belajar seseorang individu. Menurut James Cook University (2013) model gaya pembelajaran yang berupaya memberikan pendekatan yang kreatif dan aktif kepada murid ialah model gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik (VAK). Yuarini dan Ditta Febrieta (2017) menjelaskan murid belajar melalui tiga pendekatan yang berbeza, iaitu pertama pendekatan visual iaitu murid yang lebih berminat kepada kaedah pembelajaran menggunakan ilustrasi atau gambar. Pendekatan kedua ialah auditori iaitu gaya pembelajaran yang cenderung untuk mendengar penjelasan atau perbualan orang lain. Pendekatan ketiga ialah kinestetik iaitu pembelajaran murid yang lebih kepada praktikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2.1 Aspek Visual

Murid yang cenderung kepada gaya pembelajaran visual dapat belajar dengan lebih baik melalui pembacaan, (Bobby DePorter et al., 2010). Mereka tidak memerlukan penerangan secara lisan ataupun mendengar tetapi dapat memahami arahan dan penerangan menerusi pembacaan sahaja. Murid ini juga menggunakan kaedah menulis nota apabila hendak mengingati sesuatu.

2.4.2.2 Aspek Auditori

Gaya pembelajaran auditori ialah murid mendengar perkataan yang disebut mengikut arahan lisan. Murid lebih mudah untuk mengingati sesuatu perkara dengan bacaan kuat atau menggerakkan bibir ketika mempelajari sesuatu. Selain itu, murid-murid yang menggunakan jenis pembelajaran ini akan mengukuhkan ingatan dengan mendengar semula rakaman pita audio dan juga mengajar murid–murid lain serta berbincang dengan guru (Bobby DePorter et al., 2010).

2.4.2.2 Aspek Kinestetik

Gaya pembelajaran kinestetik melihat kecenderungan murid melakukan aktiviti psikomotor untuk menguasai ilmu. Anggota fizikal murid akan berinteraksi dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


persekitarannya untuk meneguhkan sesuatu ilmu yang dikuasai. Oleh itu, guru mestti bijak merancang aktiviti PdPc yang mencabar minda dan fizikal bagi meningkatkan minat murid. Menurut Yuarini Pertiwi dan Ditta Febrieta (2017) murid lebih tertarik akan sesi pembelajaran yang mencabar dan menggunakan sesuatu yang baharu seperti aktiviti yang membolehkan mereka menyentuh dan memanipulasikan bahan.

2.4.3 Gaya Pembelajaran Dunn & Dunn

Gaya pembelajaran ini menyatakan bahawa cara pembelajaran seseorang itu diperoleh melalui kaedah menumpu, memproses, menyerap, dan mengingati maklumat yang baharu atau sukar. Rajah 2.1 menunjukkan faktor rangsangan yang terdapat dalam gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1. Gaya Pembelajaran. Diadaptasi daripada Dunn dan Dunn (1978)

Rajah 2.1 menunjukkan model gaya pembelajaran oleh Dunn dan Dunn (1978). Terdapat lima jenis rangsangan yang berupaya menghasilkan gaya pembelajaran yang berbeza bagi setiap individu. Rangsangan-rangsangan tersebut ialah rangsangan persekitaran yang melibatkan bunyi cahaya, suhu dan pola. Rangsangan emosi melibatkan motivasi, tanggungjawab, ketabahan dan struktur. Rangsangan sosiologikal melibatkan pembelajaran individu, berpasangan, bimbingan rakan, kumpulan, guru dan pelbagai. Rangsangan fizikal pula melibatkan persepsi, makan, gerakan dan waktu. Rangsangan terakhir iaitu psikologikal yang melibatkan analitik, global, reflektif dan impulsif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3.1 Rangsangan Persekitaran

Rangsangan persekitaran merujuk kepada elemen cahaya, bunyi, suhu dan reka bentuk. Kajian yang dilakukan Dunn dan Dunn (1978) mendapati rangsangan cahaya memberikan kesan yang berbeza kepada individu. Hal ini adalah kerana terdapat murid yang sangat sensitif terhadap cahaya. Terdapat sebilangan pelajar yang gemar cahaya terang kerana pencahayaan yang samar akan membuatkan mata mereka cepat letih atau mengantuk dan sebaliknya.

Persekitaran yang bising dan sunyi turut mempengaruhi gaya pembelajaran murid. Menurut Zaharah Mohd Nadzir (2009) dan Mohamad Azri Amatan (2019) elemen bunyi yang terhasil di persekitaran murid akan mempengaruhi gaya pembelajaran mereka. Terdapat murid yang tidak gemar belajar di tempat yang sunyi. Mereka yang memiliki gaya pembelajaran ini memerlukan bunyi seperti muzik semasa belajar. Oleh itu, mereka akan memasang radio atau televisyen sewaktu belajar kerana bunyi daripada radio atau televisyen dapat mengatasi suasana yang sunyi itu. Hal ini dapat memberi lebih kosentrasi dalam proses pembelajaran mereka. Murid yang suka belajar dalam suasana sunyi pula lebih gemar belajar bersendirian berbanding secara berkumpulan kerana perbincangan yang berlaku dalam kumpulan akan mengganggu kosentrasi mereka.

Setiap individu mempunyai tindak balas yang berbeza terhadap suhu persekitaran (Dunn & Dunn, 1978). Terdapat murid yang merasakan proses pembelajaran lebih berkesan sekiranya dilakukan dalam suasana nyaman dan bersuhu dingin. Suhu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

panas akan menyebabkan fikiran dan emosi seseorang terganggu dan cepat berasa mengantuk. Menurut Marzita Puteh et al., 2012 keadaan iklim bilik darjah yang kurang sesuai ini akan mengganggu tumpuan seseorang murid untuk belajar. Namun begitu, terdapat juga murid yang tidak dapat menumpukan perhatian dalam suasana pembelajaran yang sejuk.

Selain itu, gaya pembelajaran juga bergantung pada elemen reka bentuk. Terdapat dua keadaan reka bentuk pembelajaran iaitu keadaan formal dan keadaan tidak formal atau santai. Suhaidah Abd. Kadir (2001) menjelaskan bahawa murid yang gemar belajar dalam keadaan formal memerlukan satu tempat yang khas untuk aktiviti pembelajaran mereka seperti meja tulis agar mereka dapat belajar dengan lebih berkesan. Golongan murid yang lebih gemar bersantai dan tidak formal pula gemar memilih tempat seperti di katil, di lantai atau di ruang tamu supaya dapat belajar dengan lebih fokus.

2.4.3.2 Rangsangan Emosional

Rangsangan emosional terdiri daripada motivasi, usaha, kecekalan, tanggungjawab dan keperluan untuk struktur dan fleksibiliti. Menurut Maimunah Nasir dan Hashimah Mohd Yunus (2017) motivasi dapat membantu seseorang untuk meneruskan sesuatu perkara yang sedang atau akan dilakukan. Terdapat dua jenis motivasi iaitu motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik. Motivasi ekstrinsik adalah motivasi luaran yang berlaku atas desakan atau ganjaran dalam bentuk markah, gred, hadiah dan kedudukan dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Motivasi intrinsik merupakan motivasi dalaman seperti keperluan, sikap dan emosi semula jadi yang menyebabkan murid mengambil peluang untuk turut serta dalam proses pembelajaran (Salmiza Salleh & Anis Diyana Halim, 2016).

Kecekalan pula bermaksud tumpuan yang diberikan oleh murid semasa belajar. Menurut Olivier (2019) tahap kecekalan ini berbeza antara individu menyebabkan mereka memerlukan waktu dan tempoh masa rehat yang berbeza. Dalam menyelesaikan masalah pembelajaran, murid perlu mengikut peraturan atau struktur kendiri melalui motivasi yang dibentuk. Dunn dan Dunn (1978) mendefinisikan struktur sebagai suatu peraturan spesifik yang digunakan untuk melaksanakan kerja dan menyiapkan tugasan. Pelbagai jenis struktur yang berbeza yang diambil oleh pelajar bergantung pada cara belajar setiap individu dan kebolehannya membuat keputusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3.3 Rangsangan Sosiologi

Rangsangan sosiologi dipengaruhi oleh diri sendiri, pasangan, rakan sebaya atau orang dewasa. Dunn dan Dunn (1978) menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara langsung oleh guru kepada murid. Rangsangan yang dipengaruhi oleh diri sendiri bermaksud gaya pembelajaran secara bersendirian tanpa gangguan daripada orang lain Mereka lebih selesa bersendirian kerana kurang gemar membuang masa untuk bercakap sesama rakan yang boleh menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran. Rozita Abdul Latif (2009) juga menjelaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa terdapat murid yang suka belajar secara berpasangan. Hal ini adalah kerana mereka berasa lebih suka belajar dengan kehadiran kawan kerana dapat berkomunikasi dan berinteraksi secara dua hala. Rangsangan yang dipengaruhi rakan sebaya pula bermakna murid belajar beramai-ramai dengan rakan mereka. Kaedah ini melibatkan perbincangan, perkongsian idea dan sumbang saran. Menurut Azizi Yahya dan Nurfaizah Abd. Majid (2011) murid sekolah menengah lebih aktif untuk bersoal jawab dan mengemukakan pendirian secara terbuka untuk berkongsi dan mengasimilasi ilmu yang diperoleh dalam pembelajarannya.

2.4.3.4 Rangsangan Fizikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rangsangan fizikal terdiri daripada persepsi pancaindera, makanan, minuman, waktu atau tempoh belajar dan pergerakan. Persepsi pancaindera merupakan penggunaan kesemua lima pancaindera yang wujud semasa menerima, memproses dan mengingati maklumat oleh seseorang individu. Gaya pembelajaran Dunn dan Dunn (1978) menggariskan beberapa kaedah pembelajaran untuk mengingati maklumat iaitu secara visual, auditif, tekstual dan kinestetik. Ini selari dengan pendapat Bobby DePorter et al. (2010) menegaskan persepsi visual membolehkan murid belajar melalui pengamatan kepada asosiasi visual yang kuat dan cenderung untuk melihat gambar yang menarik. Murid belajar secara aktif apabila terdapat ilustrasi atau gambar dalam medium yang dibaca (Abdul Rashid Jamian, 2012). Pembelajaran secara auditif dapat membantu murid mengeluarkan bunyi untuk mendengar dan mengingati. Murid lebih berminat dan selesa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

belajar sambil mendengar perkataan yang dibaca. Tekstual pula kaedah pembelajaran melalui sentuhan, kaedah ini membantu murid memahami dan mengingat sesuatu berdasarkan pengalamannya.

Pancaindera seterusnya ialah kinestetik iaitu belajar melalui hasil kerja dan pergerakan. Marzita Puteh et al. (2012) menegaskan bahawa murid juga belajar jika terdapat rangsangan fizikal makanan dan minuman. Mereka akan berhenti sebentar semasa proses belajar untuk makan dan minum agar tidak berasa tertekan atau bosan. Namun begitu, terdapat juga murid yang tidak gemar untuk berhenti makan dan minum semasa proses pembelajaran berlangsung. Hal ini demikian kerana mereka tidak mahu fokus pembelajaran mereka terganggu. Rangsangan fizikal berikutnya ialah waktu atau tempoh belajar seseorang murid. Terdapat murid yang memilih untuk belajar pada waktu pagi ketika masih segar, dan ada juga murid yang belajar pada waktu malam yang sunyi. Waktu perdana ialah waktu bagi seseorang itu paling bertenaga untuk menyiapkan sesuatu tugas dengan baik. Waktu perdana sangat penting kerana ketika itu murid dapat belajar dengan paling berkesan (Dunn & Dunn, 1978). Pergerakan pula bermaksud sikap bertukar lokasi belajar setelah belajar seketika. Dalam setiap proses pembelajaran, waktu rehat merupakan satu kemestian bagi setiap murid supaya fokus dapat diberi kepada pembelajaran yang seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3.5 Rangsangan Psikologi

Rangsangan psikologi pula terbahagi kepada beberapa faktor iaitu analitik dan global, impulsif dan reflektif, dominan otak kiri dan kanan. Murid yang memiliki gaya pembelajaran analitik lebih gemar belajar dan mudah faham dalam suasana yang cerah dan lebih formal. Hal ini demikian kerana mereka dapat melaksanakan tugas dengan lebih terperinci dan fokus. Berlainan pula dengan murid yang memiliki sifat global. Menurut Che Nidzam Che Ahmad et al. (2010) murid global lebih mudah fokus dan faham ketika belajar dalam suasana santai, suram dan tidak formal. Sebagai contoh, belajar di ruang tamu, di atas lantai atau di atas katil.

Murid yang bersifat reflektif mengamalkan gaya pembelajaran yang terperinci dan berhati-hati ketika membuat sesuatu perkara. Mereka akan mengambil masa untuk berfikir sedalam-dalamnya sebelum sesuatu keputusan itu diambil atau terlibat dalam proses pembelajaran (Rozita Abd. Latif, 2009). Murid yang bersifat impulsif pula berbeza dengan reflektif. Mereka cepat dalam membuat keputusan dan lebih mengikut gerak hati ketika belajar. Selain itu, mereka juga tidak suka melakukan persediaan awal sebelum proses pembelajaran berlangsung. Aspek psikologi seterusnya ialah otak. Otak manusia dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu otak kiri dan otak kanan. Otak kiri dan kanan ini mempengaruhi tingkah laku atau gaya pembelajaran murid. Menurut Salmiza Saleh dan Anis Dayana (2016) menegaskan bahawa mereka yang dominan otak kiri lebih cenderung ke arah bahasa, matematik, analisis dan logik. Mereka yang dominan otak kanan pula berfungsi ke arah bentuk, ruang, corak, rentak, holistik dan irama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.4 Gaya Pembelajaran Taksonomi Bloom (1956)


Taksonomi bermaksud kajian tentang prinsip, peraturan, dan amalan dalam pengelasan organisma hidup berdasarkan persamaan dan perbezaan sifat organisma (Kamus Dewan, 2013). Menurut Nelly Ezatul Fazlina Md. Sah et al. (2015) taksonomi merupakan sistem pengelasan objektif pendidikan yang didefinisikan dengan seberapa tepat yang mungkin dan disusun daripada konsep yang ringkas kepada yang kompleks. Salah satu taksonomi pendidikan yang terkenal ialah Taksonomi Bloom yang diasaskan oleh Benjamin S. Bloom pada tahun 1956. Pada tahun 1948, sekumpulan ahli psikologi telah berbincang tentang kesulitan melaksanakan penilaian dalam pendidikan. Hal ini adalah kerana ketiadaan rangka rujukan yang disetujui bersama semasa menilai aspek-aspek yang terdapat dalam bidang pendidikan tersebut. Tiga domain pembahagian objektif pendidikan hasil daripada perbincangan tersebut ialah domain kognitif, domain afektif dan domain psikomotor.

Domain kognitif memiliki objektif yang berubah-ubah daripada mengingati atau membayangkan semula perkara yang telah dipelajari sehinggalah mensintesiskan bahan baharu dengan cara yang kreatif. Domain afektif pula memiliki objektif yang memfokuskan perasaan atau emosi iaitu minat, sikap, apresiasi dan nilai. Objektif domain psikomotor pula menekankan kemahiran otot dalam mengendalikan objek atau tindakan yang memerlukan koordinasi otot. Ketiga-tiga domain ini diperlukan dalam membuat penilaian. Buku berjudul *Taxonomy of Education Objectives Book 1-Cognitive Domain*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah ditulis oleh Benjamin S. Bloom pada tahun 1959. Di dalam buku tersebut menyatakan domain kognitif terdiri daripada enam komponen utama, iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Rajah 2.2 menunjukkan hierarki yang mengandungi enam komponen tersebut. Susunan hierarki ini dimulai dengan aras rendah kepada aras yang tinggi dan lebih dikenali sebagai Taksonomi Bloom.



Rajah 2.2. Hierarki Taksonomi Bloom (1956)

Rajah 2.2 menunjukkan setiap aras Taksonomi Bloom yang mempunyai pengertiannya. Komponen pengetahuan merupakan suatu aktiviti murid untuk mengingat semula perkara khusus dan universal, mengingat semula kaedah dan proses atau mengingat semula sesuatu corak struktur atau latar belakang. Komponen kefahaman melibatkan murid menggunakan bahan komunikasi tanpa menghubungkannya dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahan lain. Murid mampu membuat penterjemahan, pentaksiran dan ekstrapolasi apa-apa yang dipelajari. Komponen aplikasi melibatkan murid mengaplikasikan apa-apa yang dipelajari dalam satu situasi baharu yang khusus dan konkrit. Dalam komponen analisis, murid boleh memecahkan sesuatu perkara kepada bahagian-bahagian kecil, menghuraikan persamaan dan perbezaan serta menyelesaikan masalah yang dihadapi. Komponen sintesis pula murid berupaya menggabungkan unsur atau bahan bagi membentuk satu kesimpulan. Satu pola atau struktur akan terbentuk akibat daripada unsur atau bahan yang digabungkan. Komponen terakhir ialah penilaian iaitu murid menggunakan pertimbangan secara kualitatif atau kuantitatif dalam menilai bahan spesifik untuk sesuatu kriteria yang telah ditetapkan.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.5 Gaya Pembelajaran Taksonomi Anderson

Bekas anak murid Bloom, iaitu Lorin Anderson telah mengetuai usaha untuk menambah baik Taksonomi Bloom bersama-sama dengan David Krathwohl pada tahun 1994. Usaha ini turut dilakukan bersama para ahli psikologi aliran kognitif. Hasil daripada pembaikan Taksonomi Bloom tersebut diterbitkan pada tahun 2001 yang diberi nama Taksonomi Anderson. Rajah 2.3 menunjukkan perbezaan Taksonomi Bloom dengan Taksonomi Anderson (Anderson & Krathwohl, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.3. Perbandingan Domain Kognitif antara Taksonomi Bloom (1956) dengan Taksonomi Anderson (2001)

Rajah 2.3 menunjukkan perbandingan antara Taksonomi Bloom dan Taksonomi Anderson yang mengalami perubahan dalam istilah yang digunakan iaitu daripada kata nama (pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian) kepada kata kerja iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Perubahan ini terjadi kerana taksonomi ini merupakan satu proses aktif. Penggunaan kata kerja adalah lebih tepat digunakan kerana cirinya yang menjelaskan tindakan yang dibuat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan ketara dapat dilihat melalui ‘mencipta’ yang diubah kedudukannya pada hierarki tertinggi dalam Taksonomi Anderson berbanding ‘penilaian’ dalam Taksonomi Bloom. Hal ini adalah kerana berfikir secara kreatif (mencipta) adalah lebih kompleks daripada berfikir secara kritikal (menilai).

2.5 Teori Kognitif

Teori kognitif atau teori pemprosesan maklumat yang telah bermulanya dari tahun 1970. Fokus utama teori kognitif ialah melihat bagaimana proses pembelajaran itu berlaku. Terdapat beberapa tokoh terkemuka dalam teori kognitif ini seperti Teori Pembelajaran Kognitif Piaget, Teori Pembelajaran Kognitif Vygotsky dan Teori Pembelajaran Kognitif Bruner. Teori kognitif atau teori pemprosesan maklumat telah mengelaskan ingatan kepada tiga bahagian iaitu ingatan jangka masa panjang, ingatan jangka masa pendek, dan ingatan deria atau sensor (Adenan Ayob, 2012). Secara umumnya, kebolehan kognitif merupakan satu daya pemikiran yang mampu dioperasikan oleh murid ke arah pemikiran positif atau negatif.

Teori pembelajaran kognitif menegaskan bahawa murid menggunakan sistem mindanya dengan melakukan pemerhatian yang terperinci secara aktif dan reflektif terhadap perkara yang diketahui dan tidak diketahui serta dilakukan secara individu (Nazeri Mohammad, 2014). Teori kognitif ini mempunyai hubungan secara langsung dengan pendekatan konstruktivisme. Pendekatan ini merupakan satu proses binaan fikiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh murid ketika proses pembelajaran. Hasil pelaksanaan pendekatan konstruktivisme ini dapat memberi kesan kepada kebolehan kognitif murid khususnya dalam kemahiran menulis karangan. Secara umumnya, sistem pembelajaran dalam pendidikan berdasarkan kepada beberapa teori perkembangan kognitif.

2.5.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget

Jean Piaget merupakan seorang ahli biologi yang terlatih. Beliau amat berminat dalam bidang biologi dan epistemologi yang berkaitan dengan perkembangan dan perolehan pengetahuan manusia. Latar belakang beliau telah banyak memberi sumbangan kepada bidang psikologi yang mula diceburi Piaget. Menurut Jean Piaget (1970) setiap manusia cuba sedaya upaya untuk mengatur serta memahami rangsangan luaran yang memberi pengalaman kepadanya. Pengalaman tersebut hadir dalam bentuk skema iaitu rangka kognitif yang berkembang mengikut peningkatan umur. Beliau berpendapat kanak-kanak akan melalui peringkat perkembangan yang sama pada usia yang berbeza-beza. Kanak-kanak berupaya membina persekitarannya sendiri untuk membentuk kognitif mereka. Empat tahap perkembangan kognitif yang telah diklasifikasikan adalah seperti berikut:

i. Tahap Deria Motor (2 minggu hingga 2 tahun)

Bayi mula memahami persekitarannya sebagai alam objek yang mudah difahami. Bayi mengenali persekitarannya dengan mengkordinasikan objek-objek yang terdapat di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekelilingnya. Bayi mula menunjukkan kebolehan menaakul dan celik akal ketika berusia dua tahun.

ii. Tahap Praoperasi (2 tahun hingga 6 tahun)

Kanak-kanak sudah boleh bercakap dan berkomunikasi dengan bahasa yang mudah dan ringkas. Mereka juga berupaya untuk berfikir menggunakan simbol, lambang atau bayangan mental. Pada tahap ini kanak-kanak akan cuba untuk memberi dan mendapatkan penerangan serta kefahaman tentang peristiwa semula jadi dalam bentuk sifat-sifat manusia yang dinamakan sebagai *anthropomorphisme*. Ketika ini juga telah berlaku pemikiran berpusat kendiri atau egosentrik. Mereka juga tidak tahu membezakan konsep objek dan subjek.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Tahap Operasi Konkrit (7 tahun hingga 11 tahun)

Pada ketika ini kanak-kanak sudah mula memahami unsur-unsur pemikiran logik. Mereka telah faham konsep nombor, berat, susunan dan padatan. Namun masih belum memahami atau menaakul perkara yang abstrak. Selain itu, mereka juga boleh melaksanakan sesetengah operasi ke atas objek lain tetapi tidak boleh lagi beroperasi ke atas proses pemikirannya sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Tahap Operasi Formal (remaja dan ke atas)

Pada tahap ini telah berlaku perubahan dalam kualiti pemikiran. Individu pada tahap ini berupaya menggunakan dan memahami logik serta konsep-konsep abstrak. Konsep ini menjadi asas kepada sains, matematik, etika, politik, keagamaan dan sebagainya. Mereka berkebolehan menguruskan unit yang bermakna, melakukan sintesis, penyeluruhan dan membuat beberapa hipotesis untuk mencapai keseimbangan.


2.5.2 Teori Perkembangan Kognitif Vygotsky

Vygotsky merupakan seorang ahli psikologi Rusia yang memberi sumbangan dalam teori perkembangan kognitif manusia. Menurut Vygotsky (1978), kajian kognitif oleh Piaget sebagai revolusi dalam psikologi. Namun demikian, beliau berpendapat perkembangan kognitif kanak-kanak banyak bergantung pada orang lain dan tidak hanya dibina melalui usaha sendiri. Ini membuktikan perkembangan kognitif berlaku melalui interaksi kanak-kanak dengan orang dewasa. Konsep ini mencadangkan kanak-kanak memerlukan bantuan atau sokongan untuk membina kefahaman yang membolehkan mereka menyelesaikan masalah secara persendirian. Beliau juga turut menyatakan kesan persekitaran sosial dan pendidikan merupakan syarat utama dalam perkembangan kognitif kanak-kanak. Kanak-kanak mengembangkan sesuatu konsep melalui tiga cara, iaitu melalui internalization, scaffolding dan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) bermaksud jarak ataupun perbezaan antara tahap kognitif yang dapat dicapai oleh kanak-kanak. Aktiviti bermain merupakan aspek utama dalam membantu perkembangan kognitif kanak-kanak untuk menjadi lebih baik (Van Hoorn et al., 2007). Kaedah ini dapat membantu kanak-kanak membina Zon Perkembangan Proksimalnya (ZPD). Beliau mencadangkan semua guru perlu memahami tahap kognitif murid apabila merancang proses PdPc supaya kesan pembelajaran yang optimum dapat dicapai oleh murid. Rajah 2.4 merupakan rajah yang menerangkan secara ringkas ZPD oleh Vygotsky (1978).



Rajah 2.4. Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) oleh Vygotsy (1978)

Melalui Rajah 2.4, Vygotsky (1978) menjelaskan bahawa terdapat dua zon yang membentuk kognitif kanak-kanak iaitu zon had atas dan zon had bawah. Zon had atas menjelaskan pembentukan kognitif kanak-kanak melalui penyelesaian masalah dengan bimbingan guru atau rakan sebaya yang berkebolehan untuk berkongsi idea dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berunding, berbincang, dan bekerjasama dalam menyiapkan tugas serta melatih kanak-kanak mengambil peranan dalam kumpulan masing-masing untuk mencapai matlamat yang sama. Zon had bawah menjelaskan pembentukan kognitif melalui penylesaian kanak-kanak itu sendiri tanpa bantuan orang lain.Teknik *scaffolding* diberi penekanan ketika proses pembentukan kognitif berlangsung. Teknik *scaffolding* merupakan sokongan dan bantuan yang mampu meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak ke aras yang lebih tinggi. Menurut Zakiah Mohamad Ashari (2014) teknik ini digunakan supaya guru atau rakan sebaya yang memiliki kemahiran yang lebih dapat membantu kanak-kanak yang kurang berpengetahuan dan berkeupayaan.

2.5.3 Teori Perkembangan Kognitif Bruner

Jerome S. Bruner merupakan seorang ahli psikologi dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat. Beliau mempelopori aliran psikologi kognitif yang memberi dorongan untuk memberikan perhatian kepada kepentingan pengembangan berfikir oleh seseorang individu. Jerome Bruner (1996) berpendapat pembelajaran merupakan suatu proses yang aktif. Proses aktif tersebut bermaksud murid berupaya membina pengetahuannya sendiri atau konsep baharu berasaskan kepada pengalaman. Pembelajaran akan lebih berkesan jika pelajar berhadapan dengan tugasan atau masalah yang telah biasa ditemui.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Perkembangan Kognitif oleh Bruner menjelaskan bahawa perkembangan kognitif kanak-kanak melalui tiga peringkat iaitu peringkat enaktif, peringkat ikonik dan peringkat simbolik. Peringkat enaktif merupakan peringkat awal dalam proses pembelajaran kanak-kanak sejak lahir hingga usia tiga tahun. Peringkat ini adalah sama dengan peringkat deria motor iaitu untuk memahami dan berinteraksi dengan persekitarannya. Kanak-kanak menggunakan pengetahuan psikomotor untuk belajar dari persekitaran mereka. Kepelbagaian aktiviti yang dilakukan kanak-kanak berkait rapat dengan pergerakan kanak-kanak itu sendiri. Pada peringkat ini, kanak-kanak haruslah diberi pengalaman yang kukuh tentang sesuatu pembelajaran supaya semua aktiviti yang dipelajarinya tersimpan dalam jangka masa yang panjang.

Peringkat ikonik merupakan proses perkembangan kognitif kanak-kanak ketika berusia tiga hingga lapan tahun. Kanak-kanak mempelajari sesuatu perkara itu melalui gambaran. Kanak-kanak akan memikirkan sesuatu melalui imej dan visual yang pernah dilihat mereka. Peringkat ketiga iaitu simbolik, merupakan kemampuan kanak-kanak untuk memahami sebuah konsep dan kejadian yang dipaparkan melalui suatu bahasa. Peringkat ini berlaku ketika kanak-kanak tersebut berusia melebihi lapan tahun.

2.6 Pendekatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Sebagai langkah untuk mencapai hasrat dan matlamat KSSM, beberapa strategi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menggunakan pelbagai pendekatan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memenuhi konsep bersepadu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dilaksanakan. Langkah-langkah dan pendekatan tersebut bertujuan supaya murid menguasai kemahiran bahasa yang lebih efektif. Terdapat beberapa pendekatan dalam pembelajaran dan pengajaran seperti yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) iaitu penyelesaian masalah, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran koperatif, pembelajaran kecerdasan pelbagai, pembelajaran kontekstual, pembelajaran konstruktivisme, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, pembelajaran akses kendiri, pembelajaran luar bilik darjah, pembelajaran masteri, pendekatan modular, pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran berasaskan inkuiri, pendekatan didik hibur, kepelbagaian sumber dan bahan, dan pendekatan tematik. Abdul Rashid Jamian (2016) menegaskan guru perlu bijak merancang strategi pengajaran dan memilih pendekatan yang berkesan, sesuai dengan standard pembelajaran yang diajarkan seterusnya mencapai objektif pelajaran.

i. Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah ialah aktiviti PdPc yang mencabar pemikiran murid untuk menyelesaikan masalah. Azizi Yahya dan Nurfaizah Abd. Majid (2011) menjelaskan murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah dipelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Selain itu, penyelesaian masalah secara kolaboratif digalakkan dalam aktiviti bilik darjah. Kaedah penyelesaian masalah dilaksanakan dengan cara, guru merancang PdPc berpandukan beberapa masalah termasuk situasi autentik yang menyerupai masalah dalam kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran akan terhasil apabila berlaku proses pemanduan ke arah pemahaman dan penyelesaian suatu masalah dengan menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah dipelajari oleh murid untuk menyelesaikan masalah yang diberikan.

Kaedah ini dapat menggalakkan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Pendapat Farah Adlina Moktar (2019) menegaskan kaedah ini mendedahkan murid dengan pelbagai pengalaman pembelajaran untuk menyelesaikan masalah. Tugasan atau soalan diberikan kepada murid yang kemudiannya dibimbing oleh guru untuk mengenal pasti dan memahami masalah, seterusnya perbincangan antara guru dengan murid berlaku untuk mencari kaedah penyelesaian yang sesuai. Selain itu, guru akan membimbing murid berdikari dalam membuat keputusan dan menyemak jawapan yang diberikan oleh murid bagi menyelesaikan masalah pembelajaran itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek merupakan pengaplikasian dan penggabungjalinan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari daripada pelbagai disiplin ilmu untuk menyelesaikan masalah. Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu produk. Produk tersebut boleh dalam pelbagai bentuk seperti objek, laporan, persembahan, hasil kerja tangan (Rozita Abd. Latif, 2009). Penilaian dijalankan secara berterusan melalui proses kerja, hasil kerja, sikap dan nilai yang ditunjukkan serta perkembangan atau kualiti pembelajaran murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran ini menggalakkan murid terlibat secara aktif dalam menghasilkan sesuatu produk sama ada secara persendirian atau secara berkumpulan. Selain itu, pembelajaran berasaskan projek dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk. Menurut Zaharah Mohd Nadzir (2009) dan Che Nidzam Che Ahmad et al. (2010) guru yang melaksanakan kaedah pembelajaran ini perlu memberi tajuk projek kepada murid untuk disiapkan. Murid dibimbing bagi mengenal pasti kaedah menyiapkan projek, pemilihan bahan atau peralatan dan kos yang diperlukan. Selain itu jangka masa untuk menyiapkan projek ditentukan. Hasil projek akan dibuat refleksi semasa pembentangan

iii. Pembelajaran Koperatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran koperatif merupakan kaedah PdPc dalam kumpulan yang membolehkan murid belajar bersama-sama, saling belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugasan yang diberi. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Mook Soon Sang (2008) menjelaskan pembelajaran koperatif dapat menghasilkan tugasan kumpulan, mewujudkan interaksi, semangat bekerja sepasukan dan latihan kepimpinan. Setiap ahli kumpulan akan mendapat markah atau gred yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai

Pembelajaran kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Menurut Salmiza Saleh dan Anis Diyana (2016) Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

v. Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang menghubungkan atau mengaitkan isi pembelajaran dengan pengalaman harian individu dan masyarakat. Menurut Mohamad Azri Amatan (2019) pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati pembelajaran dalam kehidupan mereka.

vi. Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Subadrah Nair (2005) dan Zulkafli Abu Zarin (2009) menjelaskan pembentukan kognitif dengan skema ilmu perlu dikuasai melalui interaksi dengan persekitarannya. Menurut Bada dan Steve Olusegunm (2015) konstruktivisme

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan salah satu idea luas dalam PdPc. Implikasinya dilihat pada kewujudan pemusatan pelajar. Jika usaha dilakukan dalam mereformasikan PdPc, pelajar akan mudah menaakul ilmu. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

vii. Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar iaitu kaedah pembelajaran yang perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka tentang teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berupaya mengamalkan budaya belajar yang baik seumur hidup mereka (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad,2012).

viii. Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah pendekatan pengajaran yang bertujuan untuk mendidik murid supaya lebih prihatin dalam sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa hadapan. Hal ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta menangani perubahan yang telah berlaku atau yang akan berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ix. Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran akses kendiri ialah satu program yang membolehkan murid belajar secara kendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Menurut Salmiza Salleh dan Anis Diyana Halim (2016) murid diberikan peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan sendiri agar bertanggungjawab terhadap pembelajaran.

x. Pembelajaran Masteri

Pembelajaran masteri merupakan penetapan standard dalam KSSM yang bertujuan untuk memastikan semua murid menguasai kemahiran atau kecekapan bahasa dengan baik. Pembelajaran dipecahkan kepada unit yang lebih kecil supaya mudah dikuasai. Ketika proses ini berlangsung, murid perlu menguasai tahap masteri sebelum beralih ke pelajaran yang seterusnya.

xi. Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD)

Pembelajaran luar bilik darjah merupakan aktiviti PdPc yang dilakukan di luar bilik darjah termasuk di dalam dan di luar kawasan sekolah secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid tentang konsep yang dipelajari di dalam bilik darjah, memberikan pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, di samping mengembangkan kemahiran sosial dan insaniah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perancangan kaedah dan jenis maklumat yang akan dikumpulkan semasa PLBD perlu dilakukan sebelum PLBD. Rajah 2.5 menunjukkan Kaedah Pelaksanaan PLBD yang diadaptasi daripada KPM (2018).

Sebelum Aktiviti	**Semasa Aktiviti**	**Selepas Aktiviti**
Menentukan tempat, tarikh, masa dan peralatan ⬇ Mendapatkan kebenaran ibu bapa / penjaga ⬇ Menguruskan pengangkutan (jika perlu) ⬇ Memberi penerangan / taklimat tentang tujuan dan tatacara aktiviti serta jenis maklumat dan kaedah pengumpulan maklumat yang akan dilakukan semasa PLBD	Membahagikan murid kepada kumpulan ⬇ Mengawasi keselamatan murid ⬇ Membimbing murid mendapatkan maklumat ⬇ Memastikan murid membuat tugasa (contohnya: mencatat, menemu bual, mengambil gambar)	Berbincang tentang hasil aktiviti ⬇ Membimbing murid merumus hasil aktiviti ⬇ Membimbing murid membuat laporan aktiviti ⬇ Menggalakkan murid membuat aktiviti lanjutan (seperti menghasilkan brosur dan buletin, mengadakan pameran, membuat persembahan hasil aktiviti)

Rajah 2.5. Kaedah Pelaksanaan Pembelajaran Luar Bilik Darjah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.5 menunjukkan kaedah pelaksanaan PLBD yang terdiri daripada tiga peringkat penting iaitu peringat sebelum aktiviti, semasa aktiviti dan selepas aktiviti. Peringkat sebelum aktiviti menekankan aspek tempat, masa, alatan, kebenaran ibu bapa, pengangkutan dan taklimat. Seterusnya peringkat semasa aktiviti melibatkan pembahagian kumpulan, aspek keselamatan dan bimbingan tugasan perlu dilakukan. Peringkat selepas aktiviti pula melibatkan perbincangan hasil dapatan, merumus maklumat, membuat pelaporan dan tindakan lanjutan.

xii. Pendekatan Modular

Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil iaitu dalam bentuk bidang, tajuk, kemahiran atau nilai. Kurikulum Bahasa Melayu distrukturkan kepada empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Aspek seni bahasa dan tatabahasa menyokong kemahiran tersebut untuk mengukuhkan kecekapan keterampilan berbahasa. Melalui pendekatan ini, setiap kemahiran dapat dilaksanakan dengan lebih berfokus dan mudah dikuasai oleh murid. Menurut Zakiah Mohamad Ashari (2014) pendekatan modular boleh dilaksanakan secara berurutan (*linear*) atau tidak berurutan (*nonlinear*). Walau bagaimanapun, pendekatan modular dilaksanakan secara berpusatkan murid dan berfokus iaitu guru akan mengajar hanya satu kemahiran dalam satu sesi PdPc di dalam bilik darjah. Pentaksiran dalam pendekatan modular dijalankan secara berterusan iaitu secara formatif dan sumatif untuk mengukur perkembangan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

xiii. Pembelajaran Berpusatkan Murid

PdPc dalam mata pelajaran Bahasa Melayu hendaklah berpusatkan murid dan bukan berpusatkan guru. Ciri-ciri pembelajaran ini menepati corak pendidikan abad ke-21 (PAK-21). Menurut Norul Haida Reduzan et al. (2017) pendekatan ini membolehkan murid berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar mengikut keupayaan mereka sendiri. Murid dibenarkan untuk belajar secara berdikari dengan bimbingan yang minimum daripada guru. Kaedah ini dapat membina keyakinan murid berbahasa dalam pembelajaran mereka.

xiv. Kepelbagaian Sumber dan Bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan pelbagai sumber dan bahan digalakkan dalam PdPc Bahasa Melayu. Bahan berunsur ilmu, separa ilmiah dan bahan sastera hendaklah digunakan dalam PdPc bagi bacaan intensif dan ekstensif. Kepelbagaian sumber atau medium ini merujuk penggunaan sumber pertama, bercetak, elektronik, digital dan Internet, serta bahan yang autentik, seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, glosari dan sebagainya.

xv. Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan PdPc yang berpusatkan murid secara menyeluruh. Kaedah ini memerlukan murid berdikari untuk mencari maklumat dan menemui sesuatu melalui kaedah penyiasatan saintifik yang merangkumi aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merancang, menyiasat, menganalisis dan menemui (Meenu Dev, 2016). Selain itu, murid perlu mencari dan menyelidiki sesuatu perkara atau peristiwa secara sistematik, kritis dan analitis sehingga dapat merumuskan jawapan kepada persoalan atau penemuannya sendiri dengan yakin.

Kaedah ini memerlukan murid berdikari untuk mencari maklumat dan menemui sesuatu melalui kaedah penyiasatan saintifik yang merangkumi aktiviti merancang, menyiasat, menganalisis dan menemui. Pendekatan ini bukan hanya untuk mata pelajaran sains, tetapi juga sesuai untuk semua mata pelajaran kerana melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi iaitu murid membina sesuatu konsep itu sendiri. Guru berperanan sebagai fasilitator untuk membimbing proses penerokaan dan refleksi misalnya melalui aktiviti soal jawab. Ciri-ciri pembelajaran inkuiri berfokus kepada hipotesis yang hendak diuji, sikap keterbukaan penggunaan dan pengesahan fakta atau bukti dan rumusan. Pendekatan tematik, koperatif, PLBD boleh menggunakan pendekatan inkuiri dalam pelaksanaannya. Pendekatan ini dapat meningkatkan rasa ingin tahu dan memotivasikan murid untuk meneruskan tugasan sehingga mendapat jawapan yang tepat. Rajah 2.6 menunjukkan proses pendekatan inkuiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.6. Proses Pendekatan Inkuiri oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2018)

Rajah 2.6 menunjukkan enam proses pendekatan inkuiri yang bermula dengan mengenal pasti topik kajian, merangka tujuan kajian, membimbing dan melaksanakan kajian, mengumpulkan maklumat, proses perbincangan dan proses membuat generalisasi. Enam proses ini mesti dirancang dengan sempurna oleh guru untuk menjamin hasil dapatan yang lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

xvi. Pendekatan Didik Hibur

Pendekatan didik hibur bermaksud mendidik sambil menghibur. Pendekatan ini merupakan satu kaedah dalam proses PdPc yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Mohd Razak Mohd Nordin dan Masitah Ahmad (2015) menjelaskan bahawa keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghiburkan dan bermakna yang dapat membantu mengukuhkan pemahaman dan merangsang murid untuk belajar. Unsur didik hibur boleh wujud dalam bahan dan aktiviti PdPc bagi membolehkan murid mencapai sesuatu kemahiran berbahasa. Kaedah ini menggunakan pelbagai jenis aktiviti yang menarik dan bermakna seperti penyelesaian masalah, kerja projek, berlakon, simulasi, gerakan badan dan menyanyi. Semasa proses ini berlangsung, tiada unsur menang atau kalah, ganjaran atau denda diaplikasikan. Murid bebas bersuara, mengeluarkan pendapat dan idea.

Terdapat banyak kelebihan apabila pendekatan didik hibur ini diguna pakai semasa PdPc. Menurut Mohd Razak Mohd Nordin dan Masitah Ahmad (2015) antara kelebihan tersebut adalah dapat mengurangkan tahap kebimbangan dan ketakutan murid kepada guru, justeru murid sentiasa berada dalam keadaan pembelajaran yang positif dan sentiasa bersemangat untuk sesi pembelajaran yang berikutnya. Selain itu, pendekatan ini juga memberi peluang kepada kanak-kanak mengembangkan potensi intelek, jasmani, emosi dan sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

xvii. Pendekatan Tematik

Pendekatan tematik ialah satu pendekatan PdPc yang diajarkan secara bertopik atau bertema yang dipilih sesuai dengan masa, tempat dan minat bagi menggerakkan sesuatu proses PdPc. Tema yang dipilih menjadi medium untuk pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diterjemahkan dalam pengajaran bahasa melalui kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Kecekapan berbahasa seperti kemahiran bahasa, seni bahasa, tatabahasa, serta pengembangan kosa kata dan peribahasa dapat disepadukan dan dikukuhkan. Di samping itu, melalui pendekatan tematik, Marzni Mohamed et al. (2018) menegaskan ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin ilmu lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, perancangan dan penentuan tema pengajaran meliputi pelbagai bidang ilmu dapat dibentuk seperti ilmu teknologi maklumat dan komunikasi, hal persendirian, isu kemasyarakatan dan perpaduan, menghargai warisan, kelestarian alam serta mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri murid serta isu-isu semasa. Tema dan cakupan tema yang ditekankan adalah mengikut tema yang digariskan dalam Dokumen Standard Sekolah Menengah (DSKP) Bahasa MelayuTtingkatan Empat iaitu:

a. Kesihatan dan Kebersihan

Tema kesihatan dan kebersihan merujuk kepada kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Tema ini diajarkan supaya murid mendapat pendedahan awal berkaitan dengan penjagaan kebersihan dan kesihatan serta amalan gaya hidup sihat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Keselamatan

Tema keselamatan merujuk kepada keupayaan berlindung daripada bahaya dalam pelbagai persekitaran. Tema ini diajarkan supaya murid melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang keselamatan diri dan persekitaran sosial yang lain.

c. Perpaduan

Tema perpaduan merujuk kepada kepentingan hubungan erat yang berasaskan toleransi dalam kalangan penduduk Malaysia dalam komuniti serantau dan antarabangsa. Tema ini diajarkan kepada murid dalam usaha memupuk semangat perpaduan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merujuk kepada citra masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat, seni dan budaya. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar kehalusan seni budaya ini dapat dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

e. Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Tema jati diri patriotisme dan kewarganegaraan merujuk kepada penzahiran keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani serta mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semangat juang dan sanggup berkorban demi negara. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat madani yang mempunyai semangat kekitaan dan setia akan negara.

f. Sains, Teknologi dan Inovasi

Tema sains, teknologi dan inovasi merujuk kepada ilmu pengetahuan yang sistematik yang boleh diuji dan dibuktikan kebenarannya. Antara bidang yang berkaitan dengan tema ini ialah aeroangkasa, bioteknologi dan kejuruteraan. Tema ini diajarkan supaya murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran sains dan teknologi, untuk meneroka dan menjana idea kreatif serta berupaya untuk mencipta sesuatu yang berinovasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

g. Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Tema alam sekitar dan teknologi hijau merujuk kepada penjagaan dan pelestarian alam sekitar demi kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan bagi kelangsungan kehidupan generasi akan datang. Tema ini diajarkan agar murid cinta, prihatin dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan teknologi hijau.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

h. Pertanian Penternakan dan Perikanan

Tema pertanian, penternakan dan perikanan memberikan pendedahan tentang kegiatan bercucuk tanam, berternak dan menangkap hasil laut secara tradisional dan moden. Tema ini diajarkan untuk memupuk kesedaran murid tentang kepentingan bidang pertanian, penternakan, perikanan dan perniagaan tani dalam kehidupan.

i. Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Tema ekonomi merujuk kepada bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan negara dan pengurusan perdagangan. Melalui tema ini, murid dapat meneroka perkembangan ekonomi di dalam negara. Melalui tema pengurusan kewangan, murid diberi pendedahan tentang kepentingan dan kaedah pengurusan kewangan yang betul seta terancang.

j. Pelancongan

Tema pelancongan memperkenalkan pelbagai dimensi industri pelancongan seperti agropelancongan, pelancongan sukan, ekopelancongan atau pelancongan kesihatan. Melalui tema ini murid diberikan pendedahan tentang sumbangan pelancongan kepada negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

k. Sejarah dan Warisan

Tema sejarah dan warisan merangkumi unsur warisan seni bina, tinggalan sejarah, seni pertahanan diri, peralatan, makanan, pakaian dan permainan tradisional. Melalui tema ini sikap menghargai sejarah dan seni warisan bangsa dapat dipupuk.

l. Sukan dan Rekreasi

Tema sukan dan rekreasi merujuk kepada kegiatan yang memerlukan ketangkasan, kemahiran serta tenaga bersifat fizikal untuk kecergasan dan kecerdasan. Tema ini diajarkan untuk menimbulkan minat dan menggalakkan penglibatan murid dalam sukan dan rekreasi dalam usaha melahirkan warga Malaysia yang sihat dan cergas.

m. Perindustrian

Tema perindustrian merujuk kepada perusahaan membuat, menghasilkan dan mengeluarkan barangan ringan dan berat. Tema ini diajarkan untuk memberikan kesedaran kepada murid tentang pembangunan industri dan kepentingan perindustrian sebagai sumber ekonomi negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

n. Pendidikan

Tema pendidikan merangkumi cara untuk memperoleh maklumat sebagai sebahagian daripada tugasan pembelajaran atau bahan yang dibaca untuk tujuan pendidikan. Melalui tema ini, murid berupaya untuk memahami, mentafsir, mengintegrasikan maklumat, menilai dan membuat refleksi tentang sesuatu bahan. Tema ini diajarkan kepada murid untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan kesediaan menghadapi kehidupan sebenar sebagai ahli masyarakat.

o. Bahasa dan Kesusasteraan

Tema bahasa dan kesusasteraan merangkumi pelbagai isu bahasa dan kesusasteraan Melayu di dalam negara. Tema ini diajarkan kepada murid untuk mewujudkan kecintaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta menghayati dan menikmati keindahan bahan sastera Melayu.

p. Kerjaya

Tema kerjaya merujuk kepada profesion atau pekerjaan dalam sesuatu lapangan yang dipilih sebagai cara memperoleh sumber pendapatan. Tema ini diajarkan untuk mendorong dan memotivasikan murid dalam membuat pilihan kerjaya yang sesuai dengan keupayaan, bakat dan minat murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

q. Integriti

Tema integriti merujuk kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi, keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Tema ini dapat memupuk kesedaran murid untuk bertindak mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh agama dan moral agar menjadi masyarakat yang bertamadun demi kemajuan negara.

r. Pentadbiran dan Politik

Tema pentadbiran dan politik merujuk kepada kejujuran, keikhlasan, kesempurnaan dan keutuhan dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab. Tema ini diajarkan supaya murid memperoleh pengetahuan dan kefahaman tentang asas sistem pentadbiran dan politik negara, serta yang berkaitan dengan urus tadbir.

Secara keseluruhannya, senarai tema ini secara terperincinya dapat dilihat dalam lampiran A iaitu Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Sekolah-Sekolah Menengah (KSSM) 2018.

2.7 Kajian-kajian Lepas Pembelajaran Terarah Kendiri

Dalam subtopik ini, sorotan kajian berkisar pada perkaitan dengan beberapa penyelidikan lepas tentang pembelajaran terarah kendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.1 Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Sumber Teknologi

Dalam tinjauan perkembangan pembelajaran terarah kendiri, aspek berfikir secara konkrit tidak dinafikan penting dalam persekitaran berfikir secara kreatif dan kritis. Keterampilan akses teknologi moden dalam pendidikan, khususnya dalam pendidikan bahasa telah mewujudkan banyak sumber, pengetahuan dan maklumat yang mudah untuk diakses oleh pelajar (Hamzeh Moradi, 2018). Oleh sebab itu, adalah penting untuk melatih pelajar menghargai pembelajaran autonomi dan kendiri iaitu pelajar mesti bertanggungjawab untuk proses pembelajaran, gaya, kemajuan dan penilaian sendiri. Pelajar mempelajari banyak perkara, selain memperoleh banyak pengetahuan daripada pelbagai sumber untuk mempengaruhi aspek kehidupan harian termasuk membuat keputusan. Pembelajaran kendiri mempunyai peranan penting dalam sarana akademik pada era ini agar pelajar dapat belajar secara bebas dalam menggunakan pengalaman sendiri dan sumber lain yang telah sedia ada. Adenan Ayob dan Nazri Abu Bakar (2018) berpendapat bahawa betapa penting pembelajaran kendiri dalam pendidikan, khususnya dalam proses pembelajaran bahasa dan menekankan ciri utama persekitaran alat dan bahan pembelajaran untuk peningkatan linguistik.

Kajian seterusnya melibatkan pembelajaran terarah kendiri dilakukan dalam PdPc Bahasa Melayu oleh Alia Moreta dan Rohasan Mansor (2013) tentang penggunaan aplikasi *Ipad* semasa proses PdPc Bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan gaya pembelajaran yang berkesan menggalakkan murid belajar secara berdikari dan kolaboratif kerana perlu memberi kerjasama dengan murid yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Amalan ini menggalakkan perkongsian serta kolaborasi antara pelajar. Oleh itu, pendekatan ini juga menawarkan peluang untuk interaksi dan kolaborasi sejajar dengan usaha untuk melengkapkan pelajar dengan kecekapan abad ke-21. Kajian ini membuktikan terdapat peningkatan dalam akademik murid apabila pembelajaran terarah kendiri dilaksanakan. Kaedah konvensional dalam PdPc yang menggunakan pendekatan konstruktivisme mempunyai perkaitan dengan kebolehan kognitif murid dalam menghasilkan karangan bahasa Melayu yang bermutu. Kaedah ini juga dapat memberi galakan dan semangat kepada murid untuk belajar secara berdikari.

Hasil penyelidikan lain tentang pembelajaran terarah kendiri telah dibuat oleh Shuang, Kris, dan Niu (2019). Mereka telah melaksanakan satu kajian terhadap pembelajaran terarah kendiri dan kesediaan penggunaan teknologi dalam pembelajaran beradun ketika PdPc. Kajian ini bertujuan mengkaji kesan pembelajaran terarah kendiri, kesediaan teknologi dan motivasi belajar terhadap sosial, pengajaran dan kognitif murid. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa kaedah pembelajaran beradun dan pembelajaran terarah kendiri membantu meningkatkan penglibatan sosial murid, dan meningkatkan kehadiran murid ke sekolah. Kajian yang dilakukan oleh Shuang, Kris, dan Niu (2019) tidak menyentuh aspek kemahiran menulis karangan dalam PdPc. Oleh hal yang demikian, kajian ini menyentuh aspek kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu menerusi pendekatan konstruktivisme berasaskan model karangan yang dimodifikasikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu kajian pembelajaran terarah kendiri juga telah dilakukan oleh Samarnh Pang (2014). Beliau telah mengkaji peranan dan integrasi sumber digital dengan pembelajaran terarah kendiri dalam pedagogi pendidikan Bahasa Inggeris. Dapatan kajian beliau menunjukkan penggunaan teknologi secara pembelajaran terarah kendiri dapat memandu motivasi murid untuk belajar sendiri, menyelesaikan masalah, dan bekerjasama sekali gus pencapaian murid dalam Bahasa Inggeris di sekolah meningkat. Dapatan kajian juga membuktikan pembelajaran terarah kendiri berupaya meningkatkan motivasi murid dalam pendidikan Bahasa Inggeris. Oleh hal yang demikian, kajian ini memberi fokus kepada mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah.

2.7.2 Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Akses Kendiri (SLD)

Pembelajaran kendiri juga berkaitan dengan kemahiran bahasa. Menurut Nadiya Majedi (2016) yang mengkaji pembelajaran kendiri (SDL) dalam pertuturan menunjukkan kewujudan pelbagai kemahiran dan perkembangan bahasa. Dalam hal ini, wujud kesan SDL terhadap ketepatan pertuturan pelajar. Oleh itu, kajian beliau disorot untuk ditinjau kelestarian pemerolehan bahasa lisan. Kenal diri dalam pembelajaran telah dijelaskan sebagai prosedur, iaitu pelajar mengambil tanggungjawab dalam pembelajaran sendiri, selain cuba mencari dan memahami keperluan pembelajaran, dan menetapkan matlamat pencapaian. Dalam memenuhi tujuan kajian beliau, enam puluh pelajar bahasa Iran aras kedua di peringkat menengah atas dipilih berdasarkan keputusan ujian Bahasa Inggeris. Semua pelajar juga menerima ujian pra dalam ketepatan bertutur sebelum mengalami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rawatan. Selepas lapan minggu, para peserta mengambil ujian pasca tentang ketepatan bertutur. Penemuan menunjukkan bahawa peserta dalam kumpulan eksperimen mengatasi peserta dalam kumpulan kawalan. Penemuan tersebut adalah signifikan dalam pertuturan.

2.7.3 Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Asas Kognitif

Bagi sorotan selanjutnya, pembelajaran kendiri untuk bahasa perlu dijustifikasikan kepada unsur kritikal. Kajian Sergio De Carlo (2017) mentakrif dan mengklasifikasikan pembelajaran kendiri untuk bahasa wajar ditelitikan dari sudut kognitif secara asas. Pembelajaran bahasa adalah makroprosesan, iaitu berlaku pengekodan, penyimpanan dan pengambilan maklumat. Dalam memahami proses-proses yang berlaku bagi ketiga-tiga dimensi ini, satu model fungsian telah dihuraikan daripada beberapa sumbangan teoritis dan model sebelumnya dikenali sebagai Model Pemprosesan Pintar. Menurut beliau, model tersebut beroperasi dengan input linguistik dan jenis maklumat yang lain. Model berkenaan disesuaikan untuk menggambarkan peringkat penulisan secara proses yang berlaku semasa aliran maklumat dalam minda. Sumbangan daripada neurosains kognitif juga telah dipertimbangkan untuk menubuhkan klasifikasi yang dicadangkan dalam rumus bahasa penulisan. Setiap rumus penulisan mempunyai klasifikasi, persediaan, penyatuan, elaborasi dan pemindahan amalan. Taksonomi yang lebih baik ini membuka ruang kepada kajian lanjutan tentang pemerolehan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.4 Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Unsur Psikologi

Berdasarkan tinjauan kajian lain, wujud saling timbal balik antara psikologi dan pembelajaran terarah kendiri. Keselarasan antara psikologi dan pembelajaran terarah kendiri adalah semula jadi untuk memudahkan pelajar menjana minda ketika menulis. Kajian secara eksplisit oleh Md. Mozaffor Hossain (2018), memaparkan psikologi yang berasaskan pembelajaran terarah kendiri melalui bahasa mempunyai latar belakang logik dalam platform minda. Menurut beliau, psikologi, minda dan bahasa banyak kali bertindak secara timbal balik. Sebagai faktanya, fungsi antara psikologi, fikiran dan bahasa diasaskan kepada pelbagai bentuk komunikasi psikolinguistik. Kajian beliau dikesan bertujuan meneroka berbagai-bagai masalah linguistik, khususnya sintaksis dengan berasaskan pemikiran kritis. Menurut Gandimathi dan Nafiseh Zarei (2018) pemikiran kritis mampu melonjakkan pemikiran reflektif dan bebas untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran.

2.7.5 Pembelajaran Terarah Kendiri dan Kebolehcapaian Kognitif

Konsep pembelajaran terarah kendiri dan kebolehcapaian kognitif dalam pengajaran menulis karangan tidak boleh dipisahkan kerana kebolehcapaian kognitif dikaitkan dengan cara murid berfikir berdasarkan skema mental. Didapati bahawa kajian ini terus menjadi kelangsungan gaya dan penulisan dalam pembelajaran menulis berbanding kajian Adenan Ayob dan Nazri Abu Bakar (2018). Dalam kajian ini model khusus dibina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menunjukkan arah alir pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif melalui pendekatan kostruktivisme. Selanjutnya, perbezaan dikumpulkan juga kepada kajian lain. Lila Salleh dan Noranika Murni Dol Karim (2016), telah membina sebuah model kemahiran pembelajaran kendiri menggunakan kaedah *Flipped Classroom*. Kajian ini tertumpu kepada mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan tiga. Dapatan kajian membuktikan bahawa kaedah PdPc ini menjadi lebih bermakna dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis naratif sekali gus hasil kerja penulisan lebih berkualiti. Kajian ini juga membuktikan terdapat hubungan langsung antara pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif murid dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.6 Pembelajaran Terarah Kendiri dan Motivasi

Selain itu, Mohd Izzuddin Mohd Pisol dan Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi (2017), telah melaksanakan satu kajian terhadap pembelajaran terarah kendiri yang memberi fokus kepada motivasi murid. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan sikap dengan keupayaan pelajar dalam kemahiran menulis tugasan akademik. Hasil dapatan kajian membuktikan tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugasan akademik berdasarkan jantina, semester pengajian dan minat terhadap kemahiran menulis. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan sikap murid dalam melaksanakan kemahiran menulis tugasan akademik berdasarkan minat terhadap kemahiran menulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, hasil kajian yang diperoleh menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan keupayaan kendiri pelajar terhadap kemahiran menulis tugasan akademik berdasarkan semester pengajian dan minat dalam kemahiran menulis. Jurang perbezaan yang ingin ditonjolkan adalah kajian mereka memberi fokus kepada sikap murid, namun kajian ini pula berfokuskan kepada sikap guru ketika proses PdPc di bilik darjah berdasarkan kepada pendekatan konstruktivisme dan kesan terhadap kemahiran menulis murid di sekolah.

Selain itu, terdapat juga kajian dalam bidang pendidikan menggunakan teknologi telah dilakukan oleh Muhamad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah, dan Roslee Talip (2012). Mereka telah menjalankan kajian untuk menguji variabel motivasi sebagai variabel mediator yang sesuai antara proses pengajaran dan bimbingan guru dengan pembelajaran terarah kendiri (PTK) pelajar sekolah menengah di Sabah dengan menggunakan model SEM/AMOS. Mereka telah membuktikan bahawa motivasi merupakan variabel mediator yang sesuai antara variabel proses pengajaran dan bimbingan dengan pembelajaran terarah kendiri (PTK) pelajar di kawasan bandar dan luar bandar.

Hasil dapatan kajian Muhamad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah, dan Roslee Talip (2012), menunjukkan terdapat perbezaan pengaruh yang signifikan variabel proses pengajaran, bimbingan, dan motivasi terhadap pembelajaran terarah kendiri (PTK) pelajar berdasarkan lokasi iaitu di kawasan bandar, variabel pengajaran guru mempengaruhi motivasi pelajar secara signifikan. Namun di kawasan luar bandar,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

variabel bimbingan guru pula yang mempengaruhi motivasi pelajar secara signifikan. Dalam kajian ini kaedah pembelajaran konvensional digunakan tetapi dimurnikan dengan pendekatan konstruktivisme dan bukan pendekatan kolaborasi aplikasi teknologi seperti yang dilakukan oleh Muhamad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah, dan Roslee Talip (2012) dalam penyelidikan mereka.

Dari aspek motivasi dan perspektif pelajar ke arah pembelajaran terarah kendiri (PTK) di dalam bilik darjah, Silmy Arizatul Humaira dan Ismi Ajeng Hurriyah (2017) telah membuat kajian ini. Pengkaji mendapati kecenderungan murid di Indonesia untuk belajar berpusatkan guru adalah kritikal. Hal ini demikian kerana murid tidak terlibat secara aktif ketika PdPc berlangsung. Tempoh PdPc yang terhad di dalam bilik darjah perlu diatasi dengan menggalakkan murid untuk bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri iaitu dengan mengamalkan gaya pembelajaran terarah kendiri. Hasil dapatan kajian mereka membuktikan bahawa murid mempunyai kesukaran dalam memilih strategi pembelajaran yang sesuai, melakukan penilaian sendiri dan melakukan refleksi diri. Oleh itu, kajian ini menyokong guru untuk melaksanakan pendekatan konstruktivisme berasaskan pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif untuk pembelajaran yang lebih berjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Kajian-Kajian Lepas Kebolehan Kognitif Murid

Terdapat beberapa penyelidik sebelum ini yang menjalankan kajian tentang kebolehan kognitif murid.

2.8.1 Hubungan Kebolehan Kognitif dengan Strategi Pembelajaran

Kajian berkaitan kebolehan kognitif murid telah dilakukan oleh Nuraishah Mahmood dan Sanisah Rahim (2014). Mereka telah melaksanakan kajian pengajaran bagi peningkatan kemahiran penulisan karangan. Kajian tersebut menggunakan pendekatan strategi pembelajaran koperatif untuk menjalankan aktiviti utama pengajaran dan pembelajaran. Setiap kumpulan sampel kajian diberikan sekeping gambar. Kemudian, murid harus bekerjasama untuk menulis sebuah cerita berdasarkan gambar yang diberikan dengan mengaplikasikan frasa berbunga yang sesuai dalam kategori perasaan. Instrumen ini digunakan untuk memberikan peluang kepada murid bekerjasama menjana idea.

Hasil kajian mereka menunjukkan peningkatan peratus pencapaian dalam peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun. Sebelum kajian pengajaran dijalankan, hanya 33.9% murid yang memperoleh sekurang-kurangnya 70% markah dalam ujian penulisan karangan. Setelah kajian pengajaran dijalankan, 44.8% murid memperoleh sekurang-kurangnya 70%. Ini merupakan peningkatan sebanyak 10.9%. Dapatan dari kajian pengajaran yang dijalankan telah dimanfaatkan oleh guru dengan mengenal pasti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek-aspek kekuatan dan kelemahan pengajaran bagi membaiki pengajaran. Pandangan dari sudut murid diambil kira untuk memahami dengan lebih terperinci masalah yang mereka hadapi semasa pembelajaran. Hal ini membuktikan Model karangan membolehkan murid membuat penghubungan kognitif yang bermakna bagi memudahkan pemahaman mereka. Kajian tersebut menggunakan pendekatan koperatif untuk melihat tahap kebolehan kognitif murid dalam penulisan. Oleh hal yang demikian, kajian ini penting untuk melihat kebolehan kognitif murid juga berupaya dikembangkan dengan menggunakan strategi pembelajaran konstruktivisme.

Selain itu, satu kajian tindakan untuk penulisan karangan Bahasa Melayu berpandukan kepada teori pembelajaran kognitif telah dijalankan oleh Elina Mohd Abd. Kahar dan Abdul Jawi Abnoh Sawi (2012). Kajian tersebut untuk meningkatkan kemahiran menulis karangan menggunakan pendekatan berfokus. Hasil kajian mereka melalui ujian pra dan ujian pos telah membuktikan peningkatan dalam pencapaian menulis karangan oleh murid. Ketika ujian pra, hanya 7 orang murid mencapai tahap cemerlang, 61 murid mencapai tahap kepujian, 12 murid lulus dan 18 murid pula gagal. Namun, ketika ujian pos iaitu setelah teori kebolehan kognitif digunakan wujud peningkatan peratusan tahap pencapaian cemerlang iaitu daripada 7 orang murid kepada 22 orang murid dan sebaliknya. Tahap pencapaian kepujian pula berlaku sedikit penurunan. Hal ini membuktikan bahawa tahap kebolehan kognitif murid dipengaruhi oleh gaya pembelajaran. Kajian ini dapat menjadi kelangsungan terhadap gaya pembelajaran berkesan iaitu pendekatan konstruktivisme juga dapat mempengaruhi pencapaian murid dalam menulis karangan Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian lain tentang kebolehan kognitif turut dijalankan oleh penyelidik sebelum ini. Jumaliah Mingan dan Zamri Mahamod (2016) telah membuat satu kajian berdasarkan kepada teori pembelajaran kognitif iaitu pengetahuan pelajar sekolah menengah tentang penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Berdasarkan teori pembelajaran ini, satu kaedah pengajaran yang dapat membina perkembangan kognitif murid ialah kaedah peta pemikiran. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengetahuan pelajar tentang penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini juga ingin melihat perbezaan pengetahuan berdasarkan jantina, di samping menjelaskan kesesuaian penggunaan peta pemikiran terhadap proses pembelajaran Bahasa Melayu.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan mengenai peta pemikiran berdasarkan jantina pelajar apabila nilai signifikan didapati lebih besar daripada aras p=0.05. Dapatan temu bual pula menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran dapat merangsang pengetahuan dan minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik. Peta pemikiran juga dapat dijadikan alat dalam proses pembelajaran berasaskan kemahiran berfikir. Selain itu, kajian ini juga menjadi kesinambungan kepada strategi pembelajaran konstruktivisme sebagai alat bantu belajar dan mengajar untuk meningkatkan kebolehan kognitif murid. Pendekatan ini juga berupaya meningkatkan minat murid terhadap penulisan karangan Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pencapaian murid juga berkait rapat dengan kebolehan kognitif mereka untuk meningkatkan pencapaian kemahiran dalam pelajaran Bahasa Melayu. Fuziana Ali dan Melor Md Yunus (2012) telah membuat satu kajian tentang kebolehan kognitif murid iaitu dengan mengkaji strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh murid yang berprestasi tinggi di sekolah menengah kawasan luar bandar. Strategi ingatan dan kognitif yang digunakan merupakan fokus utama dalam kajian yang dilakukan. Hasil kajian membuktikan bahawa murid berprestasi tinggi lebih kerap menggunakan strategi kognitif semasa proses pembelajaran. Hal ini menunjukkan kaedah pembelajaran tertentu berupaya meningkatkan kebolehan kognitif murid. Dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa kaedah pembelajaran konstruktivisme juga mempunyai hubungan secara langsung dengan kebolehan kognitif murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sorotan daripada kajian Duygu Saniye Ozturk (2016) telah mengenal pasti pandangan guru sekolah tentang pembelajaran dalam rangka pendekatan konstruktivisme kognitif dan sosiokultur serta mendedahkan penggunaan praktikal pembelajaran konstruktivis. Daripada penemuan pandangan guru tentang pembelajaran, majoriti yakin bahawa pembelajaran konstruktivisme perlu direalisasikan di dalam kelas menerusi aktiviti terbuka. Menurut beliau, aktiviti terbuka berupaya membentuk cara berfikir yang dinamik selaras dengan pembelajaran kendiri. Ini penting kerana pembelajaran kendiri ialah landasan untuk mengorak kognitif berbahasa. Alasannya bahawa pembelajaran kendiri memudahkan berlakunya keunikan dalam proses berfikir pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.2 Hubungan Kebolehan Kognitif dengan Pembelajaran Terarah Kendiri

Terdapat kajian yang memberikan tumpuan kepada hubungan antara gaya kognitif dengan pembelajaran terarah kendiri yang melibatkan 184 pelajar Tahun Dua Bahasa Inggeris bagi Sekolah Bahasa Asing di sebuah universiti di Wuhan, China. Dalam kajian Changju Shi (2011) data kuantitatif dihasilkan menerusi dua inventori. Kajian pembelajaran terarah kendiri digunakan untuk mengkaji peserta dan versi Bahasa Cina. Gaya kognitif pula digunakan untuk mengkaji bahasa pembelajaran. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa gaya kognitif mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembelajaran terarah kendiri. Gaya meniru, gaya tajam, gaya bebas medan dan gaya kognitif impulsif berkorelasi secara positif dalam setiap gaya kognitif yang dikaji. Rumusan kajian ini membuktikan gaya kognitif paling berpengaruh dan memberikan kesan kepada pilihan pembelajaran terarah kendiri.

2.8.3 Hubungan Kebolehan Kognitif dengan Amalan Pengajaran Guru

Satu kajian tentang amalan pengajaran guru Bahasa Melayu dalam pembelajaran menurut persepsi pelajar telah dilakukan oleh Abdul Rashid Jamian (2016). Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi murid tentang amalan pengajaran guru Bahasa Melayu. Kajian berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 148 murid tingkatan empat di SMK Laksamana, Kota Tinggi, Johor. Secara keseluruhannya, hasil dapatan menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu menurut perspektif pelajar adalah sederhana min 2.97 (SP = 0.45). Min keseluruhan dapatan amalan pengajaran guru Bahasa Melayu berdasarkan komponen permulaan pengajaran menunjukkan min 2.87 (SP = 0.45) iaitu guru didapati lebih banyak memulakan pengajaran Bahasa Melayu dengan cara menstruktur berbanding berusaha menarik perhatian, mewujudkan motivasi dan membuat perkaitan. Min keseluruhan dapatan berdasarkan komponen perkembangan pengajaran menunjukkan min 3.01 (SP = 0.51).

Didapati guru memberikan sepenuh perhatian kepada pengurusan masa dalam pengajaran Bahasa Melayu berbanding dengan pemilihan kaedah dan teknik, pemeringkatan isi, pemilihan sumber dan kesesuaian aktiviti. Kesimpulannya, min keseluruhan dapatan berdasarkan komponen penutupan pengajaran pula menunjukkan min 3.02 (SP = 0.47). Hal ini menunjukkan guru lebih banyak menutup pengajaran Bahasa Melayu dengan perkaitan kognitif berbanding perkaitan sosial. Kajian ini membuktikan bahawa hubungan antara pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif murid menerusi pendekatan konstruktivisme sebenarnya dapat meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu.

2.8.4 Hubungan Kebolehan Kognitif dengan Kualiti Pembelajaran

Satu kajian lain telah dilakukan oleh Muhammad Shahid Farooq (2017) tentang hubungan gaya kognitif dan kualiti pembelajaran. Tujuan kajian deskriptif ini adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk mengenal pasti gaya kognitif pelajar yang berleluasa mempelajari bahasa yang berbeza di peringkat induk. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah gaya kognitif untuk mengenal pasti kemampuan kognitif pelajar dalam menulis karangan. Penyatuan antara gaya kognitif pelajar dan prestasi penulisan telah berjaya diterokai. Berdasarkan hasil kajian terbukti gaya kognitif dapat meningkatkan prestasi penulisan pelajar. Selain itu, hasil kajian juga membawa kepada fakta bahawa penerokaan lebih lanjut diperlukan pada data yang besar untuk mendapatkan lebih banyak wawasan dalam penulisan karangan menerusi pencerapan tajuk.

2.8.5 Hubungan Kebolehan Kognitif dengan Kemahiran Berfikir (KBAT)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari persaingan global yang semakin sengit dalam persekitaran ekonomi yang dipacu oleh inovasi. Hal ini menyebabkan KPM memberi penekanan terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sistem pendidikan negara bermula dari alam persekolahan. Pelaksanaan KBAT dalam sistem persekolahan menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistemik. Marzni Mohamed et al. (2018) telah mengkaji tentang KBAT yang berkait rapat dengan perkembangan kognitif murid. Kajian ini dilaksanakan untuk meneliti pemahaman dan amalan pedagogi guru Bahasa Melayu tingkatan empat terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan penulisan karangan argumentatif berasaskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan analisis tematik untuk membentuk kriteria dan tema bagi meneliti pemahaman dan amalan pedagogi kedua-dua peserta kajian menerusi proses penulisan karangan argumentatif. Hasil kajian menunjukkan tema utama daripada variasi karangan argumentatif menjadi asas kepada pemahaman guru dan faktor pemilihan tajuk sebagai tugasan menulis karangan di dalam bilik darjah. Secara keseluruhannya, pemahaman dan amalan pedagogi guru terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan proses penulisan karangan argumentatif berasaskan KBAT dalam kajian ini terbukti dapat membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran menulis karangan di dalam bilik darjah. Kajian Marzni Mohamed et al. (2018) tidak menyentuh pendekatan konstruktivisme secara menyeluruh. Oleh hal yang demikian, kajian ini menyentuh aspek pendekatan konstruktivisme dalam membina kebolehan kognitif murid ketika PdPc Bahasa Melayu berlangsung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.6 Hubungan Kebolehan Kognitif dengan Kemahiran Menulis

Penyelidikan berkenaan kebolehan kognitif murid turut dilakukan oleh penyelidik dari luar negara. Scott et al. (2016) telah mengkaji tentang pendekatan komponen kognitif untuk meningkatkan kemahiran menulis murid. Pengkaji mendapati banyak kajian yang dilakukan sebelum ini tentang pendekatan kognitif dalam bidang pendidikan terutama dalam kemahiran membaca murid. Oleh sebab itu kajian yang dilakukan Scott et al. (2016) terarah kepada kemahiran menulis murid yang bermula dari gred satu hingga empat. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kemahiran menulis memerlukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beberapa kemahiran kognitif yang memberi penekanan berbeza bergantung pada tahap kemahiran menulis murid. Selain itu terdapat juga kajian kebolehan kognitif murid dalam Bahasa Inggeris dilakukan oleh Nazli Tyfekci dan Erenik Dujaka (2017) dari Universiti Gjakova, Kosovo. Fokus kajian tentang keberkesanan strategi pembelajaran metakognitif dalam penulisan karangan Bahasa Inggeris oleh murid sastera di Kosovo.

Kajian ini juga dibuat untuk meneliti pengetahuan dan peraturan metakognitif murid tentang keutamaan mereka untuk merangka, merancang, menganjurkan, meringkaskan, mengarang, mengkaji semula dan kemudiannya membuat penilaian. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan pencapaian dalam proses PdPc menggunakan pendekatan tradisional berbanding dengan pendekatan strategi pembelajaran metakognitif. Hal ini membuktikan bahawa pendekatan strategi metakognitif meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penulisan karangan Bahasa Inggeris oleh murid. Selain itu, hasil kajian mereka juga telah membuktikan sikap murid terhadap strategi pembelajaran baru dan moden adalah positif dan mesra murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9 Kajian-Kajian Lepas Pendekatan Konstruktivisme

Subtopik ini membuat tinjauan tentang kajian-kajian lepas berkaitan pendekatan konstruktivisme dalam pendidikan. Kajian ini disorot seperti yang berikut.

2.9.1 Pendekatan Konstruktivisme dan Kesinambungan dalam PdPc

Dalam penyelidikan Bada dan Steve Olusegunm (2015) menjelaskan bahawa konstruktivisme merupakan salah satu idea luas dalam PdPc. Implikasinya dilihat pada kewujudan pemusatan pelajar. Jika usaha dilakukan dalam mereformasikan PdPc, pelajar akan mudah menaakul ilmu. Oleh itu, pelajar perlu diberikan tumpuan untuk mengamalkan konstruktivisme secara terpimpin dan melalui pembelajaran berpusatkan pelajar dalam pendekatan konstruktivisme. Hasil kajian mereka banyak membicarakan teori pembelajaran konstruktivisme sebagai paradigma pengajaran dan pembelajaran dengan berpusatkan pelajar yang diasaskan kepada teori pembelajaran yang terdapat dalam psikologi memperoleh pengetahuan dan gaya belajar. Oleh itu, konstruktivisme mempunyai aplikasi langsung untuk corak berfikir yang dikaitkan dengan unsur afektif, rangsangan dan tindak balas. Teori Bada dan Steve Olusegunm (2015) menunjukkan bahawa manusia membina pengetahuan dan makna daripada pengalaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemahaman konsep tentang teori dibincangkan serta ciri-ciri asas persekitaran pembelajaran konstruktivisme diwujudkan. Tujuh tujuan pedagogi tentang persekitaran pembelajaran konstruktivisme dan enam manfaat konstruktivisme telah digariskan dalam kajian mereka. Kewajarannya, prinsip konstruktivisme dan beberapa implikasinya untuk pengajaran dan pembelajaran perlu dikaji dari semasa ke semasa dan disesuaikan dengan pembelajaran kendiri. Oleh itu, kajian mereka menyimpulkan bahawa guru perlu memikirkan amalan untuk menerapkan idea-idea penjanaan minda dalam pengajaran. Guru konstruktivis mesti menggalakkan pelajar menilai aktiviti untuk memperoleh pemahaman isi pelajaran.

Sorotan daripada kajian Duygu Saniye Ozturk (2016) telah mengenal pasti pandangan guru sekolah tentang pembelajaran dalam rangka pendekatan konstruktivisme kognitif dan sosiokultur serta mendedahkan penggunaan praktikal pembelajaran konstruktivis. Daripada penemuan pandangan guru tentang pembelajaran, majoriti yakin bahawa pembelajaran konstruktivis perlu direalisasikan di dalam kelas menerusi aktiviti terbuka. Menurut beliau, aktiviti terbuka berupaya membentuk cara berfikir yang dinamik dengan diselaraskan dengan pembelajaran kendiri. Ini penting kerana pembelajaran kendiri ialah landasan untuk mengorak kognitif berbahasa. Alasannya bahawa akan mudah berlakunya keunikan dalam proses berfikir pelajar.

Kajian lepas tentang pendekatan konstruktivisme terhadap bahasa Inggeris juga telah dilakukan. Nyaradzo Mvududu dan Jennifer Thiel Burgess (2012) telah mengkaji pendekatan konstruktivisme dalam pembelajaran bahasa Inggeris di Amerika. Pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjalankan kajian ini kerana proses pembelajaran bahasa Inggeris adalah rumit dan memberi cabaran kepada guru. Hasil dapatan kajian ini membuktikan kaedah pedagogi berasaskan konstruktivisme merupakan salah satu cara yang terbaik untuk murid dari latar belakang budaya dan bahasa yang berbeza untuk menguasai bahasa Inggeris. Kesimpulannya kajian ini dibuat sebagai kesinambungan daripada hasil dapatan kajian oleh Nyaradzo Mvududu dan Jennifer Thiel Burgess (2012) sebagai membuktikan bahawa hubungan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif murid menerusi pendekatan konstruktivisme juga memberi impak positif dalam penulisan karangan Bahasa Melayu.

Satu kajian sama telah dilakukan oleh Meenu Dev (2016) iaitu mengkaji keberkesanan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di salah sebuah sekolah menengah di India. Kajian melibatkan 60 orang murid sekolah menengah. Pendekatan konstruktivisme diaplikasikan ke atas kumpulan rawatan. Guru menjadi fasilitator di dalam dan luar bilik darjah. Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa pendekatan konstruktivisme berupaya meningkatkan pencapaian akademik murid dan kemahiran menyelesaikan masalah mereka juga dapat dikuasai. Jurang kajian yang ingin ditonjolkan ialah kajian tersebut dilakukan terhadap bahasa Inggeris dan keberkesanan pendekatan konstruktivisme dapat dibuktikan. Oleh hal yang demikian, kajian ini juga menggunakan pendekatan yang sama namun terhadap penulisan karangan Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.9.2 Hubungan Pendekatan Konstruktivisme dengan Strategi Pembelajaran

Penggunaan peta pemikiran dalam strategi pembelajaran merupakan salah satu aspek dalam pendekatan konstruktivisme. Mohd Hairie Abdullah (2015) menyatakan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan kajian masa depan, kecerdasan pelbagai dan konsep konstruktivisme dapat meningkatkan minat dan pengetahuan murid dalam pelajaran. Pembelajaran koperatif merupakan satu cara berkesan yang membolehkan seseorang pelajar menggunakan strategi kognitif yang sesuai untuk memberi motivasi, lebih idea dan pemahaman yang cepat tentang sesuatu pembelajaran. Murid boleh mempelajari sesuatu mata pelajaran menggunakan pengetahuan dan pengalaman sedia ada melalui ujian Cakna I-Think. Berdasarkan hasil kajian ini didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan dalam pencapaian penguasaan aspek isi penulisan karangan perbincangan dalam skor min dan pasca ujian antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen.

Dalam kajian ini juga pengkaji mendapati bahawa terdapat signifikan terhadap pencapaian bagi penguasaan aspek teknik penulisan dalam skor min pra dan pasca Ujian Cakna I-Think dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Beliau mendapati bahawa murid akan menggunakan kemahiran intelek untuk berfikir bagi menyelesaikan masalah yang diberi berdasarkan pelajaran yang diajar. Murid yang menghadapi masalah akan memilih cara mudah dengan menggunakan peta pemikiran I-Think. Jurang perbezaan yang terdapat dalam kajian ini ialah kumpulan sasaran iaitu guru. Mohd Hairie Abdullah (2015) melaksanakan kajian terhadap pencapaian murid, manakala kajian ini melihat kesannya terhadap guru yang mengajarkan Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Andang Suhendi dan Purwarno (2018) telah menjalankan kajian berkaitan dengan pendekatan konstruktivisme John Dewey di Indonesia. Idea menggunakan teori konstruktivisme bukan teori baru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan di Indonesia. Teori Dewey menyatakan bahawa konstruktivisme dapat membina pengetahuan individu dan sosial. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme menyumbang kesan positif atas kemajuan pendidikan untuk meningkatkan pencapaian murid. Hal ini demikian kerana pendekatan konstruktivisme membuka rasa ingin tahu murid belajar perkara baharu. Murid juga berupaya membina pengetahuan mereka untuk mencipta dan mereka bentuk sesuatu yang berkaitan dengan keperluan atau kehendak mereka. Kajian tersebut dilakukan untuk melihat kesan pendekatan konstruktivisme terhadap keseluruhan sistem pendidikan di Indonesia. Kajian ini pula memberi fokus kepada penulisan karangan mata pelajaran Bahasa Melayu menengah atas di Malaysia.

Satu kajian lain telah dijalankan oleh Aljohani (2017) untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang keberkesanan pendekatan konstruktivisme dalam PdPc di sekolah secara umum dan secara khususnya dalam pengajaran bahasa. Kaedah koperatif seperti kerja berkumpulan, berpasangan atau kaedah pembelajaran lain berpusatkan murid merupakan satu kaedah yang penting dalam pembelajaran bahasa. Hasil kajian beliau mendapati konstruktivisme sosial mengutamakan interaksi antara kedua pihak iaitu murid dan guru semasa proses pembelajaran dapat meningkatkan pembelajaran bahasa murid. Kajian ini menjadi kelangsungan daripada kajian yang dilakukan Aljohani (2017) dan diperincikan lagi terhadap kemahiran menulis oleh murid dalam mata pelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahasa Melayu. Sememangnya kaedah konstruktivisme dalam PdPc telah digunakan dengan meluas. Rajni Gupta dan Veenu Gupta (2017) telah mengkaji kepentingan pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan di institusi pengajaran termasuk guru dan kanak-kanak. Kedua-dua sumber data primer dan sekunder digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan pendekatan konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan pendekatan terbaik yang berupaya membantu perkembangan murid dari segi mental, fizikal, sosial, estetika, vokasional dan sebagainya. Selain itu, kajian Rajni Gupta dan Veenu Gupta (2017) membuktikan bahawa penggunaan pendekatan konstruktivisme dapat menyediakan murid lebih bersedia menghadapi masa depan dan mengelakkan diri daripada kaedah pembelajaran tradisional yang berpusatkan guru. Kajian ini menjadi satu daripada kajian-kajian lain berasaskan pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif murid dan kesannya terhadap penulisan karangan.

2.9.3 Perbandingan Pendekatan Konstruktivisme dengan Pendekatan Tradisional

Satu kajian pendekatan konstruktivisme juga telah dilakukan oleh Syahida Nadia Zakaria (2015). Kajian beliau menyentuh tentang kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terutama berkaitan unsur sastera. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan penggunaan pendekatan konstruktivisme dalam PdPc dengan pendekatan tradisional terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pencapaian murid tingkatan dua. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian murid dalam ujian pra bagi kedua-dua pendekatan, tetapi terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pasca. Dalam ujian pasca, min markat bagi kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi berbanding min markat kumpulan kawalan. Min ujian pasca pendekatan konstruktivisme didapati meningkat kepada 84.41 dan sisihan piawainya 5.48. Bagi kumpulan kawalan pula, minnya juga meningkat tetapi tidak sebanyak kumpulan eksperimen iaitu setakat 68.44 dan sisihan lazimnya 8.53. Min kedua-dua kumpulan itu mempunyai perbezaan sebanyak 15.97. Hasil ujian memperlihatkan nilai-t ialah 9.110 dan nilai signifikan ialah 0.000. Perbezaan ini menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme lebih berkesan berbanding pendekatan tradisional bagi PdPc Komsas Bahasa Melayu dengan aras signifikannya ialah $p< 0.05$. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan sebagai kelangsungan daripada kajian yang dilakukan oleh Syahida Nadia Zakaria (2015) menggunakan pendekatan konstruktivisme tetapi lebih fokus dalam kemahiran penulisan karangan fakta.

Selain itu, terdapat juga kajian lepas di luar negara tentang pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dikaji oleh Hemant Sharma dan Poonam Gupta (2016). Mereka mengkaji perubahan PdPc dalam bahasa Inggeris di India. Kajian tersebut dibuat untuk meninjau kesan perubahan PdPc tradisional kepada PdPc strategi baru iaitu pendekatan konstruktivisme yang melibatkan lima unsur iaitu penglibatan, penerokaan, penjelasan, penghuraian dan penilaian. Pengkaji membincangkan secara terperinci pendekatan konstruktivisme, sejarah dan teori konstruktivisme serta impak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan ini dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Hasil kajian ini mendapati strategi baharu dalam PdPc yang menggunakan pendekatan konstruktivisme dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris sebagai medium untuk berkomunikasi. Pendekatan ini juga amat penting sebagai alat bantu mengajar Bahasa Inggeris supaya guru dan murid dapat mencari kaedah terbaik dalam proses PdPc. Oleh itu kajian ini menggunakan pendekatan konstruktivisme sebagai medium untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Melayu murid terutama dalam kemahiran menulis karangan fakta.

2.10 Kajian-Kajian Lepas Penulisan Karangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat beberapa penyelidik sebelum ini yang menjalankan kajian tentang pengajaran dan penulisan karangan.

2.10.1 Hubungan Penulisan Karangan dengan Tingkah Laku

Satu kajian berkaitan tingkah laku dan proses semasa menulis karangan respons terbuka murid berprestasi rendah telah dijalankan oleh Abdul Ghani Jalil (2016). Kajian ini bertujuan menganalisis tingkah laku dan proses semasa menulis karangan respons terbuka serta menjelaskan persamaan dan perbezaan tingkah laku dalam kalangan murid tingkatan dua berprestasi rendah mengikut gender (lelaki dan perempuan). Hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penulisan karangan respons terbuka dalam kalangan murid lelaki dan perempuan berprestasi rendah menunjukkan hasil penulisan karangan yang lemah. Oleh hal yang demikian, guru digalakkan menyebati kemahiran berfikir kreatif dalam pembelajaran dan pengajaran karangan respons terbuka dengan memberikan penekanan kepada aspek kreatif (kelancaran, kelenturan, keaslian dan penghuraian) tanpa mengambil kira sama ada murid berminat atau sebaliknya. Implikasi kajian ialah murid perlu sedar tentang penggunaan strategi dalam penulisan karangan.

2.10.2 Hubungan Penulisan Karangan dengan Pusat Sumber

Kajian Karen Bordonaro (2016) yang ditinjau pula mengkaji penggunaan perpustakaan kolej Amerika oleh pelajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (ESL) dalam cara yang diarahkan sendiri untuk tujuan meningkatkan pencapaian menulis. Pelajar ESL dalam kajian ini terlibat dalam aktiviti pembelajaran penulisan di perpustakaan yang membabitkan tiga kemahiran bahasa iaitu bertutur dan mendengar, membaca dan menulis. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa pelajar bahasa yang diarahkan sendiri pergi ke perpustakaan dan melakukan aktiviti bertutur dan membaca telah berjaya meningkatkan kemahiran penulisan Bahasa Inggeris, dan manifestasi autonomi pelajar dapat dihubungkan dengan pembelajaran kandungan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam konteks. Secara tidak langsung, penerokaan ini menunjukkan bahawa perpustakaan mungkin berfungsi sebagai tempat yang bermanfaat bagi kajian lanjutan tentang masalah pembelajaran menulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10.3 Hubungan Penulisan Karangan dengan Pembelajaran Kendiri

Dalam tinjauan lanjut, kajian menunjukkan bahawa pada kebiasaannya pelajar menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pencapaian menulis. Alasannya adalah jika kemahiran guru yang mengajar dapat dipadankan dengan elemen kecekapan dalam pembelajaran kendiri. Jayanthi Muniandy dan Munir Shuib (2018) telah menunjukkan bahawa pembelajaran kendiri merupakan aspek penting dalam proses penjanaan minda ketika menulis. Data telah dikumpulkan daripada 50 orang sampel. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa majoriti pelajar adalah pendengar dan dapat digolongkan sebagai pelajar kinestetik. Penemuan juga menunjukkan terdapat korelasi bermakna antara pembelajaran kendiri yang berasaskan auditori dengan strategi berfikir. Dapatan kajian mereka dapat membantu ahli akademik yang lain untuk menyediakan rancangan pengajaran harian yang sesuai.

2.10.4 Hubungan Penulisan Karangan dengan Strategi Pembelajaran

Pengajaran penulisan Bahasa Melayu turut dikaji oleh Yusfaiza Yusuff dan Mohd Ishah Awang (2012), iaitu pembelajaran Jigsaw II dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk meninjau sikap murid terhadap pembelajaran Jigsaw II dan kesannya terhadap penguasaan kemahiran menulis karangan. Kajian berbentuk kuasi eksperimen ini melibatkan seramai 60 orang responden, 30 orang dalam kumpulan kawalan dan 30 orang kumpulan eksperimen. Soal selidik tentang sikap dan dua siri ujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penulisan karangan sebelum dan selepas pelaksanaan pembelajaran Jigsaw II digunakan. Kajian mendapati murid menunjukkan sikap yang positif terhadap pelaksanaan pembelajaran menggunakan Jigsaw II dan ujian-t yang dijalankan menunjukkan perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Keadaan ini menunjukkan keberkesanan pembelajaran tersebut terhadap penguasaan kemahiran menulis karangan responden. Pembelajaran Jigsaw II juga mampu meningkatkan kemahiran kognitif dan kemahiran interpersonal murid. Bahan bantu belajar berupaya meningkatkan pencapaian murid. Oleh hal yang demikian, kajian ini cuba membuktikan pendekatan konstruktivisme dapat memberikan peluang kepada murid untuk menguasai kebolehan kognitif dalam menulis karangan Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11 Kesimpulan

Sorotan kajian literatur ini membantu proses pengumpulan teori dan model-model kajian lampau yang dapat digunakan oleh pengkaji untuk menjadi panduan dan sokongan dalam membina kerangka teori konseptual dan melaksanakan kajian ini secara keseluruhannya. Segala maklumat berkaitan pembelajaran terarah kendiri, kebolehan kognitif, pendekatan konstruktivisme dan kemahiran penulisan karangan dibincangkan secara terperinci. Semua teori dan dapatan dalam bab ini menjadi sokongan dalam setiap tindakan dalam bab 3, iaitu metodologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Metodologi yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini berfungsi utama ke arah membuktikan dapatan kajian yang sah, boleh dipercayai, dan dipertanggungjawabkan. Dalam bab ini, dikemukakan kaedah untuk melaksanakan kajian tentang hubungan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif murid berasaskan pendekatan konstruktivisme dalam penulisan karangan fakta. Kaedah kajian yang dibentuk selari dengan matlamat dan tujuannya seperti yang dibincangkan dalam bab 1. Secara terperincinya, bab ini menjelaskan aspek reka bentuk dan alat kajian, pemilihan lokasi dan sampel kajian, pelaksanaan kajian rintis, kebolehpercayaan instrumen, dan prosedur pengumpulan penganalisisan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kuantitatif dan kualitatif digunakan dalam kajian ini. Penyelidikan yang menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif, melibatkan kaedah tinjauan dan kuasi eksperimen manakala reka bentuk kualitatif melibatkan kaedah analisis kualiti karangan fakta murid berdasarkan pencapaian. Kaedah ini amat sesuai untuk melihat manipulasi satu pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar. Menurut Marguerit et al. (2006) reka bentuk kajian memaparkan strategi atau perancangan tindakan yang hendak dilakukan oleh penyelidik untuk mengumpul data ke arah mencapai objektif dan menjawab soalan kajian. Mokhtar Ismail (2011) menjelaskan reka bentuk kajian mencerap isu atau fenomena. Penyelidikan inferen melibatkan penggubalan hipotesis untuk sesuatu masalah dan data dipungut serta dianalisis untuk mengujinya. Rajah 3.1 menunjukkan reka bentuk yang melibatkan tiga fasa yang mendasari kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Reka Bentuk Kajian yang Melibatkan Tiga Fasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.1 Fasa 1: Kaedah Tinjauan

Kaedah tinjauan digunakan kerana ciri-cirinya menepati reka bentuk kajian ini. Mohd Najib Abdul Ghafar (2003) menyatakan kaedah tinjauan merupakan satu proses kutipan data secara sepintas lalu. Kaedah ini hanya dapat menerangkan situasi pada masa tinjauan dibuat dengan objektif yang jelas seperti mendapatkan pola tentang satu fenomena secara meluas. Keputusan yang diperoleh mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang agak tinggi kerana pola perlakuan masyarakat sukar berubah secara mendadak.

Kaedah tinjauan dianggap satu kaedah yang dapat memberikan maklumat yang lengkap. Menurut Mokhtar Ismail (2011) kedah tinjauan menjadi satu kaedah kajian yang dapat menghubungkaitkan banyak pembolehubah dalam sesuatu kajian dan mempunyai ciri-ciri mudah tadbir dan keupayaan keputusan kajian dapat digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah tinjauan untuk melihat persepsi guru dalam proses PdPc menggunakan pendekatan kontrusktivisme yang menghubungkan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif untuk menghasilkan karangan. Pelaksanaan kaedah ini menggunakan alat kajian iaitu soal selidik. Ini selari dengan pendapat Akhiar Pardi dan Shamsina Shamsuddin (2011) menegaskan soal selidik merupakan alat kajian popular dalam kaedah tinjauan kerana menepati ciri-ciri penyelidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2 Fasa 2: Kaedah Kuasi Eksperimen

Kaedah kuasi eksperimen juga digunakan untuk mengumpulkan data kuantitatif. Dalam kajian ini secara sistematik diperkenalkan olahan atau *treatment* kepada kumpulan *intact group* dan mencerap rentetan perubahan yang berlaku. Kaedah ini dapat memastikan kesan olahan atau *treatment* pembolehubah tidak bersandar, iaitu gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif dan pendekatan konstruktivisme terhadap pembolehubah bersandar, iaitu pencapaian penulisan karangan fakta murid.

Dengan penggunaan reka bentuk kuasi eksperimen, satu kumpulan kajian dipilih dan diberikan rawatan atau olahan. Menurut Campbell dan Stanley (1969) pemilihan sampel *intact group* ini perlu dilakukan kerana murid-murid dalam kumpulan hanya didedahkan dengan satu rawatan. Data diambil melalui ujian pra dan ujian pasca dikenali sebagai *The One-group Pretest-Posttest Design* atau satu kumpulan ujian pra dan ujian pasca.

.



Rajah 3.2. Reka Bentuk Kuasi Eksperimen bagi Penyelidikan Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam Rajah 3.2, satu kumpulan eksperimen digunakan, iaitu sampel kajian murid seramai 30 orang telah ditentukan oleh pihak sekolah yang dinamakan *intact group*. Setiap kumpulan murid bagi setiap sekolah telah melalui ujian pra, iaitu menulis karangan mengikut pengetahuan sedia ada berdasarkan pengajaran guru secara konvensional. Ujian pra dilakukan dan markah murid direkodkan. Ujian pra ini disimbolkan sebagai O1. Selepas itu, kumpulan yang sama diberikan rawatan yang disimbolkan sebagai X dengan mengaplikasikan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang berfokuskan pada aspek gaya pembelajaran terarah kendiri dan aspek kebolehan kognitif murid. Rawatan dilakukan selama dua bulan. Ujian pasca dilakukan dan disimbolkan sebagai O2. Selepas ujian pasca dilakukan, markah direkodkan dan diproses. Prosedur kuasi eksperimen ini dilakukan kepada kelima-lima kumpulan murid berlainan sekolah yang dipilih.

Dalam penyelidikan ini, kumpulan murid bagi setiap sekolah telah didedahkan sekali untuk ujian pra dan sekali ujian pasca untuk dua peringkat. Pengukuran berulang untuk kuasi eksperimen dilakukan untuk lima buah sekolah dapat menjamin konsistensi sesuatu dapatan daripada kuasi eksperimen. Pengukuran yang digunakan ini adalah didasarkan kepada pandangan serta saranan yang telah ditetapkan oleh Campbell dan Stanley (1969) dan Creswell (2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.3 Fasa 3: Kaedah Analisis Peningkatan Kualiti Karangan

Dalam mengkhusus Fasa 3 ini, kaedah analisis kualiti karangan fakta berdasarkan pencapaian digunakan kerana sesuai dengan ciri-ciri kajian seperti yang disarankan oleh Cohen, Manion dan Morisson (2001). Cara kaedah kajian ini mengikut syor Syahida Nadia Zakaria (2015). Instrumen kajian dibincangkan mengikut subtopik penskoran penulisan. Data telah dikumpul dan dianalisis secara deskriptif dengan berpandukan skema jawapan. Data dikodkan seperti dalam Jadual 3.1 yang berikut:

Jadual 3.1

Aspek Pencerapan Kualiti Karangan Fakta yang Dikodkan

Aspek Penilaian	**Kriteria**
Isi (KOD A1)	i. Idea yang relevan ii. Idea yang matang
Bahasa (KOD B1)	i. Ayat bervariasi dan gramatis ii. Ejaan yang betul dan tepat iii. Tanda baca yang betul iv. Kosa kata luas dan pelbagai golongan v. Penggunaan ungkapan menarik vi. Penanda wacana yang tepat
Pengolahan (KOD C1)	i. Huraian jelas dan relevan ii. Contoh-contoh yang tepat dan sesuai iii. Pengolahan menarik dan berkesan iv. Sistem pemerengganan yang kemas v. Laras bahasa yang sesuai dengan tugasan

Sumber daripada Skema Pemarkahan Bahasa Melayu Kertas 1, Lembaga Peperiksaan Malaysia, (2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1 menunjukkan aspek dan kriteria pencerapan kualiti karangan yang telah dikodkan. KOD A1 merujuk aspek Isi, KOD B1 aspek Bahasa dan KOD C1 aspek pengolahan. Setiap kod ini ada perinciannya melalui kriteria yang terdapat dalam skema penskoran Bahasa Melayu Kertas 1 SPM. Semua kod dan subkod diguna pakai dalam kaedah analisis kualiti karangan fakta murid.

3.3 Gangguan Kesahan Dalaman Kaedah Kuasi Eksperimen

Bagi menepati ciri-ciri eksperimen ini, kawalan pembolehubah luaran mesti diberikan perhatian supaya tidak mengelirukan kesan yang disebabkan oleh pembolehubah tidak bersandar terhadap pembolehubah bersandar. Maksud pembolehubah luaran ialah gangguan yang boleh mempengaruhi kesahan dalaman ujian pra dan ujian pasca. Champbell dan Stanley (1969) menjelaskan bahawa terdapat lapan perkara yang boleh menjejaskan kesahan dalam, iaitu sejarah, kematangan, ujian, alat ukur, mortaliti, perbezaan pemilihan subjek statistik regresi dan pemilihan dalam hubungan kematangan. Fraenkel dan Wallen (2009) menyatakan bahawa faktor lokasi dan faktor pelaksana juga menjadi ancaman kesahan dalaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.1 Sejarah

Sejarah merujuk kepada kewujudan aktiviti pengajaran dan pembelajaran lain yang tidak terlibat dalam rawatan eksperimen. Sesuatu keadaan, satu atau lebih aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang tidak dijangka atau dirancang boleh berlaku semasa kajian berjalan, selain boleh memberikan kesan terhadap maklum balas subjek (Gay & Airasian, 2003) dan (Fraenkel & Wallen, 2009). Dari mula kajian dilaksanakan hingga kajian berakhir, pengkaji berusaha mewujudkan kerjasama dan hubungan yang erat dengan pengetua dan guru-guru supaya tiada sebarang sesi pengajaran dan pembelajaran lain yang boleh menjejaskan kajian eksperimen ini. Pengkaji menyediakan jadual pengajaran yang khusus untuk tujuan kajian ini. Jadual yang dikemukakan kepada guru-guru telah diluluskan oleh pengetua sekolah terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Kematangan

Dalam sesuatu kajian, tempoh masa yang cukup dan sesuai akan memastikan dapatan data yang konsisten dan jitu. Menurut Gay dan Airasian (2003) kematangan bermaksud perubahan yang berlaku mengikut jangka masa kajian. Gay dan Airasian (2003) menyarankan supaya jangka masa kajian eksperimen yang sesuai kira-kira 13 jam. Dalam mengawal kesan kematangan, kajian ini dilakukan dalam masa 12 jam dan 40 minit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3 Ujian

Tujuan ujian pra secara penghayatannya adalah untuk meningkatkan skor ujian pasca (Gay & Airasian, 2003). Dalam sesuatu kajian eksperimen, Creswell (2014) menyatakan bahawa jarak masa yang sesuai antara ujian pra dan pasca adalah dalam tempoh satu, dua minggu, selain terdapat kesetaraan aras bagi kedua-dua ujian. Dalam kajian ini, jarak masa yang digunakan antara ujian pra dan ujian pasca berselang satu minggu. Pengkaji juga melantik panel yang terdiri daripada tiga orang guru untuk memastikan aras ujian pra dan pasca adalah setara.

3.3.4 Alat Ukur

Tiada kebolehpercayaan dalam pengukuran sesuatu alat ukur boleh menyebabkan sesuatu penilaian tidak sahih (Gay & Airasian, 2003). Dalam kajian ini, kebolehpercayaan dilakukan terhadap ujian pra, pasca dan soal selidik. Sebelum soal selidik digunakan, pengubahsuaian terhadapnya dilakukan untuk tujuan pengumpulan data. Fraenkel dan Wallen (2009) menjelaskan bahawa pengumpulan data yang berbeza menyebabkan berlakunya ancaman terhadap alat kajian. Alat kajian boleh ditadbirkan secara berbeza-beza. Menurut mereka, pengumpulan data yang sama merupakan cara asas untuk mengawal ancaman. Oleh itu, berdasarkan saranan Fraenkel dan Wallen (2009) pengumpulan data bagi kajian ini dilakukan oleh guru yang dilantik. Daripada beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tindakan yang diambil, pengkaji begitu yakin bahawa ancaman daripada alat kajian bukan merupakan masalah dalam kajian ini.

3.3.5 Mortaliti

Mortaliti bermaksud subjek menarik diri daripada kajian apabila penetapan masa olahan dan jangka masa pengumpulan data tidak sesuai (Campbell & Stanley, 1969). Menurut mereka, pemberian masa olahan dan pengumpulan data yang lama boleh menyebabkan subjek menjadi bosan dan menarik diri daripada kajian. Merujuk pendapat Campbell dan Stanley (1969) bahawa masa olahan yang sesuai adalah antara 10 hingga 13 jam. Mereka juga menambah bahawa kerja-kerja pengumpulan data, misalnya yang berkaitan dengan soal selidik perlu dilakukan sebaik-baik sahaja sesuatu olahan selesai. Dalam mengawal mortaliti, olahan dilakukan dalam kajian ini adalah selama 12 jam 40 minit. Pengkaji berpendapat bahawa tambahan masa olahan ini adalah sesuai dan sejajar dengan cadangan Campbell dan Stanley (1969).

3.3.6 Perbezaan dalam Pemilihan Subjek

Menurut Creswell (2014) memang terdapat perbezaan dalam pencapaian dari kualiti penulisan subjek dalam sesuatu kajian kuasi eksperimen. Beliau menambah bahawa kajian perlu ditadbirkan menerusi pendekatan statistik demi mengurangkan ancaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam bentuk perbezaan kualiti dan pencapaian dalam penulisan. Dalam kajian ini, Ujian-t Sampel Berpasangan digunakan untuk meninjau hubungan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme dan kesannya terhadap penulisan karangan fakta. Dalam kajian secara Ujian-t Sampel Berpasangan terhadap data ujian pra dan ujian pasca menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan. Ini membuktikan bahawa tiada ancaman terhadap dapatan kajian, iaitu penulisan karangan fakta.

3.3.7 Statistik

Kebiasaannya, ancaman statistik akan wujud apabila pencapaian subjek tidak setara, iaitu terdapat pencapaian yang terlalu tinggi dan terlalu rendah (Gay & Airasian, 2003) dan (Fraenkel & Wallen, 2009). Pencapaian berdasarkan skor yang begitu jauh berbeza akan berubah daripada satu ujian kepada satu ujian yang lain, iaitu daripada ujian pra kepada ujian pasca, manakala skor yang rendah mendatangkan peningkatan. Dalam mengawal ancaman tersebut, telah dikenal pasti bahawa dalam kelas-kelas tersebut tidak terdapat murid yang sangat cemerlang dan yang sangat lemah. Berdasarkan keputusan PT3, keputusan sampel yang dipilih adalah normal. Ini untuk memastikan bahawa tidak wujud perbezaan yang terlalu ketara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.8 Pemilihan dalam Hubungan Kematangan

Menurut Campbell dan Stanley (1969) kesan daripada interaksi kematangan, ancaman terhadap kesahan dalaman juga boleh berlaku. Oleh itu, dengan menggunakan subjek daripada aliran, tingkatan yang sama dan usia yang setara bagi kumpulan eksperimen dan kawalan, maka ancaman yang wujud dalam kajian ini dapat dikurangkan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, faktor sejarah, kematangan, ujian, alat kajian, mortaliti dan perbezaan pencapaian subjek boleh dikawal oleh reka bentuk eksperimen. Walau bagaimanapun, pengkaji telah mengambil beberapa langkah tambahan untuk mengelakkan berlakunya ancaman-ancaman yang sedia ada pada kadar yang minimum, selain memastikan reka bentuk kajian adalah mantap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.9 Pelaksana

Dalam kebanyakan kajian, rawatan boleh dikendalikan oleh pengkaji, guru pembantu yang dilantik dan sesiapa sahaja yang berkenaan. Pelaksana boleh menjadi ancaman jika terdapatnya seorang atau lebih bertanggungjawab terhadap rawatan. Pastinya, cara seseorang mentadbirkan rawatan adalah berbeza-beza (Fraenkel & Wallen, 2009). Oleh itu, hanya seorang guru ditugaskan untuk membantu pengkaji dalam menyelaraskan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji tidak terlibat secara langsung dalam melaksanakan kajian. Oleh itu, potensi ancaman yang mungkin wujud disebabkan oleh pelaksana dapat dikurangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.10 Lokasi

Persekitaran fizikal dan sosial seperti lokasi dan suasana bilik darjah yang tidak sesuai dan selesa boleh memberikan kesan terhadap hasil kajian (Fraenkel & Wallen, 2009). Bagi mengawal ancaman ini, Butler dan Winne (1998) mengesyorkan supaya tempat dan suasana bilik darjah adalah sesuai dan selesa bagi subjek. Dalam kajian ini, pengkaji berselang seli menggunakan makmal komputer, perpustakaan dan bilik darjah bagi mewujudkan suasana pembelajaran berkonsepkan konstruktivisme. Dengan kemudahan pendingin hawa dan susunan kerusi meja yang berkualiti, menjadi nilai tambah keselesaan murid untuk melalui proses eksperimen yang dirancang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Alat kajian

Penyelidikan yang dijalankan menggunakan kaedah tinjauan dan kuasi eksperimen. Dalam kajian tinjauan, instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Soal selidik ialah alat atau instrumen yang digunakan untuk mengukur tingkah laku responden (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2003). Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkaitan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar. Keupayaan soal selidik menggunakan sampel yang banyak akan meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel untuk menganggar parameter populasi, seterusnya mengurangkan ralat persampelan (Mohd Majid Konting, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, Mohd Najib Abdul Ghafar (2003) menjelaskan bahawa soalan jenis skala Likert sangat popular kerana mudah ditadbir dan mempunyai format yang memudahkan data untuk dianalisis. Menurut Chaw Yan Piaw (2006) menjelaskan bahawa soal selidik skala Likert dibina oleh Rensis Likert pada tahun 1932, sangat popular digunakan dalam penyelidikan terutama kajian sains sosial dan mudah diurus serta dipakai; item-item soalannya mudah dijawab oleh responden; dan data yang dipungut lebih tinggi kebolehpercayaannya.

Daripada adaptasi teori Model Deci dan Ryan (1985), Model Torres (1993) dan set soal selidik oleh Sarimah (2008), serta set soal selidik oleh Khairul Azhar Mat Daud et al. (2015) yang mengadaptasi soal selidik oleh Gugliemino (1977) yang telah menghasilkan instrumen *Self-directed Learning Readiness Scale*, maka set soal selidik pengkaji berjaya digubal. Set soal selidik yang digubal dapat dilihat pada Jadual 3.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Pecahan Item Soalan yang Dibina dalam Soal Selidik Kajian

Bahagian Satu	Maklumat Demografi (*07 item soalan*)
Bahagian Dua	Set 1: Pembelajaran Terarah Kendiri (30 soalan) Kandungan item berkaitan: i. Tanggungjawab dan motivasi ii. Persepsi guru dan murid iii. Faktor persekitaran iv. Sokongan dan ganjaran v. Gaya pengajaran Set 2: Kebolehan Kognitif (30 soalan) Kandungan item berkaitan: i. Ciri-ciri murid ii. Tahap kesediaan murid iii. Faktor berkaitan guru iv. Faktor persekitaran v. Gaya pembelajaran
Jumlah item keseluruhan (Bahagian Satu + Bahagian Dua) = *67 item soalan*	
Arahan: Guru-guru mesti menandakan (/) pada ruang jawapan berpandukan skala Likert yang diberikan sebagai pilihan. Guru-guru mesti menjawab dengan ikhlas hati dan jujur.	
Jenis soal selidik lima skala Likert yang perlu dipilih iaitu: 5) Sangat setuju 4) Setuju 3) Kurang setuju 2) Tidak setuju 1) Sangat tidak setuju	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2 menunjukkan pecahan binaan item soal selidik kepada sampel kajian, iaitu guru. Pengkaji mengkategorikan soal selidik ini kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A tentang Pembelajaran Terarah Kendiri (30 soalan) dan Bahagian B tentang Kebolehan Kognitif (30 soalan). Set soal selidik ini dicetak menggunakan kertas berwarna kuning untuk Bahagian A dan kertas berwarna biru untuk Bahagian B. Terdapat lima dimensi mewakili item soal selidik yang digubal bagi mencapai objektif dan persoalan kajian. Di samping itu, ada juga perbezaan tentang jenis soal selidik lima skala Likert berlainan pilihan jawapan mengikut dimensi telah digubal seperti dinyatakan pada Jadual 3.1. Secara terperincinya soal selidik dapat dilihat dalam lampiran B.

Soal selidik yang berkualiti memberikan gambaran awal kesempurnaan perancangan penyelidikan. Menurut Behling dan Law (2000) soal selidik seharusnya berkualiti kerana dapat menyelesaikan sesuatu masalah yang dikaji dengan berkesan. Kualiti soal selidik dapat ditingkatkan dengan menghalang soalan-soalan yang kabur dan tidak mustahak serta pengalaman dan kelayakan penyelidik sangat penting untuk menghasilkan soal selidik yang berkualiti. Pengkaji berkeyakinan alat kajian yang digunakan dapat mengumpulkan data dan tahap kesahan serta kebolehpercayaan soal selidik adalah tinggi bagi melaksanakan kajian ini.

Dalam kajian kuasi eksperimen, alat kajian yang digunakan ialah set soalan bagi ujian pra dan ujian pasca. Tiga orang guru Ketua Panitia Bahasa Melayu sekolah telah dipilih dan dilantik untuk menyediakan soalan karangan fakta berpandukan soalan-soalan lepas SPM Bahasa Melayu bermula tahun 2014 hingga 2017. Soalan peperiksaan sebenar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi lima tahun berikut telah diubah suai dari aspek tema tetapi formatnya masih sama. Item soalan yang dipilih ialah Soalan 1, Soalan 2 dan Soalan 3 (Sila lihat lampiran C). Selepas item soalan diubah suai, Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) dilantik untuk membuat pengesahan. Selepas mendapatkan pengesahan, soalan dicetak untuk dijawab oleh murid dalam satu sesi yang ditetapkan selama satu jam empat puluh minit. Proses ini sama dilakukan sebelum menjalankan ujian pra dan ujian pasca. Selepas itu, hasil penulisan karangan murid dikumpulkan untuk disemak.

Alatan kajian seterusnya ialah analisis pencapaian kualiti penulisan karangan murid. Pengukuran kualiti karangan dilihat dari aspek isi, bahasa dan pengolahan. (Sila lihat lampiran D). Kaedah analisis ini dihasilkan dengan adaptasi daripada penggredan markah karangan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk Bahasa Melayu, SPM. Analisis pencapaian markah ini juga diubah suai daripada borang pencerapan markah yang dihasilkan oleh Adenan Ayob (2008) dalam kajian beliau tentang kesan penggunaan perisian pemprosesan kata dan bahan bercetak terhadap penulisan karangan murid tingkatan empat dari aspek pencapaian, sikap dan kualiti penulisan.

Analissis pencapaian ini digunakan oleh penilai luar, iaitu seramai lima orang pemeriksa karangan Bahasa Melayu Kertas 1 yang berpengalaman dan mendapat lantikan daripada pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (Sila lihat lampiran E). Proses penilaian dilakukan secara *impression* oleh penilai dan markah diletakkan berdasarkan skema penskoran yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia. Aspek penskoran markah ialah aspek isi, huraian isi, binaan ayat, penggunaan istilah dan tanda baca serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengolahan, pemerengganan, gaya bahasa dan wacana (Sila lihat lampiran F). Penskoran penulisan karangan bermula dengan markah cemerlang (80 hingga 100), markah kepujian (66 hingga 79), markah baik (51 hingga 65), markah memuaskan (36 hingga 50), markah tidak memuaskan (21 hingga 35) dan markah pencapaian minimum (01 hingga 20). Namun begitu, analisis kualiti karangan murid dalam kajian ini, penskoran yang digunakan adalah modifikasi daripada penskoran Lembaga Peperiksaan Malaysia LPM). Penskoran yang digunakan ialah markah cemerlang atas (80 hingga 100), markah cemerlang bawah (70 hingga 79), markah kepujian (60 hingga 69), markah baik (40 hingga 59), markah memuaskan (40 hingga 49) dan markah penguasaan minimum ialah (01 hingga 39).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Tempat Kajian

Kajian ini dilakukan di negeri Selangor yang terdiri daripada lapan buah daerah, iaitu daerah Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Selangor, Kuala Langat, Sepang dan Sabak Bernam. Atas dasar kekangan masa, tenaga dan kos, adalah amat sukar bagi pengkaji untuk membuat kajian dan kutipan data melibatkan semua daerah di Selangor. Oleh itu, lokasi kajian yang dipilih ialah Daerah Sabak Bernam sahaja. Daerah Sabak Bernam dikategorikan sebagai daerah luar bandar dan hanya mempunyai tiga pekan besar dan pekan Sungai Besar menjadi pusat pentadbiran daerah. Berdasarkan maklumat pihak Unit Pembangunan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam, daerah ini hanya mempunyai 17 buah sekolah menengah sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekolah-sekolah di daerah ini mempunyai ciri-ciri persekitaran yang berbeza seperti kedudukan sekolah sama ada di kawasan pekan, kampung atau di kawasan pedalaman; jenis aliran persekolahan sama ada jenis harian, aliran agama atau berasrama penuh; aliran pengajian murid sama ada aliran sains, sastera, perdagangan, ekonomi rumah tangga atau perakaunan; dan ciri kepelbagaian bangsa dan agama. Dalam kajian ini, lima buah sekolah dipilih sebagai lokasi kajian untuk sampel kajian dan lapan buah sekolah untuk sampel guru. Sekolah ini dikategorikan sekolah gred A dan gred B kerana memiliki murid melebihi 800 hingga 1500 orang. Murid-murid di sekolah yang dipilih berbangsa Melayu, Cina dan India. Pembangunan fizikal sekolah sangat sempurna kerana memiliki pusat sumber dan sekurang-kurangnya sebuah makmal komputer lengkap dengan kemudahan Internet dan sebuah makmal bahasa. Kemudahan-kemudahan ini mewujudkan suasana yang kondusif dan menggalakkan pembelajaran.

Sekolah-sekolah ini juga dipilih kerana menepati ciri-ciri populasi boleh capai dalam menjalankan kajian. Mokhtar Ismail (2011) menegaskan bahawa praktiknya sesuatu kajian apabila penyelidik mampu untuk memilih sampel daripada populasi yang relatif kecil, iaitu yang dinamakan populasi boleh capai, apatah lagi dengan kekurangan sumber kewangan, tenaga dan masa yang terhad. Rasional pemilihan lapan buah sekolah di daerah Sabak Bernam kerana pengkaji merupakan salah seorang tenaga pengajar di daerah ini dan terlibat secara aktif dalam beberapa bidang tugas kurikulum dan kokurikulum. Hubungan profesional pengkaji dengan pihak pentadbir dan guru-guru di daerah ini agak rapat dan rakan-rakan sejawat amat menghormati pengkaji. Ini satu kelebihan agar hasil soal selidik yang diperoleh lebih mencapai kesahan dan keobjektifan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini bermaksud, tidak ada sampel yang memandang ringan terhadap set soal selidik yang diberikan. Menurut Dasima Sidek et al. (2018) menegaskan bahawa salah satu alasan kuat pemilihan lokasi kajian beliau adalah kerana beliau sendiri telah mempunyai hubungan rapat dengan pihak sekolah di kawasan sekitar hasil daripada tugas yang dilakukan sebagai guru atau pensyarah. Ini bermakna hubungan baik (*rapport)* antara beliau dengan pengetua dan guru-guru masih wujud seterusnya memudahkan pengendalian proses pungutan data.

Kesimpulannya, pengkaji yakin lokasi yang dipilih dapat memudahkan pentadbiran instrumen kajian bagi mengumpulkan data untuk dianalisis seterusnya mencapai objektif kajian dan menjawab soalan kajian. Mohd Majid Konting (2000) menegaskan bahawa pemilihan tempat dan sampel kajian boleh mengurangkan kos, tenaga dan masa penyelidikan. Maklumat yang didapati boleh diperoleh dengan segera tanpa menimbulkan tentangan daripada pihak-pihak tertentu. Hasil penyelidikan yang bermutu dan memuaskan dapat diperoleh kerana kita boleh melatih dan menyelia pegawai dan pembantu penyelidik dengan lebih berkesan.

3.6 Sampel Kajian

Sampel kajian yang dipilih dikategorikan kepada dua bahagian, iaitu sampel murid dan sampel guru. Bagi sampel kajian murid, pengkaji telah memilih lima buah sekolah di Daerah Sabak Bernam. Di setiap sekolah ini, satu kumpulan murid aliran Sains dipilih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menjadi sampel kajian. Setiap kumpulan mempunyai ahli antara 30 hingga 34 orang murid. Jumlah keseluruhan sampel murid ialah 159 orang. Terdapat murid berbangsa Melayu, bangsa Cina dan beberapa orang berbangsa India (Sila lihat lampiran H). Sabak Bernam sebagai lokasi kajian yang dianggap mempunyai ciri-ciri populasi boleh capai (Mohd Majid Konting, 2000). Menurut Mokhtar Ismail (2011) menjelaskan bahawa populasi boleh capai merupakan populasi yang diambil dan berupaya untuk membuat generalisasi kepada populasi sasaran. Oleh itu, penyelidik mampu memilih sampel daripada populasi yang relatif kecil.

Sampel kajian ini menepati ciri-ciri kajian kerana mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu dengan lain dan ciri yang sama ini boleh dicerap dan diukur. Sampel kajian ini mempunyai keserataan dari aspek umur dan aliran pengajian, iaitu aliran Sains. Trochim dan Donelly (2006) menegaskan setiap individu atau objek dalam sesuatu populasi mungkin berbeza banyak segi, namun setiap individu mestilah mempunyai tidak kurang daripada satu ciri yang sama untuk dicerap dan diukur.

Sampel kajian yang dipilih merupakan murid tingkatan empat yang berumur 16 tahun atau 17 tahun bagi murid bukan Melayu yang mengikuti kelas peralihan. Seramai 30 hingga 34 orang murid dipilih secara *intact group,* sama ada bagi kelima-lima buah sekolah untuk menjalani kaedah kuasi eksperimen. Semua sampel yang dipilih ini berada di dalam kelas yang sama, iaitu Tingkatan Empat Sains. Kemasukan murid di dalam kelas yang dipilih berpandukan keputusan Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapat gred A dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Murid-murid di kelas ini mempunyai keserataan dari aspek umur. Aliran pendidikan dan latar belakang pencapaian Sains dan Matematik yang cemerlang. Namun begitu, pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berbentuk normaliti. Sampel kajian guru digunakan dalam melaksanakan kaedah tinjauan. Seramai 30 orang guru yang mengajarkan Bahasa Melayu peringkat SPM tingkatan empat dipilih. Pengkaji pergi ke lapan buah sekolah untuk bertemu dengan sampel. Setiap sekolah ada tiga hingga empat orang guru yang dipilih. Pemilihan sampel guru ini menggunakan persampelan rawak mudah. Guru yang dipilih diberikan taklimat dan penerangan tentang objektif kajian dan prosedur menjawab item soal selidik yang diberikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Saiz Sampel

Dalam kajian ini dibincangkan pemilihan saiz sampel secara terperinci kepada dua bahagian, iaitu saiz sampel dalam kalangan murid dan saiz sampel dalam kalangan guru. Saiz sampel murid ditentukan berdasarkan penentuan saiz sampel oleh Campbell dan Stanley (1969), serta Cohen, Manion dan Morrison (2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.1 Saiz Sampel Murid

Seramai 159 murid daripada lima buah sekolah dipilih sebagai sampel. Saiz sampel setiap sekolah puratanya ialah 30 hingga 34 orang murid aliran Sains. Saiz sampel yang kecil dipilih untuk memudahkan rawatan dilakukan. Menurut Gay dan Airasian (2003) menjelaskan bahawa biasanya dalam penyelidikan deskriptif, saiz sampel minimum yang boleh diterima ialah 10 peratus tetapi jika saiz populasi kecil, saiz sampel sepatutnya 20 peratus. Selain itu, Cohen, Manion dan Morrison (2001) dalam Chua Yan Piaw (2012) menyatakan bahawa penentuan saiz sampel seharusnya mengambil kira aras kesignifikan dan ralat persampelan. Jika aras kesignifikan yang ditetapkan pada $p< 0.05$ (aras kebolehpercayaan = 95%), maka cadangan saiz sampel kajian ialah tidak melebihi 44 orang jika jumlah saiz populasi kurang 50 orang dan jika $p< 0.01$ (aras kebolehpercayaan = 99%) saiz sampel cadangan ialah juga tidak melebihi 50 orang jika saiz populasinya tidak lebih 50 orang. Pemilihan saiz sampel dapat dilihat melalui Jadual 3.3.

Jadual 3.3

Saiz Sampel pada Aras Kesignifikan $p< 0.05$ dan $p< 0.01$

Saiz Populasi	**Ralat Persampelan 5% dan Aras Kebolehpercayaan 95% (Aras kesignifikan =0.05)**	**Ralat Persampelan 1% dan Aras Kebolehpercayaan 99% (Aras kesignifikan =0.01)**
	Saiz Sampel	Saiz Sampel
50	44	50
100	79	99
200	132	196
500	217	476
1,000	278	907
2,000	322	1,661
5,000	*357*	*3,311*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 menunjukkan teori pemilihan saiz sampel oleh Cohen, Manion dan Morrison (2001), saiz sampel minimum yang digunakan dalam kajian ini tidak melebihi 44 orang murid sekiranya saiz populasi tidak melebihi 50 orang. Oleh itu, kajian ini telah memilih seramai 30 hingga 34 orang murid bagi lima sekolah yang berlainan sebagai sampel kajian. Kewajaran pemilihan saiz sampel ini disebabkan ciri-ciri mudah tadbir alat kajian, pemilihan lokasi kajian yang berhampiran dan menjamin tahap kebolehpercayaan dan kesahan dapatan. Pemilihan saiz sampel kajian ini turut menepati pemilihan saiz sampel yang dicadangkan oleh Campbell dan Stanley (1969).


3.7.2 Saiz Sampel Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan data bilangan guru yang diberikan oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam, terdapat lebih kurang 35 orang guru mengajarkan Bahasa Melayu tingkatan empat. Berpandukan saiz sampel Cohen, Manion dan Marrison (2001) populasi kurang 50 orang maka sampel yang dipilih mestilah tidak melebihi 44 orang. Oleh itu, seramai 30 orang guru Bahasa Melayu dipilih secara rawak melibatkan lapan buah sekolah telah dipilih. Rasional pemilihan 30 sampel guru ini juga mengikut pendapat Gay dan Airasian (2003) kerana bilangan populasi yang kecil. Kesimpulannya, reka bentuk pemilihan sampel dan saiz sampel dalam kajian ini dapat dilihat dalam Rajah 3.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.3. Reka Bentuk Pemilihan Sampel dan Saiz Sampel. Adaptasi daripada Reka Bentuk Kuantitatif Creswell (2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.3 menunjukkan reka bentuk pemilihan sampel dan saiz sampel yang ditentukan berdasarkan tujuan dan alat kajian. Persampelan rawak mudah dan *intact group* digunakan untuk pemilihan sampel kajian yang terdiri daripada murid dan guru. Berdasarkan saiz sampel cadangan Campbell dan Stanley (1969); Manion dan Marrison (2001), saiz sampel yang dipilih ialah 30 hingga 34 orang murid dan 30 orang guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan satu proses penilaian alat kajian yang kerap dilakukan dalam kajian tinjauan. Mohd Najib Abdul Ghafar (2003) menyatakan bahawa selain menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, kajian rintis digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Menurut Mok Soon Sang (2010) tujuan utama kajian rintis (*pilot survey*) ialah menambah ciri kesahan, kebolehpercayaan dan keboletadbiran soalan-soalan demi menambah baik item-item soal selidik yang ditadbir sebagai kajian yang sebenar. Menurut Behling dan Law (2000) instrumen yang telah diterjemah mesti memenuhi dua syarat, iaitu:

a. Standard asas bagi semua pengukuran, iaitu boleh dipercayai, sah, legal dan mempunyai utiliti; dan
b. Kesamaan relatif dengan ukuran instrumen asas.

Dalam menjamin kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian soal selidik dan set soalan ujian, kajian rintis dilakukan di dua buah sekolah di daerah Sabak Bernam dengan memilih 10 orang guru Bahasa Melayu tingkatan empat untuk menjawab item yang digubal dan 10 orang murid dipilih untuk menjawab item soalan karangan dalam ujian pra dan ujian pasca. Kajian rintis dilakukan setelah mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan Pejabat Daerah Sabak Bernam serta pihak pentadbir sekolah berkenaan. Hasil kajian rintis item soal selidik adalah seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Kajian Rintis Perbezaan Min bagi Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif

	(n=10)	
Elemen PK	**Min**	**SP**
Pembelajaran Terarah Kendiri	3.0	5.3
Kebolehan Kognitif	4.6	4.9

SP ialah Sisihan Piawai

Daripada Jadual 3.4, kajian rintis ini dilakukan untuk melihat perbezaan min pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Min bagi elemen pembelajaran terarah kendiri ialah 3.0 (SP=5.3). Kebolehan kognitif pula menunjukkan jumlah min ialah 4.6 (SP=4.9).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Kajian Rintis Hubungan antara Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme

		(n=10)		
Elemen PK	**Min**	**SP**	**r**	**Sig.**
PTK	3.0	5.3	0.67	0.034
KK	4.6	4.9		

Paras Signifikan < 0.05 *SP ialah Sisihan Piawai*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam Jadual 3.5 menunjukkan hubungan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Min PTK ialah 3.0 (SP=5.3). Min kebolehan kognitif pula ialah 4.6 (SP=4.9). Daripada analisis ini, r =0.67 dengan paras signifikan < 0.05. Signifikansi dapatan ialah 0.034. ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara PTK dengan KK.

Jadual 3.6

Kajian Rintis Ujian Pra dan Pasca

	(n=10)	
Ujian	**Min**	**SP**
Pra	40.0	8.2
Pasca	57.0	11.1

SP ialah Sisihan Piawai

Daripada Jadual 3.6, ujian pra dan pasca dilakukan untuk mengenal pasti min dan sisihan piawai. Bagi ujian pra, min ialah 40.0 (SP=8.2). Bagi ujian pasca pula, min ialah 57.0 (SP=11.1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Kajian Rintis Perbezaan Min Berdasarkan Ujian-T Sampel Berpasangan bagi Ujian Pra dan Pasca

		(n=10)		
Ujian	**Min**	**SP**	**t**	**Sig.**
Pra	40.0	8.2	-5.9	0.000
Pasca	57.0	11.1		

Paras Signifikan < 0.05 *SP ialah Sisihan Piawai*

Dalam Jadual 3.7, perbezaan min ditunjukkan dengan menggunakan statistik Ujian-t Sampel Berpasangan. Min ujian pra ialah 40.0 (SP= 8.2). Min ujian pasca pula ialah 57.0 (11.1). Daripada analisis ini, t= -5.9 dengan paras signifikan <0.05. Signifikansi dapatan ialah 0.000. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ujian pra dengan ujian pasca.

Kedua-dua kajian rintis, iaitu kajian tinjauan berasaskan soal selidik dan ujian pra serta pasca dilakukan untuk menentukan indeks kebolehpercayaan. Menurut pandangan Creswell (2014) kebolehpercayaan sesuatu instrumen berdasarkan kajian rintis adalah untuk menunjukkan indeks kebolehpercayaan sama ada tinggi atau sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Kesahan Instrumen

Kesahan item soal selidik telah dilakukan oleh empat orang penilai luar yang terdiri daripada seorang pegawai Unit Akademik Bahasa Melayu Menengah dan seorang pegawai pendidikan SICS Bahasa Melayu PPD Sabak Bernam berkelulusan Ph.D, dan dua orang pegawai Sektor Akademik Bahasa Melayu di Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (Sila lihat lampiran G). Mohd Majid Konting (2000) mencadangkan penilai luar yang akan dipilih adalah pakar dalam bidang yang dikaji. Penilai luar juga menilai kesesuaian butiran yang digunakan bagi mengukur domain yang dipilih. Panel penilai bekerja secara berasingan dan menilai item instrumen berdasarkan tiga soalan:

a. Adakah jumlah item sesuai dengan gagasan yang hendak diukur?
b. Adakah item-item instrumen boleh difahami oleh guru?
c. Adakah item-item yang dibina dapat mengukur gagasan instrumen?

Respons daripada keempat-empat penilai luar ini, item soal selidik yang telah digubal, tiada sebarang perubahan. Ini membuktikan set soal selidik yang dibina mempunyai tahap kesahan yang tinggi lebih-lebih lagi binaan item soal selidik ini diadaptasi daripada alat kajian yang dibina dan digunakan dalam kajian Deci dan Ryan (1985), Brockett dan Hiemstra (1991), Torres (1993), Sarimah Abd Razak (2008) dan Khairul Azhar Mat Daud et al. (2015). Oleh hal yang demikian, kesahan konstruk instrumen kajian tidak boleh dipertikaikan dan menjadi lebih mantap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan instrumen set soalan bagi ujian pra dan pasca pula dinilai oleh tiga orang Ketua Panitia Bahasa Melayu dan disemak oleh Guru Kanan Mata Pelajaran Unit Bahasa. Item soalan ini diubahsuai daripada koleksi karangan sebenar Bahasa Melayu kertas 1 bermula tahun 2014 hingga 2017. Fokus soalan tertumpu pada format karangan fakta atau perbincangan, iaitu Soalan 1, Soalan 2 dan Soalan 3. Respons daripada tiga orang guru Ketua Panitia yang dilantik, binaan soalan karangan untuk pra dan pasca sangat sesuai dan menepati ciri-ciri binaan soalan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Selain itu, lima orang guru pemeriksa Bahasa Melayu Kertas 1 SPM yang dipilih dalam kajian ini telah menilai kesahan alat kajian analisis kualiti karangan fakta murid. Kesahan yang tinggi dan tekal membuktikan tiga aspek utama dalam analisis kualiti karangan fakta murid yang digubal iaitu isi, bahasa dan pengolahan menepati ciri-ciri skema pemarkahan yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia.

3.10 Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan sesuatu instrumen dalam mengukur pembolehubah atau gagasan (Mohd Majid Konting, 2000). Instrumen yang mengukur sesuatu gagasan atau pembolehubah dengan tekal dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Ciri konsistensi semua jawapan item adalah perlu untuk memberikan petanda kebolehpercayaan. Chua Yan Piaw (2012) dan Mohd Najib Abdul Ghafar (2003) penilaian item kebolehpercayaan menggunakan statistik *Alpha Cronbach*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan indeks yang tinggi, iaitu 0.8 hingga 1.0 sebaliknya Mohd Majid Konting (2000), menjelaskan hanya keputusan ujian yang menunjukkan pekali kebolehpercayaan 0.6 ke atas sahaja diterima. Berikut ialah keputusan ujian *Cronbach's Alpha* untuk melihat kebolehpercayaan dan ketekalan item-item soal selidik.

Jadual 3.8

Indeks Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri dan Kebolehan Kognitif

Pembelajaran Terarah Kendiri		**Kebolehan Kognitif**	
Item Soalan	**Indeks**	**Item Soalan**	**Indeks**
1	0.68	1	0.77
2	0.65	2	0.65
3	0.73	3	0.78
4	0.67	4	0.68
5	0.68	5	0.75
6	0.62	6	0.66
7	0.72	7	0.75
8	0.68	8	0.78
9	0.66	9	0.76
10	0.62	10	0.64
11	0.77	11	0.68
12	0.71	12	0.75
13	0.69	13	0.84
14	0.76	14	0.78
15	0.65	15	0.79
16	0.68	16	0.82
17	0.69	17	0.76
18	0.68	18	0.67
19	0.76	19	0.67
20	0.73	20	0.65
21	0.81	21	0.69
22	0.76	22	0.69

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran Terarah Kendiri		Kebolehan Kognitif	
Item Soalan	**Indeks**	**Item Soalan**	**Indeks**
23	0.77	23	0.71
24	0.76	24	0.62
25	0.67	25	0.67
26	0.67	26	0.76
27	0.69	27	0.75
28	0.71	28	0.66
29	0.67	29	0.73
30	0.62	30	0.69

Dalam Jadual 3.8, indeks kebolehpercayaan untuk 30 item soal selidik bertemakan pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif yang menjadi instrumen kajian. Kesemua item soal selidik yang dibina adalah melebihi pekali kebolehpercayaan, iaitu 0.6. Indeks kebolehpercayaan item soalan pembelajaran terarah kendiri antara 0.62 hingga 0.81. Indeks kebolehpercayaan item soalan kebolehan kognitif pula antara 0.62 hingga 0.84. Ini menunjukkan bahawa set soal selidik pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif yang dibina mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Nilai *Alpha Cronbach* bagi konstruk gaya pembelajaran terarah kendiri ialah 0.70. Nilai *Alpha Cronbach* bagi konstruk kebolehan kognitif pula ialah 0.72. Menurut Creswell (2014) jika indeks sesuatu konstruk melebihi 0.5, maka kebolehpercayaannya adalah tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.9

Indeks Kebolehpercayaan Ujian Pra dan Ujian Pasca

Item	Indeks
Ujian Pra	0.832
Ujian Pasca	0.853

Dalam Jadual 3.9, item soalan ujian pra dan ujian pasca mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan tekal. Rumusan pekali kebolehpercayaan item soalan ujian pra ialah 0.832 dan indeks kebolehpercayaan ujian pasca pula ialah 0.853. Indeks ini menunjukkan bahawa binaan item soalan ujian pra dan ujian pasca boleh digunakan di lapangan sebenar untuk proses pengumpulan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dilakukan setelah mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan pihak Pejabat Pelajaran Daerah. Perbincangan aspek ini, dibahagikan kepada dua bahagian prosedur pengumpulan data mengikut sampel kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11.1 Prosedur Pengumpulan Data Sampel Murid

Seramai 159 orang murid dipilih dalam kaedah kajian kuasi eksperimen. Lima kumpulan murid terdiri daripada 30 hingga 34 orang dari lima buah sekolah telah dipilih. Proses awal pengumpulan data bermula dengan pertemuan bersemuka dengan pengetua dan guru penolong kanan akademik sekolah terpilih. Kerjasama berjaya dicapai apabila pihak pengetua membenarkan kajian dijalankan dan pihak Guru Penolong Kanan Akademik (GPK1) diarahkan untuk memberikan kerjasama kepada pengkaji terutama dalam penyediaan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu untuk sampel murid terlibat. Langkah perbincangan seterusnya dilakukan bersama-sama dengan Guru Kanan Mata Pelajaran Bahasa (GKMP), guru ketua panitia Bahasa Melayu dan seorang guru yang mengajarkan Bahasa Melayu tingkatan empat yang dilantik. Guru yang dilantik ini menjadi pelaksana kajian dan diberikan taklimat secara terperinci tentang tajuk kajian. Proses ini melibatkan penerangan lanjut tentang kajian dan meminta kerjasama pihak guru terlibat untuk mengumpulkan data dan mentadbir instrumen kajian dengan sebaik-baik mungkin.

Pengkaji bertemu dengan sampel kajian di Sekolah A seramai 33 orang. Sekolah B seramai 32 orang, Sekolah C seramai 32 orang, Sekolah D seramai 31 orang dan Sekolah E seramai 31 orang pada minggu pertama. Pada minggu pertama, maklumat peribadi dan latar belakang keputusan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) sampel dikumpulkan. Maklumat ini sebagai dokumentasi tambahan pengkaji. Hasil perbincangan dengan GPK Akademik, satu jadual khas pengajaran Bahasa Melayu untuk sampel kajian telah digubal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan diluluskan oleh pihak Pengetua. Oleh hal yang demikian, sesi pengajaran dan pembelajaran untuk kelima-lima buah sekolah yang dipilih mengikut jadual waktu khas yang digubal dan dilaksanakan oleh guru yang dipilih.

Melalui jadual waktu yang digubal, tempoh masa sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang ditetapkan setiap minggu ialah 210 minit atau enam waktu diperuntukkan. Satu waktu pengajaran ialah 35 minit selama empat hari dan dua waktu digabungkan selama 70 minit untuk satu hari. Berdasarkan peruntukan waktu dan tempoh masa ini, guru yang dilantik melaksanakan pengajaran berpandukan topik-topik karangan dan menggunakan pendekatan seperti yang telah dibincangkan bersama dengan pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sesi pengajaran dan pembelajaran pertama bermula pada minggu kedua, guru mengajarkan tajuk karangan fakta, iaitu ‘Penderaan Kanak-kanak di Malaysia’. Guru membincangkan isu tajuk secara berperingkat-peringkat dari aspek sebab-sebab berlaku penderaan kanak-kanak, langkah-langkah mengatasi isu penderaan dan kesan-kesan isu penderaan kepada kanak-kanak dan masyarakat. Sepanjang sesi pengajaran, pendekatan yang digunakan oleh guru ialah pendekatan tradisional atau konvensional. Pemusatan ilmu lebih kepada guru dan murid hanya menerima maklumat dan ilmu sepenuhnya daripada guru sahaja. Penglibatan murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran adalah sangat terhad. Selepas guru mengajarkan tajuk karangan, format penulisan karangan fakta dibincangkan secara terus oleh guru sepenuhnya. Aspek pemerengganan karangan, huraian isi, penulisan contoh dan tatabahasa tentang binaan pelbagai jenis ayat, tanda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baca, pemilihan istilah dan laras bahasa serta ciri-ciri karangan yang baik dijelaskan oleh guru. Murid hanya berperanan sebagai pendengar, pencatat dan penerima ilmu yang diajarkan dengan penglibatan yang sangat terhad.

Murid menerima maklumat berbentuk sehala dan kadang-kadang murid bertanya kepada guru kerana kurang faham dengan maksud perkataan yang digunakan oleh guru. Keseluruhannya, pendekatan yang digunakan oleh guru dikenali sebagai *chalk and talk* dan penglibatan murid hanya berfokus pada guru sahaja. Guru menggunakan pendekatan yang sama hingga minggu keempat. Sepanjang tempoh ini, dua lagi tajuk karangan telah diajarkan, iaitu 'Kesesakan Jalan Raya' dan 'Pencemaran Alam Sekitar di Malaysia'. Di samping itu juga guru tetap mengajarkan cara-cara menulis karangan fakta yang baik secara sehala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas tempoh hampir sebulan, semua sekolah yang dipilih melaksanakan ujian pra pada tarikh dan masa yang sama. Pemilihan tarikh dan masa ditentukan bersama dengan pihak pentadbir dan guru Ketua Panitia Bahasa Melayu. Selepas penetapan tarikh dicapai, murid dikumpulkan di bilik khas untuk melaksanakan ujian pra. Set soalan disediakan khas mengikut format soalan peperiksaan SPM yang digubal oleh pihak LPM. Soalan yang digubal melibatkan guru Ketua Panitia Bahasa Melayu dan Guru Kanan Bahasa serta pengkaji. Terdapat tiga soalan karangan fakta yang digubal mengikut tema soalan seperti dilakukan oleh pihak LPM. Selepas sesi penerangan pentadbiran ujian, murid menulis satu karangan fakta selama satu jam empat puluh lima minit, selaras dengan masa yang diperuntukkan dalam peperiksaan SPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil karangan murid bagi kelima-lima buah sekolah dalam ujian pra dinilai oleh lima orang pemeriksa yang dilantik. Pemarkahan dilakukan menggunakan jadual pencerapan yang telah disahkan hasil ubah suai mengikut skala pemarkahan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Sesi perbincangan tentang penyelarasan markah dan penggunaan jadual pencerapan karangan dibincangkan secara bersama-sama antara pengkaji dengan pemeriksa. Kesemua pemeriksa yang dilantik mempunyai tahap kepakaran yang tinggi kerana mereka mempunyai pengalaman melebihi lima tahun sebagai pemeriksa kertas karangan Bahasa Melayu peringkat SPM. Tempoh semakan dan pemarkahan adalah selama 10 hari selepas ujian pra dilakukan. Markah ujian pra direkodkan.

Selepas ujian pra selesai, guru terus mengajarkan karangan menggunakan pendekatan konstruktivisme dengan menghubungkan gaya pembelajaran terarah kendiri dan tahap kebolehan kognitif murid. Dalam pendekatan ini, guru melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran mengikut model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasi. Perancangan sesi pengajaran dan pembelajaran diatur dengan melibatkan pelbagai interaksi dalam suasana pembelajaran yang kondusif. Aspek persekitaran terutama penyediaan bilik darjah diambil kira, malahan guru yang dilantik digalakkan untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran di makmal komputer sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasi, perancangan pengajaran telah dilakukan menggunakan pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan aspek pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif dalam setiap langkah pengajaran dan pembelajaran harian (RPH) secara sistematik dan tersusun (Sila lihat lampiran H). Semasa proses pengajaran berlaku guru mesti membenarkan penglibatan murid secara aktif untuk berinteraksi dengan rakan sebaya, persekitaran dan alat bantu mengajar seperti penggunaan Internet dan bahan media cetak. Guru hanya sebagai pembimbing dan mengawasi tindakan murid secara terkawal. Dalam tempoh empat minggu, tiga isu karangan diajarkan, iaitu 'Isu Perpaduan Masyarakat di Malaysia', 'Bidang Pelancongan Negara' dan 'Isu Buli dalam kalangan Remaja'.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam masa yang sama, format penulisan karangan fakta diajarkan dengan menggunakan formula khas yang dicipta untuk membina kognitif murid dalam menulis perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup. Pengaplikasian formula khas itu dilakukan secara berperingkat mengikut kesesuaian masa pengajaran dan pembelajaran. Dalam masa yang sama, aspek tatabahasa seperti binaan ayat, penggunaan penanda wacana, tanda baca dan istilah matang serta laras bahasa juga dijelaskan secara penyerapan dalam langkah-langkah pengajaran dan melalui aktiviti yang dirancang. Dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran, aspek penilaian tentang pendekatan dan objektif pengajaran dan pembelajaran serta hasil karangan dibincangkan bersama-sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keseluruhannya, guru melaksanakan RPH yang dirancang oleh pengkaji dan mengaplikasikan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasikan secara teratur dan berkesan (Sila lihat lampiran H). Selepas empat minggu, murid dikumpulkan di bilik mesyuarat untuk ujian pasca. Prosedur pemilihan tarikh dan masa ujian pasca dilakukan sama seperti prosedur ujian pra. Selepas tempoh empat minggu melalui proses pengajaran dan pembelajaran berpandukan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasikan, ujian pasca diadakan. Set soalan ujian pasca juga digubal mengikut prosedur penggubalan soalan pra. Ujian pasca ini ditadbir oleh guru yang dilantik dan dibantu oleh guru Ketua Panitia Bahasa Melayu. Proses pengurusan dan pentadbiran ujian pasca sama seperti ujian pra termasuk proses penandaan karangan ujian pasca yang disemak oleh lima orang guru pemeriksa yang berpengalaman. Markah hasil penulisan karangan direkodkan dan dianalisis.

Selepas dua minggu, penilaian ujian pra dan pasca kali kedua dilakukan. Tindakan ini bagi melihat kebolehpercayaan, ketekalan dan keberkesanan pendekatan konstruktivisme untuk membantu murid meningkatkan kemahiran dan pencapaian markah dalam penulisan karangan. Ini sesuai dengan cadangan yang diberikan oleh Sahlan Surat (2012) dan Syahida Nadia Zakaria (2015) dalam cadangan lanjut untuk kajian yang telah dilakukan berkaitan pendekatan konstruktivisme dalam pendidikan Bahasa Melayu. ujian pasca pertama dan kedua dibandingkan dalam kaedah kualititif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses dan tindakan penilaian kedua adalah sama seperti penilaian pertama. Prosedur perbincangan dengan pentadbir dilakukan dan kerjasama guru yang sama dalam penilaian pertama diberikan penjelasan dari aspek tujuan penilaian lanjutan. Ujian pra dalam penilaian kedua turut dilakukan. Selepas itu murid melalui proses rawatan selama empat minggu menggunakan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan dengan menghubungkan aspek pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif. Rancangan pengajaran harian (RPH) untuk sesi rawatan disediakan dan guru-guru melaksanakan PdPc mengikut perancangan. Selepas empat minggu tempoh rawatan, ujian pasca kedua dilakukan. Hasil daripada kedua-dua ujian pasca penilaian 1 dan 2 dianalisis secara inferens dan deskriptif. Melalui kaedah kajian kualitatif, dua orang sampel murid dipilih daripada setiap sekolah untuk analisis pencapaian kualiti penulisan karangan. Objektif analisis dilakukan untuk mengenal pasti peningkatan kualiti penulisan karangan murid dari aspek isi, bahasa dan pengolahan.

3.11.2 Prosedur Pengumpulan Data Sampel Guru

Atas kebenaran Pihak Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan pihak PPD Sabak Bernam, pengkaji pergi ke lapan buah sekolah yang dipilih untuk menjalankan kaedah tinjauan. Pertemuan dan perbincangan dengan pihak Pengetua dan Guru Penolong Kanan Akademik diadakan. Selepas memperoleh kebenaran daripada pihak pentadbir sekolah, tiga atau empat orang guru yang mengajarkan mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat dipilih dan dikumpulkan untuk diberikan taklimat tentang kajian. Tajuk dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

objektif serta pelaksanaan kajian diterangkan dengan lebih lanjut termasuk teori-teori penting berkaitan pendekatan konstruktivisme, pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif diperjelas kepada guru-guru yang dipilih sebagai sampel kajian. Tindakan yang sama berulang dilakukan oleh pengkaji terhadap lapan buah sekolah yang dipilih. Lapan lokasi sekolah dipilih kerana tidak terdapat bilangan guru yang ramai mengajarkan Bahasa Melayu tingkatan empat. Jumlah keseluruhan sampel guru yang dipilih ialah seramai 30 orang.

Selepas melalui proses perbincangan dan soal jawab berkaitan tajuk kajian, guru-guru yang dipilih dikumpulkan di bilik mesyuarat sekolah untuk proses menjawab soal selidik yang diberikan. Proses bermula dengan semakan kandungan item soalan dan penjelasan tentang tatacara menjawab soal selidik yang diberikan. Dua set soal selidik yang bertemakan pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif mesti dijawab oleh guru dengan jujur selama 45 minit. Proses ini ditadbir oleh guru Ketua Panitia Bahasa Melayu bersama-sama dengan pengkaji. Selepas 45 minit, soal selidik dikumpulkan untuk tindakan memproses data bagi menjawab persoalan kajian.

Proses pengumpulan data soal selidik ini dilakukan oleh pengkaji selama dua minggu. Minggu pertama melibatkan empat buah sekolah dan minggu kedua, empat buah sekolah terlibat. Prosedur pengumpulan data soal selidik setiap sekolah adalah sama. Pengkaji bersyukur kerana mendapat kerjasama dan sokongan daripada pihak sekolah yang terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11.3 Kekangan Proses Pengumpulan Data

Dalam proses pengumpulan data, beberapa kekangan ditempuhi antaranya ialah kesibukan jadual persekolahan dengan aktiviti kokurikulum memberikan kesan terhadap pengumpulan sampel murid dan guru. Terdapat segelintir sampel murid yang dipilih terlibat dalam aktiviti kokurikulum mewakili sekolah masing-masing. Dalam masa yang sama, guru-guru yang dilantik juga membantu pelaksanaan aktiviti kokurikulum peringkat daerah. Selain itu, kedapatan sampel guru yang kurang memahami konsep konstruktivisme secara khusus walaupun sebenarnya mereka telah mengaplikasikan pendekatan ini melalui teknik pengajaran seperti perbincangan, wawancara, lakonan, penghasilan projek dan penceritaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya kekangan-kekangan ini sudah menjadi jangkaan pengkaji kerana pengalaman hampir 20 tahun bertugas sebagai guru. Oleh itu, pelan tindakan mengatasi kekangan telah tersedia. Contohnya, aspek kesibukan guru dan murid dalam aktiviti kokurikulum diatasi dengan perbincangan tentang pengurusan masa dan pelepasan tugas atas kebenaran pentadbiran sekolah dalam aktiviti kokurikulum. Kawalan pergerakan guru dan murid yang terlibat telah mendapat kerjasama daripada pihak Pegawai Pendidikan Daerah. Permasalahan guru yang kurang memahami konsep konstruktivisme dibantu dengan bahan edaran sokongan yang diberikan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) tentang keseluruhan aspek pendekatan konstruktivisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.12 Penganalisisan Data

Dalam kajian ini, instrumen soal selidik berskala likert digunakan untuk mengumpulkan data. Statistik berbentuk korelasi digunakan untuk mengukur kadar hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah. Dua bentuk korelasi yang dikenal pasti ialah korelasi linear dan korelasi berganda. Bhasah Abu Bakar (2007) menjelaskan korelasi bertujuan untuk menentukan sama ada sesuatu pembolehubah itu berkaitan atau tidak berkait dengan pembolehubah yang lain. Bagi menentukan hubungan signifikan antara dua pemboleh ubah kaedah korelasi pelbagai, aras signifikan yang diambil kira ialah $p< 0,05$ dan $p< 0.10$ sebagai alternatif.

Data kajian melalui sampel murid berdasarkan ujian pra dan ujian pasca direkodkan dan dianalisis menggunakan Ujian-t Sampel Berpasangan. Kelima-lima kumpulan murid bagi setiap sekolah, data dianalisis mengikut data yang diperoleh daripada kumpulan murid itu. Dapatan kajian ditunjukkan secara berasingan untuk melihat perbezaan pencapaian bagi setiap sekolah. Pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini ialah pembelajaran terarah kendiri, kebolehan kognitif dan pendekatan konstruktivisme. Hubungan antara pembolehubah ini dianalisis secara jelas mengikut soalan kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.10.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Proses Analisis Data dengan Berpaksikan Soalan Kajian

Bil.	Soalan Kajian	Analisis
i.	Apakah skor min pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme?	Analisis Deskriptif: Min dan Sisihan Piawai
ii.	Adakah terdapat hubungan yang positif antara pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme untuk dua siri eksperimen?	Analisis Inferens: Korelasi Pearson
iii.	Bagaimanakah model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme dimodifikasikan?	Proses Modifikasi Berasaskan Model Torres, Hiemstra, Needham. Model Acuan Berasaskan Model ASSURE
iv.	Apakah skor min pencapaian murid bagi lima buah sekolah dalam penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan?	Analisis Deskriptif: Min dan Sisihan Piawai
v	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasi bagi lima buah sekolah untuk dua peringkat ujian pra dan pasca?	Analisis Inferens: Ujian-t Sampel Berpasangan
vi	Apakah peningkatan kualiti bagi karangan murid dari segi isi, bahasa dan pengolahan?	Analisis Deskriptif: Tematik Peningkatan

Dalam Jadual 3.10, terdapat empat soalan kajian yang dijawab berdasarkan analisis data menggunakan min, sisihan piawai, Ujian-t Sampel Berpasangan dan Korelasi Pearson iaitu soalan kajian (i), (ii), (iv) dan (v) . Statistik yang digunakan juga dapat menerima atau menolak hipotesis kajian. Soalan kajian (iii) dijawab melalui proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

modifikasi Model Lima Fasa Needham (1987), Model Hiemstra (1991), Model Torres (1993), Model Assure (1993) dan Taksonomi Anderson (2001). Bagi menjawab soalan (vi), analisis kualiti karangan murid dilakukan dan diimplementasikan secara deskriptif berasaskan tematik peningkatan. Unsur tematik yang dianalisis dikodkan berpandukan skema pemarkahan Bahasa Melayu Kertas 1, SPM menepati aspek isi, bahasa dan pengolahan (Sila lihat Jadual 3.1). Hasil penganalisisan data ini membuktikan hubungan antara pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif melalui pendekatan konstruktivisme dan kesannya terhadap penulisan karangan fakta murid.

3.13 Hubungan antara Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme yang Menghubungkan Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, model penulisan karangan fakta yang dibina dikenali sebagai model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasikan. Reka bentuk model ini dihasilkan dengan berpandukan Model ASSURE yang direka oleh Heinich Molenda, Russel dan Smaldino (1993). Model ini berfokus kepada perancangan pengajaran dalam situasi bilik darjah dan mengendalikan pengajaran menggunakan media. Terdapat enam langkah pengajaran yang dicadangkan iaitu analisis pelajar (*analyse leaners*), menyatakan objektif pembelajaran (*state learning objectives*), memilih kaedah, media dan bahan (*select methods*, *media and materials*), gunakan media dan bahan (*utilize media and materials*), penglibatan murid dalam pembelajaran (*require learner participation*) dan penilaian atau semak semula (*evaluate / review*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam model ASSURE, guru mesti mengenal pasti latar belakang murid terlebih dahulu sebelum merancang isi pelajaran dan aktiviti yang sesuai. Selepas itu, guru perlu bijak merangka objektif pengajaran dan pembelajaran yang ingin dicapai berdasarkan isi pelajaran. Perancangan aktiviti dan alat bantu mengajar yang hendak digunakan perlu diberikan perhatian untuk menjamin suasana pembelajaran yang kondusif untuk menggalakkan penglibatan murid yang menyeluruh. Penggunaan bahan atau aplikasi perisian komputer dalam pengajaran mesti mencapai tahap keberkesanan yang tinggi dan mampu tadbir. Murid mestilah terlibat secara aktif dalam model ASSURE untuk membina pengetahuan dan pemahaman tentang isi pelajaran. Selepas penyampaian isi pelajaran dilakukan, guru membuat penilaian untuk mengenal pasti objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai seterusnya melakukan pengukuhan atau pemulihan kepada murid selepas menyemak semula keberkesanan pengajaran menggunakan kaedah, teknik dan alat bantu mengajar semasa menyampaikan isi pelajaran.

Secara keseluruhannya, Model Pengajaran ASSURE berkait rapat dengan pendekatan konstruktivisme yang menjadi asas penting. Oleh itu, model acuan ini dipandukan untuk pemodifikasian model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.4.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.4. Model Penulisan Karangan Fakta yang Dimodifikasi Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme. Diadaptasi daripada Gabungan Teori Needham (1987), Hiemstra(1991), Torres (1993), Model ASSURE (1993) & Taksonomi Anderson (2001)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan berpandukan Rajah 3.4, elemen yang terdapat dalam model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme dimodifikasikan daripada Teori Lima Fasa Needham (1987), Hiemstra (1991), Torres (1993) dan Taksonomi Anderson (2001). Pembinaan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme dimodifikasikan dengan menggunakan bentuk pengajaran Model ASSURE oleh Heinich et al. (1993) yang mempunyai persamaan dengan ciri-ciri pendekatan konstruktivisme.

3.14 Proses Modifikasi Model Penulisan Karangan Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam aspek yang menyentuh tentang pembangunan atau pemodifikasian sesuatu model, pelaksanaannya secara praktik boleh dijawab daripada pembentukan soalan kajian secara langsung atau disandarkan daripada proses dengan berpandukan objektif kajian sahaja (Creswell, 2018). Bagi kajian ini, disebabkan unsur pemodifikasian adalah secara protaip, objektif kajian ketiga digubal dan dimodifikasikan menerusi proses. Proses pemodifikasian model penulisan karangan berasaskan pendekatan konstruktivisme ditunjukkan dalam subtopik ini.

Daripada teori-teori berkaitan dengan pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas dalam kajian ini, pengkaji berjaya menghasilkan satu model pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan yang dikenali sebagai ‘Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme’. Model ini memperlihatkan gabungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teori-teori penting tentang pembelajaran terarah kendiri, kebolehan kognitif, pendekatan konstruktivisme dan penulisan karangan fakta. Asas penting model ini ialah pendekatan konstruktivisme yang didasarkan kepada lima fasa Needham (1987), iaitu orientasi, cetusan idea, struktur idea, penggunaan idea dan refleksi. Kelima-lima fasa pembelajaran ini dihubungkan dengan langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran yang lazimnya digunakan oleh guru semasa proses latihan mengajar di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia. Langkah pertama ialah set induksi yang merupakan peringkat awal kepada guru dan murid untuk menumpukan perhatian pada isi pelajaran penulisan karangan yang hendak diajarkan. Pada peringkat ini, guru boleh merangsang minat murid dengan menggunakan aktiviti yang berkesan seperti lakonan, kuiz spontan, tayangan video, mendengar muzik dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti yang menarik minat murid dalam pendekatan konstruktivisme sangat digalakkan (Meenu Dev, 2016). Kesediaan dan minat murid yang dibentuk melalui peringkat ini dapat membawa pemikiran murid ke arah tajuk penulisan karangan yang hendak diajarkan.

Pada peringkat ini juga, guru boleh mengesan pengetahuan sedia ada murid tentang isi pelajaran melalui pertanyaan dan perkongsian pengalaman. Tindakan ini dapat mengenal pasti tahap kebolehan kognitif murid berdasarkan pengetahuan dan pemahaman mereka. Dalam hal ini, guru mesti bersedia dengan soalan-soalan yang hendak diberikan mengikut aras kesukaran yang ditetapkan oleh Taksonomi Anderson (2001). Mohamad Azri Amatan (2019) menjelaskan respons murid terhadap soalan-soalan yang diberikan menjadi ukuran awal kepada guru tentang tahap kebolehan kognitif murid-muridnya. Dalam langkah ini, guru boleh menimbulkan konsep kendiri murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan memberikan pujian dan sokongan terhadap jawapan murid. Pada peringkat awal ini, guru juga mesti memastikan persekitaran bilik darjah berada dalam keadaan yang selesa dan kondusif untuk memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Kebersihan kelas dan aspek susunan kerusi dan meja murid mestilah teratur agar murid dapat terlibat dalam sesi pembelajaran dengan selesa dan selamat. Menurut Booby DePorter et al. (2010) apabila persekitaran kelas dalam keadaan stabil dan terkawal, barulah guru meneruskan langkah seterusnya untuk mengajarkan penulisan karangan.

Langkah kedua dalam model ini ialah cetusan idea. Pada langkah ini, guru menyatakan tajuk karangan yang hendak diajarkan. Dalam langkah ini juga, guru boleh bertanyakan pendapat murid tentang tajuk karangan yang diberikan. Respons murid tentang tajuk karangan mestilah diikuti dengan sokongan dan pujian guru. Apa-apa bentuk idea dan pengalaman yang diberikan oleh murid, jangan dinilai secara negatif oleh guru. Libatkan lebih kurang tiga atau empat orang murid untuk bercerita berkaitan tajuk karangan. Kesempatan ini membuka peluang kepada guru untuk menyesuaikan dirinya dengan murid-murid. Ini dapat mengelakkan persepsi guru yang tinggi terhadap murid sedangkan murid berada dalam lingkungan kebolehan kognitif yang sederhana atau rendah (Siti Zahidah Salleh & Abdul Shukor Asaari, 2019). Kesannya, guru akan menghadapi masalah untuk mendapatkan respons yang baik seperti yang diharapkan seterusnya berlaku konflik dalaman yang boleh menjejaskan penyampaian guru dan penglibatan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selepas itu, beberapa orang murid diminta berkongsi pendapat tentang tajuk karangan, guru menjelaskan senario umum berkaitan tajuk karangan tersebut. Berikutnya, guru boleh meminta murid memberikan konsep atau definisi tajuk mengikut pemahaman mereka. Dalam aktiviti ini, guru mesti menerima semua pendapat murid tanpa bersikap prejudis dan tidak menjadi penghukum bagi pendapat murid yang kurang tepat atau salah. Tindakan ini sudah pasti menyekat minat dan motivasi murid untuk memberikan pendapat pada sesi pembelajaran berikutnya. Pada peringkat ini, aras kebolehan kognitif yang difokuskan ialah aras pengetahuan dan pemahaman.

Dalam merangsang penglibatan dan pengetahuan murid tentang tajuk karangan, guru boleh menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai seperti yang dilakukan pada peringkat set induksi. Sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di makmal komputer lebih menarik apabila guru menerangkan tajuk karangan yang diajar. Menurut Adenan Ayob (2018) penggunaan multimedia dalam pengajaran penulisan karangan lebih berkesan kerana gabungan elemen audio, visual dan grafik dalam aplikasi komputer meningkatkan minat dan motivasi serta konsep kendiri murid untuk belajar. Penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai dapat mengukuhkan konsep murid tentang sesuatu tajuk karangan yang diajarkan dengan lebih jelas. Menurut Muhammad Misbahul Munir (2018) metakognisi murid akan lebih aktif untuk membentuk konsep baharu melalui pendekatan konstruktivisme. Murid tingkatan empat berusia 16 tahun kebanyakannya mempunyai pendedahan dan pengalaman asas dalam menyerap pengajaran untuk meneroka ilmu pengetahuan baharu. Oleh itu, guru perlu mengarahkan murid untuk mendapatkan maklumat tentang konsep penulisan karangan secara efektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara tidak langsung, guru dapat melihat hubungan konsep kendiri murid dengan kebolehan kognitif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Muhamad Faez Nurazman Amrullah et al. (2018) dan Olivier (2019) menjelaskan murid yang mempunyai gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif yang tinggi, pasti lebih menonjol untuk melibatkan diri dengan persekitaran pembelajaran termasuk berinteraksi dengan alat serta bahan bantu mengajar untuk meningkatkan pengetahuan dan membina konsep-konsep baharu tentang topik karangan yang diajarkan.

Langkah seterusnya ialah menstrukturkan idea. Dalam langkah ini, guru memulakan perkembangan proses pengajaran dan pembelajaran untuk membawa murid dalam situasi perbincangan secara berkumpulan. Aktiviti ini menggalakkan murid berinteraksi antara rakan sebaya dalam satu kumpulan yang ditetapkan oleh guru atau mengikut pilihan murid (Suhaida Abdul Kadir, 2001). Guru memberikan penerangan jelas kepada semua kumpulan untuk membuat tindakan sebelum, semasa dan selepas aktiviti berkumpulan dijalankan. Tindakan sebelum memulakan perbincangan kumpulan ialah memilih seorang pengerusi, seorang setiausaha dan seorang pembentang. Selain itu, semua ahli memastikan alat tulis mesti lengkap dan diperoleh daripada pihak guru seperti pen marker, kertas sebak, pelekat dan sebagainya. Jika pengajaran dilakukan di dalam makmal komputer, setiap kumpulan boleh menggunakan komputer riba 1Malaysia untuk menggunakan aplikasi teknologi dalam proses pembentangan. Semua arahan berkaitan perbincangan kumpulan mesti diberikan dengan jelas termasuk soalan, tempoh masa, pengurusan alat tulis dan tindakan lanjutan semasa serta selepas aktiviti perbincangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persediaan rapi guru perlu untuk menyediakan soalan-soalan khas tentang tajuk perbincangan bagi setiap kumpulan. Dengan berpandukan satu tema karangan, guru boleh membuat pecahan tajuk kepada empat bahagian, iaitu definisi konsep dan ciri-ciri umum tajuk, sebab-sebab tajuk berlaku, langkah-langkah tentang tajuk dan kesan-kesan berkaitan tajuk. Keempat-empat bahagian ini sangat penting untuk menjawab karangan fakta dalam SPM.

Tindakan semasa proses perbincangan ialah guru memberikan tajuk perbincangan dan murid memulakan peranan masing-masing untuk memberikan pendapat. Banyak cara pelaksanaan aktiviti kumpulan dalam menyampaikan maklumat boleh dilakukan berdasarkan pendidikan abad ke-21 (Norul Haida Reduzan et al., 2017). Maklumat dan perkongsian idea boleh berlaku secara kumpulan statik atau bertumpu dan kumpulan berstesen. Murid mempunyai kebebasan bergerak dalam persekitaran pembelajaran yang diwujudkan tetapi mestilah terkawal. Dalam tempoh masa yang ditetapkan, guru bertindak sebagai fasilitator dan pendorong untuk melancarkan proses perbincangan. Murid dengan murid digalakkan memberikan dorongan, sokongan dan pujian terhadap apa-apa penglibatan rakan lain dalam kumpulan. Segala maklumat yang diberikan dan diterima daripada ahli kumpulan dicatatkan dan disusun dengan terancang. Jumaliah Mingan dan Zamri Mahmood (2016) menegaskan adalah lebih baik, murid menggunakan peta minda atau peta *i-think* untuk mempersembahkan hasil dapatan perbincangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada aktiviti perbincangan ini, gabungan aras kognitif, iaitu aplikasi dan analisis berlaku dalam diri murid kerana memproses maklumat yang diperoleh dalam bentuk peta minda dan proses analitikal berlaku untuk memilih maklumat yang relevan dan tepat tentang tajuk perbincangan yang diberikan (Mohd Hairie Abdullah, 2015). Dalam langkah ini, pengukuhan dan peneguhan kemahiran lisan dapat ditingkatkan semasa perbincangan berlaku. Murid akan menggunakan istilah, kepelbagaian ayat dan laras bahasa yang tepat untuk berkongsi pendapat. Oleh itu, segala bentuk formula tatabahasa yang diajarkan dapat diaplikasikan oleh murid dalam perbincangan.

Langkah seterusnya ialah pembentangan hasil perbincangan kumpulan. Aras kognitif dalam langkah ini ialah aras analisis dan menilai. Dalam langkah ini, murid yang dipilih sebagai pembentang dan ahli-ahli kumpulannya tampil di hadapan kelas untuk menyampaikan hasil perbincangan. Aktiviti pembentangan ini bukan sahaja dapat meningkatkan aspek kemahiran lisan murid tetapi juga murid dapat diterapkan dengan unsur kesantunan berbahasa semasa menyampaikan hasil perbincangan. Selepas maklumat dibentangkan, sesi soal jawab daripada kumpulan lain diadakan. Konflik tentang isi yang dipertikaikan dapat ditangani dengan cara yang berhemah dan berkesan menggunakan aspek kesantunan bahasa. Selain itu, kemahiran bahasa badan dalam proses mempertahankan pendapat dapat ditingkatkan. Secara tidak langsung, kemahiran lisan murid menjadi lebih hebat. Lebih-lebih lagi kemahiran lisan juga aspek penting dalam mata pelajaran Bahasa Melayu SPM kerana murid akan menghadapi Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS). Keputusan ujian dipantau oleh pihak Pejabat Pelajaran Daerah dan Negeri serta pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui aktiviti pembentangan, murid sendiri mempelajari cara menganalisis dan menilai maklumat serta disusun mengikut kesesuaian dengan tajuk perbincangan. Aspek ini perlu ditegaskan kepada murid semasa menulis karangan fakta. Semua isi yang dibincangkan perlu disusun mengikut tahap kepentingannya. Menurut Adenan Ayob (2015) aktiviti ini juga satu kemahiran berfikir dan kemahiran membuat persembahan isi dalam penulisan karangan fakta terutama dalam peperiksaan. Ini bermaksud, isi utama mengikut kepentingan tajuk mesti didahulukan daripada isi-isi sampingan yang lain. Peranan guru dalam aktiviti ini ialah memberikan penjelasan jika diperlukan tetapi peranan murid untuk membuat penilaian lebih diutamakan.

Langkah selepas aktiviti perbincangan dan pembentangan kumpulan ialah membuat penilaian dan mencipta. Aspek penilaian ini melibatkan ketepatan maklumat, kreativiti penyampaian dan persembahan keseluruhan dari aspek kemahiran lisan dan nilai kerjasama sepasukan yang ditunjukkan. Kumpulan pembentang yang membuat penyampaian yang menarik dan kreatif boleh diberikan ganjaran dan pujian oleh guru serta murid kumpulan lain. Menurut Mazni Mohamed Mokhtar et al. (2018) peranan guru lebih penting untuk mengajak murid membuat proses menganalisis dan menilai tentang setiap pendapat yang dibentangkan. Proses penilaian maklumat amat penting kerana segala keputusan guru dan murid akan digunakan sebagai nota dan idea untuk mencipta atau menghasilkan karangan sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah seterusnya selepas semua maklumat diperoleh ialah guru dan murid bersama-sama membuat penjelasan tentang panduan penulisan karangan fakta atau perbincangan dalam peperiksaan. Penerangan berfokus pada bentuk asas pemerengganan karangan fakta yang terdiri daripada perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup. Melalui model ini, aras kognitif aplikasi, analisis, menilai dan mencipta amat diutamakan. Oleh itu, formula-formula khas dicipta untuk membantu murid mendapat panduan yang menepati kehendak Lembaga Peperiksaan Malaysia. Formula-formula Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme adalah seperti pecahan Jadual 3.11.

Jadual 3.11

Formula dalam Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme yang Dimodifikasi

A. Perenggan Pendahuluan *(TUIT Dia Jangan Cakap Sayang)*

Formula	Frasa yang digunakan
A. Tema	Tajuk ……
A. Umum	Isu / Program / Aktiviti / Fenomena ini ……
A. Info	Seperti yang kita sedia maklum…….
A. Tanya	Mengapakah / Apakah ……..?
A. Definisi	Sebelum saya menghuraikan isi-isi penting tajuk karangan ini, marilah kita memahami maksud sebenar istilah …….
A. Jawapan	Secara keseluruhannya, ……. dapat dikonsepkan sebagai …..
A. Contoh	Contoh-contoh yang berkaitan dengan ……. ialah ……..
A. Simpul	Oleh hal yang demikian jelaslah bahawa …… Perkara yang menjadi persoalan sekarang ini ialah apakah ……?

Nota, A = ayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

B. Perenggan Isi Karangan *(Format JARI)*

Formula	Frasa yang digunakan
Isi Utama	Salah satu …….. ialah ……..
H + C	Dalam hal ini ……
H + C	Selain itu …….
H + C	Di samping itu ……..
H + C	Tambahan pula ……..
A. Sokongan	
Kesan atau Lanjutan 2 / 3 Ayat	Kesan daripada peranan / tindakan / punca / langkah dalam isu ini, sudah pastilah/nescayalah ……
Kesimpulan Isi	Berdasarkan huraian lanjut dalam isi perenggan ini, jelaslah bahawa ……

Nota, H = huraian; C = contoh; A = ayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

C. Perenggan Penutup/ Kesimpulan ***(PeCaH Baru Rugi)***

A. Penjelasan	Kesimpulannya jelaslah bahawa….tema soalan……. Seperti yang telah saya bincangkan sebelum ini,… nyatakan 3 isi….
A. Cadangan	Tidak dapat dinafikan bahawa pihak ….dan pihak …. mestilah berkolaborasi untuk mengadakan kempen…..
A. Harapan	Sebagai warganegara Malaysia yang….., saya berharap agar….
A. Bayangan	Bayangkan jika ….positif atau negatif….., nescaya, …. kesannya…..
A. Rumusan	Oleh hal yang demikian, marilah kita…….

Nota, A = ayat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11, formula Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme dapat dilihat sepenuhnya dalam tiga aspek penting karangan, iaitu perenggan pendahuluan, perenggan isi dan perenggan penutup. Setiap bahagian ini diciptakan formula khas sebagai asas kukuh untuk murid menulis perenggan karangan fakta lebih baik dan terancang. Formula perenggan pendahuluan 3.11 (A), dikenali sebagai TUITDJCS atau *TUIT Dia Jangan Cakap Sayang.* Formula perenggan isi 3.11 (B) merujuk konsep *JARI* dan formula perenggan penutup 3.11 (C) ialah *PeCaH Baru Rugi*.

Daripada formula Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme yang Dimodifikasi, guru harus menjelaskan penggunaannya dengan contoh yang tepat dan berkesan untuk difahami oleh murid. Pengaplikasian model mesti dilakukan di hadapan murid dengan contoh yang tepat. Selepas pengenalan formula ini, murid boleh digalakkan untuk mengekplorasi contoh-contoh cara penulisan pendahuluan, isi dan penutup yang lain menggunakan Internet dan buku-buku rujukan lain di perpustakaan. Formula yang dicadangkan ini mempunyai ciri-ciri tahap kebolehan kognitif oleh Taksonomi Anderson (2001) iaitu penggabungjalinan aras pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, menilai dan mencipta dapat meningkatkan metakognitif murid untuk menghasilkan karangan fakta yang lebih cemerlang. Oleh hal yang demikian, setiap langkah pengajaran dan pembelajaran oleh guru dalam proses mengumpulkan maklumat tentang tajuk karangan sebelum ini, amat penting untuk menjayakan aplikasi Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam tempoh masa sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu melibatkan penulisan karangan yang agak terhad di sekolah, guru mestilah bijak mengaplikasikan model ini mengikut pemeringkatan penulisan. Contohnya, pada sesi tertentu, guru boleh fokus pada penulisan perenggan pendahuluan sahaja. Selepas murid mahir membina pendahuluan, murid diajar pula menggunakan formula penulisan perenggan isi dan seterusnya perenggan penutup. Perancangan guru dan tahap kesediaan serta motivasi murid mestilah diberikan tumpuan apabila hendak mengajarkan penulisan pada mana-mana bahagian karangan, lebih-lebih lagi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, kemahiran penulisan karangan merupakan kemahiran yang tinggi dan memerlukan murid untuk lebih bersedia dengan segala maklumat yang bukan sahaja berkaitan tajuk karangan malahan juga berkaitan tatabahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme, semua aspek kemahiran bahasa digabungjalinkan seperti kemahiran lisan, kemahiran bacaan, dan kemahiran menulis. Di samping itu, aspek kemahiran tatabahasa tidak boleh diabaikan. Melalui pelbagai aktiviti yang dirancang, unsur tatabahasa perlu diutamakan. Contohnya, penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk, ayat aktif dan ayat pasif, ayat biasa dan ayat songsang perlu diberikan perhatian. Guru boleh mengenal pasti kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh murid semasa berbincang dan membuat pembentangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kemahiran lisan, aspek sebutan perkataan, penggunaan istilah, binaan ayat, bahasa badan dan intonasi amat penting. Manakala dalam kemahiran bacaan, aspek sebutan dan kemahiran mencari maklumat amat dititikberatkan. Dalam kemahiran penulisan karangan pula, kebijaksanaan murid menggabungkan semua ilmu tatabahasa dalam menyampaikan dan menghuraikan idea atau hujah amat penting. Bagi mencapai kecemerlangan penulisan karangan, aspek tatabahasa yang digariskan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia dalam skema pemarkahan perlu dijadikan panduan oleh guru dan murid. Guru boleh menggunakan alat bantu pengajaran yang sesuai untuk mengajarkan tatabahasa. Contohnya melalui Internet, banyak laman sesawang tatabahasa dicipta oleh guru-guru bahasa dan institusi yang bertanggungjawab tentang penggunaan Bahasa Melayu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka. Kesempatan ini boleh diambil untuk bersoal jawab dan membuat pencerahan ilmu tentang permasalahan tatabahasa yang dihadapi.

Langkah pengajaran dan pembelajaran selepas menyampaikan isi pelajaran tentang penulisan karangan fakta dan aspek tatabahasa, guru boleh meminta murid untuk menghasilkan mana-mana bahagian perenggan karangan secara berperingkat. Dengan masa yang mencukupi, hasil perenggan yang ditulis boleh dibincangkan bersama-sama dengan murid yang lain. Aras kebolehan kognitif penilaian boleh dikembangkan apabila murid terlibat dalam memberikan pendapat dan gred bagi perenggan karangan yang dihasilkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah ini dikenali sebagai refleksi kepada guru dan murid untuk melihat sejauh manakah keberkesanan pengajaran dan pencapaian murid berlaku selepas melalui proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme. Dalam langkah ini, guru dapat mengesan objektif pengajaran tercapai atau sebaliknya. Di samping itu, rumusan tentang isi pelajaran boleh dilakukan bersama-sama dengan murid.

Keseluruhannya, Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme yang menghubungkan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif merupakan hasil daripada reka bentuk pengajaran Model ASSURE yang menjadi acuan atau tapak pemodifikasian model. Kekuatan dan kelebihan model penulisan ini disebabkan oleh terciptanya formula penulisan karangan fakta dan penggunaan teknologi serta penggunaan bahan sokongan dalam pengajaran dan pembelajaran. Model ini memberikan persekitaran pembelajaran yang menarik, berkesan dan menyeronokkan murid. Modifikasi teori-teori dalam pendekatan konstruktivisme, pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif memantapkan Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.15 Kesimpulan

Dalam bab metodologi ini, pengkaji telah menggariskan satu pelan tindakan atau reka bentuk yang dipilih dan diguna pakai untuk memandu kajian ke arah yang betul tentang hala tuju penyelidikan. Setiap subtopik dalam bab ini telah secara terperinci dilakukan untuk memastikan tahap kesahan dan kebolehpercayaan reka betuk, pemilihan sampel dan pemilihan alat kajian bagi proses mengumpulkan data adalah tinggi, seterusnya menjadi tulang belakang pelaksanaan penyelidikan. Reka bentuk kajian yang dibina dapat memudahkan penganalisisan data dalam bab 4 iaitu dapatan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan analisis data dan dapatan kajian yang ingin meninjau hubungan pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif melalui pendekatan konstruktivisme dalam penulisan karangan fakta. Persembahan dapatan meliputi hasil tinjauan yang menggunakan soal selidik terhadap guru. Hasil soal selidik yang diperoleh melibatkan dua pembolehubah, iaitu pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif. Selain itu, data juga menunjukkan hasil kaedah kuasi eksperimen terhadap murid berdasarkan hasil penulisan karangan fakta melibatkan ujian pra dan ujian pasca. Perbincangan dalam bab ini memaparkan data yang telah dianalisis mengikut soalan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Demografi Responden

Data ini menunjukkan taburan bangsa dan jantina murid yang dipilih sebagai sampel kajian. Bagi kedua-dua pecahan ini, data dianalisis dalam bentuk jumlah dan peratus. Aspek jantina diperincikan kepada lelaki dan perempuan, manakala aspek bangsa dikategorikan kepada bangsa Melayu, Cina dan India. Data demografi menunjukkan taburan jantina bagi sampel guru yang dipilih. Jadual 4.1 menunjukkan taburan bangsa dan jantina bagi sampel kajian murid dan guru.

Jadual 4.1

Taburan Bangsa dan Jantina bagi Sampel Kajian Murid dan Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Kumpulan			
Jantina / Bangsa	**Murid (n=159)**	**%**	**Guru (n=30**	**%**
Lelaki				
Melayu	36	22.6	13	43.3
Cina	23	14.5	0	0
India	3	1.9	0	0
Jumlah Kecil	62	39.0	13	43.3
Perempuan				
Melayu	55	34.6	17	56.7
Cina	38	23.9	0	0
India	4	2.5	0	0
Jumlah	97	61.0	17	56.7
Keseluruhan	**159**	**100**	**30**	**100**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 menunjukkan keseluruhan responden kajian seramai 159 orang murid dan 30 orang guru. Semua murid yang dipilih melibatkan dua jantina mengikut tiga jenis bangsa. Bagi kategori lelaki, jumlah keseluruhannya ialah 62 orang murid, iaitu 36 orang Melayu bersamaan 22.6%, 23 orang murid Cina bersamaan 14.5% dan 3 orang murid India bersamaan 1.9%. Bagi jantina murid perempuan, keseluruhannya ialah 97 orang murid. 55 orang murid Melayu bersamaan 34.6%, 38 orang murid Cina bersamaan 23.9% dan 4 orang murid India bersamaan 2.5%. Keseluruhan murid lelaki ialah 39.0% dan keseluruhan murid perempuan ialah 61.0%. Berdasarkan jadual, responden guru ialah 30 orang. 13 orang guru lelaki bersamaan 43.3% dan 17 orang guru perempuan bersamaan 56.7%. Data menunjukkan bahawa jumlah dan peratus responden perempuan mengatasi responden lelaki bagi kedua-dua jenis sampel kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Dapatan Berpandukan Soalan Kajian

Dalam bahagian ini, data yang dikumpulkan telah dianalisis bagi menjawab setiap soalan kajian. Dapatan dikemukakan mengikut susunan soalan kajian dan disertai dengan hasil data yang dianalisis sama ada dalam bentuk peratus, skor min, sisihan piawai, korelasi Pearson dan Ujian-t Sampel Berpasangan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Data dalam jadual turut diinterpretasikan dalam bentuk ayat. Pembentangan dapatan berpandukan soalan kajian yang digubal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan Kajian Pertama: Apakah skor min gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme?

Data ini diasaskan kepada data deskriptif iaitu min dan sisihan piawai. Data ini dipersembahkan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2

Skor Min dan Sisihan Piawai Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme

Dimensi	**Min**	**SP**
Kebolehan Kognitif	4.63	3.6
Pembelajaran Terarah Kendiri	4.61	3.5

SP ialah Sisihan Piawai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 menunjukkan skor min kebolehan kognitif ialah 4.63 (SP=3.6). Skor min bagi pembelajaran terarah kendiri pula ialah 4.61 (SP=3.5).

Soalan Kajian Kedua: Adakah terdapat hubungan yang positif antara pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme?

Daripada soalan kajian ini, ditinjau hubungan yang positif antara pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Dalam mengenal pasti hubungan ini, statistik Korelasi Pearson telah digunakan untuk analisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

data soal selidik daripada sampel guru sebanyak 30 orang. Dalam Jadual 4.3 menunjukkan angka korelasi bagi kedua-dua elemen ini. Hipotesis nul yang diuji ialah:

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang positif antara pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme.

Jadual 4.3

Hubungan yang Positif antara Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme

Dimensi	**Min**	**SP**	**r**	***Sig**
Kebolehan Kognitif	4.63	3.6	0.16	0.000
Pembelajaran Terarah Kendiri	4.61	3.5		

*Paras Signifikan < 0.05 *SP ialah Sisihan Piawai*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 menunjukkan skor min pembelajaran terarah kendiri ialah 4.61 (SP=3.5). Aspek kebolehan kognitif, skor min ialah 4.63 (SP=3.6). Selepas ujian Korelasi Pearson dilakukan, keputusan r = 0.16 < 0.05 pada paras signifikan. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif. Hasil dapatan kajian ini telah menolak hipotesis nul (Ho1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan Kajian Ketiga: Apakah skor min pencapaian murid bagi lima buah sekolah dalam penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan kostruktivisme yang telah dimodifikasikan?

Dalam meninjau skor min pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme ini, skor min dan sisihan piawai telah dikenal pasti. Dalam perbincangan data ini, skor min dan sisihan piawai pencapaian murid ditunjukkan melalui ujian pra dan ujian pasca. Terdapat lima jadual yang dikategorikan sebagai Sekolah A, Sekolah B, Sekolah C, Sekolah D dan Sekolah E berdasarkan lima buah sekolah yang berbeza diambil sebagai sampel kajian.

Jadual 4.4

Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah A Peringkat Pertama

Kod	Pra	Pasca	Kod	Pra	Pasca
A1	55	65	A18	55	66
A2	63	70	A19	48	60
A3	65	72	A20	71	77
A4	60	66	A21	68	73
A5	58	69	A22	60	72
A6	55	67	A23	75	78
A7	57	67	A24	70	76
A8	58	72	A25	68	72
A9	60	73	A26	54	60
A10	65	76	A27	53	68
A11	61	71	A28	67	73
A12	61	69	A29	63	70
A13	57	68	A30	63	72
A14	58	70	A31	62	72
A15	47	63	A32	57	66
A16	48	62	A33	58	68
A17	65	72			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4 menunjukkan markah ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan fakta Sekolah A peringkat pertama. Berdasarkan skor mentah ujian pra, 3 (9.1%) murid memperoleh pencapaian cemerlang bawah (70-79 markah). Selain itu, 15 (45.4%) murid mendapat gred kepujian (60-69 markah), 12 (36.4%) murid mendapat gred baik (50-59) dan 3 (9.1%) murid memperoleh gred memuaskan (40-49 markah). Berdasarkan skor mentah ujian pasca, 18 (54.5%) murid mencapai gred cemerlang bawah dan 15 (45.5) murid mencapai gred kepujian. Pencapaian markah ujian pasca membuktikan bahawa tiada murid mendapat gred baik dan gred memuaskan.

Jadual 4.5

Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah B Peringkat Pertama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kod	**Pra**	**Pasca**	**Kod**	**Pra**	**Pasca**
B1	64	70	B17	72	76
B2	62	68	A18	70	72
B3	58	65	A19	66	72
B4	66	72	A20	63	68
B5	73	75	A21	62	66
B6	70	73	A22	70	72
B7	55	65	A23	66	72
B8	50	65	A24	47	55
B9	65	72	A25	56	66
B10	61	70	A26	53	66
B11	55	63	A27	48	60
B12	58	65	A28	55	67
B13	64	68	A29	60	68
B14	50	62	A30	70	75
B15	53	66	A31	61	68
B16	66	69	A32	62	70

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5 menunjukkan markah ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan fakta Sekolah B peringkat pertama. Berdasarkan skor mentah ujian pra, 6 (18.8%) murid memperoleh pencapaian cemerlang bawah (70-79 markah). Selain itu, 14 (43.8%) murid mendapat gred kepujian (60-69 markah), 10 (31.3%) murid mendapat gred baik (50-59 mrkah) dan 2 (6.3%) murid memperoleh gred memuaskan (40-49 markah). Daripada skor mentah ujian pasca, 13 (40.6%) murid mencapai gred cemerlang bawah dan 18 (56.3%) murid mencapai gred kepujian. 1 (3.1%) murid mendapat gred baik dan tiada murid (0%) mendapat gred memuaskan.

Jadual 4.6

Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah C Peringkat Pertama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kod	**Pra**	**Pasca**	**Kod**	**Pra**	**Pasca**
C1	47	60	C17	60	68
C2	50	66	C18	64	69
C3	55	66	C19	58	66
C4	46	60	C20	58	64
C5	60	68	C21	70	72
C6	63	70	C22	66	70
C7	57	67	C23	71	75
C8	66	70	C24	62	68
C9	44	58	C25	64	70
C10	67	72	C26	58	65
C11	60	70	C27	63	69
C12	54	60	C28	53	62
C13	55	62	C29	71	75
C14	62	66	C30	48	60
C15	59	65	C31	64	69
C16	67	70	C32	52	60

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6 menunjukkan markah ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan fakta Sekolah C peringkat pertama. Berdasarkan skor mentah ujian pra, 3 (9.4%) murid memperoleh pencapaian cemerlang bawah (70-79 markah). Selain itu, 14 (43.3%) murid mendapat gred kepujian (60-69 markah), 11 (34.4%) murid mendapat gred baik (50-59 mrkah) dan 4 (12.5%) murid memperoleh gred memuaskan (40-49 markah). Berdasarkan skor mentah ujian pasca pula, 10 (31.3%) murid mencapai gred cemerlang bawah dan 21 (65.6%) murid mencapai gred kepujian. 1 (3.1%) murid mencapai gred baik dan tiada murid (0%) mendapat gred memuaskan.

Jadual 4.7

Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah D Peringkat Pertama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kod	**Pra**	**Pasca**	**Kod**	**Pra**	**Pasca**
D1	62	68	D17	48	58
D2	66	71	D18	44	56
D3	61	67	D19	56	63
D4	62	69	D20	67	70
D5	61	66	D21	68	70
D6	58	65	D22	72	75
D7	55	62	D23	58	65
D8	51	58	D24	71	72
D9	70	74	D25	51	60
D10	71	73	D26	61	67
D11	67	70	D27	53	60
D12	61	68	D28	48	58
D13	66	70	D29	55	63
D14	54	65	D30	55	63
D15	52	63	D31	60	65
D16	50	65			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7 menunjukkan markah ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan fakta Sekolah D peringkat pertama. Berdasarkan skor mentah ujian pra, 4 (12.9%) murid memperoleh pencapaian cemerlang bawah (70-79 markah). Selain itu, 12 (38.7%) murid mendapat gred kepujian (60-69 markah), 12 (38.7%) murid mendapat gred baik (50-59 mrkah) dan 3 (9.7%) murid memperoleh gred memuaskan (40-49 markah). Berdasarkan skor mentah ujian pasca pula, 9 (29.0%) murid mencapai gred cemerlang bawah dan 18 (58.1%) murid mencapai gred kepujian. Di samping itu, terdapat 4 (12.9%) murid mencapai gred baik. Kesimpulannya, pencapaian skor adalah berbentuk normal.

Jadual 4.8

Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah E Peringkat Pertama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kod	**Pra**	**Pasca**	**Kod**	**Pra**	**Pasca**
E1	58	68	E17	55	65
E2	62	68	E18	58	68
E3	60	65	E19	55	68
E4	50	55	E20	45	55
E5	53	63	E21	47	58
E6	53	60	E22	60	66
E7	48	55	E23	62	68
E8	58	66	E24	61	66
E9	64	69	E25	51	60
E10	64	69	E26	54	64
E11	72	72	E27	48	55
E12	63	75	E28	70	73
E13	70	73	E29	64	70
E14	68	70	E30	60	68
E15	62	66	E31	66	70
E16	54	65			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8 menunjukkan markah ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan fakta Sekolah E peringkat pertama. Berdasarkan skor mentah ujian pra, 3 (9.7%) murid memperoleh pencapaian cemerlang bawah (70-79 markah). Selain itu, 13 (41.9%) murid mendapat gred kepujian (60-69 markah), 11 (35.5%) murid mendapat gred baik (50-59 mrkah) dan 4 (12.9%) murid memperoleh gred memuaskan (40-49 markah). Berdasarkan skor mentah ujian pasca, 7 (22.6%) murid mencapai gred cemerlang bawah dan 19 (61.3%) murid mencapai gred kepujian. 5 (16.1%) murid mencapai gred baik dan tiada murid (0%) mendapat gred memuaskan.

Jadual 4.9

Skor Min Pencapaian Murid dalam Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme bagi Sekolah A, Sekolah B, Sekolah C, Sekolah D dan Sekolah E Peringkat Pertama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SEKOLAH A (n=33)

Ujian	Min	SP
Pra	60.15	6.59
Pasca	69.48	4.52

SEKOLAH B (n=32)

Ujian	Min	SP
Pra	60.91	7.22
Pasca	67.97	4.52

SEKOLAH C (n=32)

Ujian	Min	SP
Pra	59.19	7.30
Pasca	66.50	4.56

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SEKOLAH D (n=31)		
Ujian	**Min**	**SP**
Pra	59.16	7.67
Pasca	63.35	6.46

SEKOLAH E (n=31)		
Ujian	**Min**	**SP**
Pra	58.81	7.61
Pasca	63.84	6.09

SP ialah Sisihan Piawai

Jadual 4.9 menunjukkan sampel kajian murid yang digunakan ialah Sekolah A (33 orang), Sekolah B (32 orang), Sekolah C (32 orang), Sekolah D (31 orang) dan Sekolah E (31 orang). Jumlah sampel murid keseluruhannya ialah 159 orang murid dianalisis tahap pencapaian bagi ujian pra dan ujian pasca menggunakan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme. Skor min pencapaian murid bagi ujian pra Sekolah A (60.15 bersamaan 6.59 sisihan piawai), Sekolah B (60.91 bersamaan 7.22 sisihan piawai), Sekolah C (59.19 bersamaan 7.30 sisihan piawai), Sekolah D (59.16 bersamaan 7.67 sisihan piawai) dan Sekolah E (58.81 bersamaan 7.61 sisihan piawai). Skor min pencapaian murid bagi ujian pasca, Sekolah A (69.48 bersamaan 4.52 sisihan Piawai), Sekolah B (67.97 bersamaan 4.52 sisihan piawai), Sekolah C (66.50 bersamaan 4.56 sisihan piawai), Sekolah D (63.35 bersamaan 6.46 sisihan piawai) dan Sekolah E (63.84 bersamaan 6.09 sisihan piawai).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika ditelitikan, hasil dapatan kelima-lima sekolah yang telah dianalisis, terdapat perbezaan skor min dan sisihan piawai bagi pencapaian ujian pra dan ujian pasca murid. Bagi dapatan Sekolah A, skor min ujian pra ialah 60.15 manakala skor min ujian pasca ialah 69.48, iaitu mengalami peningkatan sebanyak 9.33. Analisis skor min bagi Sekolah B bagi ujian pra ialah 60.91 manakala ujian pasca ialah 67.97, iaitu peningkatan skor min sebanyak 7.06. Bagi Sekolah C pula, skor min bagi ujian pra ialah 59.19 manakala ujian pasca ialah 66.50, iaitu peningkatan skor min sebanyak 7.31. Dapatan bagi Sekolah D pula, skor min bagi ujian pra ialah 59.16 manakala ujian pasca ialah 63.35, iaitu peningkatan skor min sebanyak 4.19. Seterusnya di Sekolah E, skor min bagi ujian pra ialah 58.81 manakala ujian pasca ialah 63.84, iaitu peningkatan sebanyak 5.03.

Daripada dapatan data tersebut, jelas menunjukkan bahawa kelima-lima buah sekolah mengalami peningkatan dalam pencapaian ujian pra dan pasca. Peningkatan yang paling tinggi bagi skor min pencapaian ujian pra dan pasca ialah Sekolah A, iaitu peningkatan pencapaian sebanyak 9.33. Berpandukan skor min kelima-lima buah sekolah yang menunjukkan peningkatan tersebut membuktikan bahawa model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasi ini berjaya meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan jenis fakta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah A Peringkat Kedua

Kod	Pra	Pasca	Kod	Pra	Pasca
A1	63	68	A18	60	65
A2	68	67	A19	55	58
A3	70	73	A20	71	70
A4	68	72	A21	68	70
A5	66	66	A22	64	67
A6	69	73	A23	70	75
A7	65	67	A24	70	72
A8	68	66	A25	68	70
A9	73	70	A26	58	65
A10	70	68	A27	60	65
A11	71	73	A28	67	70
A12	69	74	A29	65	68
A13	68	70	A30	65	70
A14	70	68	A31	60	66
A15	65	70	A32	62	64
A16	64	68	A33	58	64
A17	70	70			

Daripada Jadual 4.10 menunjukkan markah ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan fakta Sekolah A peringkat kedua. Berdasarkan skor mentah ujian pra, 9 (27.3%) murid memperoleh pencapaian cemerlang bawah (70-79 markah). Selain itu, 21 (63.6%) murid mendapat gred kepujian (60-69 markah), 3 (9.1%) mendapat gred baik (50-59 markah) dan tiada murid (0%) memperoleh gred memuaskan (40-49 markah). Keputusan ini menunjukkan satu pencapaian secara normal. Berdasarkan skor mentah ujian pasca, 16 (48.5%) murid mencapai gred cemerlang bawah dan 16 (48.5%) murid mencapai gred kepujian. Pencapaian markah ujian pasca membuktikan bahawa 1 (3.0%) murid mendapat gred baik dan gred memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah B Peringkat Kedua

Kod	Pra	Pasca	Kod	Pra	Pasca
B1	67	70	B17	70	73
B2	68	72	A18	70	71
B3	70	75	A19	69	75
B4	70	72	A20	68	73
B5	69	70	A21	65	72
B6	68	72	A22	68	68
B7	68	65	A23	70	70
B8	67	75	A24	65	66
B9	67	68	A25	66	65
B10	70	74	A26	63	70
B11	68	71	A27	65	69
B12	68	70	A28	65	70
B13	70	70	A29	68	69
B14	66	69	A30	72	77
B15	65	66	A31	65	66
B16	66	74	A32	68	72

Jadual 4.11 menunjukkan markah ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan fakta Sekolah B peringkat kedua. Berdasarkan skor mentah ujian pra, 8 (25.0%) murid memperoleh pencapaian cemerlang bawah (70-79 markah). Selain itu, 24 (75.0%) murid mendapat gred kepujian (60-69 markah), dan tiada murid mendapat gred baik (50-59 markah) dan tiada murid memperoleh gred memuaskan (40-49 markah). Berdasarkan skor mentah ujian pasca, 22 (68.7%) murid mencapai gred cemerlang bawah dan 10 (31.3%) murid mencapai gred kepujian. Tiada (0%) murid mendapat gred baik dan gred memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah C Peringkat Kedua

Kod	Pra	Pasca	Kod	Pra	Pasca
C1	65	66	C17	66	70
C2	66	68	C18	71	73
C3	65	70	C19	66	68
C4	63	70	C20	65	66
C5	68	66	C21	72	75
C6	70	75	C22	68	70
C7	67	68	C23	73	73
C8	70	71	C24	68	68
C9	58	65	C25	70	71
C10	69	65	C26	65	66
C11	70	74	C27	66	70
C12	65	70	C28	65	66
C13	63	68	C29	70	73
C14	68	67	C30	63	65
C15	65	66	C31	68	66
C16	70	68	C32	64	68

Daripada Jadual 4.12 menunjukkan markah ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan fakta Sekolah C peringkat kedua. Berdasarkan skor mentah ujian pra, 9 (28.1%) murid memperoleh pencapaian cemerlang bawah (70-79 markah). Selain itu, 22 (68.8%) murid mendapat gred kepujian (60-69 markah), 1 (3.1%) murid mendapat gred baik (50-59 markah) dan 0 (%) memperoleh gred memuaskan (40-49 markah). Berdasarkan skor mentah ujian pasca, 14 (44.7%) murid mencapai gred cemerlang bawah dan 18 (56.3%) murid mencapai gred kepujian. Tiada (0%) murid mencapai gred baik dan gred memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13

Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah D Peringkat Kedua

Kod	Pra	Pasca	Kod	Pra	Pasca
D1	65	66	D17	58	64
D2	68	70	D18	56	60
D3	67	68	D19	63	60
D4	70	68	D20	70	72
D5	66	70	D21	70	71
D6	65	67	D22	73	75
D7	64	66	D23	65	66
D8	60	67	D24	71	68
D9	70	65	D25	56	64
D10	67	68	D26	64	66
D11	70	74	D27	60	68
D12	68	70	D28	58	64
D13	70	70	D29	63	70
D14	65	71	D30	58	65
D15	63	68	D31	65	65
D16	65	65			

Jadual 4.13 menunjukkan markah ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan fakta Sekolah D peringkat kedua. Berdasarkan skor mentah ujian pra, 8 (25.8%) murid memperoleh pencapaian cemerlang bawah (70-79 markah). Selain itu, 18 (58.1%) murid mendapat gred kepujian (60-69 markah), 5 (16.1%) pula mendapat gred baik (50-59 markah) dan 0 (0%) memperoleh gred memuaskan (40-49 markah). Keputusan ini menunjukkan satu pencapaian secara normal. Berdasarkan skor mentah ujian pasca pula, 10 (32.3%) murid mencapai gred cemerlang bawah dan 21 (67.7%) murid mencapai gred kepujian. Di samping itu, terdapat 0 (0%) murid mencapai gred baik. Kesimpulannya, pencapaian skor adalah berbentuk normal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14

Markah Ujian Pra dan Pasca Penulisan Karangan Fakta Bahasa Melayu Sekolah E Peringkat Kedua

Kod	Pra	Pasca	Kod	Pra	Pasca
E1	66	68	E17	68	66
E2	65	67	E18	58	65
E3	65	70	E19	57	63
E4	58	66	E20	55	60
E5	63	66	E21	58	65
E6	60	65	E22	60	64
E7	58	65	E23	62	67
E8	60	68	E24	63	65
E9	65	65	E25	55	66
E10	70	72	E26	60	67
E11	67	72	E27	55	58
E12	71	70	E28	70	73
E13	70	72	E29	66	70
E14	70	69	E30	63	65
E15	66	70	E31	65	66
E16	66	71			

Daripada Jadual 4.14 menunjukkan markah ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan fakta Sekolah E peringkat kedua. Berdasarkan skor mentah ujian pra, 5 (16.1%) murid memperoleh pencapaian cemerlang bawah (70-79 markah). Selain itu, 18 (58.1%) murid mendapat gred kepujian (60-69 markah), 8 (25.8%) pula mendapat gred baik (50-59 markah) dan 0 (%) memperoleh gred memuaskan (40-49 markah). Keputusan ini menunjukkan satu pencapaian secara normal. Berdasarkan skor mentah ujian pasca pula, 9 (29.1%) murid mencapai gred cemerlang bawah dan 21 (67.7%) murid mencapai gred kepujian. Sebanyak 1 (3.2%) murid mencapai gred baik dan tiada (0%) murid mendapat gred memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Skor Min Pencapaian Murid dalam Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme bagi Sekolah A, Sekolah B, Sekolah C, Sekolah D dan Sekolah E Peringkat Kedua

SEKOLAH A (n=33)

Ujian	Min	SP
Pra	62.3	7.19
Pasca	71.3	5.21

SEKOLAH B (n=32)

Ujian	Min	SP
Pra	61.2	7.01
Pasca	70.4	5.12

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

SEKOLAH C (n=32)

Ujian	Min	SP
Pra	63.1	6.99
Pasca	71.2	5.20

SEKOLAH D (n=31)

Ujian	Min	SP
Pra	61.5	7.13
Pasca	70.3	5.11

SEKOLAH E (n=31)

Ujian	Min	SP
Pra	61.1	7.00
Pasca	69.9	5.13

SP ialah Sisihan Piawai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15 menunjukkan seramai 159 orang sampel murid dianalisis tahap pencapaian bagi ujian pra dan ujian pasca menggunakan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme peringkat kedua. Skor min pencapaian murid bagi ujian pra Sekolah A (62.3 bersamaan 7.19 sisihan piawai), Sekolah B (61.2 bersamaan 7.01 sisihan piawai), Sekolah C (63.1 bersamaan 6.99 sisihan piawai), Sekolah D (61.5 bersamaan 7.13 sisihan piawai), dan Sekolah E (61.1 bersamaan 7.00 sisihan piawai). Skor min pencapaian murid bagi ujian pasca peringkat kedua pula, Sekolah A (71.3 bersamaan 5.21 sisihan piawai), Sekolah B (70.4 bersamaan 5.12 sisihan piawai), Sekolah C (71.2 bersamaan 5.20 sisihan piawai), Sekolah D (70.3 bersamaan 5.11 sisihan piawai) dan Sekolah E (69.9 bersamaan 5.13 sisihan piawai).

Jika ditelitikan, hasil dapatan kelima-lima sekolah yang telah dianalisis, terdapat perbezaan skor min dan sisihan piawai bagi pencapaian ujian pra dan ujian pasca murid pada peringkat kedua. Bagi dapatan Sekolah A, skor min ujian pra ialah 62.3 manakala skor min ujian pasca ialah 71.3, iaitu mengalami peningkatan sebanyak 9.0. Analisis skor min bagi Sekolah B bagi ujian pra ialah 61.2 manakala ujian pasca ialah 70.4, iaitu peningkatan skor min sebanyak 9.2. Bagi Sekolah C, skor min bagi ujian pra ialah 63.1 manakala ujian pasca ialah 71.2, iaitu peningkatan skor min sebanyak 8.1. Dapatan bagi Sekolah D pula, skor min bagi ujian pra ialah 61.5 manakala ujian pasca ialah 70.3, iaitu peningkatan skor min sebanyak 8.8. Seterusnya Sekolah E, skor min bagi ujian pra ialah 61.1 manakala ujian pasca ialah 69.9, iaitu peningkatan sebanyak 8.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada dapatan data menunjukkan bahawa kelima-lima buah sekolah mengalami peningkatan dalam pencapaian ujian pra dan pasca peringkat kedua. Peningkatan yang paling tinggi bagi skor min pencapaian ujian pra dan pasca peringkat kedua ialah Sekolah B, iaitu peningkatan pencapaian sebanyak 9.2. Skor min peringkat kedua kelima-lima buah sekolah yang menunjukkan peningkatan tersebut telah membuktikan bahawa model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasi berjaya meningkatkan pencapaian dan kualiti dalam penulisan karangan jenis fakta.

Soalan Kajian Keempat: Pecahan (i) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan bagi lima buah sekolah peringkat pertama?

Kajian meninjau perbezaan pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta sebelum dan selepas didedahkan dengan gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Dalam mendapatkan keputusan ini, Ujian-t Sampel Berpasangan telah dilakukan untuk kelima-lima kumpulan eksperimen yang melibatkan lima buah sekolah yang berbeza lokasi. Peringkat pertama penilaian telah dilakukan. Keputusan Ujian-t Sampel Berpasangan ditunjukkan dalam Jadual 4.16. Hipotesis nul juga diuji, iaitu:

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan bagi lima buah sekolah peringkat pertama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Perbezaan yang Signifikan antara Pencapaian Murid Sebelum dan Selepas Didedahkan dengan Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme bagi Sekolah A, Sekolah B, Sekolah C, Sekolah D dan Sekolah E Peringkat Pertama

Sekolah A (n=33)				
Ujian	**Min**	**SP**	**t**	***Sig.**
Pra	60.2	6.59	-16.1	0.000
Pasca	69.5	4.52		
Sekolah B (n=32)				
Pra	60.9	7.22	-9.8	0.000
Pasca	68.0	4.52		
Sekolah C (n=32)				
Pra	59.2	7.30	-11.7	0.000
Pasca	66.5	4.56		
Sekolah D (n=31)				
Pra	59.2	7.67	-14.4	0.000
Pasca	63.4	6.46		
Sekolah E (n=31)				
Pra	58.8	7.61	-12.3	0.000
Pasca	63.8	6.09		

*Paras Signifikan < 0.05 *SP ialah Sisihan Piawai*

Jadual 4.16 menunjukkan sampel kajian murid Sekolah A (33 orang), Sekolah B (32 orang), Sekolah C (32 orang), Sekolah D (31 orang), dan Sekolah E (31 orang). Jumlah semua sampel ialah 159 orang. . Analisis dapatan data bagi skor min ujian pra peringkat pertama Sekolah A (60.2 bersamaan 6.59 sisihan piawai), Sekolah B (60.9 bersamaan 7.22 sisihan piawai), Sekolah C (59.2 bersamaan 7.30 sisihan piawai),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekolah D (59.2 bersamaan 7.67 sisihan piawai) dan Sekolah E (58.8 bersamaan 7.61 sisihan piawai). Manakala skor min ujian pasca peringkat kedua sekolah A (69.5 bersamaan 4.52 sisihan piawai), Sekolah B (68.0 bersamaan 4.52 sisihan piawai), Sekolah C (66.5 bersamaan 4.56 sisihan piawai), Sekolah D (63.4 bersamaan 6.46 sisihan piawai), dan Sekolah E (63.8 bersamaan 6.09 sisihan piawai).

Daripada dapatan kajian di atas menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta sebelum dan selepas didedahkan dengan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme bagi lima kumpulan murid di sekolah yang berbeza. Dalam jadual tersebut, keputusan Ujian-t Sampel Berpasangan Sekolah A ialah t = -16.1. Bagi Sekolah B, t = -9.8. Sekolah C menunjukkan keputusan t = -11.7. Bagi Sekolah D dan Sekolah E, masing-masing mempunyai nilai t = -14.4 dan t = -12.3. Kelima-lima kumpulan eksperimen ini menunjukkan bawah paras signifikan 0.05. Signifikan dapatan bagi kelima-lima kumpulan eksperimen selepas Ujian-t Sampel Berpasangan dilakukan ialah Sekolah A = 0000, Sekolah B = 0000, Sekolah C = 0000, Sekolah D = 0000 dan Sekolah E = 0000. Dapatan ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta sebelum dan selepas didedahkan dengan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Daripada hasil dapatan kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4.17, kajian ini telah menolak hipotesis nul (Ho2) bagi kelima-lima buah sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan Kajian Keempat: Pecahan (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan bagi lima buah sekolah peringkat kedua?

Kajian turut ditinjau perbezaan pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta sebelum dan selepas didedahkan dengan gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Bagi mendapatkan keputusan ini, Ujian-t Sampel Berpasangan telah dilakukan bagi kelima-lima kumpulan eksperimen yang melibatkan lima buah sekolah yang berbeza lokasi. Peringkat kedua penilaian dilakukan. Keputusan Ujian-t Sampel Berpasangan ditunjukkan dalam Jadual 4.18. Hipotesis nul juga diuji, iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho3- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan bagi lima buah sekolah peringkat kedua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17

Perbezaan yang Signifikan antara Pencapaian Murid Sebelum dan Selepas Didedahkan dengan Gaya Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme bagi Sekolah A, Sekolah B, Sekolah C, Sekolah D dan Sekolah E Peringkat Kedua

Sekolah A (n=33)

Ujian	Min	SP	t	*Sig.
Pra	66.0	4.4	-5.5	0.000
Pasca	68.5	3.5		

Sekolah B (n=32)

Ujian	Min	SP	t	*Sig.
Pra	67.3	2.7	-6.6	0.000
Pasca	70.4	3.2		

Sekolah C (n=32)

Ujian	Min	SP	t	*Sig.
Pra	66.7	3.5	-4.5	0.000
Pasca	68.8	3.1		

Sekolah D (n=31)

Ujian	Min	SP	t	*Sig.
Pra	64.7	4.7	-4.6	0.000
Pasca	67.4	3.4		

Sekolah E (n=31)

Ujian	Min	SP	t	*Sig.
Pra	62.9	4.8	-7.9	0.000
Pasca	66.9	3.4		

*Paras Signifikan < 0.05 *SP ialah Sisihan Piawai*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17 menunjukkan sampel kajian murid Sekolah A (33 orang), Sekolah B (32 orang), Sekolah C (32 orang), Sekolah D (31 orang), dan Sekolah E (31 orang). Jumlah semua sampel murid ialah 159 orang. Analisis dapatan data bagi skor min ujian pra peringkat kedua Sekolah A (66.0 bersamaan 4.4 sisihan piawai), Sekolah B (67.3 bersamaan 2.7 sisihan piawai), Sekolah C (66.7 bersamaan 3.5 sisihan piawai), Sekolah D (64.7 bersamaan 4.7 sisihan piawai) dan Sekolah E (62.9 bersamaan 4.8 sisihan piawai). Manakala skor min ujian pasca peringkat kedua sekolah A (68.5 bersamaan 3.5 sisihan piawai), Sekolah B (70.4 bersamaan 3.2 sisihan piawai), Sekolah C (68.8 bersamaan 3.1 sisihan piawai), Sekolah D (67.4 bersamaan 3.4 sisihan piawai), dan Sekolah E (66.9 bersamaan 3.4 sisihan piawai).

Daripada hasil dapatan di atas menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta sebelum dan selepas didedahkan dengan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme bagi lima kumpulan murid di sekolah yang berbeza untuk peringkat kedua. Dalam jadual tersebut, keputusan Ujian-t Sampel Berpasangan Sekolah A ialah t = -5.5. Bagi Sekolah B, t = -6.6. Sekolah C menunjukkan keputusan t = -4.5. Bagi Sekolah D dan Sekolah E, masing-masing mempunyai nilai t = -4.6 dan t = -7.9. Kelima-lima kumpulan eksperimen ini menunjukkan bawah paras signifikan 0.05. Signifikan dapatan bagi kelima-lima kumpulan eksperimen menerusi Ujian-t Sampel Berpasangan bagi Sekolah A = 0.000, Sekolah B = 0.000, Sekolah C = 0.000, Sekolah D = 0.000 dan Sekolah E = 0.000. Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta sebelum dan selepas didedahkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme pada peringkat kedua. Daripada hasil dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 4.18, kajian ini telah menolak hipotesis nul (Ho3) bagi kelima-lima buah sekolah.

Soalan Kajian Kelima: Apakah peningkatan kualiti karangan dari segi isi, bahasa dan pengolahan berdasarkan pencapaian karangan bagi murid yang terpilih?

Bagi dapatan ini, analisis dilakukan dengan mengambil kira pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta. Kualiti karangan dari segi isi, bahasa, dan pengolahan dianalisis daripada pencapaian antara ujian pasca pertama dan kedua. Analisis berdasarkan lonjakan pencapaian bagi sampel terpilih dilakukan seperti pandangan Akhiar Pardi dan Shamsina Shamsuddin (2011), dan Creswell (2014), yang menjelaskan bahawa salah satu ciri kajian kualitatif adalah melakukan analisis peningkatan kualiti terhadap hasil yang dilakukan oleh sampel dengan melihat aspek kekuatan dan kelemahan.

Jadual 4.18

Analisis Pencapaian Murid dari Aspek Kualiti Penulisan Karangan Fakta Berdasarkan Skema Penskoran Sekolah A

Kod Calon	Ujian Pasca 1	Gred	Ujian Pasca 2	Gred	Beza Skor
A20	70	Cemerlang	77	Cemerlang	+07
A12	69	Kepujian	74	Cemerlang	+05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada Jadual 4.18 menunjukkan analisis kualiti penulisan karangan fakta dua orang murid Sekolah A dalam ujian pasca pertama dan ujian pasca kedua. Murid A20 memperoleh 70 markah dalam ujian pasca pertama dengan gred cemerlang manakala dalam ujian pasca kedua, calon ini mendapat 77 markah dengan gred cemerlang juga. Murid A12 pula mendapat 69 markah dalam ujian pasca pertama manakala dalam ujian pasca kedua memperoleh 74 markah. Gred murid A12 adalah kepujian dalam ujian pasca pertama tetapi dalam ujian pasca kedua grednya adalah cemerlang.

Dengan berpandukan analisis kualiti karangan murid A20, murid ini berjaya menguasai kehendak soalan dan idea yang diberikan relevan. Selepas pembelajaran secara konstruktivisme, murid mampu menulis lima isi dengan huraian dan contoh yang jelas dan tepat. Kesalahan ejaan masih ada tetapi agak minimum. Contohnya kecuaian murid dalam menulis perkataan *mengalakkan* (sepatutnya *menggalakkan*), *modernisasi* (sepatutnya *modenisasi*), *pasca kemerdekaan* (sepatutnya *pascakemerdekaan*) dan *reality* (sepatutnya *realiti*). Namun begitu penguasaan kosa kata calon agak luas apabila mampu menggunakan istilah yang bervariasi dan matang dalam menyampaikan idea. Contohnya, *lumrahnya, alma mater, psikomotor, memandang sebelah mata, secara eksplisitnya, meniti dari bibir ke bibir, kemaslahatannya, konklusinya, efesien, kondusif* dan banyak lagi. Ini bukti keberhasilan pendekatan konstruktivisme untuk meningkatkan penggunaan kosa kata murid dalam proses pembelajaran yang menggabungkan aspek terarah kendiri dan kebolehan kognitif murid. Secara keseluruhannya, murid ini berjaya menunjukkan pencapaian yang konsisten dari aspek idea, hujah, contoh, ungkapan menarik dan kesalahan tatabahasa yang minimum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis kualiti penulisan murid A12 pula menunjukkan peningkatan gred daripada kepujian kepada cemerlang. Karangan murid ini mengandungi empat isi yang dihuraikan dengan jelas dan menggunakan contoh-contoh yang tepat mengikut kehendak soalan. Kekuatan yang ada dalam penulisan murid ini ialah kebolehannya menggunakan pelbagai jenis ayat yang berjaya menyampaikan idea dengan jelas. Pencapaian ini dilihat pada ujian pasca kedua. Ayat majmuk pancangan relatif dan pancangan komplemen, ayat aktif, ayat pasif dan ayat songsang ditulis dengan baik dan lancar.

Secara tidak langsung, laras bahasa yang digunakan menepati format karangan fakta. Murid ini telah menguasai teknik penulisan yang betul dan terancang menyebabkan markah ujian pasca kedua lebih baik daripada ujian pasca pertama. Peningkatan ini adalah hasil keberkesanan pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan aspek pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif dalam proses pembelajaran murid untuk membina minda dan pemikiran yang luas dalam menyampaikan sesuatu idea dan hujah menepati Standard Prestasi Bahasa Melayu Tingkatan 4.

Jadual 4.19

Analisis Pencapaian Murid dari Aspek Kualiti Penulisan Karangan Fakta Berdasarkan Skema Penskoran Sekolah B

Kod Calon	**Ujian Pasca 1**	**Gred**	**Ujian Pasca 2**	**Gred**	**Beza Skor**
B10	70	Cemerlang	74	Cemerlang	+04
B3	65	Kepujian	75	Cemerlang	+10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada Jadual 4.19 menunjukkan analisis pencapaian kualiti karangan fakta bagi dua orang murid di Sekolah B dalam ujian pasca pertama dan ujian pasca kedua. Murid B10 mencapai gred cemerlang dalam kedua-dua ujian pasca dengan markah 70 dan 74. Bagi murid B3 pula, markah ujian pasca pertama ialah 65 iaitu gred kepujian dan 75 markah dalam ujian pasca kedua dengan gred cemerlang. Ini menunjukkan murid B3 telah berlaku peningkatan sebanyak 10 markah dalam ujian pasca kedua.

Dengan berpandukan analisis kualiti karangan murid B10, idea yang diberikan sangat relevan dengan tajuk. Laras bahasa yang digunakan betul dan ungkapan bahasa yang menarik berjaya memperjelas isi utama yang diberikan iaitu sebanyak empat isi. Murid ini berjaya menunjukkan kematangan dari segi memberikan contoh-contoh yang terkini dan tepat dengan tajuk karangan. Contohnya, banyak jenis media sosial ditulis untuk menyokong idea utama seperti *Youtube, QQ, LinkedIn, Google, Facebook, Instagram, WhatsApp, Skipe, Line, Wechat, Twitter, Tumblr, Snapchat, Line dan Telegram*. Ini dapat dilihat dalam hasil karangan ujian pasca kedua yang bertajuk kebaikan Internet. Selain itu, kemampuan murid menulis peribahasa dalam karangan juga menjadi nilai tambah penilaian markah. Contohnya terdapat peribahasa, *beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis*; *sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna*; *masakan pokok bergoyang kalau angin tidak bertiup*; dan *melentur buluh biar dari rebungnnya*. Kemahiran ini terdapat dalam kedua-dua hasil karangan ujian pasca pertama dan pasca kedua. Konsistensi murid ini dalam menulis karangan fakta telah membuktikan hubungan pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif dalam pendekatan konstruktivisme berjaya membantu murid mencapai gred cemerlang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada analisis kualiti karangan fakta murid B3 dalam ujian pasca pertama dan pasca kedua telah menunjukkan peningkatan. Gred pencapaian kepujian dalam pasca pertama telah meningkat kepada cemerlang dalam ujian pasca kedua. Selain mempunyai ciri-ciri kecemerlangan yang sama dengan murid B10, murid B3 berjaya menguasai kemahiran menulis analogi yang menarik dan menjadi nilai tambah dalam kematangan murid berfikir. Contohnya 1…*apalah gunanya ilmu akademik yang tinggi jika gagal menggunakan ilmu itu semasa menghadapi cabaran hidup ibarat pohon yang rendang tetapi tidak berbuah*. 2…*Kesepakatan dan kolaborasi semua pihak dalam memupuk semangat kejiranan mesti dilaksanakan agar impian dan harapan negara untuk mengukuhkan perpaduan melalui semangat kejiranan tidak sia-sia ibarat hujan jatuh ke pasir atau seperti anjing menyalak bukit*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelebihan murid B3 juga ialah sistem pemerengganan yang mempunyai ciri-ciri kohesi dan koherensi yang jelas diaplikasikan dengan betul dalam karangannya. Ini menunjukkan berlaku kesinambungan idea yang dihuraikan dengan teratur, jelas dan saling berkait antara satu perenggan dengan perenggan yang berikutnya sehingga perenggan penutup. Penguasaan kemahiran ini tidak berlaku tanpa pendekatan yang efektif dalam PdPc. Oleh sebab itu, pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan aspek pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif dapat meningkatkan kecemerlangan murid dalam penulisan karangan fakta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.20

Analisis Pencapaian Murid dari Aspek Kualiti Penulisan Karangan Fakta Berdasarkan Skema Penskoran Sekolah C

Kod Calon	Ujian Pasca 1	Gred	Ujian Pasca 2	Gred	Beza Skor
C6	70	Cemerlang	75	Cemerlang	+05
C4	60	Kepujian	70	Cemerlang	+10

Dengan berpandukan Jadual 4.20, ditunjukkan analisis kualiti penulisan karangan fakta bagi Sekolah C. Dapatan menunjukkan bahawa murid C6 mendapat 70 markah dalam ujian pasca pertama dan 75 markah dalam ujian paca kedua. Murid ini mendapat gred cemerlang dalam ujian pasca pertama dan pasca kedua. Manakala murid C4 mendapat markah yang tinggi dalam ujian pasca kedua iaitu 70 markah berbanding 60 markah dalam ujian pasca pertama. Murid ini berjaya menunjukkan peningkatan daripada gred kepujian kepada gred cemerlang.

Daripada analisis kualiti karangan fakta murid C6 menunjukkan bahawa murid ini telah berjaya menulis lima isi utama berkaitan tajuk dalam ujian pasca kedua berbanding empat isi dalam ujian pasca pertama. Namun hasil karangan dalam kedua-dua ujian pasca menunjukkan konsistensi murid dalam menghuraikan isi dengan jelas menggunakan ayat yang bervariasi seperti ayat aktif, ayat pasif, ayat majmuk dan ayat songsang. Penggunaan ungkapan menarik juga merupakan kekuatan karangan murid ini. Contohnya terdapat penggunaan istilah *menyingkap persepsi, natijah atau implikasi, benteng keimanan, mentaliti kelas pertama, modal insan, sayogia, sedarsawarsa, firasat, visi yang kudsi, propaganda, diimplimentasikan, dikonsepsi dan ibu pertiwi.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam masa yang sama murid C6 juga berjaya meminimumkan kesalahan tatabahasa dan kesalahan ini tidak menjejaskan maksud huraian yang ditulis oleh murid. Jika diteliti selanjutnya, masih terdapat beberapa penggunaan istilah yang kurang sesuai dalam ayat huraian. Contohnya istilah *inisiatif* (sepatutnya insentif) dalam ayat; *Ibu bapa mestilah memberikan inisiatif kepada anak-anak yang berjaya dalam pelajaran.* Ayat 2; *Terdapat anak-anak yang membuka mata untuk mengulang kaji pelajaran hingga lewat malam.* Istilah *membuka mata* sepatutnya bersengkang mata. Ayat 3; *Pihak kerajaan bertanggungjawab untuk mengadakan kempen yang bertajuk semangat kejiranan melalui pelbagai media masa.* Istilah *bertajuk* sepatutnya bertemakan, manakala istilah *masa* sepatutnya massa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelemahan ini masih dianggap kecil kerana berjaya ditutup dengan kemampuan murid dalam menggunakan ayat sokongan dengan mengambil pendapat tokoh-tokoh tersohor seperti Profesor Hamka, Albert Einstein, Abraham Lincoln, Dato Dr. Fadhilah Kamsah, Falsafah Arab, Mahatma Gandhi, Cyrus, Sabda Nabi Muhammad (s.a.w) dan beberapa tokoh ilmuwan tersohor. Contohnya, *Tokoh ilmuwan Cyrus ada menyatakan bahawa untuk mencapai sesuatu yang tinggi mestilah bermula dari bawah*. Contoh 2: *Nabi Muhamad (s.a.w) ada bersabda bahawa aku tidak meninggalkan apa-apa harta melainkan Al-Quran dan Sunnah. Jika engkau berpegang pada kedua-dua itu pasti hidup akan bahagia dunia dan akhirat.* Contoh 3: *Profesor Hamka ada menegaskan bahawa ibu bapa mestilah memberikan kasih sayang dan perhatian kepada anak-anak ibarat pokok bunga yang mesti disiram dengan air setiap hari.* Keupayaan murid dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kamhiran ini membuktikan kebolehan kognitif murid membantu untuk meningkatkan pencapaian dalam penulisan karangan fakta.

Daripada analisis kualiti karangan fakta murid C4, menunjukkan peningkatan murid dalam kemahiran menghuraikan dan memberikan contoh-contoh yang jelas tentang tajuk. Di samping itu, ciri-ciri cemerlang yang ada pada murid C6 juga berjaya dikuasai oleh murid C4. Penggunaan ayat yang bervariasi, laras bahasa yang betul, olahan idea dan huraian yang sesuai berjaya meningkatkan pencapaian murid. Kesan pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif dalam pendekatan kontrukktivisme yang dilalui oleh murid, berjaya meningkatkan pemahaman murid untuk mengarang dengan cemerlang. Teknik penulisan LIMA JARI berjaya diaplikasikan dalam karangan iaitu; 1. Isi Utama; 2. Huraian; 3. Contoh; 4. Sokongan; 5. Rumusan Isi.

Kebolehan kognitif murid berjaya mengingati formula penulisan karangan fakta pada ujian pasca kedua sehingga berjaya mencapai gred cemerlang. Namun begitu terdapat juga kesilapan pengimbuhan yang dilakukan seperti *dikonsepsi* sepatutnya *dikonsepsikan, dijejaskan* sepatutnya *terjejas, meningkat* sepatutnya *meningkatkan*, *memberi* sepatutnya *memberikan*, *merasa* sepatutnya *berasa*, *kebanyakkan* sepatutnya *kebanyakan*, *menjalani* sepatutnya *menjalankan.* Namun begitu, kesalahan ini tidak begitu menjejaskan pencapaian murid C4. Tambahan pula penanda wacana yang betul dan ayat-ayat yang gramatis masih melayakkan murid C4 mendapat gred cemerlang dalam ujian pasca kedua. Peningkatan ini membuktikan keberkesanan pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konstruktivisme yang menghubungkan elemen pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif dalam proses pembelajaran menulis karangan fakta.

Jadual 4.21

Analisis Pencapaian Murid dari Aspek Kualiti Penulisan Karangan Fakta Berdasarkan Skema Penskoran Sekolah D

Kod Calon	**Ujian Pasca 1**	**Gred**	**Ujian Pasca 2**	**Gred**	**Beza Skor**
D8	58	Baik	68	Kepujian	+10
D11	70	Cemerlang	74	Cemerlang	+04

Jadual 4.21 menunjukkan analisis kualiti karangan fakta bagi 2 orang murid Sekolah D. Berdasarkan dapatan, murid D8 memperoleh 58 markah dalam ujian pasca pertama dengan gred baik. Manakala ujian pasca kedua, murid ini mendapat 68 markah mencapai gred kepujian. Bagi murid D11, ujian pasca pertama mendapat gred cemerlang iaitu 70 markah dan 74 markah dalam ujian pasca kedua dengan gred cemerlang juga.

Daripada analisis kualiti karangan murid D8, hasil karangannya dalam ujian pasca pertama masih menunjukkan peningkatan dalam memberikan pendapat, huraian yang masih relevan dan penggunaan kosa kata dan ungkapan yang masih menarik. Namun begitu, hasil karangan ujian pasca kedua menunjukkan kematangan murid D8 berfikir secara luas dan dapat menghuraikan isi utama dengan lebih jelas beserta contoh-contoh yang sesuai. Walaupun terdapat ayat yang pendek atau ayat tunggal, tetapi huraian isi masih jelas. Kegramatisan ayat masih berlaku dan laras bahasa yang digunakan masih menepati format karangan fakta. Sistem ejaan murid masih baik namun terdapat beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkataan yang disalah eja seperti *dikonsepikan* sepatutnya *dikonsepsikan*, *mengembleng tenaga* sepatutnya *menggembleng tenaga*, *kolestrol* sepatutnya *kolesterol*, *ibubapa* sepatutnya *ibu bapa*, *tengahari* sepatutnya *tengah hari*, *berkerjasama* sepatutnya *bekerjasama* dan *dominen* sepatutnya *dominan*. Selain itu, terdapat juga sedikit kelemahan murid dalam menulis penanda wacana yang betul seperti, *Oleh kerana* sepatutnya *oleh sebab*, *justeru itu* sepatutnya *justeru*, *hal ini kerana* sepatutnya *hal ini adalah kerana*, dan *walaubagaimanapun* sepatutnya walau bagaimanapun. Peningkatan murid ini dalam karangan fakta berlaku apabila banyak huraian yang ditulis menepati kehendak soalan. Ini membuktikan murid berjaya menghubungkan kebolehan kognitifnya untuk membina idea yang bernas melalui proses pembelajaran berasaskan pendekatan konstruktivisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan berpaksikan kualiti karangan murid D11, idea yang ditulis sangat relevan dan bernas. Murid ini menulis empat isi dengan huraian yang jelas dan contoh-contoh yang relevan. Dalam isi utama iaitu aktiviti kemasyarakatan dapat memupuk semangat kejiranan, murid ini menulis; contoh 1*...melalui majlis rumah terbuka;* contoh 2 *...permainan tradisonal komuniti setempat;* contoh *3…majlis kenduri-kendara;* contoh 4*...program gotong royong;* contoh 5*…sukaneka; dan* contoh 6*...program kebudayaan masyarakat setempat.* Contoh-contoh ini membuktikan murid menggunakan pengalaman atau pengetahuan sedia ada dan dikaitkan dalam huraian isi. Kemahiran ini dipelajari melalui proses pembelajaran menggunakan pendekatan konstruktivisme yang dihubungkan dengan elemen pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konsistensi murid dalam penulisan karangan fakta sama seperti murid cemerlang di Sekolah A, Sekolah B dan Sekolah C.

Jadual 4.22

Analisis Pencapaian Murid dari Aspek Kualiti Penulisan Karangan Fakta Berdasarkan Skema Penskoran Sekolah E

Kod Calon	Ujian Pasca 1	Gred	Ujian Pasca 2	Gred	Beza Skor
E16	65	Kepujian	71	Cemerlang	+06
E4	55	Baik	66	Kepujian	+11

Jadual 4.22 menunjukkan analisis kualiti penulisan karangan fakta bagi 2 orang murid Sekolah E. Berdasarkan dapatan, murid E16 mendapat 65 markah dalam ujian pasca pertama dan 71 markah dalam ujian pasca kedua. Pencapaian murid ini menunjukkan peningkatan dari aspek markah iaitu sebanyak 6 markah dan peningkatan gred daripada kepujian kepada cemerlang. Bagi murid E4, gred pencapaian dalam ujian pasca pertama adalah baik iaitu 55 markah tetapi dalam ujian pasca kedua gred pencapaian meningkat kepada kepujian iaitu 66 markah. Ini menunjukkan berlaku pertambahan 11 markah dan peningkatan gred.

Dengan berpandukan kualiti karangan fakta murid E16, kemajuan dalam menguasai kemahiran menulis telah meningkat kerana murid mampu menulis 4 isi utama dengan relevan dan menepati kehendak tajuk. Murid berjaya meningkatkan kemahiran menulis huraian isi dan contoh-contoh yang sesuai. Idea keseluruhan dapat dipersembahkan dalam pemerengganan yang baik. Olahan ayat yang gramatis dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemampuan murid menulis beberapa ungkapan menarik juga menjadi nilai tambah peningkatan markah dalam ujian pasca kedua. Walaupun terdapat kesalahan bahasa dan kesalahan ejaan dalam karangan ini, tetapi idea dan kelancaran masih boleh diterima oleh pihak pemeriksa yang dilantik oleh pihak Lembaga Peperiksaan.

Penggunaan ayat yang bervariasi semakin bijak digunakan oleh murid seperti ayat tanya. Contoh 1, *siapakah yang harus disalahkan dalam peristiwa 13 Mei 1969 yang telah meragut keamanan negara pada masa itu?* Contoh 2. *Bayangkan jika negara gagal mencapai visi kudsi untuk memupuk semangat kejiranan dalam masyarakat, mampukah negara kita mengekalkan keharmonian yang sudah lama wujud di negara ini?* Contoh 3. *Sebelum saya menghuraikan isi-isi penting tajuk ini, apakah yang dikatakan sebagai semangat kejiranan?* Namun begitu, hasil karangan murid ini juga terdapat kesalahan bahasa yang umum, seperti *memperolehi* sepatutnya memperoleh, *memberi* sepatutnya memberikan, *penjajah* sepatutnya penjajahan, *menyelesai* sepatutnya menyelesaikan, *perhatian* sepatutnya prihatin, dan *warga negara* sepatutnya warganegara. Secara keseluruhannya, peningkatan markah dan gred murid E16 ini membuktikan keberkesanan proses pembelajaran kemahiran menulis karangan fakta yang menggunakan pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan elemen pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada analisis kualiti penulisan karangan fakta murid E4, murid berjaya meningkatkan kemahiran dalam penghuraian idea. Walaupun pencapaian markah dalam ujian pasca pertama gred baik, namun kemahiran menulis murid semakin berkembang dalam ujian pasca kedua. Daripada huraian yang agak ringkas, olahan idea yang kurang luas tetapi masih betul dan contoh-contoh yang agak terhad, murid ini terus berupaya menghuraikan isi utama dengan baik dan relevan. Peneguhan dalam pembelajaran menulis karangan banyak membantu murid untuk mengikuti konsep LIMA JARI yang didedahkan sepanjang proses rawatan.

Selain itu, murid sedar akan penggunaan penanda wacana yang tepat, penggunaan tanda baca yang betul dan olahan idea yang bernas serta ungkapan yang menarik, merupakan ciri-ciri yang penting dalam karangan fakta seperti yang dinyatakan dalam Rubrik Penskoran Bahasa Melayu SPM Kertas Satu oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Tambahan pula, latih tubi dalam menulis perenggan pendahuluan dan perenggan penutup hasil daripada bimbingan guru dan rakan sebaya melalui gerak kerja kumpulan dan pembentangan, membantu murid untuk menulis perenggan ini dengan mudah mengikut kebolehan kognitifnya. Melalui proses rawatan pembelajaran yang menggunakan pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan aspek pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berjaya meningkatkan markah dan gred murid ini dalam ujian pasca pertama dan pasca kedua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Kesimpulan

Hasil data yang dijana dan diperoleh membuktikan objektif kajian mencapai sasaran yang ditetapkan. Data yang dianalisis ini berjaya menjawab soalan kajian dan menolak hipotesis nul 1 (Ho1), hipotesis nul 2 (Ho2), dan hipotesis nul 3 (Ho3) yang digubal dengan disesuaikan daripada asas pandangan Creswell (2014). Data yang dinyatakan ini adalah dalam bentuk min, sisihan piawai dan statistik inferens. Data kualitatif yang dianalisis dapat menyokong data kuantitatif. Dapatan kajian ini menjadi sumber sokongan untuk rumusan, perbincangan dan implikasi, termasuk cadangan penambahbaikan dan cadangan kajian lanjutan yang dibincangkan dalam bab 5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan rumusan dan objektif kajian secara ringkas. Selain itu, dibincangkan dapatan yang signifikan bagi kajian kuantitatif dan kualitatif. Tumpuan khusus dalam bab ini adalah tentang perbincangan dan implikasi. Pada bahagian akhir bab ini, beberapa cadangan khusus dan cadangan kajian lanjutan dibincangkan. Aspek perbincangan berkisar kepada idea baharu yang digarab daripada kajian ini dengan mengambil kira rujukan daripada kajian-kajian lain atau seseorang tokoh yang terlibat dalam aspek konstruktivisme, pembelajaran terarah kendiri, kebolehan kognitif dan penulisan karangan fakta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pendapat guru serta mengenal pasti perbezaan pencapaian murid dalam ujian sebelum dan selepas murid didedahkan dengan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme untuk dua siri eksperimen. Kajian ini juga menganalisis peningkatan kualiti karangan fakta dari segi isi, bahasa dan pengolahan berdasarkan pencapaian karangan fakta bagi murid yang terpilih. Objektif-objektif kajian yang digubal meletakkan fokus untuk menjawab soalan-soalan kajian.

5.3 Kaedah Kajian

Dalam mencapai objektif-objektif kajian yang berkaitan dengan hasil penulisan murid berasaskan pendekatan konstruktivisme, reka bentuk kuantitatif dan kualitatif digunakan. Dalam reka bentuk kuantitatif, dua kaedah kajian digunakan iaitu kaedah tinjauan dan kuasi eksperimen. Kaedah tinjauan berasaskan soal selidik untuk meninjau pendapat guru. Dalam kuasi eksperimen, ujian pra dan pasca dilaksanakan untuk mengumpulkan data pencapaian. Seramai 159 murid dari lima buah sekolah berlainan dipilih. Murid yang terlibat menulis karangan fakta sebelum dan selepas menerima rawatan. Pemilihan sampel menggunakan *intact group*. Neuman (2000) dan Chuan Yan Piaw (2012) menegaskan kaedah kuasi eksperimen amat sesuai dalam penyelidikan pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kuantitatif untuk mengkaji kumpulan murid yang mempunyai ciri-ciri sampel yang hampir sama atau setara seperti aliran dan umur.

Instrumen kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah ujian pra dan pasca yang melibatkan soalan karangan. Soalan yang digubal oleh tiga orang guru Ketua Panitia Bahasa Melayu yang dipilih telah menepati standard dan piawaian oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia. Item-item digubal dengan berpandukan soalan-soalan karangan fakta dan perbincangan daripada soalan sebenar SPM Bahasa Melayu bermula dari tahun 2014 hingga 2017. Lima orang guru pemeriksa yang berpengalaman ialah bawah pelantikan pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Lima orang guru tersebut telah diberikan tanggungjawab untuk memeriksa penulisan karangan fakta murid. Kaedah kuasi eksperimen digunakan untuk memperoleh data tentang pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta selepas melalui proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan satu model penulisan yang menghubungkan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan.

Dalam kaedah tinjauan pula, 30 orang guru Bahasa Melayu Tingkatan empat dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen soal selidik diberikan kepada sampel guru untuk meninjau hubungan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Dua bentuk set soal selidik menjadi instrumen dalam kaedah ini. Set 1 berkaitan gaya pembelajaran terarah kendiri dan Set 2 pula berkaitan kebolehan kognitif. Setiap set mengandungi 30 soalan. Menurut Akhiar Pardi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Shamsina Shamsuddin (2011) kaedah tinjauan merupakan satu proses memerhatikan tingkah laku manusia yang melakukan aktiviti rutin dalam persekitaran mereka secara semula jadi dalam konteks tertentu. Data yang diperoleh bagi kedua-dua kaedah ini dianalisis untuk mendapatkan peratus demografi, min skor, sisihan piawai, Ujian-t Sampel Berpasangan dan Korelasi Pearson. Data kaedah kuasi eksperimen dianalisis menggunakan Ujian-t Sampel Berpasangan untuk mengenal pasti pencapaian murid bagi kelima-lima kumpulan dari sekolah yang berlainan. Data melalui kaedah tinjauan dianalisis menggunakan Korelasi Pearson untuk meninjau hubungan yang positif atau sebaliknya antara gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif menerusi pendekatan konstruktivisme (Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin, 2011).

Kajian ini juga melibatkan reka bentuk kualitatif. Kaedah analisis kualiti karangan fakta murid dilakukan. Hasil karangan dalam ujian pra dan pasca peringkat pertama dan peringkat kedua dianalisis dari aspek isi, bahasa, pengolahan dan tatabahasa mengikut kriteria pemarkahan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Kekuatan dan kelemahan yang dilakukan oleh murid dianalisis secara deskriptif berdasarkan hasil karangan dua orang murid terpilih bagi lima buah sekolah yang dijadikan sampel kajian. Kewajaran analisis kualiti dibuat untuk menjadi pelengkap kajian dan bukti kesahan data yang diperoleh dalam reka bentuk kajian kuantitatif (Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin, 2011; Creswell, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Rumusan Dapatan

Perbincangan berpandukan dapatan yang signifikan sahaja untuk kajian kuantitatif seperti saranan Creswell (2014) serta pandangan tokoh-tokoh lain yang berkaitan. Secara terperincinya rumusan dapatan dinyatakan dalam perkara 5.4.1 hingga perkara 5.4.4.

5.4.1 Pembelajaran Terarah Kendiri dan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme

Pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif menjadi teras utama dalam melaksanakan pendekatan konstruktivisme. Kedua-dua elemen ini amat penting untuk menjamin perkembangan minat dan pemikiran murid dalam penulisan karangan. Pendapat Salmiza Saleh dan Anis Diyana Halim (2016) menegaskan aspek kognitif murid perlu dikembang supaya murid dapat mempelajari kemahiran bahasa dengan cepat dan matang. Selain itu, penggunaan gaya pembelajaran terarah kendiri melalui pendekatan yang tepat untuk pengajaran Bahasa Melayu iaitu pendekatan konstruktivisme dapat meningkatkan tahap kemahiran murid dalam penulisan karangan (Hamzeh Moradi, 2018). Buktinya, dapatan kajian dalam kaedah tinjauan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Idea yang digilap daripada kajian ini memaparkan aspek kenal diri ialah kawalan awal bagi murid untuk menerima penerapan minda secara tersusun dan terancang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan berpandukan data yang diperoleh daripada soal selidik, data dianalisis menggunakan Korelasi Pearson. Oleh itu, dapatan kajian ini telah menolak hipotesis nul (Ho1) iaitu:

Ho1- Tidak terdapat hubungan yang positif antara gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme.

5.4.2 Keberkesanan Pendekatan Konstruktivisme dalam Penulisan Karangan

Cadangan KPM supaya inovasi pendidikan menggunakan pendekatan konstruktivisme dalam PdPc wajar disambut baik oleh masyarakat guru terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini membuktikan pendekatan konstruktivisme berkesan untuk meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta. Hasil kajian ini seiring dengan dapatan kajian oleh Abdul Jalil Othman (2005), Adenan Ayob (2015) dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2017) bahawa pendekatan konstruktivisme ialah satu pendekatan yang berkesan untuk PdPc guru di dalam bilik darjah. Pendekatan konstruktivisme dalam PdPc menulis karangan lebih berkesan dan menyeronokkan murid untuk berinteraksi dengan pelbagai sumber ilmu untuk membina minda dan menulis karangan dengan berkesan dari segi pencapaian dan peningkatan kualiti isi, kematangan idea, bahasa yang gramatis, dan pengolahan isi yang menarik antara satu perenggan dengan satu perenggan yang lain. Idea baharu yang digarab daripada kajian ini menunjukkan pedagogi perlu terjalin dengan konteks afektif. Rangsangan yang kuat dapat menjelmakan lambang kognitif menerusi asimilasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.3 Pencapaian Karangan Melalui Model Penulisan yang Dimodifikasi

Dalam kajian ini, pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasi dalam satu model pembelajaran menulis karangan telah berjaya menunjukkan pencapaian yang baik kepada pelajar. Ini menjelaskan bahawa kemahiran menulis karangan fakta sangat signifikan dengan pendekatan konstruktivisme dan harus diberikan perhatian oleh semua guru (Bada dan Steve Olusegunm, 2015). Menurut Farah Adlina Mokhtar (2019) pendekatan konstruktivisme ini akan membentuk pemikiran dan menjana pengetahuan berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta dibuktikan berdasarkan dapatan kajian dalam kaedah kuasi eksperimen bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta sebelum dan selepas didedahkan dengan model penulisan yang dimodifikasi dengan menghubungkan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme. Data yang dianalisis menggunakan Ujian-t Sampel Berpasangan adalah signifikan, seterusnya kajian ini menolak hipotesis nul (Ho2) dan hipotesis nul (Ho3) iaitu:

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan bagi lima buah sekolah peringkat pertama.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian penulisan karangan fakta murid berpandukan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang telah dimodifikasikan bagi lima buah sekolah peringkat kedua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.4 Peningkatan Kualiti Penulisan Karangan Fakta

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pendekatan konstruktivisme bukan sahaja meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta malahan juga dapat meningkatkan kualiti penulisan itu sendiri. Hal ini berlaku apabila pendekatan konstruktivisme dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk murid berinteraksi dan membina pengetahuan dari aspek bahasa. Pendapat ini dibuktikan oleh Adenan Ayob (2015) dan Mohd Hairie Abdullah (2017) yang mengkaji tentang hubungan pendekatan konstruktivisme dalam penulisan karangan memberikan impak dalam penulisan isi, bahasa dan pengolahan karangan.

Berdasarkan dapatan kajian ini dalam kaedah analisis kualiti karangan murid membuktikan bahawa pendekatan konstruktivisme berjaya meningkatkan kemampuan murid memberikan idea yang bernas dan relevan dengan soalan karangan. Idea yang wujud daripada kajian ini, murid telah memperlihatkan kematangan dalam menggunakan bahasa yang matang, ungkapan yang menarik dan penanda wacana yang betul dalam menulis karangan fakta. Dari aspek pengolahan, murid berjaya mempersembahkan hasil karangan dengan menggunakan laras bahasa yang betul dan pemerengganan yang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Perbincangan dan Implikasi Dapatan

Dalam subtopik ini, perbincangan hasil kajian merujuk kepada dapatan yang signifikan berasaskan soalan kajian. Seterusnya, implikasi kajian dinyatakan bagi memperjelas kepentingan kajian ini. Pebincangan berasaskan dapatan kajian yang signifikan adalah dalam perkara 5.5.1 hingga perkara 5.5.4 .

5.5.1 Pembelajaran Terarah Kendiri dan Kebolehan Kognitif Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme

Hasil kajian ini memaparkan wujudnya idea baharu pengajaran yang menghubungkan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif berasaskan satu model yang dimodifikasi. Pembelajaran terarah kendiri menunjukkan gaya murid menulis karangan dikesampingkan dengan kebolehan kognitif mampu menginjakkan usaha guru dalam kesinambungan pemikiran lateral untuk memperoleh tahap pencapaian dan kualiti penulisan ayat memenuhi kehendak kriteria pemarkahan. Hubungan gaya dan kognitif amat berjaya menjana minda murid dalam menulis karangan kerana berlakunya aras pemikiran yang tinggi bermula daripada mengingat hingga mencipta, menghasilkan karangan yang terbaik dari segi peningkatan pencapaian dan kualiti. Kajian hubungan gaya pembelajaran dan kebolehan kognitif ini memang digalakkan dalam pengajaran kerana impaknya menjurus kepada aspirasi teori konstruktivisme seperti yang disyorkan dalam kajian Jinzhu Zhang dan Hongquan Lin (2018). Idea baharu ini dibincangkan dalam perenggan-perenggan yang berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan yang signifikan daripada penyelidikan kuantitatif ini telah disokong oleh kajian yang lain. Kajian yang dilakukan oleh Adenan Ayob dan Nazri Abu Bakar (2018) tentang model pemikiran kreatif dan kritis dalam aspek penulisan menunjukkan kriteria pemikiran dalam arah alir pembelajaran kendiri dan cara berfikir perlu diberikan keutamaan dari segi hubungan. Kajian ini membuktikan terdapat hubungan antara cara berfikir dan pembelajaran kendiri. Secara langsung, hubungan kedua-duanya berupaya meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan terutama karangan fakta, selain dikukuhkan dengan kualiti karangan seperti wujudnya peningkatan dalam penyampaian serta pengolahan bahasa dengan berasaskan kecukupan serta kematangan isi dan huraian.

Daripada hasil kajian ini dan dapatan kajian Mohd Hairie Abdullah (2017) wujud landasan baharu bahawa pedagogi pengajaran dan pembelajaran perlu dikaitkan dengan kerangka model kreatif dan kritis yang diinstruksionalkan kepada penulisan isi, bahasa dan pengolahan karangan dengan berlandaskan amalan berfikir aras tinggi. Perbincangan ini menjurus kepada pandangan Mohamad Nurul Azmi Mat Nor dan Nurzatulshima Kamarudin (2016) membuktikan bahawa kajian hubungan antara gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif adalah signifikan. Implikasi kajian ini dapat meningkatkan penguasaan dan kemahiran murid berfikir dan menyelesaikan masalah pembelajaran secara kendiri terutama dalam pencapaian dan peningkatan kualiti karangan fakta. Hasil kajian ini turut disokong oleh kajian Alia Moreta dan Rohasan Mansor (2013). Hasil kajian mereka menunjukkan gaya pembelajaran yang berkesan dapat menggalakkan murid belajar secara berdikari, selain kebolehan kognitif dapat diterap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan konstruktivisme berupaya meningkatkan pencapaian dan kualiti penulisan murid. Hasil kajian ini juga disokong oleh hasil kajian Samarnh Pang (2014). Hasil kajian beliau menunjukkan pembelajaran terarah kendiri dapat meningkatkan motivasi murid untuk belajar dalam konteks kendiri, menyelesaikan masalah dan bekerjasama, sekali gus pencapaian dan kualiti pembelajaran bahasa meningkat. Idea yang digarab memberikan implikasi bahawa model pembelajaran menulis karangan fakta yang berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dibangunkan dalam kajian ini, dapat mengukur pembelajaran terarah kendiri untuk meningkatkan kebolehan kognitif murid dalam aspek pencapaian dan kualiti penulisan karangan Bahasa Melayu.

Hasil kajian ini selari dengan kajian Silmy Arizatul Humaira dan Ismi Ajeng Hurriyah (2017). Hasil dapatan kajian mereka membuktikan bahawa murid mempunyai kesukaran dalam memilih pembelajaran kendiri yang sesuai, melakukan penilaian sendiri dan melakukan refleksi diri. Implikasinya kajian ini dapat mempromosikan secara inovatif pengajaran pembelajaran kendiri untuk diselaraskan dengan kandungan pengetahuan dan pedagogi seperti yang disarankan oleh Maimunah Nasir dan Hashimah Mohd Yunus (2017) dan mengikut pendapat Zhang dan Hongquan Lin (2018).

Selain itu, terdapat kajian lain yang selaras dengan hasil dapatan kajian ini yang berasaskan pendekatan konstruktivisme. Rajni Gupta dan Veenu Gupta (2017) membuktikan bahawa kebolehan kognitif dan konteks pembelajaran kendiri berasaskan pendekatan konstruktivisme merupakan cara terbaik membantu perkembangan murid dari segi mental, fizikal, sosial dan emosi. Selain itu, pengkaji membuktikan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan konstruktivisme dapat menyediakan murid lebih bersedia untuk menghadapi masa depan dan mengelakkan diri daripada pembelajaran kendiri tradisional yang tidak berpusatkan murid. Implikasinya, hasil kajian ini dapat menunjukkan hubungan yang positif antara kebolehan kognitif murid terhadap pencapaian dan kualiti penulisan karangan murid. Dapatan juga memberikan implikasi untuk menolak dapatan kajian Lo Yoon Mee et al. (2008) yang menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran dalam pendekatan konstruktivisme adalah sederhana sahaja.

Dapatan kajian Nyaradzo Mvududu dan Jennifer Thiel Burgess (2012), membuktikan pedagogi yang diterap dengan berasaskan konstruktivisme merupakan satu cara yang terbaik untuk murid dari latar belakang budaya dan bahasa yang berbeza menguasai bahasa. Dapatan tersebut adalah sesuai dengan dapatan kajian ini iaitu hubungan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif murid menerusi pendekatan konstruktivisme. Implikasinya pendekatan konstruktivisme memberikan impak positif dalam pencapaian dan kualiti karangan fakta Bahasa Melayu.

Hubungan positif antara gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme sama dengan dapatan kajian Sarimah Abd. Razak (2005) yang menegaskan bahawa terdapat hubungan positif antara faktor seperti prestasi murid, nilai diri dan kejayaan akademik. Walaupun kajian Zaharah Mohd Nadzir (2009) dan kajian Salmiza Saleh dan Anis Diyana Halim (2016) tidak menyentuh aspek pendekatan konstruktivisme tetapi hubungan positif berlaku antara konsep kendiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan pencapaian akademik secara tidak langsung, implikasinya menunjukkan berlaku peningkatan pemikiran murid yang dibuktikan dalam pencapaian dan kualiti.

Hasil kajian Gagne dan Peve (2002) menjelaskan bahawa murid yang berusia antara 16 hingga 17 tahun mendapati personaliti mereka adalah berkait rapat dengan pencapaian akademik. Buktinya, murid yang berpersonaliti *introvert* memiliki sifat-sifat seperti kurang keyakinan diri untuk bersosial, pesimis terhadap persekitaran serta memiliki perasaan bimbang. Hal ini menyebabkan mereka tidak berupaya untuk berinteraksi dan bekerjasama dengan rakan-rakan yang lain. Akibatnya, situasi ini turut memberikan impak terhadap pencapaian dan kualiti bahasa murid kepada tahap rendah hingga wujud kemerosotan. Sebaliknya, murid yang bersikap ekstrovert mempunyai pencapaian dan peningkatan kualiti yang lebih baik berasaskan pembelajaran kendiri yang diasaskan kepada konstruktivisme. Selaras dengan hasil kajian Gagne dan Peve (2002) membuktikan bahawa model penulisan dalam kajian ini memberikan implikasi untuk menggalakkan murid yang *introvert* mahupun *ekstrovert* bersama-sama mengikuti pembelajaran berasaskan pendekatan konstruktivisme dengan seronok untuk meluaskan pengetahuan dan kemahiran menulis karangan fakta.

Daripada kajian ini, wujud hubungan pembelajaran terarah kendiri dengan pencapaian akademik yang tinggi tidak bergantung pada aspek jantina, sebaliknya bergantung pada faktor kendiri dalam pembelajaran dan kebolehan kognitif. Mohamad Kamis Baharuddin dan Zakiah Mohamad Ashari (2018) menegaskan hubungan pembelajaran terarah kendiri dengan pencapaian akademik bermula dengan keseronokan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang menyokong cara berfikir, implikasinya wujud interaksi yang aktif antara guru dengan murid serta persekitaran untuk membina minda yang cerdas. Selain itu, satu kajian tindakan untuk penulisan karangan Bahasa Melayu telah dijalankan oleh Elina Mohd Abd. Kahar dan Abdul Jawi Abnoh Sawi (2012) berpandukan kepada teori pembelajaran kognitif, juga menyokong hasil dapatan kajian ini. Hasil dapatan kajian mereka membuktikan peningkatan dalam pencapaian menulis karangan oleh murid dan tahap kebolehan kognitif murid dipengaruhi oleh gaya pembelajaran. Implikasinya, gaya pembelajaran di dalam bilik darjah mempengaruhi murid untuk menguasai ilmu dan kemahiran yang diajarkan.

Kajian yang dilakukan oleh Abdul Rashid Jamian (2016) menunjukkan guru lebih memfokuskan aspek pengurusan masa dalam pengajaran Bahasa Melayu berbanding dengan pemilihan pendekatan menerusi sesuatu aktiviti. Hal ini menjadi tunjang kepada hasil dapatan kajian ini iaitu penggunaan pendekatan berfikir yang baik seperti pendekatan konstruktivisme berupaya menarik minat murid untuk memberi sepenuh perhatian di dalam kelas ketika proses PdPc berlangsung. Selain itu, hasil dapatan kajian oleh Fuziana Ali dan Melor Md Yunus (2012) juga menyokong hasil dapatan kajian ini. Implikasinya, strategi kognitif yang digunakan oleh murid dapat meningkatkan kebolehan kognitif untuk berfikir dan menjana idea dengan baik. Elemen kebolehan kognitif juga memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik murid berasaskan pendekatan konstruktivisme. Jalinan idea ialah hubungan yang positif antara kebolehan kognitif dengan pembelajaran terarah kendiri dapat membantu murid menguasai sesuatu kemahiran dalam menulis karangan. Dapatan ini disokong oleh Rudi Nofindra (2019)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapati pelajar yang berkebolehan kognitif baik mempunyai kemahiran tinggi dalam memproses maklumat dan seterusnya mempertingkatkan ingatan dan pengekalan maklumat. Implikasinya, hasil kajian ini membuktikan kebolehan kognitif setakat ini merupakan peramal yang terbaik terhadap pencapaian akademik sekolah. Implikasi ini selari dengan hasil kajian Gagne dan Peve (2002) terhadap pelajar perempuan gred lapan di sekolah tinggi di kawasan Greater Montreal, Kanada.

Dalam kajian Gagne dan Peve (2002) sampel kajian merupakan remaja berusia 16 tahun yang diletakkan pada peringkat tahap operasi formal oleh Piaget (1970). Berdasarkan teori ini, remaja sudah pandai menggunakan dan memahami logik serta konsep-konsep abstrak yang menjadi asas kepada ilmu bahasa. Mereka berkebolehan menguruskan unit yang bermakna, melakukan sintesis, penyeluruhan, dan cuba membuat beberapa hipotesis untuk mencapai sesuatu keseimbangan. Dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat ketepatan memilih sampel sesuatu kajian dalam konteks pengumpulan data terutama berkaitan penulisan karangan fakta dalam kalangan murid tingkatan empat yang berumur 16 tahun. Daripada tinjauan, sampel murid yang dipilih dapat menunjukkan perkembangan idea dengan mantap. Implikasinya, murid berupaya untuk berkomunikasi dengan berkesan dan menulis karangan dengan baik.

Terdapat kajian yang dilakukan oleh Jumaliah Mingan dan Zamri Mahamod (2016) berkaitan teori pembelajaran kognitif iaitu pengetahuan pelajar sekolah menengah tentang penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran dijadikan rangsangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan dan minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik. Peta pemikiran juga dapat dijadikan alat dalam proses pembelajaran berasaskan kemahiran berfikir. Hasil kajian ini memberikan inspirasi dari sudut pandangan baharu bahawa pembelajaran kendiri berasaskan konstruktivisme perlu dijalin dengan peta pemikiran supaya dapat meningkatkan kebolehan kognitif murid.

5.5.2 Keberkesanan Pendekatan Konstruktivisme dalam Penulisan Karangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme satu pendekatan yang sangat berkesan untuk meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan. Satu kajian pendekatan konstruktivisme oleh Syahida Nadia Zakaria (2015) turut sejajar dengan hasil dapatan kajian ini. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme lebih berkesan berbanding pendekatan tradisional bagi PdPc Bahasa Melayu. Kajian ini membuktikan pendekatan konstruktivisme meningkatkan kemahiran menulis murid. Pendekatan konstruktivisme perlu berada pada landasan dinamika berfikir dengan bantuan bahan yang berinovasi dari segi arah aliran murid berfikir secara konkrit (dalam bentuk konstruk minda) untuk membina dan menghuraikan ayat secara tepat, padat dan logik. Implikasinya, hasil dapatan kajian ini dan dapatan Syahida Nadia Zakaria (2015) telah mencerna satu hala tuju untuk membiasakan murid berfikir dengan menggunakan model berfikir yang kreatif dan kritis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini turut menyokong penyelidikan dalam bidang pendidikan yang menggunakan teknologi seperti yang telah dilakukan oleh Muhamad Suhaimi Taat et al. (2014). Hasil kajian menunjukkan pendekatan konstruktivisme berupaya meningkatkan tahap pencapaian murid dalam penulisan. Ini membuktikan bahawa murid berasa sangat seronok ketika mempelajari penulisan dengan persekitaran yang kondusif dan selesa. Kajian ini turut mempunyai kesamaan dengan dapatan oleh Layang Ugek dan Jamaludin Badusah (2018). Kajian yang dilakukan mendapati bahawa murid suka akan pendekatan konstruktivisme kerana mereka berpeluang untuk berfikir sendiri dan menggalakkan pemikiran yang kritis. Selain itu, dapatan kajian Mohd Hairie Abdullah (2015) menunjukkan murid berasa santai, kondusif dan seronok untuk belajar, selain berjaya meningkatkan tahap pemikiran tinggi. Implikasinya, hasil kajian dapat diselaraskan dengan keperluan terapi keseronokan dalam konteks kendiri dan kognitif. Ini sejajar dengan aspirasi behavioris yang meletakkan pembelajaran pada landasan falsafah emosi dan intelek. Murid lebih yakin dan berusaha meningkatkan pencapaian dan kualiti penulisan dengan berpandukan kriteria penskoran.

Terdapat kajian lampau yang telah disorot menegaskan bahawa pendekatan proses merupakan cara pengajaran yang baik untuk meningkatkan penulisan karangan murid. Interpretasinya, pendekatan konstruktivisme adalah berkesan kerana telah menunjukkan hubungan yang sangat positif terhadap konsep kendiri murid dengan pencapaian murid dalam penulisan karangan. Sebaliknya, pendekatan proses dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan fakta, masih terdapat ciri-ciri pembelajaran secara konservatif apabila guru lebih memainkan peranan dalam pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada peringkat keempat pendekatan proses didapati agak membosankan apabila murid diminta menyalin semula karangan. Kebosanan ini boleh menimbulkan kesan negatif pada motivasi murid terutama remaja 16 tahun. Dari sudut implikasi, pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan gaya pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif, tidak akan membosankan murid malahan murid dapat meningkatkan tahap motivasi diri untuk menguasai kemahiran yang diajarkan dengan berkesan.

Daripada kajian Marzni Mohamed Mokhtar et al. (2018) tentang pendekatan tematik dalam PdPc proses penulisan karangan berasaskan KBAT, murid mengambil masa untuk berfikir dan menulis karangan mengikut kehendak tajuk yang mencabar minda. Pendekatan tematik membantu murid lebih fokus pada tajuk karangan untuk membantu meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan. Peranan guru sebagai fasilitator mestilah mendorong murid untuk menguasai isi-isi yang berkaitan dengan tematik karangan. Dalam kajian ini, melalui pendekatan konstruktivisme, guru bertindak sebagai moderator dan pembelajaran berpusatkan murid. Untuk mempercepat penguasaan ilmu dan kemahiran murid, hubungan kebolehan kognitif dan gaya pembelajaran terarah kendiri mesti dilaksanakan. Proses pembentukan minda memang mengambil masa bagi murid kerana mereka perlu berinteraksi dengan persekitaran dan bahan-bahan pembelajaran yang lain untuk menguasai sesuatu tajuk karangan. Oleh itu, implikasi daripada kajian ini ialah guru perlu bijak merancang masa untuk melakukan proses pembelajaran dan berikan peluang serta pendedahan kepada murid untuk mengeksplorasi ilmu daripada banyak sumber rujukan sesuai dengan ciri-ciri pendekatan kontruktivisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa pendekatan *Conference* berkesan meningkatkan kemahiran penulisan karangan murid (Mohd Suhaimi Md. Yassin, 2019). Menurut pendekatan ini, murid-murid dibawa terus ke alam penulisan dan mula mengarang secara bebas. Pendekatan ini membuktikan kanak-kanak amat berminat untuk menulis tanpa menunggu arahan daripada guru. Perubahan minat dan sikap berlaku dalam tempoh yang singkat. Berdasarkan hasil kajian ini, didapati ada sedikit kebimbangan apabila murid dibebaskan menulis apa-apa yang disukai. Sedangkan pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif, lebih efektif kerana dapat membentuk pemikiran murid lebih matang dan berfikir aras tinggi untuk mencapai kecemerlangan dalam penulisan karangan. Jika murid dibebaskan menulis karangan tanpa menunggu arahan guru, ini membentuk minat murid secara satu hala dalam penulisan. Kemungkinan berlaku murid hanya berminat untuk menulis karangan penceritaan atau naratif sahaja, sebaliknya kurang berminat untuk menulis karangan fakta.

Dapatan kajian ini memaparkan implikasi terhadap penulisan karangan Bahasa Melayu yang disokong oleh Latifah Monnas (2018) menyatakan bahawa pendekatan konstruktivisme meningkatkan tahap penguasaan kemahiran bahasa murid secara lisan dengan lebih efektif. Hasil kajian ini menunjukkan strategi baharu dalam PdPc iaitu penggunaan pendekatan konstruktivisme dapat meningkatkan keupayaan murid dalam berbahasa. Berdasarkan hasil kajian oleh Andang Suhendi dan Purwarno (2018) menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme menyumbang kepada kesan positif terhadap kemajuan pendidikan untuk meningkatkan kebolehcapaian murid. Hal ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

demikian kerana pendekatan konstruktivisme membuka motivasi murid belajar tentang perkara baharu. Hasil kajian ini memberikan impak pembaharuan dari sudut perubahan dalam aras taksonomi mencipta. Kesannya, murid berupaya membina pengetahuan untuk mencipta penulisan secara objektif dan mengamalkan interpretivisme. Implikasinya, hasil kajian ini membuktikan bahawa pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu menengah atas di Malaysia dapat meningkatkan kebolehan kognitif murid.

5.5.3 Pencapaian Karangan Melalui Model Penulisan yang Dimodifikasi

Daripada hasil kajian ini, sebuah model pengajaran dan pembelajaran menulis karangan fakta telah dibina dan dikenali sebagai Model Penulisan Karangan Fakta Berasaskan Pendekatan Konstruktivisme yang Dimodifikasikan. Model yang menghubungkan aspek pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berasaskan pendekatan konstruktivisme ini, dapat meningkatkan tahap lisan murid dalam aktiviti perbincangan, pengumpulan maklumat dan pembentangan idea. Proses pembelajaran melalui model ini, memberikan peluang kepada semua murid untuk meningkatkan kemahiran lisan bertutur tanpa mengira jantina kerana setiap murid mempunyai tahap kebolehan kognitif masing-masing terutama remaja berumur 16 tahun. Dapatan ini secara tidak langsung dapat mengatasi hasil kajian oleh Suyadi Suyadi (2018) bahawa kanak-kanak perempuan mempunyai himpunan kosa kata yang lebih besar dan tatabahasa yang lebih baik semasa proses pendidikan di sekolah rendah. Perubahannya, tetapi semasa proses pendidikan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah menengah, corak perbezaan ini menjadi semakin kompleks. Murid perempuan didapati mempunyai kelebihan dalam ejaan dan penggunaan bahasa manakala murid lelaki mempunyai kelebihan dalam penaakulan lisan.

Daripada analisis dapatan Suyadi Suyadi (2018) murid perempuan cemerlang dalam semua aspek prestasi penulisan terutama tatabahasa, kosa kata, ejaan dan perkataan sepanjang tahun persekolahan berbanding murid lelaki. Namun begitu, berdasarkan hasil kajian ini, didapati kebolehan menulis dalam kalangan murid lelaki telah menunjukkan peningkatan hasil daripada PdPc berpandukan model penulisan karang berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasikan. Unsur inkuiri dan pembelajaran koperatif dalam model ini, meningkatkan pemahaman, pengetahuan dan kemahiran menulis dalam kalangan murid. Ini disokong oleh Siti Zahidah Salleh dan Abdull Sukor Shaari (2019), menjelaskan bahawa murid tidak mampu membina sesuatu teori dengan sendiri tetapi boleh dilakukan melalui dua proses pembelajaran inkuiri iaitu pertama, tumpuan kepada guru; memilih tajuk, mencadangkan aktiviti, bertanya soalan dan kedua; tumpuan kepada murid seperti melakukan *hands-on*. Implikasinya murid dapat membina sendiri konsep yang difahami.

Penggunaan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasi mengandungi banyak aktiviti. Aplikasi teknik perbengkelan dan kolaboratif dalam mengikuti setiap langkah pengajaran dan pembelajaran menunjukkan kesan yang positif terhadap minat dan pencapaian murid. Dapatan ini disokong oleh Siti Nafsiah Ismail et al. (2018) menjelaskan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran secara kolaboratif dapat menggalakkan murid untuk mendapatkan kemahiran menyelesaikan masalah, menghilangkan rasa takut untuk melibatkan diri dalam perbincangan. Implikasinya murid dapat menjana idea untuk menulis dengan lebih baik dan kualiti karangan juga akan meningkat.

Dapatan kajian terhadap pencapaian penulisan karangan juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan latar belakang pendidikan, kepelbagaian aktiviti dan penggunaan alat bantu mengajar. Hasil kajian oleh Jamaludin Badusah dan Muhamad Amin Embi (2006) menjelaskan semua aspek ini menjadi unsur penting dalam pembelajaran terarah kendiri melalui pendekatan konstruktivisme yang diaplikasikan dalam model penulisan karangan fakta yang dimodifikasikan. Hubungan yang signifikan antara latar belakang pendidikan Bahasa Melayu yang cemerlang dalam PT3, menunjukkan pencapaian penulisan karangan fakta murid lebih baik. Implikasinya, murid-murid yang sudah mencapai A dalam PT3, kurang menghadapi masalah dalam penulisan karangan fakta. Sebaliknya peranan mereka hanya perlu menyesuaikan diri dan pemikiran mengikut tahap umur dan pendidikan di peringkat menengah atas.

Dari aspek kepelbagaian aktiviti dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan fakta juga menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap pencapaian murid. Teknik bercerita, teknik perbincangan atau sumbangsaran, aktiviti pembentangan dan teknik lakonan menjadi pengukuhan murid memahami sesuatu konsep penulisan karangan fakta. Penggunaan pelbagai aktiviti dalam pendekatan konstruktivisme melalui model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konstruktivisme yang dimodifikasi dapat menggalakkan interaksi pembelajaran banyak hala dan murid menjadi lebih aktif. Menurut Suhaida Abdul Kadir (2001) perkongsian idea dan keyakinan murid dapat ditingkatkan apabila murid berinteraksi dengan persekitarannya dalam menyelesaikan masalah pembelajaran. Dapatan kajian ini disokong oleh Tang Swee Meng dan Lim Kong Teong (2002) menjelaskan bahawa terdapat beberapa keuntungan jika guru menggunakan pelbagai teknik pengajaran bahasa. Implikasinya, guru dapat menjadikan pengajaran lebih bervariasi, menarik serta dapat menimbulkan minat serta motivasi murid untuk belajar dengan bersungguh-sungguh.

Dalam kajian ini, pendekatan konstruktivisme dalam PdPc penulisan karangan fakta amat menggalakkan penggunaan bahan bantu mengajar bersifat teknologi dan penggunaan pelbagai sumber rujukan tambahan. Unsur ini mempunyai hubungan yang signifikan dalam pencapaian karangan murid. Implikasinya, penggunaan komputer dan Internet serta pusat sumber sekolah, dapat membantu murid meningkatkan kemahiran berbahasa dari aspek morfologi, format, tanda baca, binaan idea utama, binaan ayat huraian dan contoh-contoh yang jelas serta penggunaan laras bahasa dan pemerengganan dalam penulisan karangan fakta. Hasil kajian ini sejajar dengan dapatan kajian oleh Adenan Ayob (2008) iaitu pemprosesan kata melalui aplikasi komputer meningkatkan hasil penulisan karangan kerana wujud ciri interaktif, multimedia, akses dalam talian, penerbitan elektronik dan penyebaran maklumat yang global. Hasil kajian membuktikan bahawa penggunaan pemprosesan kata dapat menjimatkan masa murid dalam penulisan, memudahkan murid mengakses maklumat, menjadikan murid lebih kreatif dan kritis dalam penulisan serta meningkatkan pencapaian karangan murid dalam peperiksaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pendekatan konstruktivisme, penggunaan komputer dengan pelbagai jenis aplikasi dapat membantu murid menguasai kemahiran penulisan karangan dan meningkatkan kemahiran berbahasa murid. Oleh itu, implikasinya bahan bantu mengajar menggunakan teknologi komputer merupakan salah satu alat penting dalam model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasi yang menghubungkan gaya pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif melalui pendekatan konstruktivisme. Secara tidak langsung, dapatan kajian ini memberikan implikasi kepada sistem pendidikan Malaysia yang melibatkan aspek pedagogi. Kajian ini membuktikan bahawa pembaharuan dalam kajian konstruktivisme bukan sahaja sesuai dan berkesan dalam sistem pendidikan bahasa di Barat dan Eropah, tetapi juga amat wajar diimplementasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu termasuk kemahiran penulisan karangan (Abdul Jalil Othman, 2005) dan (Sahlan Surat, 2012). Semasa mengaplikasikan pendekatan ini, guru perlu mempertimbangkan aspek pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif murid agar objektif pembelajaran dapat dicapai melalui pengaturan langkah-langkah dalam rancangan pengajaran harian.

5.5.4 Peningkatan Kualiti Penulisan Karanga Fakta

Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa terdapat peningkatan kualiti penulisan karangan fakta murid setelah melalui PdPc berasaskan konstruktivisme yang menggabungkan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif. Analisis kualiti karangan murid menjurus aspek isi, bahasa dan pengolahan. Walaupun kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menulis dianggap kemahiran bahasa yang tertinggi dan agak sukar dikuasai dalam masa yang singkat oleh Sulaiman Masri (2007) dan Mahzan Arshad (2008) namun hasil kajian ini memberikan implikasi pendekatan konstruktivisme boleh mengatasi kelemahan murid dalam penulisan karangan fakta.

Hasil kajian ini turut diselaraskan dengan hasil kajian konstruktivisme oleh Adenan Ayob (2015). Beliau mengkaji kesan terhadap pengadaptasian proses konstruktivisme dalam pengajaran penulisan karangan fakta. Pengadaptasian proses konstruktivisme dalam PdPc dapat meningkatkan prestasi dan kompetensi guru dalam menyalurkan ilmu penulisan dan secara tidak langsung meningkatkan hasil penulisan karangan oleh murid dari segi pencapaian dan kualiti. Implikasinya, pengadaptasian pendekatan konstruktivisme dalam PdPc mampu menjana minda murid di peringkat analisis dan sintesis. Dapatan kajian ini juga disokong oleh hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Lila Salleh dan Noranika Murni Dol Karim (2016). Dapatan kajian membuktikan bahawa pendekatan konstruktivisme menjadi lebih bermakna dalam meningkatkan pencapaian dan kualiti menulis karangan jenis naratif sekali gus menunjukkan hasil kerja penulisan lebih bermutu. Murid yang dicerap dapat menilai pencapaian dan kualiti karangan.

Dapatan kajian ini juga membuktikan terdapat hubungan terus antara aspek kendiri dengan kognitif murid dalam peningkatan pencapaian dan hasil menulis karangan secara umum dengan berlandaskan Taksonomi Anderson (2001). Kajian Nazeri Mohamed (2014) menunjukkan dapatan yang signifikan tentang perkembangan kognitif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan pencapaian murid. Oleh itu, dapat dijustifikasikan bahawa unsur berfikir aras tinggi wajar selaras dengan konteks taksonomi penilaian dan reka cipta. Pandangan ini dapat disesuaikan dengan pendapat Anderson dan Krathwohl (2001). Implikasinya kajian ini dapat membantu murid melonjakkan pencapaian karangan serta kualiti peningkatan isi, bahasa, dan pengolahan dengan menggunakan model karangan berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasikan. Murid dapat menjana minda dengan berkesan melalui pelbagai aktiviti pembelajaran secara kendiri seperti yang dibincangkan dalam kajian Zhang dan Hongquan Lin (2018).

Dapatan ini adalah selaras dengan hasil kajian Abdul Jalil Othman (2005) menegaskan bahawa pendekatan kontrusktivisme berupaya membantu murid mengarang dengan baik. Dalam kajian ini, kebolehan kognitif dan pembelajaran terarah kendiri dihubungkan dan hasilnya telah berlaku peningkatan dari aspek penulisan idea yang relevan dan matang, huraian yang jelas, ayat yang gramatis dan contoh-contoh yang tepat. Penggunaan istilah dan ungkapan yang menarik menunjukkan kematangan murid. Laras bahasa dan pengolahan yang teratur dan berkesan meningkatkan pencapaian dan kualiti penulisan karangan murid dari segi isi (yang terjalin kritis), bahasa (yang amat gramatis) dan pengolahan (yang berwacana). Secara tidak langsung, dapatan ini menyokong matlamat Kurikulum Standard Sekolah Menengah yang menyarankan pendekatan konstruktivisme untuk meningkatkan hasil penulisan murid menengah atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Implikasi Kajian terhadap Pencapaian dan Sistem Pendidikan

Dapatan kajian ini telah membuktikan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasi, berkesan untuk membantu murid dan guru Bahasa Melayu dalam penulisan karangan. Usaha pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pelajaran Malaysia harus diteruskan agar semua guru di negara ini dapat menggunakan pendekatan konstruktivisme dan meninggalkan pendekatan konservatif dalam mengajarkan Bahasa Melayu terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan fakta.

Hasil kajian ini memberikan implikasi yang besar dalam mengatasi kemerosotan pencapaian murid dalam Bahasa Melayu yang melibatkan Kertas Satu iaitu penulisan karangan. Model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasi, pencapaian dan kualiti dalam karangan dikenal pasti dapat menunjukkan peningkatan dengan mengambil kira tahap pemikiran murid. Dapatan kajian menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan apabila pendekatan konstruktivisme yang diaplikasikan dapat menghubungkaitkan aspek pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif murid seperti dalam kajian Sarimah Abd. Razak (2005). Oleh hal yang demikian, pihak Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPNS) di bawah bidang kuasa ketua sektor pembangunan akademik Bahasa Melayu terutamanya, harus menyebarluaskan keberkesanan model ini untuk meningkatkan peratus pencapaian lulus dan peratus cemerlang murid dalam peperiksaan SPM Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian juga memberikan implikasi dalam profesion perguruan apabila pendekatan konstruktivisme ini diguna pakai bagi menepati matlamat pendidikan abad ke-21. Bernet Berry (2011) menjelaskan pembelajaran abad ke-21 sebagai suatu bentuk pembelajaran yang memerlukan pelajar menguasai isi kandungan dan menghasilkan, mensintesiskan (penyatuan/penggabungan) dan menilai maklumat daripada pelbagai mata pelajaran dan sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya yang berbeza. Murid juga diharap dapat mencipta, berkomunikasi, bekerjasama dan celik digital serta mempunyai tanggungjawab pembelajaran (Bernet Berry, 2011). Jika dirujuk kepada pendapat Maimunah Nasir dan Hashimah Mohd Yunus (2017) murid perlu disediakan dengan kemahiran menangani cabaran dunia pendidikan yang terdedah kepada pelbagai interpretasi dan kontroversi yang mencabar pemikiran individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Implikasinya, setiap guru dan semua murid mestilah bersedia menguasai ilmu melalui pelbagai pendekatan termasuk pendekatan konstruktivisme. Tambahan pula, pada abad ke-21 ini, pembentukan insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan berfikiran aras tinggi amat diutamakan untuk meningkatkan mutu pencapaian dan kualiti pendidikan termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan kemahiran menulis karangan.

Hasil kajian ini turut disokong oleh hasil dapatan kajian yang dilakukan di luar negara seperti kajian Scott et al. (2016). Beliau mendapati bahawa pendekatan berasaskan komponen kognitif berupaya meningkatkan kemahiran menulis murid. Berdasarkan dapatan kajian ini, kemahiran menulis memerlukan beberapa kemahiran kognitif yang memberi penekanan berbeza bergantung pada tahap kemahiran menulis seseorang murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Implikasinya, para guru mesti peka dan prihatin tentang aras pemikiran murid sebelum merancang proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan berasaskan pendekatan konstruktivisme. Implikasi ini secara tidak langsung menunjukkan wujud signifikan hubungan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif murid menerusi pendekatan konstruktivisme yang disarankan oleh KPM.

Di samping itu, implikasi dapatan kajian juga menegaskan bahawa pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dapat membentuk murid yang aktif, berani memberikan pendapat, bijak merancang dan menyelesaikan masalah, bermotivasi tinggi serta mempunyai tahap kebolehan kognitif yang tinggi (Marzano, 2001). Murid boleh bertutur lisan dengan baik dan memberikan idea yang bernas serta menulis karangan pendapat dengan sistematik. Penerokaan murid dalam proses pembelajaran akan lebih seronok dan menarik minat murid membina pengetahuan tentang pendidikan Bahasa Melayu terutama dalam penulisan karangan seperti yang dijelaskan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014).

5.7 Cadangan

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian pada bahagian 5.4, beberapa cadangan dikenal pasti dan dibentangkan dalam kajian ini. Perbincangan aspek cadangan ini dikategorikan kepada dua bahagian iaitu cadangan berkaitan kajian ini dan cadangan untuk kajian lanjutan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7.1 Cadangan Berkaitan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif berkesan untuk mengatasi masalah murid dalam penulisan karangan dengan menggunakan model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasi. Oleh hal yang demikian, pihak Kementerian Pelajaran mahupun Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) mesti selalu membuat pemantauan kepada guru-guru yang mengajarkan Bahasa Melayu, sekurang-kurangnya sekali setahun untuk memastikan pendekatan konstruktivisme yang disarankan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) bermula tahun 2001 dapat diaplikasikan. Cadangan ini berasaskan kadar kejayaan yang boleh dinikmati oleh murid-murid untuk lulus dan cemerlang dalam peperiksaan SPM Bahasa Melayu terutama kertas penulisan karangan dan seterusnya meningkatkan profesionalisme guru dalam pendidikan.

Dicadangkan juga agar pihak pentadbir sekolah memastikan guru-guru Bahasa Melayu dapat mengaplikasikan pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan pembelajaran terarah kendiri dan kebolehan kognitif dengan bersungguh-sungguh. Ini bermakna, setiap guru mesti ada ilmu tentang pendekatan konstruktivisme dan bijak merancang suasana pembelajaran yang kondusif serta menyediakan bahan-bahan sokongan untuk meningkatkan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru juga mesti bijak menyuntik semangat belajar dalam diri murid. Menurut Tan, Divaharan dan Mun (2011), menjelaskan bahawa dalam usaha untuk menggalakkan PTK dalam kalangan pelajar, adalah penting bagi guru-guru untuk mengenali PTK terlebih dahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) berkaitan pendekatan konstruktivisme mesti dijadikan sebagai satu agenda tahunan bagi meningkatkan keprofesionalan guru. Selain itu, pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dengan kerjasama Pusat Kegiatan Guru (PKG) perlu mengadakan kursus atau bengkel yang berkaitan dengan Pendidikan Abad ke-21 termasuk kursus pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu melibatkan penulisan karangan fakta. Dalam masa yang sama, guru ditegaskan juga aspek kebolehan kognitif murid yang pelbagai dan implikasinya terhadap pembelajaran terarah kendiri murid.

Dalam usaha untuk meningkatkan peratus pencapaian Bahasa Melayu dalam SPM, model penulisan karangan fakta berasaskan pendekatan konstruktivisme yang dimodifikasi boleh disebarluaskan dan dilakukan penambahbaikan mengikut kesesuaian tahap dan latar belakang murid. Oleh hal yang demikian, guru-guru di daerah Sabak Bernam khususnya boleh berkongsi maklumat untuk melaksanakan model ini di sekolah masing-masing dengan kerjasama pihak Pejabat Pelajaran Daerah bawah Pengurusan Sektor Akademik Bahasa Melayu Peringkat Menengah. Kewajaran cadangan ini adalah untuk memberikan pilihan pedagogi kepada guru-guru yang mengajarkan Bahasa Melayu terutama berkaitan penulisan karangan. Perkongsian ini secara tidak langsung dapat memberikan peluang kepada murid untuk merasai proses pembelajaran yang berbeza daripada sebelum ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7.2 Cadangan untuk Kajian Lanjutan

Dalam kajian akan datang, pengkaji seterusnya boleh menguji pendekatan konstruktivisme ini dengan menghubungkan elemen-elemen lain seperti penggunaan alat bantu pengajaran dengan persekitaran bilik darjah atau hubungan teknik-teknik pembelajaran dengan personaliti guru dalam mengajarkan penulisan karangan. Kajian ini berfokus pada karangan fakta, maka kajian lanjutan dicadangkan berfokus pada penulisan karangan berformat lain pula seperti syarahan, pidato, wawancara dan penceritaan pengalaman berunsurkan sastera seperti penulisan cerpen.

Cadangan kajian lanjutan seterusnya ialah penggunaan instrumen soal selidik dalam kaedah tinjauan dapat diperluas kepada sampel murid dan guru. Oleh itu, sampel murid juga diberikan peluang menjawab item soal selidik yang digunakan dalam kajian. Hal ini demikian kerana murid juga berhak untuk membuat penilaian terhadap pengaplikasian pendekatan konstruktivisme yang dilakukan oleh guru. Kewajaran cadangan ini dilakukan dalam kajian lanjutan supaya data yang dikumpul dan dianalisis menjadi dapatan kajian yang menyeluruh tentang pengaplikasian pendekatan konstruktivisme. Untuk penambahbaikan lagi, dicadangkan juga lokasi kajian dipilih melibatkan beberapa sekolah di kawasan bandar.

Selain itu, cadangan berkaitan sampel kajian boleh diperluas dengan menggunakan dua kumpulan yang dikenali sebagai kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan menggunakan kaedah kuasi-eksperimen. Rasionalnya cadangan ini ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keberkesanan pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif, dapat dibezakan dapatannya melalui perbandingan pendekatan konservatif atau pendekatan-pendekatan lain dengan pendekatan konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dicadangkan fokus kajian wajar dilakukan dalam kemahiran penulisan karangan supaya isu kemerosotan peratus lulus dan cemerlang dalam SPM Bahasa Melayu dapat diatasi.

5.8 Kesimpulan

Semua data dalam kajian kuantitattif secara tinjauan dan kuasi eksperimen dibincangkan secara telitti dalam bab ini. Paparan jadual menunjukkan prestasi dan pencapaian murid yang dioperasionalkan dalam bentuk min skor, sisihan piawai, kuasi eksperimen dan korelasi. Dengan berpandukan kajian kualitatif secara analisis dalam kualiti penulisan karangan murid telah dapat membuktikan berlaku peningkatan dari segi isi, bahasa dan pengolahan. Rumusan hasil kajian ini telah membuktikan bahawa pendekatan konstruktivisme yang menghubungkan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehan kognitif murid dapat meningkatkan pencapaian dan kualiti penulisan karangan fakta murid. Oleh itu, sistem pendidikan di Malaysia perlu menegaskan pendekatan ini sebagai satu inovasi pedagogi abad ke-21 untuk diaplikasikan oleh guru dalam pembelajaran demi kelangsungan penguasaan ilmu murid terutama dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Ghani Jalil. (2016). Murid berprestasi rendah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. 1-8 Oktober. https//doi.org/10.21070/picers.v1i1.637.

Abdul Jalil Othman. (2005). Aplikasi pembelajaran secara konstruktivisme dalam pengajaran karangan berpandu. Kertas kerja dalam *Jurnal Pendidikan*, Universiti Malaya, 30 (1), 143-148.

Abdul Rashid Jamian. (2016). *Amalan pengajaran guru Bahasa Melayu dalam pembelajaran menurut perspektif pelajar*. 10.13140/RG.2.1.1086.9364.

Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim. (2012). Persepsi guru terhadap penggunaan kartun dalam transformasi pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (1), 129-140.

Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad. (2012). *Kaedah pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Adenan Ayob & Nazri Abu Bakar. (2018*).* Interpretasi hubungan pembelajaran terarah kendiri dengan kebolehcapaian kognitif berasaskan fahaman konstruktivis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (10), 75-87.

Adenan Ayob. (2018). Pedagogy and multimedia integration system model for writing. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (10), 181-188.

Adenan Ayob. (2008). Kesan penggunaan perisian pemprosesan kata dan bahan bercetak terhadap penulisan karangan oleh murid tingkatan empat dari aspek pencapaian, sikap dan kualiti penulisan. *Ph.D Disertasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Adenan Ayob. (2015). Pengadaptasian proses konstruktivisme dalam pengajaran penulisan karangan fakta berasaskan bahan multimedia: kajian persepsi guru Bahasa Melayu sekolah menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling,* 3 (10), 9-17.

Afendi Hamat & Mohamed Amin Embi. (2010). Constructivism in the design of online learnings tool. *European Journal of Educational Studies*, vol. 2, 3-13.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin. (2011). *Pengantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan pendidikan*. Ipoh: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Alia Moreta & Rohasan Mansor. (2013). Penggunaan aplikasi Ipad dalam pembelajaran lisan menerusi program Bahasa Melayu tuturlah dengan yakin. *Seminar Bahasa Melayu 2013*. Universiti Sains Malaysia.

Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2017). Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik,* 3 (1), 1-8.

Aljohani, M. (2017). Principles of "Constructivism" in foreign language teaching. *Journal of Literature and Art Studies.* 7 (1), 97-107. 10.17265/2159-5836/2017.

Andang Suhendi & Purwarno Siswi., & Susi Ekalestari. (2018). Constructivist learning theory: The contribution to foreign language learning and teaching. *Conference AICLL: Anual International Conference on Language and Literature,* UISU Medan, Indonesia.19 April.

Anderson, L.W. & Krathwohl, D.R. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of educational objectives.* New York: Longman.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Arniza Mokhtar & Zamri Mahamod. (2018). Jenis-jenis penyerapan kemahiran bernilai tambah dalam pengajaran guru bahasa melayu berdasarkan tajuk pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, 8 (1), 22-32.

Atkinson, R.L., Atkinson R.C., & Hilgard, E.R. (1983). *Introduction to psychology.* New York: Harcourt Brace Jovanovich.

Azizi Yahaya & Nurfaizah Abd. Majid. (2011). Hubungan antara budaya formal sekolah dan gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. *Journal of Educational Psychology and Counselling*, 2 (4), 78-112

Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihamni Zakariya & Fawziah Yahya. (2005). *Aplikasi kognitif dalam pendidikan*. Selangor: Professional Training Servis (PTS).

Bada & Steve Olusegunm. (2015). Constructivism learning theory: A paradigm for teaching and learning. *Journal of Research and Method in Education,* vol. 5 (6), 66-70.

Barnet, B. Berry. (2011). *Teaching 2030*: *What we must do for our students and our public schools-now an in the future.* New York: Teachers College Press.

Behling, O., & Law, K. S. (2000). *Translating questionnaires and other research instruments: Problems and solutions.* Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bhasah Abu Bakar. (2007). *Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah*. Tanjung Malim: Utusan Publications & Distributions.

Bloom, B.S. & Krathwohl, D. R. (1956). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals by a committee of college and university examiners. Handbook 1: cognitive domain*. New York: Longmans, Green.

Bobby DePorter, Mark Reardon & Sarah Singer Nourie. (2010). *Quantum Teaching: Mempraktikkan quantum learning di ruang-ruang kelas* (Terjemahan Ary Nilandary). Jakarta: Penerbit Kaifa Publika, ISBN 9791284369.

Boddy, N., Watson, K., & Aubusson, P. (2003). A trial of the five Es: A referent model for constructivist teaching and learning. *A Research in Science Education*, 33 (1), 27-42.

Brockett, R. G., & Hiemstra, R. (1991). *Self-direction in adult learning: Perspectives on theory, research, and practice*. New York: Routledge.

Bruner J.S. (1996). *Toward a theory of instruction.* Massachusetts: The Belknop Press of Harvard University Press.

Butler, D.L., & Winne, P.H. (1995). Feedback and self-regulated learning: A Theoritical Synthesis. *Review of Educational Research*, vol.65 (3), 245-281.

Campbell, D. T. & Stanley, J. C. (1969). *Experimental and quasi-experimental designs for research on teaching*. Chicago: Rand McNally.

Changju Shi. (2011). Relationship between cognitive styles and learning strategies. *Higher Education Studies,* vol. 1 (1), June, 2011.

Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman, & Lilia Halim. (2010). Hubungan ramalan persekitaran pembelajaran Sains dengan tahap kepuasan pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia,* 35 (2), 19-30.

Chua Yan Piaw. (2012*). Kaedah dan statistik penyelidikan buku 2: Asas statistik penyelidikan.* (ed. ke-2). Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2001). *Research methods in education* (7th ed.). London: Routledge.

Creswell, J.W. (2014). *Research Design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches.* (4th ed). Thousand Oaks, California: SAGE Publications.

Creswell, J.W. (2018). *Research Design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches.* (5th ed). Thousand Oaks, California: SAGE Publications.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dasima Sidek, Roslan Ab Rahman, Rushdi Ramli Abdulsoma Thoarlim & Mohd Borhanuddin Zakaria. (2018). Keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah terhadap pergaulan pelajar. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 2 (1), 25-42.

Deci, E.L. & Ryan, R.M. (2000). *Intrinsic Motivation Inventory (IMI)*. University of Rochester.

Deci. E.L. & Ryan, R.M. (1985). *Instrinsic motivation and self-determination in human behaviuor*. New York: Plenum Press.

Dunn, R. & Dunn, K. (1978). *Teaching students through their individual learning styles: A practical approach*. Virginia: Reston Publishing.

Duygu Saniye Ozturk. (2016). Is learning only a cognitive process? or Does it occurs in a sociocultural environment?: „Constructivism" in the eyes of preschool teachers. *Journal of Education and Training Studies*, vol. 4 (4), April 2016.

Elina Mohd Abd. Kahar & Abdul Jawi Abnoh Sawi. (2012). *Meningkatkan kemahiran menulis karangan menggunakan pendekatan berfokus*. SMK Datuk Panglima Abdullah, Sabah.

Farah Adlina Mokter. (2019). Keberkesanan pembelajaran berasaskan masalah terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu,* 9 (3), 33-46.

Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. (2009). *How to design and evaluate research in education* (7th ed). New York. McGraw-hill.

Fuziana Ali1 & Melor Md Yunus. (2012). *Memory and cognitive strategies of high ability students in a rural secondary school*. International Education Studies, 6(2), 2013 ISSN 1913-9020 E-ISSN 1913-9039. www.ccsenet.org/ies

Gagne, F. & St. Peve, F. (2002). When IQ is controlled, does motivation stil predict achievement? *Intelligence Journal*, 30 (1), 71-100.

Gandimathi, A. & Nafiseh Zarei. (2018). Construct critical thinking. *Asian Journal of Social Science Research.* Volume 1, Issue 2, 2018.

Gay, L.R. & Airasian, P. (2003). *Educational research: Competencies for analysis and application*. New Jersey: Pearson Education Inc.

Gibbsons, M (2002). *The case for self-directed learning*. http://media.wiley.com/product-data/excerpt/53/07879595-pdf (15 Mac 2006)

Gibbsons, M.(2005). *Self-directed learning.* http://www.selfdirectedlearning.com (25 Mei 2006)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hamzeh Moradi. (2018). Self-directed learning in language teaching-learning processes. *Modern Journal of Language Teaching Methods,* 8 (6), 59-64.

Hanani Abdul Manan, Ahmad Nazlim Yusoff & Siti Zamratol-Mai Sarah Mukari. (2018). Kesan penuaan ke atas kehubungan berkesan otak semasa pemprosesan persepsi pertuturan daripada perspektif pemodelan sebab dan akibat dinamik: Satu Kajian FMRI. *Jurnal Sains Malaysian*, 47 (8), 1843-1852.

Heinich, R., Molenda, M., Russel & Smaldino, S.R. (1993). *Instructional media and the new technologies of instruction*. The University of California. USA: Mac Millan Publishing Company.

Hemant Lata Sharma & Poonam Gupta. (2016). Constructivist approach for teaching english: making sense of paradigm shift from the traditional approach. *International Journal of Science and Research,* 5(10),788-792

Hiemstra, R. (1991). *Creating environments for effective adult learning (New directions for adult and continuing education)*. California: Jossey-Bass Publishers.

Hiemstra, R. (1994). *Self-directed learning*. http//home.twcny.rr.com/hiemstra/sdlhdbk.

Honey, P. & Mumford, A. (1992). *The manual of learning style.* (2nd ed.). United Kingdom: Peter Honey Publication.

Honey, P. & Mumford, A. (1983). *Using your learning styles*. Maidenhead, United Kingdom: Peter Honey Publication.

Institut Pengajian Siswazah. (2018). *Garis panduan penulisan disertasi/tesis*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jamaludin Badusah & Muhamad Amin Embi. (2006). Keberkesanan penggunaan buku elektronik; Penulisan karangan berbentuk deskriptif. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia,* vol. 3: 43-54.

James Cook University. (2013). *Visual, auditory and kinesthetic (VAK) learning style model*. Retrieved from JCU Workplace Educators Resource Package:http://www.jcu.edu.au/wiledpack/modules/fsl/JCU_090460.htm

Jayanthi Muniandy & Munir Shuib. (2018). Learning styles, language learning strategies and fields of study among esl learners. *Malaysian Journal of ELT Research*, vol. 12 (1), 1-19.

Jinzhu Zhang & Hongquan Lin. (2018). The new developments of constructivism and its reflection on teaching in the era of new media. *Theory and Practice in Language Studies*, vol. 8 (6), 649-655.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumaliah Mingan & Zamri Mahamod. (2016). Pengetahuan pelajar sekolah menengah tentang peta pemikiran dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 23-32.

Kamaruzaman Moidunny. (2009). Keberkesanan program kelayakan profesional kepengetuaan kebangsaan (NPQH). *Ph.D Disertasi*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamaruzaman Moidunny. (2012). *Standard kompetensi kepengetuaan sekolah malaysia.* (atastalian).htttp://kamaruzamanmoidunny.blogspot.my/2012/09/standard-kompetensi-kepengetuaan.html.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Karen Bordonaro (2016). Self-directed language learning of esl students in an American College library. *Journal of Language and Learning,* vol. 5 (1), 29-49.

Kaviza, M. (2019). Students preference of learning style in history subjects: A preliminary study. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 4 (1), 82-90.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pedagogi*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Khairul Azhar Mat Daud, Nur Nazihah Rahim, Nik Zulkarnaen Khidzir, Anuar Mohd Yusof. (2015). Towards a conceptual framework of animated infographics in an islamic context. *1st International Islamic Heritage Conference 2015.* Universiti Malaysia Kelantan.

Knowles, M.S. (1975). *Self-directed learning. A guide for learners and teachers*. Englewood Cliffs: Prentice Hall / Cambridge.

Latifah Monnas. (2018). Teknik "Suku Kata Tapak Tangan" dalam membantu meningkatkan kemahiran suku kata kvkv dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. *Selangor Humaniora Review*, 2 (1), 1-8.

Layang Ugek & Jamaludin Badusah. (2018). Amalan dan masalah pengajaran literasi bahasa guru Bahasa Melayu ketika mengajar murid Penan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (3), 25-38.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Lila Salleh & Noranika Murni Dol Karim. (2016). Membina kemahiran pembelajaran kendiri melalui kaedah flipped classroom. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu 2016 Singapura*. (110-116).

Lips, H.M. (1978). *The psychology of sex differences*. New Jersey: Englewood Cliffs, Prentice-Hall, Inc.

Lo Yoon Mee, Ab Rahim Bakar & Wong Su Luan. (2008). Persepsi guru dan pelajar terhadap persekitaran pembelajaran konstruktivisme untuk mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi. *Jurnal Pertanika J.Soc.Sci & Hum*. 16(1): 45-63.

Madinah Mohamad. (2014). Menganjak kualiti generasi baharu. *Teks Ucapan Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia. Persidangan Tahunan Puspanita kali ke-2*, 20 November, 1-13.

Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Strategi perancangan dan pelaksanaan.* Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.

Maimunah Karim. (2006). Pendekatan pembelajaran terarah kendiri dalam kalangan pelajar yang mengambil subjek Information and Communication Technology. *Tesis Ijazah Sarjana.* Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maimunah Nasir & Hashimah Mohd Yunus (2017). Peranan guru tingkatan enam dalam membentuk pelajar terarah kendiri dan meningkatkan kemahiran abad ke-21. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik,* 5 (1), 1-6.

Marguerit, G. L., Dean, T.S., & Katherine H.V. (2006). *Methods in educational research from theory to practice*. San Francisco: JB Jossey-Bass.

Marzano, R. J., Pickering, D. J. & McTighe, J. (2001). *Classroom Instruction that Works: Research-based Strategies for Increasing Student Achievement*. Alexandria, VA: ASCD.

Marzita Puteh, Mohd Hairy Ibrahim, Mazlini Adnan, Che Nidzam Che‟ Ahmad, & Noraini Mohamad Noh. (2012). Thermal comfort in classroom: Contrains and issues. *Journal Procedia Social and Behavioral Science,* 46 (1),1834-1838.

Marzni Mohamed Mokhtar, Rohizani Yaakub, Fadzilah Amzah & Marni Jamil (2018). Analisis tematik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) proses penulisan karangan argumentatid berasaskan KBAT: Pemahaman dan amalan pedagogi guru Bahasa Melayu tingkatan empat. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018.*Universiti Sultan Zainal Abidin,7-8 November.

Maslow, A.H. (1954). *Motivation and personality*. New York: Harper and Row, Publishers.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Md. Mozaffor Hossain. (2018). Reciprocity between mind and language: A psycholinguistic reasoning. *Annals of Language and Literature Journal*, 2 (4), 13-17.

Meenu Dev (2016). Constructivist approach enhances the learning: A Search of Reality. *Journal of Education and Practice ISSN 2222-1735 (Paper) ISSN 2222-288X* (Online), 7 (25), 59-62.

Mohamad Ariffin Abu Bakar & Norulhuda Ismail. (2019). Impak pelaksanaan strategi pembelajaran regulasi metakognitif dalam pembelajaran Matematik: Satu kajian literatur. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1 (1), 18-26.

Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Zamri Ghazali. (2018). Persepsi pelajar terhadap penggunaan strategi pembelajaran bahasa dan efikasi kendiri: Kajian ke atas pelajar universiti di Semenanjung Malaysia. *Jurnal SARJANA*, 26 (1), 81-99.

Mohamad Kamis Baharuddin & Zakiah Mohamad Ashari. (2018). Hubungan antara emosi malu terhadap gaya pertautan dan motivasi pencapaian dalam kalangan pelajar: Satu kajian meta analisis. *Jurnal Sains Humanika*, 10 (3), 15-18.

Mohamad Nurul Azmi Mat Nor & Nurzatulshima Kamarudin. (2016) Penyebatian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Institut Pendidikan Guru (IPG), *Malaysian Journal Of Higher Order Thinking Skills In Education*, vol. 2, 199-214.

Mohammad Azri Amatan. 2019. Pengaruh persekitaran psikososial sekolah dan efeksi kendiri guru terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (32), 301-331.

Mohd Hairie Abdullah. (2015). Penggunaan peta pemikiran i-think dalam pengajaran dan pembelajaran karangan jenis perbincangan menengah atas. *Ph.D Disertasi*. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Mohd Izzuddin Mohd Pisol & Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi. (2017). Sikap dan keupayaan kendiri pelajar dalam kemahiran menulis tugasan akademik. *Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan* (ISPEN2017) ElSBN 978-967-2122-24-1. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Razak Mohd Nordin & Masitah Ahmad. (2015). Pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Tinjauan terhadap sikap dan minat murid orang asli di negeri Perak. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 9, 77-90.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Suhaimi Md Yasin. (2019). Multimedia grafik interaktif meningkatkan daya kefahaman pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak pra sekolah: fun learning with technology. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1 (1), 35-44.

Mok Soon Sang. (2008). *Psikologi pendidikan untuk pengajaran dan pembelajaran*. Puchong, Selangor: Penerbitan Mutimedia Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan; perancangan dan pelaksanaan tindakan*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mokhtar Arniza & Mahamod Zamri. (2018). Jenis-jenis penyerapan kemahiran bernilai tambah dalam pengajaran guru Bahasa Melayu berdasarkan tajuk pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *8* (2), 22-32.

Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhamad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah, Roslee Talip. (2014). Motivasi sebagai 'mediator' antara proses pengajaran dan bimbingan guru dengan Pembelajaran Terarah kendiri (PTK) pelajar: Satu kajian menggunakan 'Model SEM / AMOS. *Jurnal Sains Humanik, 2 (4),127-132.*

Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad & Melor Md Yunus. (2018). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran karangan UPSR oleh guru Bahasa Melayu: *Jurnal Sains Humanika*, 10 (32).

Muhammad Misbahul Munir. (2016). Pengembangan perangkat pembelajaran IPS dengan pendekatan konstruktivisme berdasarkan lingkungan sekitar di SD Honggosogo 4 Kudus. *Media Pengembangan Ilmu Pendidikan Dasar Dan Keislaman,* 7 (1),1-10

Muhammad Shahid Farooq (2017). Cognitive styles and quality of learning: A case of language. *Journal of Elementary Education,* vol. 25 (1), 19-37.

Nadiya Majedi. (2016). The effect of self-directed learning on Iranian Intermediate EFL Learners‟ speaking accuracy. *Journal of Applied Linguistics and Language Research*, 3 (2), 86-95.

Nazeri Mohammad. (2014). Faktor Personaliti kreatif, komitmen pengajaran, amalan operasi metakognisi, dan pengajaran kreatif dalam kalangan guru Kemahiran Hidup. *Ph.D Disertasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nazli Tyfekci & Erenik Dujaka. (2017). The effects of metacognitive learning strategy in writing enhancement of english students. *Prizren Social Science Journal,* (*SHIKS)*, Disember 1 (1), 47-66.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Needham, R. (1987). *Teaching strategies for developing understanding in science. Centre for Studies in Science and Mathematics Education*. United Kindom: The University of Leeds.

Nelly Ezatul Fazlina Md Sah. (2015). Penggunaan soalan bagi meningkatkan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Universiti Awam 2015*, (p. 399-406), 14-15 September.

Neumen. (2000). *Social research methods. Qualitative and quantitative approaches. (7th Ed.).* London: Saffron House.

Norul Haida Reduzan, Zulkifli Osman & Abdullah Yusof. (2017*).* Keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *9th International Conference on Language, Education, Humanities and Innovation (ICLEHI).*10-11 Mei, 2017-036.

Nur Hayati Ismail, Shamsiah Sidek, Mahbib, U.K (2015). Faktor keberkesanan pengajaran dan pebelajaran kemahiran berfikir aras tinggi abad ke-21 bagi pelajar sains. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Universiti Awam* 2015. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ,14-15 September, 228-238.

Nuraishah Mahmood & Sanisah Rahim. (2014). Kajian pengajaran bagi peningkatan kemahiran penulisan karangan melalui penggunaan frasa berbunga. *Seminar Bahasa Melayu Singapura*, (p.171-179).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nyaradzo Mvududu & Jennifer Thiel-Burgess. (2012). Constructivism in practice: The case for english language learners. *International Journal of Education*, ISSN 1948-5476 2012, vol. 4 (3).

Olivier, A. (2019). Exploring Autonomography: The development of a selfdirected writing. *Iranian Journal of Language Teaching Research,* Januari 7 (1), 1-22.

Othman, M. S. (2019). Kepentingan pelaksanaan pedagogi Pendidikan Islam melalui kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dapat memenuhi aspirasi falsafah Pendidikan Islam. *Jurnal Ulwan*, 1 (1), 58-69.

Piaget, J. (1954). *The construction of reality in the child*. London and Hillsdale: Lawrance Erlbaum Associates Publishers

Piaget, J. (1970). *Equilibration of cognitive structure*. New York: Viking Press.

Rajni Gupta & Veenu Gupta. (2017). Constructivist approach in teaching. *International Journal of Humanities and Social Science (IJHSS).* ISSN(P):2319-393X; ISSN(E): 2319-3948, vol. 6.

Rajni Gupta & Veenu Gupta. (2017). Relationship of psychosocial risk factors, certain personality traits and myocardial infarction in Indians: A case-control study. *Indian Journal of Community Medicine, v*ol. 36 (3), 182-186

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Roselan Baki. (2003). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Rozita Abdul Latif. (2009). Pengaruh sokongan interpersonal ibu bapa, rakan sebaya, sekolah dan persekitaran fizikal penglibatan remaja dalam aktiviti fizikal. *Ph.D Disertasi.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rudi Nofindra. (2019). Ingatan, lupa dan transfer dalam belajar dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Rokania*, *4*(1), 21-34.

Sabri Ahmad, Suhaili Safee, & Wan Mohd Asraf Wan Afthanorhan. (2014). Learning styles towards mathematics achievements among higher education students. *Global Journal of Mathematical Analysis,* 2(2), 50-57.

Sahlan Surat. (2012). Keberkesanan Strategi 4Meta dalam penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar tingkatan empat. *Ph.D Disertasi.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salmiza Saleh & Anis Diyana Halim. (2016). Kecenderungan otak dan hubungannya dengan pencapaian dan motivasi pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia,* 41(1)pp.65-69.

Samarnh, P. (2014). Digital Resources and Self-Directed Learning: The Roles and Integrations In Pedagogy. *Academia Edu School of Education*, (p1-30). Charles Darwin Univeristy Australia.

Sarimah Abd Razak. (2005). Motivasi, gaya pembelajaran dan kebolehan kognitif pelajar sekolah menengah teknik. *Ph.D Disertasi.* Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Scott, D., Roberts, A.R., Kristin S., & Allison E. (2016). Cognitive components of developmental writing skill: Cognitive components of writing. *Psychology in The Schools Journal*. 53. 10.1002/pits.21933.

Sergio De Carlo. (2017). Understanding Cognitive Language Learning Strategies. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature,* Vol. 6, No. 2: March 2017.

Sharma, Hemant & Gupta, Poonam. (2016). Constructivist approach for teaching english: Making sense of paradigm shift from the traditional approach. *International Journal of Science and Research (IJSR). 5.*

Shuang, G., Kris, M. Y. L., & Niu, B. (2019). Investigating self-directed learning and technology readiness in blending learning environment. *International Journal of Educational Technology in Higher Education, 2365-9440.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Silmy Arizatul Humaira & Ismi Ajeng Hurriyah. (2017*).* Students‟ perspectives towards self-directed learning out of classroom; Advances in social science, education and research. *International Conference on English Language Teaching (ICONELT*) 2017, vol.145, 6-11.

Siti Nafsiah Ismail, Zuraidah Abdullah, Abdul Jalil Othman & Salwati Shafie. (2018). Amalan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5 (4), 1-19.

Siti Zabidah Mohamad.(2006). Kesan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan pelajar tingkatan iv. *Ph.D Disertasi*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.

Siti Zahidah Salleh & Abdull Sukor Shaari. (2019). Pelaksanaan kemahiran berfikir, sikap pelajar dan masalah untuk mengaplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (2), 1-10.

Skinner, B. F. (1974). *About behaviourism*. New York: Knopf.

Sternberg, R. J. (1997). The concept of intelligence and its role in life long learning and success. *American Psychologist*, 52, 1030-1037.

Subadrah Nair, & Malar Muthiah. (2005). Penggunaan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidikan*, Jilid 20, 21-41.

Suhaidah Abdul Kadir. (2001). Perbandingan pembelajaran koperatif dan tradisional terhadap prestasi, atribusi pencapaian, konsep kendiri akademik dan hubungan sosial dalam pendidikan perakaunan. *Ph.D Disertasi.* Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Sulaiman Masri, Mashudi Bahari & Juliyana Mohd Junid. (2007). *Bahasa Melayu rujukan menengah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Suyadi Suyadi. (2018). Diferensiasi otak laki-laki dan perempuan guru Taman Kanak-kanak Aisyiyah Nyai Ahmad Dahlan Yogyakarta: Studi pendidikan Islam anak usia dini perspektif gender dan neurosains. *SAWWA: Jurnal Studi Gender*, 13(2),179-202.

Syahida Nadia Zakaria. (2015). Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2), 12-21.

Taber, K. S. (2019). Constructivism in education: Interpretations and criticisms from science education. In early childhood development: Concepts, methodologies, tools, and applications. *International Genealogical Index Global,* 312-342.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tan, S.C., Divaharan, S., Tan, L., & Mun, C.H. (2011). *Self-directed learning with ICT: Theory, practice and assessment* (1st ed.). Ministrry of Education, Singapore.

Tang Swee Meng, & Lim Kong Teong. (2002). Hubungan antara kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan kepuasan pelajar: Satu Tinjauan. *Jurnal Utara Management Review*, 3 (1), 67-85.

Tee Tze Kiong. (2013). Pengingtegrasian kemahiran berfikir aras tinggi menerusi peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran. *Ph.D Disertasi*. Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Fatimah Sahida Abdul Rajak, Yusmini Md. Yusoff & Madiha Baharuddin. (2017). Pendekatan konstruktivisme di Malaysia dan Brunei Darussalam: Satu tinjauan awal terhadap pengalaman guru Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research*. 2 (1), 23-35.

Tharshini Sivabalan, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad & Ezarina Zakaria. (2018). Tahap konsep kendiri, kesedaran komuniti, sokongan sosial dan pengintegrasian sosial bagi pesalah muda di Malaysia. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, 88 (3), 91-100.

Thorndike, E.L. (1911). *Animal Intelligence: Experimental Studies; The animal behavior series; law, welfare and rights.* Macmillan: University of Michigan.

Torres, R.M. (1993). The cognitive ability and learning styles od students enrolled in The College of Agruculture at The Ohio State University. *Ph.D Disertasi*. Ohio State University.

Torres, R.M. (1999). Cognitive abilities of preservice teachers: A longtidunal study in Agricultural Education. *Proceedings of the 26th Annual National Agricultural Education Research Conference*, 334-341.

Trochim, W. M. & Donnelly, J. P. (2006). *Research methods knowledge base.* Michigan: Cangage Learning.

Van Hoorn, J., Nourot, P., Scales, B., & Alward, K. (2007). *Play at the center of the curriculum.* Upper Saddle River, New Jersey: Merril.

Veena Kapur (2018). Understanding constructivism in the second language learning context. *Journal for Humanity Science and English Language,* 5 (25),7061-7080.

Vygotsky, L. S. (1978*). Mind in society*. Cambridge, MA.: Harvard University Press.

Willingham, D.T., Hughes, E.M., & Dobolyi, D.G. (2015). The scientific statusof learning styles theories. *Teaching of Psychology Journal,* 42 (3), 266-277.

Wong Weng Siong & Kamisah Osman. (2018). Pembelajaran berasaskan permainan dalam pendidikan STEM dan penguasaan kemahiran abad Ke-21. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 3 (1), 121-135.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Yahya Othman & Maszuraimah Muizz Sulaiman. (2016). Aplikasi strategi kesedaran metakognisi semasa membaca teks moden dan klasik dalam kalangan prauniversiti. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (1), 61-71.

Yuarini W.P. & Ditta Febrieta. (2017). Profolling gaya belajar melalui tes psikologi vak (Visual, Audiotori, Kinestetik) kepada remaja. *Jurnal Psiko Bhara Kajian Ilmiah dan Penelitian Psikologi,* vol. 1, 68-77

Yusfaiza Yusuff & Mohd Ishak Awang. (2012). Aplikasi pembelajaran jigsaw ii dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol 2, 62–70.

Zaharah Mohd Nadzir. (2009). Hubungan antara persepsi pelajar tentang persekitaran sekolah, motivasi akademik dan strategi pembelajaran dengan pencapaian dalam mata pelajaran Sains. *PhD Disertasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zahra Nasiri, Samane Gharekhani, & Maryam Ghasempour. (2016). Relationship between learning style and academic status of Babol Dental Students. *Electronic Physician Journal*, 8 (5), 2340–2345.

Zakiah Mohamad Ashari. (2014). Aplikasi modul belajar melalui bermain dalam kefahaman awal matematik dan motivasi kanak-kanak prasekolah. *Ph.D Dissertasi.* Johor: Fakulti Pendidikan,Universiti Teknologi Malaysia.

Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu.* Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zulkafli Abu Zarin. (2009). Pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran Bahasa Melayu daripada perspektif guru. *Tesis Ijazah Sarjana*. Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi